USAHA DAKWAH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIA

SOPIAN ILYAS

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2015

USAHA DAKWAH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIA

SOPIAN ILYAS

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2015

USAHA DAKWAH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIA

SOPIAN ILYAS

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN (SECARA PENYELIDIKAN)

JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2015

ABSTRAK

Salah seorang yang berjasa dalam menyebarluaskan dakwah Islam di Tanah Batak, khususnya Toba dan Karo, Provinsi Sumatera Utara Medan Indonesia ialah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908-1972 M). Dakwah beliau terhadap non Muslim suku Batak banyak beliau tumpukan melalui dialog antara agama secara produktif, yang mana tumpuan khusus beliau dalam menangkal gerakan Kristianisasi di Indonesia terutama di Tanah Batak dan Karo, kerana keadaan sosial kemasyarakatan pada zaman beliau ditandai dengan berkembangnya ajaran Kristian di Indonesia dengan pesat khususnya di wilayah Medan Sumatera Utara. Pemerhatian beliau ini, beliau terapkan dalam usaha dakwah yang beliau lakukan dalam menyebarluaskan agama Islam di Medan Sumatera Utara. Terdapat tiga usaha besar yang beliau tonjolkan, antaranya: Pertama, mengadakan dialog dengan pembesar-pembesar Kristian pada masa itu, yang disaksikan oleh khalayak ramai. Kedua, mengarang buku karya ilmiah yang monumental tentang agama Kristian, seperti Perbandingan Kristen dan Islam, Rahasia Bibel dan Keesaan Tuhan menurut Kristen dan Islam. Ketiga, menubuhkan Zending Islam untuk menyaingi Zending Kristian dan misi Kristianisasi. Karya-karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta jasa-jasa beliau dalam menyebarluaskan Islam hingga sekarang ini masih dikenang di kalangan masyarakat Sumatera Utara khususnya suku Batak, yang mana Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berjaya menarik puluhan ribu orang untuk memeluk agama Islam. Jasa beliau ini menjadi sebab tersebarnya agama Islam di kalangan suku Batak yang majoriti penduduknya beragama Kristian.

ABSTRACT

One person instrumental in disseminating the message of Islam in the Land of Batak, especially around Toba and Karo, North Sumatra, in the Province of Medan, Indonesia was Sheikh Mohammad Talib Arsyad Lubis (1908-1972 AD). His preaching to the non-Muslim Batak tribes was mainly focused on productive inter-religious dialogues, where the specific emphasis was on on blocking the Christianization movement in Indonesia, especially in the Land of Batak Karo, because at that time the social community in his day was marked by the rapid development of Christianity in Indonesia, especially in Medan, in the North Sumatra province. He incorporated his observations into his missionary work which involved the spreading of Islam in Medan of North Sumatra. There are three major efforts he focused on, including: First, having dialogues with the Christian high officials of that time, as being witnessed by big crowds. Second, authored several academic books of monumental worth about Christianity, such as the comparison of Christianity and Islam, Secrets of the Unity of God according to the Bible and Christianity and Islam. Third, setting up the Islamic Missionary to rival the existing Christian and Missionary Christianization missions. The works of Sheikh Muhammad Talib Arsyad Lubis and his merits in propagating Islam to this day are still remembered among the Batak of North Sumatra in particular, in which Sheikh Mohammad Talib Arsyad Lubis successfully attracted tens of thousands of people to embrace Islam as their religion. It was acknowledged that his contributions were the force for the spread of Islam among the predominantly Christian Batak tribes.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dirafa' kepada ilahi berkat rahmat dan bimbingan-Nya memberikan kekuatan kepada penulis dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga baginda serta para sahabat sekalian.

Selama penyusunan tesis ini, telah banyak melibatkan pelbagai pihak, baik perorangan mahupun lembaga dan organisasi. Dalam hal ini, melalui lubuk hati yang paling dalam penulis berkewajipan mengucapkan jutaan terima kasih.

Pertama sekali, ucapan terima kasih penulis sampaikan kepada Ustaz Roslan Mohamed selaku penyelia penulis yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada penulis dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Bahagian Pengajian Usuluddin terutamanya pensyarah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan di atas kerja sama yang diberikan.

Sekalung penghargaan kepada ahli keluarga Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, Dewan Pimpinan Wilayah al-Jam'iyatul Washliyah Sumatera Utara, Dewan Pimpinan Wilayah Jemaat Batak Muslim Indonesia, Yayasan al Jam'iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan.

Teristimewa buat Prof. Dr. Muhammad Hasballah Thaib, Ustaz Nizar Syarif, Dr. Abdullah As, Muhammad Rozali MA, Ziahul Haq MA. Semoga ukkhuwah kita akan terus kekal selama-lamanya.

Salam sayang buat ayahanda dan ibunda, *Ilyas Idris* dan *Intan Zahra*, yang telah banyak berkorban untuk kami adik-beradik dan segala kasih sayang yang dicurahkan akan aku abadikan selama-lamanya. Buat isteri tercinta terima kasih atas kerjasama dan pengertiannya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga yang tidak terhingga diucapkan kepada semua yang terlibat. Harapan dan doa penulis, sesungguhnya pengorbanan dan keikhlasan kalian akan diredai oleh Allah di dunia dan akhirat.

KATA PENGANTAR

Dengan mengucapkan syukur *Alhamdulillah* kepada Ilahi di atas inayah dan kudrat-Nya memberikan kekuatan kepada penulis dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Latihan ini bagi memenuhi syarat memperolehi Ijazah Sarjana Usuluddin.

Tajuk penyelidikan latihan ilmiah ini ialah USAHA DAKWAH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIA. Penulis tertarik dengan tajuk ini kerana Syeikh merupakan salah seorang ulama tanah melayu yang pakar dalam bidang kristologi dan ilmu perbandingan agama Kristian dan Islam. Berdasarkan tajuk di atas penulis telah memaparkan perkara yang berkaitan dengan sejarah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan dakwah beliau terhadap non Muslim suku Batak di Medan Sumatera Utara.

Penulis menyedari bahawa karya ini belumlah sempurna, kemungkinan terdapat banyak kekurangan dan kesilapan dalam penulisan ini sama ada dari sudut ketepatan fakta dan teknik pengelolaan dan sebagainya. Untuk itu penulis memohon jutaan kemaafan, dengan lapang dada penulis tetap berharap adanya kontribusi yang konstruktif demi peningkatan ilmu pengetahuan. Harapan penulis agar usaha yang kecil ini diberkati Allah dan memberi faedah kepada semua pembaca, bermanfaat bagi agama dan masyarakat pada umumnya.

Akhir sekali, sekali segala yang baik datangnya dari Allah dan segala yang buruk itu disebabkan kelemahan penulis sendiri. Untuk itu, penulis merakamkan banyak kemaafan di atas kelemahan tersebut. *Wallahu a'lam bissawab.*

PANDUAN TRANSLITERASI

a. Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	` (a,i,u)	الفأرة	al-fa`rah
2	ب	b	بعث	ba‘atha
3	ت	t	تاب	tāba
4	ث	th	ثواب	thawāb
5	ج	j	جعل	ja‘ala
6	ح	ḥ	حلب	ḥalaba
7	خ	kh	خطب	khaṭaba
8	د	d	دفع	dafa‘a
9	ذ	dh	ذهب	dhahaba
10	ر	r	رجع	raja‘a
11	ز	z	زرع	zara‘a
12	س	s	سمع	sami‘a
13	ش	sh	شفع	shafa‘a
14	ص	ṣ	صعد	ṣa‘ada
15	ض	ḍ	ضلل	ḍalala
16	ط	ṭ	طلع	ṭala‘a
17	ظ	ẓ	ظفر	ẓafara
18	ع	‘ (a,i,u)	عليه	‘alayhi
19	غ	gh	غفر	Ghafara
20	ف	f	فلح	Falaha
21	ق	q	قلم	Qalama
22	ك	k	كتب	Kataba
23	ل	l	لعب	la‘iba
24	م	m	منع	mana’a
25	ن	n	نال	Nāla
26	و	w	وعد	wa‘ada
27	ه	h	هدم	Hadama
28	ي	y	يعلم	ya‘lamu

b. Vokal Panjang

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	ا،ى	ā	قال	Qāla
2	أو	ū	موسى	mūsā
3	إي	ī	إيمان	īmān

c. Vokal Pendek

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	(فتحة) ـَ	a	نَصَرَ	naṣara
2	(كسرة) ـِ	i	نَاصِرٌ	nāṣirun
3	(ضمة) ـُ	u	يَنْصُرُ	yanṣuru

d. Diftong

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أوّ	aw	أوّاب	awwābun
2	أيّ	ay	أيّام	ayyāmun
3	ايّ	iy	ايّاك	Iyyāka

SUMBER: Panduan Penulisan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, edisi ketiga, 2012.

SENARAI KEPENDEKAN

A. S	Alaihis Salam
Abd	Abdul
Bil	Bilangan
CD	Comfact Disc
DAI	Dewan Agama Islam
DDII	Dewan Dakwah Islam Indonesia
DPPI	Dakwah Pembangunan Persatuan Islam
Dr	Doktor
HAMKA	Haji Abdul Malik Karim Amrullah
Hj	Haji
Himmah	Himpunan Mahasiswa Al-Washliyah
Ibid	Ibidem, tajuk buku, pengarang dan muka surat yang sama dengan rujukan sebelumnya.
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
ICT	Imformation Communication Teknologi
IKIM	Institusi Kefahaman Islam Malaysia
IPM	Ikatan Pelajar Muhammadiyah
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JBMI	Jemaat Batak Muslim Indonesia
KKN	Kuliah Kerja Nyata
MUI	Majlis Ulama Indonesia
MIAI	Majlis Islam A'la Indonesia
MIT	Madrasah Islam Tapanuli

NZG	*Nederland Zandeling Genootsehap*
Nasakom	Nasional Komunis
PNI	Parti Nasional Indonesia
PKI	Parti Komunis Indonesia
PBI	Persatuan Batak Islam
PHI	Persaudaraan Haji Indonesia
PII	Pelajar Islam Indonesia
R. A	Radiya Allah ‘Anhu
RMG	*Rhijuse Mission Geseltschaft*
RAKERNAS	Rapat Kerja Nasional
SARA	Suku Agama Ras Antargolongan
S. A. W	Salla Allah ‘Alaihi Wa Sallam
S. W. T	Subhanahu Wa Ta’ala
Terj	Terjemahan
TV	Television
UISU	Universitas Islam Sumatera Utara
USU	Universitas Sumatera Utara
VCD	Video Comfact Disc
VOC	Vereenigde Oostindische Compagnie
Yaddika	Yayasan dana dakwah Islam Karo
YBM	Yayasan Baitul Makmur
YMI,	Yayasan Muslimin Indonesia
ZII	Zending Islam Indonesia

DAFTAR ISI

KANDUNGAN **HALAMAN**

Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Kata Pengantar	viii
Transliterasi	ix
Senarai Kependekan	xi
Daftar Isi	xiii
Senarai Lampiran	xvii

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Masalah Kajian	2
1.3. Persoalan Kajian	5
1.4. Objektif Kajian	6
1.5. Kepentingan Kajian	7
1.6. Skop dan Batasan Kajian	8
1.7. Definisi Tajuk	9
1.8. Ulasan Kajian Lepas	14
1.8. Metodologi Kajian	22
1.10.Susunan Penulisan	30

BAB DUA
TINJAUAN UMUM TENTANG DAKWAH

2.1. Pendahuluan 32
2.1.1. Pengertian Dakwah 34
2.1.2. Dasar Dakwah 37
2.1.3. Hukum Dakwah 39
2.1.4. Media Dakwah 41
2.2. Kandungan Dakwah 56
2.2.1. Materi Dakwah 56
2.2.2. Tujuan Dakwah 62
2.2.3. Metodologi Dakwah 68
2.2.4. Pelaksanaan Dakwah 79
2.2.5. Kejayaan Dakwah 83
2.3. Sasaran Dakwah 91
2.3.1. Sasaran Dakwah Kepada Orang Islam 92
2.3.2. Sasaran Dakwah Kepada Orang Bukan Islam 94
2.3.2.1 Asas Dalam Berdakwah Kepada Orang Bukan Islam 97
2.3.2.2 Metod Dakwah Yang Diutamakan Kepda Orang Bukan Islam 100
2.3.3. Kepentingan Dakwah Secara Kolektif 105
2.4. Perspektif Mengenai Pendakwah 107
2.4.1. Pengertian Pendakwah 108
2.4.2. Syarat Pendakwah 109
2.4.3. Cabaran Pendakwah 113

BAB TIGA
BIOGRAFI SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS

3.1. Riwayat Hidup 125
3.1.1. Biodata Tokoh 125
3.1.2. Sejarah Pendidikan 127

3.1.3. Kehidupan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis 128
3.1.4. Peribadi Syeikh Muhammad Arsyad Tholib Lubis Sebagai Pendakwah dan Pendidik 129
3.1.5. Tokoh Yang Mempengaruhi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis 131
3.1.6. Karya-Karya 134
3.1.7. Situasi Sosial Kemasyarakatan Pada Masa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis 138
3.1.8 Sumbangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Terhadap Al-Jam'iyatul Washliyah 142
3.1.8.(a) Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dalam Penubuhan Al-Jam'iyatul Washliyah 142
3.1.8.(b) Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dalam Perkembangan Dakwah Al-Jam'iyatul Washliyah 145

BAB EMPAT

DAKWAH SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIA

4.1. Non Muslim di Medan Sumatera Utara Indonesia 150
4.1.1 Tinjauan Umum Tentang Non Muslim Umat Kristian di Medan Sumatera Utara 152
4.1.2 Jumlah Umat Kristian Di Medan Sumatera Utara Indonesia 154
4.1.3 Majoriti Suku Batak Medan Sumatera Utara Beragama Kristian 155
4.1.4 Dakwah Islam Terhadap Suku Batak 158
4.1.5 Punca-Punca Non Muslim Dan Suku Batak Menjadi Penganut Islam 175
4.1.6 Tanggapan Suku Batak Terhadap Dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis 180

4.2. Usaha Dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dalam Menyebarluaskan Islam Terhadap Suku Batak di Medan 183
4.2.1 Berdialog Serta Debat Antara Agama 185
4.2.2 Mengarang Buku tentang Keunggulan Islam dan Kelemahan Ajaran Kristian 189
4.2.3 Menubuhkan Zending Islam Untuk Menyaingi Misi Kristianisasi 191
4.2.4 Bersikap Toleransi dan Mengajak Pemimpin Kristian Bincang Tentang Kebenaran Agama 195
4.2.5 Safari Rehlah Dakwah 197
4.2.6 Mendirikan Rumah Ibadah, Sekolah Arab dan Tempat Majlis-Majlis Taklim 200
4.3. Implikasi Dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Terhadap Perkembangan Islam di Medan Sumatera Utara Indonesia 202

BAB LIMA

PENUTUP DAN SARANAN

5.1 Kesimpulan 217
5.2 Saranan 221
5.3 Penutup 223

BIBLIOGRAFI 224
LAMPIRAN 231

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Surat-surat
LAMPIRAN B	Gambar-gambar
LAMPIRAN C	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN D	Borang panduan Temubual

BAB I PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Salah seorang yang berjasa dalam menyebarluaskan dakwah Islam di Tanah Batak[1], khususnya Toba dan Karo, Provinsi Sumatera Utara Medan Indonesia ialah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (1908-1972 M). Beliau termasuk orang pertama dalam organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah* [2] yang gigih berdakwah untuk menyebarluaskan agama Islam di Sumatera Utara, Aceh dan Indonesia secara umum.

Beliau banyak menulis pelbagai kajian agama Islam, termasuk kajian perbandingan agama yang masyhur dalam kitab karangan beliau "*Perbandingan agama Kristen dan Islam*"[3], begitu juga karangan beliau yang bertajuk "*Rahasia Bibel"*[4], yang berhubung kait dengan Ilmu *Muqaranatul Adyan*.[5]

---

[1] Batak merupakan salah satu suku (kaum) di Indonesia yang mendiami daerah pergunungan Bukit Barisan Sumatera Utara dan berpusat di Danau Toba. Tanah Batak bersempadan dengan Aceh di Utara, Selat Melaka di timur, Minangkabau di Selatan dan laut Indonesia di baratnya. Suku kaum yang dikategorikan sebagai Batak adalah Batak Toba, Batak Karo, Batak Pak-pak, Batak Simalungun, Batak Angkola Mandailing. Majoriti suku Batak menganut agama Kristian dan bakinya sudah menganut agama Islam. Sebahagian kecil menganut agama Parmalim dan menganut kepercayaan animisme (disebut Sipelbegu), namun kini jumlah penganut kedua ajaran agama ini sudah semakin berkurang. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, ed. 1. 1998), 423.

[2] *Al-Jam'iyatul Washliyah* adalah sebuah organisasi Islam yang ditubuhkan pada 30 November 1930 M di Bandar Medan, atas inisiatif sekelompok pemuda yang belajar di Maktab Islamiah Tapanuli di Medan. Pelajar-pelajar ini tergabung dalam kelompok diskusi *Debating Club* di bawah pimpinan Abdurrahman Syihab, kemudian grup diskusi ini sepakat untuk mendirikan satu organisasi yang diberi nama" *al-Jam'iyatul Washliyah* yang ditubuhkan oleh : H. Abd. Rahman Syihab, H. Ismail Mhd Banda, H. Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Nama *al-Jam'iyatul Washliyah* diberikan oleh seorang tuan guru di Maktab Islam Tapanuli (MIT) Medan yang bernama: Syaikh H. M. Yunus, yang bererti perkumpulan yang menghubungkan atau mempertalikan kasih sayang antara seseorang dengan Tuhannya, dengan sesamanya dan dengan alam lingkungannya. Tujuan penubuhannya untuk mengamalkan dan menunaikan tuntutan agama Islam secara *kaffah* (menyeluruh) demi kebahagiaan dunia dan akhirat, untuk mewujudkan masyarakat yang beriman dan bertakwa, serta negara yang aman, damai, adil dan makmur yang mendapatkan Rida Allah SWT dalam negara kesatuan Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan menimbulkan dorongan yang kuat dalam masyarakat Indonesia untuk berperanan serta secara aktif dalam pembangunan Nasional. *Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955), 36-38. *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 2: 303. *Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam'iyatul Washliyah*, Bab III, fasal 4, tentang Usaha. (Jakarta: PB al-Jam'iyatul Washliyah, 1997), 4-5. Seminar yang disampaikan oleh Drs. Hj Nizar Syarif, sebagai Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara (Medan) dalam rangka studi banding Pengurus Besar *al-Washliyah*, diadakan di Universiti Malaya pada hari Khamis 15 Februari 2007 M, bilik Dewan Ilmu.

[3] Buku ini selesai di tulis pada bulan Disember 1969 M, dicetak di Medan oleh Firma Islamiah, sebanyak 510 muka surat, cetakan kedua pada tahun 1974 M. sedangkan cetakan pertama yang diterbitkan oleh: *Pustaka Melayu*, Kuala Lumpur pada tahun 1982 M, yang mempunyai 478 muka surat yang mengandungi 13 bab pembahasan yang terdiri daripada: Keesaan Tuhan, Siapakah Jesus, Dosa Warisan, Penembusan dosa, Penyaliban ISA, Tentang Kitab-Kitab suci dan kedatangan nabi Muhammad SAW.

[4] Buku ini dicetak oleh Firma Islamiah pada 7 Mac 1932 M, yang termasuk buku pertama mengenai *Bible* yang di tulis dalam bahasa Melayu. Dalam buku ini dibincangkan beberapa bukti yang menunjukkan bahasa kitab *Bible* tidak dapat dikategorikan

Karya-karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta jasa-jasa beliau dalam menyebarluaskan Islam hingga sekarang ini masih dikenang dalam kalangan masyarakat Sumatera Utara khususnya suku Batak, yang mana Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berjaya menarik lebih daripada 20,000 orang untuk memeluk agama Islam. Jasa beliau ini menjadi sebab tersebarnya agama Islam dalam kalangan suku Batak yang majoriti penduduknya animisme dan beragama Kristian.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Dakwah merupakan tugas mulia yang dilaksanakan para nabi dan rasul, bermula dari Nabi Adam AS hingga ke Nabi Muhammad SAW. Tugas yang mulia ini juga diwajibkan kepada setiap orang Muslim untuk melaksanakannya bila-bila masa dan di mana sahaja orang Muslim itu berada, terutama mengajak non Muslim umat Kristian untuk menyembah Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa. Sebagaimana firman-Nya:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

Ali ‘Imran 3 : 64

Terjemahan: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Hai ahli Kitab, Marilah (berpegang) kepada suatu kalimah (ketetapan) yang bersamaan antara Kami dan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNYa sesuatu jua pun, dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli

---

sebagai kitab suci. Dalam buku ini ada tiga pokok perbahasan iaitu: Pertama: Kontradiksi yang terdapat di antara ayat *Bible* itu sendiri. Ketua: Adanya penambahan pada ayat *Bible* dari aslinya. Ketiga: Pembohongan yang terdapat di dalam *Bible*.

[5] Mukaranatul Adyan ialah ilmu perbandingan agama, ada dua metode yang diperlukan dalam mukaranatul adyan iaitu: Pertama, mengkaji bahagian-bahagian yang terpenting dari agama yang mahu dibandingkan. Kedua, membandingkan antara satu konsep dengan konsep yang lain dalam agama tersebut. Ahmad Syalaby (1984), *Muqaranah al-Adyan*, ed. Ke-6. (Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1984), 25.

> Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.[6]

Dalam kehidupan akhir zaman ini, umat Islam mula membuktikan kebenaran hadith-hadith Rasulullah tentang peristiwa akhir zaman yang merupakan wahyu dari Allah SWT, yang disebut mengenai permusuhan umat agama lain terhadap Islam, pelbagai agama telah memerangi dan menghina umat Islam, serta menyebarkan propaganda dengan menuding jari kepada umat Islam sebagai pengganas terhadap umat-umat lain, terutamanya terhadap umat Yahudi dan Kristian.[7]

Begitu juga mutakhir ini, non Muslim terutama agama Kristian terus dengan pantas menyebarluaskan agama mereka, secara terang-terangan ingin memurtadkan umat Islam, mereka dengan bersungguh-sungguh berusaha menyebarkan misi dan visi agama mereka dari semasa ke semasa dengan pelbagai cara dan prasarana serta melalui kemajuan teknologi dan media untuk mengaburkan akidah umat Islam, sehingga mereka berjaya memurtadkan ramai daripada kalangan umat Islam di Asia khususnya Asia Tenggara.[8] Pastinya misi kristianisasi Indonesia terus bermaharajalela di Medan Sumatera Utara khususnya di tanak Batak dan Karo, hingga kini pemurtadan dan penyebaran agama Kristian terus berlaku bahkan semakin terang-terangan melalui media sosial merentasi sempadan dari dalam dan luar negara.[9]

---

[6] Al-Qur'an dan Terjemahannya, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an.* Ed. 13. (Malaysia: Dar Al-Kitab, 2002), 135-136.
[7] Mohd Shauki Abd Majid, *"Prejudis Barat Terhadap Islam",* Utusan Malaysia, 20 September 2006, 05.
[8] Zaini Hassan, *"Mudah-mudahan kita tidak terus buta perut!,* Utusan Malaysia,10 Ogos 2011, 02.

[9] Bernard Abdul Jabbar, *"Misi Kristenisasi di Indonesia: Menyambut impian 2020 sebagai tahun tuaian Kristen".* http: //www.arrahmah.com, 11 jun 2013.

Hal ini merupakan suatu cabaran bagi umat Islam untuk meneruskan usaha-usaha dakwah Rasulullah SAW dalam mengizzahkan dan memuliakan agama Islam serta merealisasikan ajarannya di tengah-tengah kehidupan umat manusia melalui peribadi yang Islamik dalam semua aspek kehidupan yang berpandukan kepada ajaran Islam yang sebenar.

Dengan demikian penulis berhasrat untuk mengkaji mengenai *"USAHA DAKWAH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN, SUMATERA UTARA, INDONESIA",* yang mana Syeikh Muhammad Arsyad Thalib lubis merupakan salah seorang pendakwah daripada organisasi Islam *al-Jam'iyatul Wahsliyah* yang mempunyai pengaruh sangat besar dalam pergerakkan dakwah di tanah Batak dan Karo, beliau juga masyhur sebagai seorang da'i, ulama, kristolog yang berkharisma, dengan kepakaran beliau mengenai agama Kristian, beliau berjaya menarik puluhan ribu orang bukan Islam suku Batak menganut agama Islam melalui usaha dan pendekatan dakwah beliau yang penuh dengan hikmah, ketika beliau bermujadalah dengan mereka beliau mengutamakan dialog dengan kasih sayang untuk mencari agama yang benar.

Semoga kajian ini dapat membangkitkan semangat dakwah umat Islam untuk menyebarluaskan agama Islam dalam kalangan non Muslim khususnya di Asia Tenggara, sebagai persaingan dan penangkalan terhadap gerakan misi Kristianisasi di benua Asia, serta sebagai langkah untuk mencegah kemurtadan yang melanda umat Islam di Asia Tenggara pada masa kini. Bersesuaian dengan usaha dakwah yang

dilakukan oleh orang Islam di Barat terutama di benua Australia dan Eropah, sehingga sekarang ini penganut agama Kristian mula beramai-ramai memeluk agama Islam, berdasarkan statistik data daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2012, menunjukkan sejak tahun 1989 sehingga tahun 2012 M perkembangan jumlah penganut agama Islam yang paling cepat berkembang di Australia dan Oceania iaitu 257.01 peratus, diikuti oleh Eropah 142.35 peratus, Amerika 25 peratus, Asia 12.57 peratus, Afrika 2.15 peratus dan Amerika latin 4.73 peratus.[10] Begitu juga dengan usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang berjaya mengajak non Muslim khususnya penganut agama Kristian bersuku Batak Asli menjadi penganut Islam dengan pendekatan Kristologi. Pendekatan ini merupakan cara dakwah yang bersesuaian dengan suku Batak, kerana mereka suka bermujadalah, sehingga melalui hujahan mujadalah yang diterima akal, mereka beramai-ramai menganut agama Islam melalui hidayah daripada Allah SWT.

Pada akhirnya, insya Allah dapat menjadi panduan bagi para da'i untuk meningkatkan semangat dan usaha dakwah dalam menyebarluaskan syiar, visi dan misi agama Islam terhadap sesama Muslim secara amnya dan non Muslim khususnya.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah yang dikemukakan, maka persoalan pokok yang perlu dicari jawapannya dalam tesis ini ialah:

[10] Ibrahim Abdullah, *"Telah nyata kebenaran Islam".* http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara-Agama/. 27 Februari 2014, 02.

1. Bagaimana ketokohan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam berdakwah di tanah Batak Medan Sumatera Utara melalui pendekatan Kristologi.
2. Apa sahaja usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarluaskan agama Islam serta menghalang misi kristianisasi khususnya terhadap suku Batak di Medan Sumatera Utara.
3. Setakat mana dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis membawa pengaruh terhadap perkembangan Islam dalam kalangan non Muslim suku Batak di sekitar Medan Sumatera Utara.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah :

1. Memperkenalkan ketokohan salah seorang ulama tanah Melayu Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang berjaya berdakwah melalui pendekatan Kristologi.
2. Mengenal pasti usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarluaskan Islam terhadap non Muslim suku Batak di Medan Sumatera Utara.
3. Mengetahui implikasi dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Terhadap Perkembangan Islam di Medan Sumatera Utara.

1.5 Kepentingan Kajian

Penulis memilih kajian dakwah terhadap suku Batak, kerana di Sumatera Utara majoriti penduduknya bersuku Batak, Suku ini adalah salah satu suku di Indonesia yang mempertahankan kebudayaan mereka, yang berpegang teguh tradisi, adat istiadat serta kepercayaan. Antaranya terdapat fahaman tersendiri bagi mereka bahawa orang yang berada di luar suku mereka ialah musuh, kerana pada masa itu sering terjadi peperangan antara suku. Sebelum ajaran Kristian dan Islam masuk ke tanah Batak, suku Batak merupakan suku penyembah berhala, kehidupan agama mereka bercampur di antara penganut kepercayaan Animisme dan Dinamisme.

Oleh sebab itu, kajian ini untuk menyingkap sejarah dan pengaruh dakwah Islam di tanah Batak khususnya. Ini kerana tanah Batak merupakan daerah dakwah, sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI) pada tahun 1941 M bahawa markas dakwah Zending Islam Indonesia (ZII) di Medan Sumatera Utara, melalui perantaraan organisasi Islam yang terbesar di Medan Sumatera Utara iaitu al-Jam'iyatul Washliyah sebagai pengerak dakwah di tanah Batak dan Karo. Gerakan-gerakan dakwah di tanah Batak dan Karo oleh pendakwah-pendakwah terdahulu al-Jam'iyatul Washliyah seperti Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dapat dijadikan panduan bagi generasi-generasi pendakwah masa kini, terutama dalam berdakwah terhadap non Muslim khususnya suku Batak dengan menggunakan pendekatan Kristologi.

Di samping itu penulis juga mengariskan beberapa kepentingan kajian lain, antaranya:

1. Mengkaji sejarah masuknya agama Islam di tanah Batak serta mengikuti perkembangan dakwah terhadap suku Batak di Medan Sumatera Utara.
2. Mengkaji usaha dan pengaruh dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis terhadap suku Batak di Medan Sumatera Utara.
3. Hasil kajian ini amat bermanfaat untuk dijadikan panduan bagi pendakwah generasi kini dan umat Islam dalam menyebarluaskan dakwah Islamiah terhadap kalangan non Muslim, khususnya terhadap golongan bukan Islam suku Batak.
4. Untuk memberikan beberapa saranan yang baik kepada pihak yang terlibat bagi memaksimakan usaha dakwah agar lebih berkesan dan bermakna lagi bagi umat Islam dalam menyebarluaskan agama Allah SWT kepada non Muslim khususnya suku Batak Medan Sumatera Utara.
5. Untuk memenuhi keperluan bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Perbahasan yang akan dihuraikan dalam kajian ini adalah mengenai usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarluaskan agama Islam dalam kalangan non Muslim terutama terhadap suku Batak yang belum beragama (animisme) dan yang beragama Kristian.

Oleh sebab itu fokus kajian ini tertuju kepada masyarakat yang bersuku Batak di sekitar Medan Sumatera Utara, yang akhirnya mereka menganut agama Islam berkat usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis selama

berpuluh-puluh tahun di daerah yang bersuku Batak, terutama daerah Karo dan Toba[11] di Sumatera Utara yang penduduknya majoriti beragama Kristian dan Parmalim.[12]

Dalam kajian ini juga penulis akan membahas tentang taktik dan strategi dakwah beliau dalam penangkalan dan pencegahan perkembangan misi Kristianisasi di Medan Sumatera Utara khususnya di tanah Batak dan Karo, yang akan dikaji penulis melalui aspek sejarah yang merangkumi situasi sosial masyarakat pada masa kehidupan beliau, keperibadian, guru-guru dan murid-murid beliau, begitu juga hasil karya beliau.

Analisis kajian ini, insya Allah akan memberikan manfaat bagi umat Islam dalam menyebarluaskan syiar Islam dalam skala yang lebih luas lagi, khususnya terhadap umat Kristian dan golongan non Muslim.

1.7 Definisi Tajuk

Untuk menghindari ketidakfahaman dalam penulisan ini, penulis perlu memberi erti istilah-istilah penting dalam tajuk ini, iaitu :

---

[11] Toba merupakan sebuah danau tektonik di pulau Sumatera, terletak di dekat kota Porsea. Saat ini Toba menjadi nama sebuah kabupaten di Sumatera Utara iaitu kabupaten Toba Samosir yang berbandar Balige. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1984), 6: 3577.
Karo merupakan Kabupaten di Provinsi Sumatera Utara, suku yang mendiami dataran tinggi ini adalah suku Karo, nama suku ini dijadikan salah satu nama kawasan yang mereka diami, iaitu Kabupaten Karo. Suku ini memiliki bahasa sendiri yang disebut bahasa Karo, bentang alamnya terdiri dari pergunungan dan dataran tinggi, bahagian dari bukit barisan. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1984), 3: 1673.

[12] Parmalim ialah agama asli suku Batak, yang merupakan sebuah kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Agama ini sudah berkembang di Sumatera Utara sejak dahulukala. Ajaran agama ini meliputi ritual penyembahan Tuhan, peringkat jawatan kuasa dalam agama serta sejarah nenek moyang mereka. Mereka masih tetap setia akan ajaran nenek moyang mereka terdahulu sehingga mereka dinamakan golongan aliran putih, mereka membezakan diri dari kaum *sepelebegu* yang menyembah berhala. Lama kemudian golongan aliran putih disebut *parmalim* yang berkembang seakan-akan agama Batak kerana pada masa itu belum ada agama lain masuk di tanah Batak. Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak.* (Jakarta: Bumi Aksara, 2010), 76-81.

Dakwah: Dakwah berasal daripada perkataan Arab yang bererti ajakan, seruan, panggilan, undangan. Jadi pengertian dakwah secara umum mengajak manusia secara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan, untuk kemaslahatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat.[13]

Non Muslim: Orang yang bukan beragama Islam atau orang yang mempunyai agama atau kepercayaan selain daripada Islam.[14]

Suku Batak: Suku ialah suatu kumpulan manusia yang bersaudara melalui nenek moyang yang sama.[15] Suku Batak merupakan salah satu suku bangsa di Indonesia yang mendiami provinsi Sumatera Utara. Adapun yang dikategorikan ke dalam suku Batak iaitu Batak Toba, Batak Karo, Batak Simalungun, Batak Pak-Pak, Batak Angkola Mandailing.[16]

Medan: Kota Medan merupakan ibu kota Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Medan terletak di tengah-tengah kabupaten Deli Serdang dan bahagian utaranya bersempadan dengan Selat Sumatera. Medan juga terletak pada ketinggian 14 m di atas permukaan laut, curah hujan terbesar dan dibelah oleh Sungai Deli menjadi bahagian barat dan timur. Nama kota Medan berasal daripada perkataan medan peperangan yang terjadi antara kerajaan Aru dengan Aceh dan dengan portugis di sebuah kampung dan kampung itu akhirnya bernama Medan. Kampung Medan dibangunkan oleh Guru Patimpus sekitar tahun 1590 M. Oleh sebab kedudukan kampung ini terletak di pertemuan dua sungai iaitu Sungai Deli dan Sungai Babura, kampung ini pesat pertumbuhan penduduknya dan Medan menjadi

---

[13] Toha Yahya Omar, *Ilmu Dakwah* (Jakarta: Pustaka Wijaya, 1992), 1.
[14] Kamus Bahasa Melayu Nusantara, ed. 1. (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, 2003), 1887, 1843.
[15] Ensiklopedia Dunia, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 20:370.
[16] Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), ed. 1. 247.

semakin besar dan bersatu dengan kampung di sekitarnya seperti Kesawanan, Sungai Mati, Kampung Sukaraja, Sungai Kera, Kampung Jati, Gelugur, Pulau Berayan, Sungai Putih, Petisah dan Kota Maksum.

Pada masa penjajahan Belanda, Belanda melihat potensi Medan sebagai pusat pertumbuhan. Pada tahun 1886 M, Medan diisytiharkan sebagai sebuah bandar. Pihak Belanda juga telah membina dan menghadiahkan sebuah istana kepada Sultan Deli supaya baginda dapat bersemayam dan membantu pihak Belanda dalam melicinkan pentadbiran Medan. Lama kelamaan Medan berkembang menjadi sebuah bandar yang penting di bahagian Sumatera Utara. Pada tahun 1909 M, Medan berubah menjadi majlis perbandaran, terutama setelah pemerintah kolonial Belanda membuka perusahaan perkebunan secara besar-besaran di tanah Deli, terutama perkebunan tembakau di sekitar Sungai Deli.

Selepas Perang Dunia Kedua, buat sementara Medan menjadi ibu kota bagi 'Negara Sumatera Timur'. Medan turut terlibat dalam kancah perjuangan Indonesia merebut kemerdekaan daripada penjajah Belanda. Pada awal dekad 1950-an, apabila keadaan Indonesia stabil dan terkawal, Medan dapat berkembang semula. Pada tahun 1952 M, dua buah universiti didirikan bagi memenuhi keperluan pendidikan tinggi. Universiti tersebut ialah Universiti Sumatera Utara dan Universiti Islam Sumatera Utara. Kini, Medan adalah sebuah kota raya metropolitan dan memiliki sebuah lapangan terbang antarabangsa. Medan juga adalah pintu masuk perdagangan dan pelancongan bagi Pulau Sumatera.[17]

---

[17] *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* , ed. 1. (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 1492-1493. *Ensiklopedi Indonesia*, (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1983), 3: 2185-2186.

Sumatera Utara: Sumatera Utara ialah sebuah provinsi di pulau Sumatera, luas 70,787 km, bersempadan dengan Aceh di sebelah utara dan dengan Sumatera Barat serta Riau di sebelah selatan. Provinsi Sumatera Utara merupakan bahagian dari Negara Sumatera Timur yang ditubuhkan oleh Belanda pada 25 Disember 1947 M, dalam usaha mempertahankan daerah kaya minyak, perkebunan tembakau dan getah. Pada tarikh 15 Ogos 1950 M, terbentuklah Negara Kesatuan Republik Indonesia dan Negara Sumatera Timur dibubarkan.

Sumatera Utara merupakan kampung halaman bagi suku kaum Batak, yang hidup di pergunungan dan suku Melayu yang hidup di daerah pesisir timur. Selain itu terdapat juga suku Nias, Mandailing, Jawa dan Tionghoa di pesisir barat Sumatera. Lebih dari dua pertiga wilayah Sumatera Utara terdiri dari pergunungan dan dataran tinggi yang merupakan bahagian dari Pergunungan Bukit Barisan, dengan gunung tertinggi iaitu Gunung Sibuatan (2,457 m). Dataran tinggi yang masyhur suburnya ialah dataran tinggi Karo. Adapun bahagian wilayah lainnya berupa dataran rendah yang terbentang luas di pesisir utara/timur laut di sepanjang Selat Melaka.

Sumatera Utara pada dasarnya dapat dibahagikan kepada pesisir timur, pesisir barat, pergunungan bukit barisan, kepulauan Nias, kepulauan Batu, pulau Samosir di danau Toba. Terdapat 419 pulau di Provinsi Sumatera Utara yang mana pada masa penjajahan Belanda dinamakan dengan Sumatera Timur.[18]

INDONESIA: Indonesia ialah sebuah negara di Asia Tenggara yang terdiri lebih 13,600 pulau, oleh kerana itu ia disebut juga sebagai Nusantara (Kepulauan Antara). Gugusan kepulauan Indonesia terletak di sepanjang khatulistiwa dan

[18] *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1984), 6: 3360-3362.

menganjur sehingga 5000 kilometer panjang. Indonesia berada di antara benua Asia dan Australia serta antara Samudera Pasifik dan Samudera Hindia. Dengan populasi penduduk yang kelima teramai di dunia, merupakan negara yang berpenduduk Muslim terbesar di dunia, walaupun secara rasminya bukanlah sebuah negara Islam. Penduduknya tinggal lebih daripada 6000 buah pulau. Lebih kurang tiga perlima daripada penduduk Indonesia tinggal di pulau jawa, yang hanya meliputi tujuh peratus daripada jumlah seluruh kawasan Indonesia. Kebanyakan daripada Bandaraya besar di Indonesia terletak di Pulau Jawa. Ini termasuk Jakarta, ibu kota dan Bandaraya yang terbesar, diikuti Surabaya yang merupakan sebuah pelabuhan perdagangan, kemudian Bandung merupakan sebuah pusat kebudayaan dan pendidikan. Bandaraya Indonesia yang ketiga terbesar ialah Medan, terletak di timur laut pantai Sumatera. Kebanyakan daripada penduduk Indonesia beragama Islam. Tetapi ada juga sesetengah penduduk yang beragama Kristian, Hindu, Budhha dan Khong Hu Cu.

Bentuk pemerintah Indonesia adalah republik, dengan Dewan Perwakilan Rakyat, Dewan Perwakilan daerah dan Presiden yang dipilih langsung. Indonesia bersempadan dengan Malaysia di pulau Borneo, dengan Papua New Guinea di pulau Papua dan dengan Timor Leste di pulau Timor. Negara jiran lainnya ialah Singapura, Filipina, Australia, dan wilayah persatuan Kepulauan Andaman dan Nikobar di India.

Indonesia terdiri daripada pelbagai suku bangsa yang berbeza adat istiadat dan bahasanya. Mereka semua membangunkan bangsa Indonesia yang berbahasa kesatuan yang sama, bertanah air satu, dan berbahasa satu, iaitu Indonesia. Hal ini tercermin dalam semboyan negara yang berbunyi "*Bhinneka Tunggal Ika"* (Berbeza-beza namun tetap satu), yang bererti kepelbagaian yang membentuk negara. Selain

memiliki populasi padat dan wilayah yang luas, Indonesia juga memiliki alam yang terdiri daripada pelbagai aneka ragam kehidupan flora dan fauna.[19]

1.8 Ulasan Kajian Lepas

Penyelidikan tentang Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis banyak dilakukan oleh beberapa pengkaji, majoriti mereka mengungkapkan tentang riwayat hidup serta usaha beliau dalam penubuhan sebuah organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah* sahaja.

Setelah penulis menyelidiki secara langsung, hingga saat ini penulis belum mendapati pengkaji lain yang meneliti dan menulis secara spesifik mengenai usaha-usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarluaskan Islam dalam kalangan non Muslim khususnya suku Batak di sekitar Medan Sumatera Utara. Setakat ini yang dapat ditemukan hanyalah beberapa buku, disertasi dan tesis yang mengungkapkan mengenai biografi dan peranan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah*. Antara beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan buku, tulisan ulama dan cendikiawan Islam, umpamanya:

1. "Manusia Menurut Pandangan Syeikh Arsyad"[20]

   Fokus tulisan tersebut adalah:

   a. Mengkaji pandangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis tentang manusia

[19] *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1982), 3: 1418-1438. *Ensiklopedia Dunia*. ed. 1, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 224-254.

[20] Prof. Dr. M. Hasballah Thaib MA, *Manusia Dalam Pandangan H. M. Arsyad Thalib Lubis.* (Medan: Fakultas Tarbiyah Universitas Al-Washliyah, 1997), 49.

b. Mengenal pasti fungsi manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi serta tanggung jawab manusia terhadap Allah, dirinya, sesama manusia dan alam sekitar.

Dapatan dari hasil penelitian tersebut, menyatakan:

a. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah seorang ulama yang karismatik di Medan Sumatera Utara, pendiri organisasi al-Jam'iyatul Washliyah, Faqih yang mujtahid dalam mazhab Syafi'i.
b. Manusia menurut pandangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah insan yang berasal dari *Ruuhun Minhu* yang mempunyai substansi material (tanah) dan rohaniah (roh ciptaan Allah). Manusia sebagai makhluk individu sekaligus sebagai makhluk sosial. Fungsi manusia secara tegas disebutkan dalam al-Quran sebagai khalifah Allah di muka bumi.

2. "Batu Demi Batu Di Bawah Panas Yang Terik UISU[21] Kami Dirikan" [22]

Fokus tulisan tersebut adalah: Menjelaskan pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis di peringkat dalam dan luar negara.

Dapatan daripada tulisan tersebut adalah: Mendedahkan usaha Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam mengusir penjajahan Belanda dari tanah air serta mengisi kemerdekaan Republik Indonesia.

---

[21] UISU (Universitas Islam Sumatera Utara) merupakan sebuah perguruan tinggi Islam yang pertama tubuh di luar pulau jawa dan tertua di pulau Sumatera, ditubuhkan pada tahun 1952 M oleh beberapa tokoh Muslim dan Nasionalis seperti M. Roem, M. Natsir. Fakulti pertama didirikan ialah fakulti Hukum, sedangkan fakulti Syaria'ah didirikan 7 jun 1954 M oleh dewan pimpinan perguruan tinggi Islam Indonesia yang di ketuai oleh H. Bahrum Jamil SH dan sekretaris H. Adnan Banawi SH. Prof. Dr. M. Hasballah Thaib, *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental.* ed. 1. (Medan: Perdana Publishing, 2012), 41.

[22] Bahrum Jamil, *Batu Demi Batu Di Bawah Panas Yang Terik UISU Kami Dirikan*, (Medan: Perpustakaan Ma'had Muallimin al-Washliyah, 1991).

3. “Arsyad Thalib Lubis: Ideolog Masyumi”[23]

Fokus tulisan tersebut adalah:

a. Mengkaji pandangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (salah seorang anggota majlis syuro parti politik Islam Masyumi) mengenai bahayanya fahaman Komunisme Materialisme.
b. Untuk mengenalpasti pemikiran dan strategi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menghadapi fahaman Komunisme Materialisme yang perlu direalisasikan iaitu pentingnya kedudukan universiti (pendidikan tinggi) dalam kehidupan umat Islam.

Dapatan daripada hasil penulisan tersebut adalah:

a. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sebagai seorang ideolog parti Masyumi tahun 1947-1964 M, pakar mengenai Komunisme dan beliau juga gigih memperingatkan umat Islam dan bangsa Indonesia terhadap bahayanya Parti Komunis Indonesia (PKI).
b. Fahaman yang mendasari gerakan Komunisme ialah Materialisme yang mempercayai bahawa asal, hakekat dan akhir sesuatu adalah Materialisme. Oleh sebab itu majlis Syuro parti politik Masyumi mengeluarkan fatwa sebagai berikut: 1. Falsafah Komunisme bertentangan dengan dasar Iman kepada alqur’an dan illahiyah begitu juga bertentangan dengan syariat Islam. 2. Komunisme menurut hukum Islam kufur, orang yang menganut fahaman ini hukumnya kafir.

[23] Prof. Dr. H. Usman Pelly, *Arsyad Thalib Lubis: Ideolog Masyumi*. *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental.* Ed. 1. (Medan: Perdana Publishing, 2012).

4. “Syeikh Arsyad Thalib Lubis, Ulama Islam Anti Pluralisme Agama”[24]

   Fokus tulisan ini adalah:

   a. Mendedahkan bahawa pluralisme memiliki makna yang sangat berbeza dengan toleransi. Pluralisme mengakui semua agama adalah benar, sama authentic. Sedangkan toleransi adalah sebuah fahaman yang hanya mengakui kemajemukan agama, menghargai perbezaan pendapat tanpa menghilangkan keyakinan agama yang cendrung bersifat ekslusif dalam diri penganutnya.
   b. Pluralisme merupakan gagasan yang berujung kepada ajakan untuk kompromi dalam akidah, sehingga pengikut Pluralisme berpandangan semua agama sama tujuannya, yang berbeza hanya cara atau jalan menuju Tuhan.

Dapatan daripada hasil kajian tersebut ialah:

a. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis tidak akan pernah menyebelah dan mendukung kokohnya pluralisme dan sekularisme di tengah-tengah masyarakat, kerana beliau sendiri konsisten menyerukan pentingnya penegakan Islam yang kaffah dalam kehidupan.
b. Pluralisme adalah faham yang merosak agama dan akidah, khususnya agama Islam. Maka ianya adalah haram dalam Islam, sebagaimana fatwa yang diputuskan MUI (Majlis Ulama Indonesia) bahawa liberalisme, pluralisme agama serta sekularisme diharamkan dalam Islam.

[24] H. Zamakhsyari Hasballah MA, *Syeikh Arsyad Thalib Lubis, Ulama Islam Anti Pluralisme Agama, Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental.* Ed. 1. (Medan: Perdana Publishing, 2012).

Begitu juga ulasan ringkas yang dilakukan oleh Majlis Ulama Indonesia Sumatera Utara, dalam rangka menulis riwayat hidup para ulama yang masyhur di Sumatera Utara termasuk Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, akan tetapi buku ini sangat ringkas dalam mengungkapkan biografi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan tidak menyentuh tentang dakwah beliau sedikit pun. [25]

Kemudian penulis telah meneliti beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan tesis, antaranya:

1. Peranan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Dalam Pengembangan Dakwah Islam Dalam kalangan Masyarakat Batak Karo, Suatu Kajian Di Kaban Jahe, Sumatera Utara.[26]

   Fokus kajian tersebut adalah:

   a. Mengkaji peranan MUI dalam dakwah di Indonesia. Khususnya peranan MUI Karo dalam menyebarluaskan dakwah agama Islam di Tanah Karo yang penduduknya beragama Kristian.

   b. Mengenal pasti sambutan orang Kristian Karo terhadap dakwah yang dijalankan para pendakwah.

   c. Mengenal punca masalah yang dihadapi pendakwah dalam menjalankan misi dakwah mereka.

---

[25] Majlis Ulama Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. (Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1983), 287-294.

[26] Abdi Syahrial Harahap, *Peranan Majlis Ulama Indonesia (MUI) dalam pengembangan dakwah Islam dalam kalangan masyarakat Batak Karo : suatu kajian di Kaban Jahe, Sumatera Utara*. (tesis master, Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya, 2003).

Dapatan daripada hasil kajian tersebut menyatakan:

a. Dakwah Islam terhadap orang Kristian di Tanah Karo Sumatera Utara menghasilkan kegemilangan dengan ramainya orang Kristian di Tanah Karo yang memeluk agama Islam.
b. Tingginya minat orang Karo untuk memeluk agama Islam, berdasarkan hidayah Allah SWT.

2. Al-Jam'iyatul Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiah Di Indonesia.[27]

Kajian ini bertujuan untuk:

a. Mengenal pasti peranan *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam dakwah di Indonesia khususnya di Medan Sumatera Utara tempat penubuhan Organisasi ini.
b. Melihat sejauh mana keberkesanan *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam menyebarluaskan agama Islam dalam kalangan orang Kristian di Medan khususnya di tanah Batak dan Karo.

Hasil kajian tersebut menyatakan:

a. Dengan keikhlasan para da'i *al-Jam'iyatul Washliyah* mereka dapat mengislamkan ribuan orang masyarakat Batak terutama yang bersuku Karo, malahan beberapa masjid, madrasah dan sekolah dapat dibina di tengah-tengah masyarakat Kristian.
b. *Al-Jam'iyatul Washliyah* termasuk sebuah organisasi yang telah memainkan peranan besar dalam menyebarkan misi Islam di wilayah

[27] Syamsuddin Ali Nasution, *Al-Jam'iyatul Al-Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Indonesia*, (Tesis Ph.D. Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: UM Publisher, 1999).

kepulauan Indonesia, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat yang beragama Islam, tetapi juga dalam kalangan non Muslim.

3. "Al-Jam'iyatul Washliyah, Api Dalam Sekam" [28]

Kajian ini bertujuan untuk:

a. Mendedahkan sejarah penubuhan organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* dan hala tuju organisasi tersebut.

b. Mengungkapkan sejarah pengasas organisasi tersebut termasuklah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan kawan-kawan seperjuangan beliau.

Hasil kajian ini, antaranya ialah:

a. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berpandangan bahawa organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* tidak lebih sekadar dari alat mencapai tujuan. Bila alat tersebut tidak dapat dimanfaatkan lagi untuk mencapai keredaan Allah maka tidak mengapa alat itu ditinggalkan.

b. Dr. Chalijah Hasanuddin menyatakan H. M. Arsyad Thalib Lubis sukar menerima pembaharuan, contohnya pada acara kawad berbaris yang melibatkan ikhtilat lelaki dengan perempuan. Penelitian ini dengan tegas mengatakan bahawa Arsyad Thalib Lubis juga sukar menerima pembaharuan dalam bidang sosial yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Syeikh melihat bahawa pembaharuan (*Tajdid)* dibenarkan bila tidak bertentangan dengan nilai-nilai fitrah ajaran Islam.

[28] Chalidjah Hasanuddin, *al-Jam'iyatul Washliyah, Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. (Bandung: Pustaka, 1998), 55.

4. Seikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dan Peranannya Dalam Menghadapi Gerakan Kristianisasi Di Sumatera Utara. [29]

Kajian ini bertujuan:

a. Untuk mendedahkan usaha membanteras dan mengekang gerakan Kristianisasi di Sumatera Utara.

b. Untuk mengungkapkan peribadi beliau yang sangat teguh berpegang pada prinsip Islam iaitu bersifat tegas terhadap orang Kafir.

Hasil kajian ini, antaranya ialah:

a. Mendedahkan bahayanya gerakan Kristianisasi yang disebarkan oleh penjajahan Belanda di Sumatera Utara.

b. Menonjolkan perjuangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menghalang penyebaran agama Kristian di Sumatera Utara.

5. Pemikiran Muhammad Arsyad Thalib Lubis Tentang Pluralitas Agama.[30]

Kajian ini bertujuan untuk:

a. Mendedahkan pemikiran seorang tokoh dalam pluralitas agama serta mengenai kebenaran dan kemurnian agama.

b. Menjelaskan konsep-konsep ketuhanan dalam agama, supaya manusia dapat membezakan mana yang hak dan mana yang batil.

Hasil kajian ini, antaranya ialah:

a. Untuk memahami ciri-ciri setiap agama, serta membandingkannya dengan mana-mana agama.

---

[29] Fajar Hasan Mursyd, *Seikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dan Peranannya Dalam Menghadapi Gerakan Kristianisasi Di Sumatera Utara* (tesis master, Bangi : Fakulti Pengajian Islam, UKM, Malaysia, 1998).

[30] Arifinsyah, *Pemikiran Muhammad Arsyad Thalib Lubis Tentang Pluralitas Agama* (tesis master, Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1999).

b. Untuk mengikuti perspektif perkembangan dalam beragama, ia juga digunakan untuk memudahkan para pendakwah dalam menjalankan misi dakwah yang suci.

1.9 Metodologi Kajian

Metode dalam sesebuah kajian, memainkan peranan yang amat penting, kerana ia merupakan suatu cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian. Maksud metode di sini adalah suatu cara bagaimana sesuatu penelitian dijalankan.[31] Adapun penelitian ini mengenai usaha seorang tokoh dakwah dan ulama Islam iaitu Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang hidup pada abad 20 Masihi dari Sumatera Utara Indonesia.

Dalam penelitian ini penulis akan menghuraikan beberapa bahagian daripada metodologi kajian, antaranya:

1.9.1. Jenis dan Pendekatan Kajian

Jenis penyelidikan ini adalah perpaduan *library research* (penelitian perpustakaan) iaitu sumber data penelitian dari literatur perpustakaan dengan *field research* (penelitian lapangan).[32]

Sedangkan pendekatan yang digunakan adalah pendekatan sosiologis (*Sociological Approach*) dan pendekatan sejarah (*Historical Approach*). Pendekatan sosiologis bermaksud untuk memerhatikan kondisi sosial tokoh ketika beliau berada

[31] Koentjoroningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: Gramedia, 1997), 16.
[32] Syahrin Harahap, *Metodologi Studi Penelitian Ilmu-Ilmu Usuluddin* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2000), 89.

di dalam dan di luar Sumatera Utara.[33] Adapun pendekatan sejarah, iaitu kajian atas suatu masalah dengan mengaplikasikan jalan pemecahannya dari perspektif historis.[34] Pendekatan sejarah bertujuan untuk mendapatkan penjelasan tentang fakta dan nilai (*fact and Value*) yang sedang dan telah terjadi.[35]

Pendekatan sejarah terhadap seorang tokoh dalam penelitian studi tokoh menurut Syahrin Harahap harus mengacu pada bidang ilmu yang dijadikan landasan bagi penghampiran objek penelitian.[36] Dengan demikian dapat dilihat dari objek penelitian ini berupa kiprah dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam rakaman buku atau perpustakaan, mahupun hasil interview dan wawancara dengan sumber yang mengetahui sosok tokoh ini.

Masih menurut beliau, dalam permulaan menulis mengenai tokoh, penulis hendaklah melalui tiga tahapan kerja iaitu:

(1) inventarisasi ialah membaca, mengkaji dan mempelajari secara mendalam pemikiran dan usaha tokoh yang berkenaan agar kemudian dapat dihuraikan secara tepat dan jelas.

(2) evaluasi kritis, merupakan kajian langsung mengenai tokoh yang berkenaan, penulis membuat perbandingan antara huraian-huraian pakar mengenainya dan usahanya serta memperlihatkan kekuatan dan kelemahan analisis mereka.

---

[33] J. Vredenbregt, *Metode dan Teknik Penelitian Masyarakat* (Jakarta : Gramedia, 1978), 66.
[34] Dudung Abdurrahman, *Metode Penelitian Sejarah* (Jakarta: Logos, 2000), 33.
[35] Juhaya A. Praja, *Filsafat dan Metodologi Ilmu Dalam Islam* (Jakarta: Toraja, 2002), 48.
[36] Syahrin Harahap, *Metodologi Studi Tokoh Pemikiran Islam* (Medan: Istiqomah Media Press, 2006), 57.

(3) sintesis, maksudnya dengan menentukan mana pendapat yang membina dan menyeleweng, disusun sintesis yang menyimpan semua unsur sama ada yang sesuai, mahupun yang tidak sesuai.[37]

1.9.2 Pengumpulan Data dan Maklumat

Metode ini dengan mencari dan mengumpulkan data yang diperlukan yang bertujuan untuk membuka ruang kepada penulis dalam menganalisis data-data yang diperoleh. Adapun sumber pengambilan data iaitu, pertama melalui buku atau tulisan tentang Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, serta karya-karya beliau dalam bentuk buku, majalah mahupun karya ilmiah. Kedua melalui informasi yang diperolehi daripada soal selidik, temubual serta dokumen-dokumen penting lainnya yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Dalam metode ini penulis akan melakukan dua kaedah penyelidikan.

1.9.2 (a) Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan (*library research*), dengan cara mengumpulkan buku-buku perpustakaan, pertama dengan mengumpulkan literatur mengenai tajuk yang sedang diteliti, kedua menelusuri karya tokoh dan karya orang lain yang berkaitan dengan tokoh yang diteliti, dalam hal ini yang berkaitan dengan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis.

Penulis juga menggunakan dua metode untuk mendapatkan data-data yang jitu dalam menyempurnakan kajian ini. Dua metode tersebut ialah:

[37] Syahrin Harahap, *Penuntun Penulisan Karya Ilmiah Studi Tokoh Dalam Bidang Pemikiran Islam* (Medan : IAIN Press, 1995), 16.

A. Metode Historis

Metode ini juga dikenali sebagai Metode Sejarah, ianya merupakan satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kajian yang mempunyai nilai-nilai sejarah. Metode ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang bernilai sejarah daripada dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah tersebut untuk menentukan ketetapan berlakunya sesuatu kejadian. Penulis telah menggunakan metode ini untuk mendapatkan data-data tentang perkara-perkara berikut:

1. Sejarah kehidupan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis
2. Sejarah perjuangan dan usaha beliau dalam bidang dakwah

B. Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang mempunyai hubungan dengan permasalahan yang diselidiki. Dokumen bermaksud bahan-bahan bertulis yang mengandungi maklumat yang dapat memberikan pelbagai keterangan mengenai kajian yang hendak diselidiki.[38]Penulis telah menggunakan dokumen-dokumen yang berkaiatan dengan kajian yang dijalankan seperti majalah, keratan akhbar, jurnal, kertas kerja, kajian ilmiah, buku-buku ilmiah dan sebagainya.

1.9.3 (b) Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan bermaksud membuat penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dikaji. Penyelidikan lapangan memerlukan kecekapan dalam berkomunikasi kerana penulis akan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat tentang dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib

[38] Imam Barnabib, *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan* (Yogyakarta: Penerbit FIP-IKIP, 1982), 53.

Lubis. Dalam penyelidikan lapangan ini penulis menggunakan dua metode iaitu metode temubual dan soal selidik untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dengan cara terperinci untuk melengkapkan maklumat yang dikaji.

1. Metode temubual

Metode temubual ini juga dikenali sebagai metode interview atau metod wawancara. Kegunaannya untuk mendapatkan keterangan secara lisan daripada seorang respoden dengan bercakap secara berhadapan muka dengan orang yang di temubual. Temubual yang dilakukan dalam satu penilaian yang bertujuan untuk mengumpulkan keterangan mengenai dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dengan lebih terperinci, penulis telah menemubual sebanyak 11 orang daripada keluarga Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sahabat dan murid-murid yang bertemu langsung serta yang mengagumi beliau, Antaranya:

a. Muslim Arif dan anak-anak beliau (anak dan cucu kandung Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis).
b. Drs. H. Nizar Syarif (Bekas ketua Majlis Ulama Indonesia Sumatera Utara, sahabat serta murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis)
c. Prof. Dr. H. Hasballah Thaib (Pengurusi Yayasan al-Manar Medan, beliau juga merupakan murid Syeikh)
d. Dr. H. Abdullah AS (Graduan PhD Universiti Malaya Malaysia, pensyarah kanan jabatan al-Qur’an Hadith, Institut Agama Islam Medan, beliau juga murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis)
e. Drs. Kamidin Situmorang (Ketua Yayasan Al-Jam’iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan, murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis)

f. Drs. H. Mukhtar Amin (Tata Usaha Perguruan Al-Jam'iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan, murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis)
g. Drs. Usman Batu Bara (Hubungan Masyarakat Al-Jam'iyatul Washliyah Medan, murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis)
h. Edi Zuhrawardi Pane, SH (Pergerakan Pemuda Al-Jam'iyatul Washliyah Medan, murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis)
i. Dr. H. Sulaiman Amir (Pensyarah Ulumul Hadith fakulti Usuluddin, Institut Agama Islam Negeri Medan).
j. Zia Ul Haq MA (Pensyarah Ilmu Tasawuf fakulti Dakwah, Institut Agama Islam Negeri Medan).
k. H. Muhammad Rozali MA (Program PhD UIN SU Medan and PhD Australian National University Canberra in proses, Pensyarah Sejarah Peradaban Islam fakulti Tarbiyah UIN SU Medan).

Sebelum menemubual responden penulis terlebih dahulu membuat temujanji untuk mendapatkan masa yang sesuai supaya proses ini berjalan dengan jayanya. Semasa sesi temubual dijalankan penulis telah menggunakan pita rakaman sebagai alat pembantu kelancaran temubual bagi mengelakkan tertinggalnya data-data yang disampaikan, di samping mencatat apa-apa yang perlu dan bersesuaian dengan skop yang dikaji. Ternyata metode ini secara tidak langsung telah menolong penulis dalam mengumpulkan data-data yang relevan dengan skop kajian yang dikaji.

2. Metode Soal Selidik

Selain daripada menggunakan metode temubual, pengedaran borang soal selidik (questionnaire) juga digunakan dalam kajian ini bagi menguatkan lagi

maklumat kajian. Soal selidik adalah satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpulkan maklumat untuk tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Oleh itu, soal selidik adalah suatu kaedah yang penting dalam mengambil maklumat daripada sampel kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan satu set borang soal selidik untuk mendapat maklumat tentang faktor tarikan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang dibincangkan dalam bab empat. Borang soal selidik diedarkan seperti berikut:

A. Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi adalah keseluruhan fenomena yang ingin dikaji atau merupakan jumlah keseluruhan unit yang digunakan dalam kajian.[39] Populasi dalam kajian ini ialah golongan bukan Islam yang sekarang Mualaf suku Batak yang terlibat dalam anggota organisasi Jemaat Batak Muslim Indonesia. Bagi mendapatkan sampel yang sesuai, pengkaji telah menetapkan bilangan sampel responden adalah seramai 100 orang. Sebanyak 100 set borang soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji sendiri.

B. Kajian Rintis

Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, satu kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan (reliability) borang soal selidik. Kajian rintis telah dilakukan ke atas 30 orang responden yang sedang mengikuti pengajian kuliah bulanan di majlis ta'lim Jemaat Batak Muslim Indonesia di Medan. Kajian rintis dilaksanakan ke atas sampel yang sejenis dengan

[39] Syed Arabi Idid, *Kaedah penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. (Kuala Lumpur: DBP, 2002), 52.

sampel yang sebenar kajian. Hasil daripada kajian rintis ini membolehkan pengkaji mengenalpasti kelemahan dan kekuatan instrumennya.[40] Berdasarkan hasil analisis tersebut, kelihatan nilai pekali kebolehpercayaan bagi data kajian ini adalah tinggi 0,9 , sekiranya nilai pekali kebolehpercayaan kurang daripada 0,6 maka boleh dianggap instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah.[41]

1.9.3 Analisis Data

Proses ini melibatkan penelitian, penilaian, penyusunan dan pemerhatian terhadap keseluruhan distribusi data yang ada. Setelah semua data yang diperlukan oleh penulis telah terkumpul, penulis cuba melakukan pengolahan dan penganalisis data secara kualitatif bagi memantapkan lagi kajian ini, untuk tujuan tersebut penulis akan menggunakan metode analisa data sebagai berikut:

1.9.4 (a) Metode Induktif

Metode Induktif ini merupakan satu cara menganalisis data dan membuat kesimpulan daripada beberapa data yang dianalisis yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan secara umum.[42] Penulis telah memaparkan data-data dalam penyelidikan ini data-data yang bersifat khusus dan daripada data-data tersebut penulis telah membuat kesimpulan yang bersifat umum.

Penulis telah membuat kajian yang mendalam mengenai dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, penulis telah mendapati bahawa satu-satunya

[40] Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan* (Shah Alam: API, UM dan Intel Multi Media and Publication, 2001), 62.
[41] Zaidatun Tasir & Salleh Abu, *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows.* (Kuala Lumpur: Venton Publishing Sdn. Bhd, 2003), 345.
[42] Imam Barnabib, *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan* (Yogyakarta: Penerbit FIP-IKIP, 1982), 52.

pendakwah di Sumatera Utara pada masa itu yang berdakwah dengan menggunakan cara dialog dan perdebatan ialah beliau.

1.9.4 (b) Metode Deduktif

Penulis telah menggunakan metode ini yang bersifat pola berfikir dengan mencari pembuktian yang umum terhadap hal-hal yang khusus.

Pada jangkaan penulis, penulis mendapati bahawa usaha dakwah Syeikh mampu mencegah pemurtadan pada masa itu, dan menjayakan perkembangan agama Islam di tanah Batak Medan Sumatera Utara Indonesia.

1.10 Susunan Penulisan

Untuk mempermudah dalam kajian ini, maka penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab sebagaimana berikut :

Bab Pertama: akan dikemukakan sebuah pendahuluan yang mencakup pengenalan, latar belakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi tajuk, ulasan kajian lepas (*literature review*), metodologi kajian dan susunan penulisan.

Bab Kedua: dalam bab kedua ini penulis akan menghuraikan tentang dakwah, pendahuluan yang berkaitan dengan makna, dasar, hukum dan media dakwah. Kandungan dakwah yang mencakup tentang materi, tujuan, metode,

pelaksanaan dan keberhasilan dakwah. Serta sasaran dakwah terhadap orang Muslim dan non Muslim umat Kristian, begitu juga perspektif mengenai pendakwah.

Bab Ketiga: Penulis akan menghuraikan tentang biografi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang mencakup situasi sosial kemasyarakatan, riwayat hidup dan pendidikan beliau, guru dan murid beliau serta karya dan kontribusi beliau terhadap organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah*.

Bab Keempat: Penulis akan menjelaskan tentang non Muslim, khususnya masyarakat Kristian di Medan Sumatera Utara serta dakwah Islam dalam kalangan mereka, begitu juga akan didedahkan usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarluaskan agama Islam. Penulis juga mengungkapkan rintangan dan hambatan yang dihadapi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam dakwah serta implikasi dakwah beliau terhadap perkembangan Islam di Indonesia, khususnya di Medan Sumatera Utara.

Bab Kelima: penutup yang terdiri dari kesimpulan dan saranan.

BAB II

TINJAUAN UMUM TENTANG DAKWAH

2.1. Pendahuluan

Islam adalah agama dakwah, agama Islam akan tersebar luas sebagaimana janji Allah SWT melalui sabda Rasulullah SAW:

لَيَبْلُغُنَّ هَذاَ الأمْرَمَا بَلَغَ اللَّيْلَ وَ النَّهَار

Terjemahan: Perkara ini (Islam) pasti akan tersebar sebagaimana tersebarnya siang dan malam.[43]

Namun penyebaran agama Islam kepada umat manusia melalui aktiviti dakwah bukan melalui pemaksaan, kekerasan, kekejaman dan lain-lain. Ajaran Islam tidak membenarkan penganutnya melakukan pemaksaan terhadap umat manusia untuk menjadi penganutnya.

Ada dua alasan yang menyebabkan umat Islam tidak dibenarkan memaksa umat manusia menganut agama Islam, antaranya ialah:

1. Islam adalah agama yang benar serta ajaran agama Islam dapat diuji kebenarannya secara ilmiah, sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُ ١٩

Ali-‘Imran 3: 19

Terjemahan: Sesungguhnya agama yang di sisi Allah itu ialah agama Islam.

[43] Hadith riwayat Imam Ahmad, Abū Abdullāh al-Shaibānī Ahmad Ibn Hambal(t.t), *Musnat Ahmad Ibn Ḥambal*, Bab Tamīm al-Dārī, no. Hadith 16998. (Kaherah: Muassasah Qardoba), 4: 103.

2. Hidayah merupakan hak prerogatif Allah SWT, tidak ada seorang pun yang mampu dan berhak memberikan hidayah ke dalam kalbu seorang manusia kecuali Allah SWT, sebagaimana Allah SWT tegaskan dalam firman-Nya:

إِنَّكَ لَا تَهْدِى مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Al-Qashash 28: 56

Terjemahan: Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya, dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mahu menerima petunjuk.

Kedua alasan tersebut, berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran berikut:

لَآ إِكْرَاهَ فِى ٱلدِّينِ ۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشْدُ مِنَ ٱلْغَىِّ ۚ فَمَن يَكْفُرْ بِٱلطَّٰغُوتِ وَيُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ لَا ٱنفِصَامَ لَهَا ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Al-Baqarah 2: 256

Terjemahan: Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. karena itu Barang siapa yang ingkar kepada Taghut dan beriman kepada Allah, Maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang Amat kuat yang tidak akan putus. dan Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.

Umat Islam harus meyakini bahawa agama Islam merupakan suatu kebenaran maka Islam menurut fitrah, ianya harus tersebar luas dan menjadi kewajipan bagi umatnya berdakwah untuk menyebarkan agama Islam dengan metode yang menarik lagi mempesona sesuai dengan misi Islam sebagai agama رَحْمَةً لِّلْعَالَمِيْنَ (rahmat bagi sekalian alam).

Sehingga manusia menyaksikan bahawa kehadiran Islam bukanlah sebagai ancaman bagi mereka, tetapi sebagai pembawa kedamaian dan ketenteraman dalam

kehidupan mereka untuk membawa umat manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.

Dakwah merupakan tanggungjawab semua umat Islam, dengan demikian Allah SWT nyatakan melalui al-Quran dalam surah Ali-Imran 3: 104. ”Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar”.

Begitu juga firman Allah dalam ayat yang lain:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

Fushshilat 41: 33

Terjemahan: Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang salih, dan berkata: "Sesungguhnya aku Termasuk orang-orang yang menyerah diri”.

2.1.1 Pengertian Dakwah

A. Dakwah Menurut Bahasa

Kata dakwah berasal dari Bahasa Arab, dakwah sebagai bentuk masdar dari kata kerja “*da-aa ”yad-u*. Menurut Prof. Hj. Mahmud Yunus kata dakwah mempunyai dua akar kata iaitu: دعا – يدعو – دعوة ertinya: menyeru – memanggil – mengajak .

دعا – يدعو – دعاء

Ertinya: memanggil – mendoa – memohon.

Orang yang berdakwah disebut *da'i* diambil dari kata داع yang jamaknya دعاة ertinya yang berdakwah, yang menyeru, yang memanggil dan yang berdoa. *Da'i* disebut juga mubaligh, ertinya yang menyampaikan.[44]

Kata dakwah menurut erti bahasa mempunyai beberapa erti antara lain:

1. Mengharap dan berdoa kepada Allah SWT. Misalnya: (*da-allahu*): ertinya: (*raja' minhul khayra)*. Contoh dalam al-Quran:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟
لِى وَلْيُؤْمِنُوا۟ بِى لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

Al-Baqarah 2: 186

Terjemahan: Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepada kamu tentang Aku, Maka (jawablah), bahawasanya aku adalah dekat. aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, Maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran.

2. Memanggil dengan suara lantang, menyeru dan melaung.[45] Contoh dalam Al-Quran:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن تَقُومَ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ بِأَمْرِهِۦ ۚ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ
إِذَآ أَنتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾

Ar-Ruum 30: 25

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah berdirinya langit dan bumi dengan iradat-Nya. kemudian apabila Dia memanggil kamu sekali panggil dari bumi, seketika itu (juga) kamu keluar (dari kubur).

3. Mendorong seseorang untuk menganut sesuatu keyakinan tertentu. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

---

[44] Hasanuddin, *Hukum Dakwah* (Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya,1996), 25-26.
[45] Ab. Aziz bin Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 1.

أُوْلَٰٓئِكَ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلنَّارِۖ وَٱللَّهُ يَدۡعُوٓاْ إِلَى ٱلۡجَنَّةِ وَٱلۡمَغۡفِرَةِ بِإِذۡنِهِۦۖ وَيُبَيِّنُ
ءَايَٰتِهِۦ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ٢٢١

Al-Baqarah 2: 221

Terjemahan: Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan ampunan dengan izin-Nya. dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran.

Adapun makna yang lebih dekat dengan pengertian dakwah menurut istilah ialah dakwah yang mempunyai erti mendorong seseorang untuk menganut sesuatu keyakinan tertentu.[46]

B. Dakwah Menurut Istilah

Para *da'i* telah banyak menulis dan mendalami masalah dakwah, serta mereka telah mengemukakan definisi tentang dakwah menurut redaksi dan susunan bahasa mereka masing-masing, namun dalam pengertian dan maksud yang tidak jauh berbeza, bahkan definisi mereka saling melengkapi antara satu sama lain.

Dengan demikian penulis akan mengemukakan beberapa definisi menurut pandangan tokoh-tokoh ulama yang menulis mengenai dakwah:

1. Al-Khūlī dalam kitabnya "*Tadzkirah al-Duāt*" menjelaskan bahawa dakwah itu bermaksud memindahkan umat dari suatu situasi ke situasi yang lain.
2. Ali Mahfuzh dalam kitabnya "*Hidayatul Mursyidin*" mendefinisikan dakwah sebagai berikut:

[46] K. H. M. Isa Anshary, *Mudjahid Da'wah* (Bandung: CV. Diponegoro, 1964), 14.

حَثّ النَّاسِ عَلَى الْخَيْرِ وَالْهُدَى وَالْأَمْرِ بِالْمعْرُوفِ وَالنَّهْيِ عَنِ الْمُنْكَرِ لِيَفُوزُوا بِسَعَادَةِ الْعَاجِلِ وَالْأَجِلِ

Terjemahan: Memotivasikan umat manusia melakukan kebaikan dan mengikuti petunjuk serta memerintahkan mereka berbuat makruf dan mencegahnya dari perbuatan mungkar agar mereka memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.[47]

Dari definisi-definisi yang dikemukakan di atas, jelaslah dakwah merupakan suatu aktiviti yang mempunyai tujuan tertentu, yang mana dengan aktiviti tersebut dapat mendorong manusia untuk menganut agama Islam melalui cara yang bijaksana dengan melaksanakan ajaran Islam yang sempurna untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.

2.1.2 Dasar Dakwah

Dakwah dalam Islam merupakan suatu aktiviti yang paling mulia, beruntunglah orang-orang yang melaksanakannya, ia juga merupakan perintah Allah SWT sesuai dengan firman-Nya:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Ali ‘Imran 3:104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung.

Adapun dasar dakwah ada dua:

1. Dakwah berdasarkan Al-Quran

[47] Ali Mahfuz, al-Syeikh (t.t.), *Hidāyah al-Mursyidīn Ilā Ṭuruq al-Wa'az al-Khiṭābah*. ed. Ke-9. (Beirut: Dār al-I'tisam). Hasanuddin, "*Hukum Dakwah*," 28.

Dalam al-Quran banyak ayat yang menunjukkan tentang dakwah, agar umat manusia senantiasa menjalankan amar makruf nahi mungkar demi untuk menjaga kehidupan daripada kerosakan-kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri. Antaranya firman Allah SWT:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ﴿١١٠﴾

Ali ‘Imran 3:110

Terjemahan: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah.

2. Dakwah berdasarkan Hadith

Dalam hadith Rasulullah SAW menjelaskan keutamaan-keutamaan orang yang berdakwah menyeru kepada kebaikan dan memberi ancaman-ancaman dengan bala bencana kepada orang yang membiarkan kemungkaran bermaharajalela di muka bumi Allah SWT. Hadith riwayat dari Huzaifah Bin Yaman, Rasulullah SAW bersabda:

والَّذِيْ نَفْسِيْ بِيَدِهِ لتأمرُنَّ بالْمَعْرُوْفِ وَلتَنهوُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ ولْيُوشِكَنَّ اللهُ أنْ يَبْعَثَ عليكُمْ عقاباً مِنْهُ فَتَدْعُونَهُ فَلاَ يَسْتَجِيْبُ لكُمْ

Terjemahan: Demi diri saya yang ada di tangannya, apakah kamu menyeru berbuat makruf dan mencegah kemungkaran atau Allah SWT akan menimpakan kepada seksaan yang apabila kamu berdoa kepadanya, maka Allah SWT tidak akan memperkenankan doa kamu.[48]

Begitu juga sabda Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى منْكُمْ مَنْكَرًا فَلْيُغَيّر بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِيْع فَبِلِسَانه فإِنْ لَمْ يَسْتَطِيعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيْمَانِ

[48] Hadith riwayat Tirmizi, Muhammad bin Isa al-Tirmidhi Abu Isa, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharh al-Tirmidhī, “ Kitab al-fitan”*. no. Hadith 2169. Kaherah: (Maktabah Muṣṭafā al-Baby al-Halaby, 2001). 4: 468.

Terjemahan: Siapa sahaja di antara kamu melihat kemungkaran hendaklah mengubah dengan tangannya. Jika tidak sanggup maka ubahlah dengan lidahnya kalau juga tidak sanggup maka dengan hatinya, Ini ialah selemah-lemah Iman.[49]

2.1.3 Hukum Dakwah

Hukum dakwah berdasarkan sejumlah dalil dari Kitabullah dan as-Sunnah ialah wajib bagi orang Muslim, adapun dalil-dalil tentang wajibnya berdakwah sangat banyak, antaranya firman Allah SWT surah Ali ‘Imran ayat 104 yang telah disebutkan. Berdasarkan ayat tersebut Allah SWT menjelaskan bahawa para pengikut Rasulullah SAW adalah para *du’at* yang menyeru kepada Allah dan mereka adalah *ahlul basho’ir* iaitu orang-orang yang memiliki hujah yang nyata. Oleh itu dakwah merupakan suatu kewajipan sebagaimana telah maklum bahawa umat Islam wajib mengikuti Baginda dan meniti di atas manhaj kerasulan Baginda sallallahu ‘alaihi wassalam. Sesuai dengan firman Allah SWT sebagai berikut:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُواْ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْآخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Al-Ahzab 33: 21

Terjemahan: Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi kamu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan Dia banyak menyebut Allah.

Sebahagian ulama menjelaskan bahawa dakwah kepada Allah SWT hukumnya” *fardu kifayah* “ selama negeri-negeri memiliki para *du’at* yang tinggal di dalamnya, kerana sesungguhnya setiap negeri dan wilayah memerlukan dakwah dan

[49] Hadith riwayat Muslim, Muslim bin al-Ḥajjāj Abul Husin al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī,* Kitab al-Īmān. no. Hadith 78. (Kaherah: Dār Ibnu Jauzī, 2001), 2: 21.

memerlukan *antusiasme* (semangat yang kuat) dalam dakwah, dengan demikian dakwah hukumnya fardu kifayah. Apabila telah ada orang yang menegakkan dakwah maka gugur kewajiban dakwah bagi yang lain dan dakwah pada saat itu menjadi *sunnah mu'akkadah* dan termasuk amal salih yang mulia.

Berdasarkan tinjauan terhadap negeri-negeri di seluruh penjuru dunia secara umumnya, maka wajib ada sekelompok manusia yang berusaha menjalankan dakwah, dengan menyampaikan risalah Allah dan menjelaskan perintah serta larangan Allah SWT dengan segala cara yang memungkinkan dakwah itu sampai kepada masyarakat. Sebagaimana Rasulullah SAW telah mengutus para delegasi dan mengirimkan surat-surat kepada manusia, kerajaan-kerajaan dan para pembesar dalam rangka mengajak mereka ke jalan Allah SWT.

Dengan demikian dapat diketahui bahawa dakwah hukumnya boleh jadi *fardu 'ain* dan juga *fardu kifayah* mengikut keadaan semasa. Dakwah merupakan suatu hal yang *relatif* yang berbeza-beza menurut keadaannya. Dakwah ada kalanya menjadi *fardu 'ain* ke atas suatu kaum atau individu, terkadang pula menjadi sunnah atas individu atau kaum lainnya, disebabkan pada suatu daerah tersebut ada orang yang menegakkan dakwah sehingga telah mencukupi bagi mereka.[50]

Merujuk kepada keadaan sekarang, terdapat banyak penyebaran dakyah yang menyeru kepada ideologi yang menyesatkan, merosak ajaran agama, mengingkari Tuhan, kenabian dan hari akhirat serta dakwah *mubaligh* Kristian terhadap umat Islam di negara-negara yang majoriti Muslim untuk memurtadkan orang-orang Islam. Dengan mencermati semua kegiatan-kegiatan yang menyesatkan tersebut

[50] Hasanuddin, "*Hukum Dakwah*," 46-48.

maka sesungguhnya dakwah kepada ajaran Islam yang sempurna pada situasi sekarang adalah wajib secara umum, wajib bagi seluruh umat Islam, terutama para ulama dan para penguasa yang beragama Islam. Kewajipan ini adalah untuk menyampaikan agama Allah dengan segala kemampuan dan usaha, baik dengan tulisan mahupun lisan, dan dengan menggunakan segala media informasi masa kini.

Umat Islam jangan bersifat pasif serta melemparkan tanggungjawab dakwah kepada orang lain, kerana sesungguhnya yang diperlukan ialah *ta'awun*, saling bekerjasama dan saling membantu dalam urusan dakwah. Sesungguhnya musuh-musuh Allah, mereka saling bekerjasama dengan segala prasarana yang ada untuk menghalang manusia dari jalan Allah, menyebarkan keraguan tentang agama Allah dan mengajak manusia keluar dari agama Allah SWT.[51]

2.1.4 Media Dakwah

Media berasal dari perkataan Latin, iaitu *mediare*. Kata media dari sudut bahasa yang ertinya: perantara komunikasi atau alat perhubungan.[52] Sedangkan dari sudut istilah bererti segala sesuatu yang dapat dijadikan perantara untuk mencapai tujuan yang dimaksudkan. Dengan demikian media dakwah ialah merupakan sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat untuk mencapai matlamat dakwah yang mulia. Media dakwah tidak hanya terhad melalui lisan sahaja seperti khutbah, ceramah, pidato atau melalui tulisan seperti buku-buku, surat khabar dan majalah, akan tetapi boleh juga melalui media elektronik seperti radio, televisyen, *tape recorder*, terutama pada zaman teknologi maklumat yang lebih luas jangkauannya sekarang.

---

[51] Ab. Aziz bin Mohd. Zin, "*Pengantar Dakwah Islamiah*, 28-29.
[52] Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 750.

Pada zaman moden, muncullah pelbagai *instrumen* yang dapat digunakan untuk kepentingan dakwah. Adapun media dakwah dilihat dari instrumennya dapat digolongkan kepada empat sifat, iaitu yang bersifat media *visual, auditif, audio visual* dan media cetak.[53]

2.1.4.1. Media Visual

Media visual yang dimaksudkan di sini ialah perangkat-perangkat visual yang dapat digunakan menjadi tunjang kepada dakwah melalui indera penglihatan. Adapun media visual yang boleh dimanfaatkan untuk kepentingan dakwah, antara lain:

a. Film Slide

Film Slide adalah berupa filem yang dapat dilihat langsung gambar hasil dari filem positif yang telah ditangkap kamera dan hasil gambar biasanya ditayangkan langsung di projektor.[54]

b. Projektor

Projektor adalah peralatan elektrik yang dapat menayangkan atau memaparkan satu imej di atas sekeping skrin tayangan besar atau yang bersesuaian dengan peralatan tayang tersebut. *Overhead Projector* (OHP), adalah projektor yang dipergunakan untuk memancarkan objek yang tembus cahaya (transparen). Pancarannya diterima oleh layar atau alternatifnya, contohnya dinding. Objek yang dimaksudkan adalah filem transparens (misalnya: *polifinil asetat*) yang diberi tulisan

[53] Slamet Muhaemin Abda, *Prinsip-Prinsip Metodologi Dakwah.* ed. 1. (Surabaya: Usaha Nasional, 1990), 90-99.
[54] *Ibid.*

atau gambar, sehingga bila dipancarkan pada layar akan tergambar bayangan tulisan atau gambar yang ada pada filem transparens.

c. Gambar dan Foto

Dengan gambar dan foto dapat dimengerti oleh orang lain konsep, pemikiran dan *idea* yang ingin disampaikan. Bahasa gambar jauh lebih *komunikatif* dibandingkan dengan bahasa tulisan. C. Leslie Martin (merupakan seorang seni bina grafik, seni umum lukisan mekanikal teknologi dan kejuruteraan berasal dari University of Michigan, 1968 M) mengatakan "*one picture is better than a thousand words*". Bahasa lisan dan tulisan memiliki keterbatasan di samping kelebihan-kelebihan yang dimilikinya. Bahasa lisan dan tulisan mengundang imaginasi dengan perbezaan-perbezaan interpretasi visual. Ruang interpretasi sangat bergantung pada kebijaksanaan dan latar belakang pendidikan seseorang saat menerima informasi tersebut. Paparan gambar melengkapi bahasa lisan dan tulisan dalam kaitan menjelaskan keberadaan sesuatu objek (perkara yang ingin disampaikan). Gambar memiliki kemampuan untuk memaparkan sesuatu dengan lebih terperinci dan membatasi ruang interpretasi seseorang.

2.1.4.2. Media Auditif

Iaitu alat-alat yang dapat digunakan sebagai prasarana untuk tujuan dakwah, yang dapat ditangkap melalui indera pendengaran, seperti radio, *tape recorder*, telefon dan telegram.

a. Telefon dan Telegram

Telefon merupakan alat komunikasi vokal secara langsung dari dua hala tanpa harus bertemu muka. Telefon mula dihasilkan pada tahun 1875 M oleh Alexander Graham Bell[55] yang berketurunan Scotland. Sementara itu pada tahun 1847-1931 M Thomas Alva Edison[56] berketurunan Amerika Syarikat telah mencipta dan menyempurnakan mesin telegram yang secara automatik dapat mencetak huruf.

Pada awalnya telefon dan telegram hanya digunakan untuk komunikasi sahaja. Kemudian dalam perkembangannya juga dapat digunakan sebagai media dakwah yang efektif. Dengan telefon pendakwah dapat mengajak orang lain untuk berbuat baik melalui percakapan-percakapan yang biasa diselitkan dengan pesanan-pesanan dakwah. Begitu juga dengan telegram pendakwah dapat mengirimkan pesanan-pesanan dakwah secara singkat.[57]

Adapun kelebihan dakwah melalui telefon dan telegram adalah terciptanya komunikasi secara langsung tanpa harus bertemu muka dan juga dapat digunakan untuk berdakwah dalam kalangan orang-orang yang hidup di bandar yang sentiasa disibukkan oleh pelbagai kegiatan seharian. Adapun sisi kelemahannya ialah hanya terhad untuk kalangan orang-orang tertentu sahaja kerana memerlukan kos yang agak besar.[58]

---

[55] Alexander Graham Bell (1847-1922M) ialah seorang sarjana Amerika, pencipta telefon. Meneruskan pekerjaan ayahnya, Alexander Melville Bell memajukan pendidikan orang tuli. Pada tahun 1865 memikirkan kemungkinan menyiarkan suara dengan gelombang elektrik lalu menemukan prinsip-prinsipnya (1875M) dan menyiarkan ayat-ayat pertama pada tahun 1876M, kemudian ia mendirikan perusahaan Bell Telephone Co pada tahun 1877M. *Ensaiklopedia Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Titiwangsa Sdn. Bhd), 1: 74-75.

[56] Thomas Alva Edison (1847-1931M) ialah seorang pencipta bangsa Amerika, ciptaannya yang pertama ialah transmitter (pesawat pengirim) dan pesawat penerima telegraf automatik, suatu sistem yang dapat mengirimkan empat pesan sekaligus, dan sistem stock-sticket yang diperbaikinya. Ia mendapatkan transmitter telefon dari karbon (arang) dan fonograf yang baik untuk pertama kali. Pada usia sebelas tahun dia mulai bekerja menjual surat khabar dalam suatu perusahaan kereta api swasta, yang akhirnya dia berdikari sehingga mempunyai makmal besar . Edison dalam usia agak lanjut menderita penyakit tuli sama sekali, sampai meninggal pada 18hb Oktober 1931M. *Ensaiklopedia Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Titiwangsa Sdn. Bhd), 2: 160-161.

[57] Slamet Muhaemin Abda, "*Prinsip-Prinsip Metodologi Dakwah,"* 95.

[58] *Ibid*., 96.

b. Radio

Radio adalah siaran dan pengiriman suara atau bunyi melalui udara. Pada awalnya radio digunakan orang untuk mengirim berita jarak jauh tanpa wayar, kemudian berkembang fungsinya menjadi media komunikasi, media pendidikan, hiburan bahkan menjadi media dakwah.

Berdakwah melalui radio sangat efektif kerana pancaran radio dapat melangkaui pelbagai penjuru dunia, radio juga harganya berpatutan dan mampu dimiliki bagi setiap keluarga, dengan demikian dakwah dapat didengari oleh semua pendengar secara sistematik. Dengan demikian, sasaran dakwah melangkaui sehingga ke pelosok-pelosok perkampungan. Ia juga memberikan pilihan kepada pendengar mendapat input dakwah secara interaktif pada waktu pagi. Dalam masa yang sama, usaha ini dapat memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat bagi melahirkan umat yang progresif dan berakhlak mulia.[59] Berdakwah melalui radio sangat masyhur penggunaannya bagi para da'i masa kini, umpamanya radio IKIM FM dan pemancar radio-radio lainnya yang menyelipkan siaran Islam untuk para pendengar.

Kelebihan radio sebagai media dakwah, antaranya ialah :

1. Mesejnya mudah sampai kepada masyarakat sebagai sasaran dakwah
2. Radio mampu menyampaikan banyak informasi
3. Radio boleh dibawa ke mana-mana.
4. Dapat dimiliki dengan kos yang murah
5. Radio sangat signifikan dengan masyarakat yang menjadi budaya sehingga kini.

[59] Ruzain Syukur Mansor, *Dakwah dan Teknologi Maklumat* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011), 11.

Adapun kelemahan radio sebagai media dakwah ialah:

1. Terikat dengan waktu siaran
2. Terjadi gangguan pemancaran
3. Siarannya jarang diulang.

c. Tape recorder

Tape recorder adalah alat elektronik untuk merakam suara ke dalam pita kaset, kemudian dari pita kaset tersebut dapat dihasilkan suara yang dirakam. Tape recorder juga mempunyai peranan yang amat besar dalam menjalankan dakwah, kerana suara pendakwah yang dirakam melalui *tape recorder* tersebut dapat didengar pada bila-bila masa diperlukan.

Dari sudut kelebihannya pita kaset ini dapat dicetak dalam jumlah yang banyak serta dapat disebarkan ke pelbagai penjuru dunia yang diinginkan melalui pemancar radio dan lain-lain. Sedangkan kelemahannya ialah biasanya pita kaset ini dalam bentuk yang kecil, mudah rosak, mudah hilang apabila kurang terjaga.[60]

2.1.4.3. Media Audio Visual

Iaitu alat-alat dakwah yang dapat didengar juga sekaligus dapat dilihat, seperti tayangan filem, televisyen, dan video.

[60] Slamet Muhaemin Abda, "*Prinsip-Prinsip Metodologi Dakwah,"* 95.

a. Televisyen

Kata televisyen berasal dari kata tele dan vision: yang mempunyai erti masing-masing jauh (tele) dan tampak (vision).[61] Jadi televisyen bererti suatu alat elektronik yang menayangkan suatu program dalam bentuk suara dan gambar sekaligus yang dapat dilihat dari jarak jauh melalui stesen yang memancarkannya.

Dakwah melalui televisyen dapat dilakukan dengan pelbagai cara, di antaranya dalam bentuk ceramah, cerita, drama dan lain-lain. Pada masa kini sering ditayangkan para da'i dan tokoh-tokoh dakwah terkini di pelbagai media televisyen, terutama di TV al-hijrah dan televisyen-televisyen lainnya yang menyajikan pelbagai macam program dakwah seperti cinta ilmu, tanyalah ustaz dan ustazah, imam muda, adik-adik dan alqur'an, mari bertarannum dan sebagainya.

Penonton juga dapat mengikuti dakwah seakan-akan dia berhadapan langsung dengan pendakwah, apalagi jika pendakwah tersebut benar-benar mampu menyajikan dakwahnya dalam bentuk yang disenangi oleh masyarakat ramai. Dengan demikian aktiviti dakwah dapat mencapai sasaran dakwah yang sebenarnya.

Kelebihan dakwah melalui televisyen adalah dapat melangkaui kawasan yang cukup luas, dan orang yang mengikuti seri dakwah melalui televisyen tidak harus menyiapkan diri secara rasmi seperti mengikuti pengajian, mereka boleh mengikutinya sambil berehat ataupun sambil duduk bersama ahli keluarga.

[61] Televisyen (TV) merupakan salah satu kaedah komunikasi yang penting. TV membawa gambar dan suara dari seluruh dunia ke setiap rumah yang memilikinya. Perkataan "*television"* terbentuk dari gabungan perkataan *tele* (jauh) dari bahasa Greek dan *visio* (penglihatan) dari bahasa Latin. Gambar dan bunyi yang diterima oleh peti TV disalurkan oleh stesen TV melalui isyarat elektronik yang dikenali sebagai gelombang *electromagnet. Ensiklopedia Dunia*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 21: 255.

Televisyen juga mempunyai beberapa kelemahan sebagai media dakwah, televisyen hanya dapat dimiliki oleh kalangan menengah disebabkan kosnya yang agak mahal.[62]

b. Video

Video ialah teknologi untuk menangkap, merakam, memproses, mentranskripsikan dan menayang ulang gambar bergerak. Biasanya menggunakan *filem seluloid, signal elektronik*, atau *media digital.* Video juga dikatakan sebagai gabungan gambar-gambar yang ditayangkan secara berturutan dalam suatu waktu tertentu (*slide show*). Video ini fungsinya hampir sama dengan televisyen, hanya sahaja programnya dapat disusun sendiri tidak bergantung pada penyiaran pusat seperti televisyen.

Menggunakan video dalam usaha dakwah merupakan hal yang baik sekali kerana program dalam video dapat disusun sesuai keinginan pendakwah dan dapat disiarkan bila-bila masa yang sesuai dan diperlukan.

Adapun kelebihan dakwah melalui video adalah sangat menarik untuk orang ramai dan programnya dapat disesuaikan berdasarkan keperluan penonton. Namun kelemahannya hanya dapat dimiliki oleh golongan menengah ke atas sehingga golongan masyarakat bawahan sangat terhad dalam menikmati dakwah melalui video ini.[63]

---

[62] Asmuni Syukir, *Dasar-Dasar Strategi Dakwah Islam* (Surabaya: al-Ikhlas, 1983), 177.
[63] Slamet Mehaemin Abda, "*Prinsip-Prinsip Metodologi Dakwah,"* 98.

c. Filem

Definisi filem adalah karya cipta seni dan budaya yang merupakan media komunikasi masa yang dibuat berdasarkan asas sinematografi dengan dirakam pada pita *seluloid*, pita video, piringan video, yang dapat ditayangkan dengan sistem projektor mekanik, elektronik atau lainnya.

Walaupun filem lebih bersifat hiburan dan komersial tetapi biasa juga dimanfaatkan sebagai salah satu media dakwah yang efektif. Dengan mengisi pesan-pesan dakwah melalui naskhahnya dan senario begitu juga pada saat *shooting* dan *acting* nya.

Kelebihan berdakwah melalui filem adalah sangat mudah menarik kerana filem biasanya mempunyai informasi yang teratur dengan baik, sehingga menarik untuk ditonton, serta mudah dijangkau oleh pelbagai kalangan masyarakat di samping mudah ditayangkan di mana-mana sesuai dengan keperluan dan keadaan. Adapun kelemahannya adalah proses dalam pembuatannya lama dan memerlukan kos yang tinggi serta harus memiliki kemahiran dan kepakaran.[64]

2.1.4.4. Media Cetak

Iaitu cetakan dalam bentuk tulisan dan gambar sebagai pelengkap informasi tulis seperti buku, surat khabar, majalah, buletin.

a. Buku

Buku merupakan salah satu media penyampai informasi dalam masyarakat yang berisi tulisan yang disusun dengan baik sehingga orang yang membacanya dapat memperoleh informasi dan memperluas ufuk pemikirannya.

[64] Slamet Muhaemin Abda, "*Prinsip-Prinsip Metodologi Dakwah,"* 96.

Buku adalah gudang ilmu, demikian nasihat lama yang sering didengar. Melalui buku pembaca akan menemukan inspirasi, motivasi, dan pelbagai khazanah ilmu pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa dengan buku dapat menyebarkan informasi dakwah, terutama bagi pendakwah, mereka dapat menulis dan menerbitkan buku-buku yang berisi pesanan dakwah, sebagaimana yang dilakukan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis semasa hidupnya, beliau telah menulis lebih dari 30 buah buku dalam bahasa yang berbeza, termasuk bahasa Batak, sehingga beliau dikenal sebagai seorang penulis yang aktif dan produktif.

Adapun kelebihan dakwah melalui buku ialah dapat digunakan dalam jangka masa yang sangat lama, sehingga pada hari ini masih boleh dijumpai pelbagai manuskrip di muzium dan di perpustakaan yang berumur ratusan tahun. Dengan demikian, jelaslah bahawa buku merupakan hal yang penting dalam berdakwah, apalagi dengan penulisan ilmiah yang mampu merangsang masyarakat untuk membacanya.

Namun buku juga punya kelemahan. Antaranya ialah masih ramai daripada kalangan masyarakat yang tidak faham akan kepentingan membaca, sebagaimana ayat yang pertama kali turun dari Allah SWT kepada baginda Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibrail yang memerintahkan supaya membaca *"Iqra",* demikian Malaikat Jibrail meminta Muhammad SAW sampai tiga kali mengulanginya. Demikianlah pentingnya membaca sehingga ayat ini merupakan firman Allah SWT pertama kepada manusia.

b. Surat Khabar

Surat khabar merupakan media komunikasi massa yang diterbitkan secara berkala, ada yang terbit di pagi hari dan ada pula di petang hari. Surat khabar juga berupa lembaran yang berisi berita-berita, karangan-karangan, dan iklan yang dicetak secara tetap atau berkala dan dijual kepada umum.

Dakwah melalui surat khabar sangat efektif kerana cepat beredar ke pelbagai penjuru. Bagi pendakwah yang mahu dan mampu berdakwah melalui surat khabar, ini merupakan suatu bentuk penyampaian pesanan dakwah yang baik, dengan menggunakan bahasa yang ringan dan mudah difahami. Ianya tentu akan menarik banyak pembaca.

Kelebihan berdakwah melalui surat khabar ialah mampu menyebarkan informasi secara cepat dan menyeluruh, kosnya murah dan penerbitannya setiap hari. Namun kelemahannya juga ada apabila penulisnya menggunakan bahasa yang kaku dan susah difahami maka pembaca tidak tertarik untuk membeli dan membacanya.[65]

c. Majalah dan Buletin

Majalah dan buletin sangat berbeza dengan surat khabar. Ianya tidak terbit setiap hari, biasanya ia terbit setiap sebulan sekali atau seminggu sekali dalam bentuk buku. Majalah biasanya terbit untuk pembaca yang umum, dan lebih mementingkan tarikan pada bahan yang ditulis dan juga maklumat-maklumat yang terkini.

[65] Asmuni Syukir, *Dasar-Dasar Strategi Dakwah Islam*, 178.

Manakala buletin pula terbit untuk pembaca yang khusus, umpamanya buletin yang diterbitkan oleh salah satu institusi atau pertubuhan tertentu, yang mana pembacanya adalah orang-orang yang terbabit dalam institusi tersebut.

Fungsi antara majalah dan buletin sama sahaja, yang mana kedua-duanya untuk menyebarkan informasi kepada pembacanya dan menyampaikan pesanan yang ditulis oleh penerbit tersebut. Setiap majalah dan buletin mempunyai ciri-ciri tersendiri, ada yang bercirikan politik, ekonomi, sosial, pendidikan, kesenian, agama, olahraga, kesihatan dan lain-lain. Walaupun majalah dan buletin mempunyai ciri tersendiri namun ianya masih boleh difungsikan sebagai media dakwah dengan menyelitkan pesanan dakwah dalam kolum-kolum yang bersesuaian dengan kehendak penerbitnya. Demikianlah yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sebagai pemimpin majalah-majalah Islam, antaranya majalah fajar Islam di Medan Sumatera Utara pada tahun 1928-1945 M. Beliau juga menerbitkan majalah dalam bahasa Arab yang bernama majalah ulum al-Islamiah pada tahun 1939 M.

Kelebihan berdakwah melalui majalah dan buletin ialah boleh menyampaikan pesanan dakwah yang bersesuaian dengan ciri-ciri majalah atau buletin tersebut. Sedangkan kekurangannya ialah lambat dalam penyebarannya, memerlukan masa dalam penerbitan siri berikutnya.[66]

Pada masa kini maklumat tentang Islam telah tersebar dengan luas sama ada menggunakan media konvensional atau media moden. Media ini merangkumi televisyen, radio, majalah, surat khabar, laman-laman web, penggunaan peralatan

[66] *Ibid*., 179.

multimedia seperti *compact disk, video compact disk, digital versatile disk* dan sebagainya.

Penggunaan *e*-dakwah dalam usaha menyampaikan dakwah bermakna para pendakwah perlu menyampaikan maklumat tentang Islam melalui penggunaan peralatan multimedia secara interaktif. Menurut Sikha Bagui (ialah salah seorang penolong Profesor di Jabatan Sains Universiti West Florida di Pensacola, 1988 M) multimedia ialah penggunaan teks, grafik, animasi, gambar, video dan audio digabungjalinkan menggunakan pelbagai media elektronik. Kesan penggunaan ICT (*Information Communication Technology*) tersebut dapat digunakan sebagai metode pembelajaran, perbincangan, percambahan minda, ilmu dan informasi secara dinamik dalam masa yang cepat, ringkas dan padat. [67]

Peralatan informasi moden mempunyai peranan yang sangat berpengaruh pada masa kini. Mengamati perkembangan terkini bahawa berdakwah kepada Allah SWT dengan menggunakan peralatan informasi merupakan suatu kewajipan, pendakwah perlu mengambil peluang dengan beralih kepada metode penggunaan Internet dan mengaplikasikan *e*-dakwah secara interaktif dengan masyarakat Islam ke seluruh dunia, kerana hal ini termasuk peralatan yang dapat menegakkan hujah, di antaranya dapat membuat rubrik dakwah tentang tauhid, akidah yang berkaitan dengan Asmaullah Husna dan sifatnya, rubrik dakwah dalam rangka mengikhlaskan ibadah kepada Allah *azza wa jalla*, begitu juga rubrik fikah, antaranya masalah ibadah dan *mu'amalah*. Dengan demikian penyebaran dakwah secara luas dan mencakupi banyak bidang untuk mencapai sasaran dakwah.

---

[67] Nor Raudah Hj.Siren, Yusmini Md. Yusoff dan Mahmudah HJ. Nawawi, ed., *Dakwah Islam Semasa* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 109.

Penulis akan menghuraikan tentang dakwah melalui Internet. Internet merupakan rangkaian jaringan maklumat yang tersebar di seluruh dunia. Rangkaian ini membolehkan komunikasi dua hala dan pertukaran maklumat berlangsung. Dengan Internet, pendakwah dapat berkomunikasi melalui e-mel elektronik, ia juga memberi peluang kepada pendakwah untuk memperoleh maklumat melalui *World Wide Web* atau (WWW) yang dikenali sebagai laman web.

Ada beberapa kegunaan Internet bagi tujuan dakwah, antaranya:

1. Penyediaan perisian komputer

Antara perisian yang boleh dimuat turun melalui laman web di Internet ialah:

a. Perisian komputer

Banyak perisian komputer (*software)* yang dapat membantu dan memudahkan orang Islam dalam menjalankan tugasan dakwah. Antaranya perisian yang membolehkan ayat-ayat al-Quran dimuat naik dari laman web dan dimasukkan ke dalam lembaran *Microsoft Word.*

b. Perisian penentuan azan

Ada pengisian yang boleh digunakan bagi mengingatkan waktu azan. Ia perlu diaplikasikan di dalam komputer mengikut jadual waktu dan azan akan kedengaran apabila masuk waktu solat.

2. Laman web

Wujud beberapa bentuk laman web iaitu:

a. Laman web organisasi

b. Laman web individu

Laman web organisasi mempunyai pelbagai fungsi. Di antaranya untuk memberikan maklumat mengenai sesuatu. Contohnya laman web JAKIM (*www.Islam.gov.my)* menerangkan tentang maklumat mengenai Islam di Malaysia. Ada juga sesetengah laman web yang memaparkan senarai penerbitan artikel dan buku seperti laman web Institut Kefahaman Islam Malaysia (*www.ikim.gov.my)* yang banyak memberikan informasi melalui tokoh terkenal di bidang masing-masing terutamanya hasil penyelidikan para penyelidiknya.

3. Internet Relay Chat (IRC)

Yang berfungsi untuk menghubungkan manusia walaupun dibatasi jarak dan masa. Pengguna boleh berkomunikasi dengan berada di dalam saluran jaringan seperti *Undernet, DALnet* dan lain-lain. Selain itu wujud juga kemudahan ruang sembang maya seperti *yahoo messenger,* yang membolehkan pengguna laman web *yahoo* berkomunikasi dalam talian. Urusan dakwah nyata boleh memanfaatkan kemudahan perhubungan komunikasi ini demi kepentingan bersama.[68]

Kebaikan dan Keburukan Internet

Dunia mengakui bahawa banyak kebaikan yang dibawa melalui Internet, dan terselubung juga kejahatan. Internet membolehkan manusia berhubung tanpa batasan jarak dan masa serta memudahkan segala urusan. Namun bahaya yang paling besar ialah penyelewengan fakta, terutama agenda musuh-musuh Islam yang memutar belitkan fakta mengenai agama akan menyebabkan kekeliruan, dan penyebaran ajaran Kristian serta pelbagai ajaran sesat. Begitu juga kejahatan penyebaran bahan lucah yang sangat merbahaya kepada generasi muda.

[68] Ruzain Syukur Mansur, "*Dakwah dan Teknologi Maklumat, "* 19-21.

Perisian yang dapat menyekat sesuatu laman web negatif seharusnya digunakan, terutama bagi ibu-bapa yang sepatutnya peka terhadap keperluan mengawal minda anak-anak. Yang paling penting ialah ketahanan iman dan akidah yang menjadi pendinding yang kukuh dalam menyaring maklumat yang tidak diingini.

Kemunculan golongan pendakwah yang mengaplikasikan kewujudan teknologi maklumat khususnya Internet, dapat menyingkap kepentingan Internet dan penggunaannya sebagai media dakwah masa kini.[69]

2.2 Kandungan Dakwah

2.2.1 Materi Dakwah

Materi dakwah ialah ajaran-ajaran dalam agama Islam. Ajaran agama Islam tersebut wajib disampaikan kepada manusia sehingga mereka menerima dan mengikutinya, begitu juga wajib disampaikan kepada umat Islam, sehingga umat Islam benar-benar mengetahui, memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Oleh yang demikian, mereka hidup dalam kehidupan yang sesuai dengan ketentuan-ketentuan agama Islam. Ajaran Islam dapat dibahagikan kepada 3 bahagian:

1. Akidah (Keyakinan)

Akidah merupakan pedoman bagi setiap Muslim. Akidah juga merupakan asas bimbingan bagi kehidupan seorang Muslim. Ajaran akidah merupakan misi pertama dalam dakwah Nabi Muhammad SAW ketika beliau pertama kali

[69] *Ibid.*, 22-23.

melakukan dakwah di Mekah. Dakwah Nabi dalam memperbaiki akidah penduduk Mekah pada masa itu dapat dilihat melalui kandungan ayat-ayat makkiyah, antaranya ialah:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

Al-Ikhlash 112: 1-4

Terjemahan: 1. Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; 2. "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; 3. "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; 4. Dan tidak ada sesiapapun Yang serupa dengan-Nya.

Begitu juga pembentukan akidah merupakan misi pertama bagi dakwah rasul-rasul yang diutus sebelum Nabi Muhammad SAW. Membentuk akidah maksudnya mencipta cara berfikir yang sebenar, terhadap alam dan manusia serta kehidupan. Masyarakat perlu yakin terhadap rukun iman, terutama sekali iman kepada Allah Maha Pencipta. Usaha ini merupakan asas dalam pembentukan keperibadian seorang Muslim.[70]

Akidah keyakinan seorang Muslim ialah: beriman kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab yang diwahyukan kepada para rasul, juga beriman kepada rasul-rasul alaihissalam, beriman adanya hari kiamat, adanya qada dan qadar serta masalah-masalah yang berkaitan dengan asas-asas keimanan itu.

Asas keimanan yang menjadi akidah Islamiah tersebut pernah dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW ketika baginda menjawab pertanyaan malaikat Jibrail alaihissalam:

[70] Fathi Yakan, *Strategi Hidup Secara Islam Mengajak Umat Ke Jalan Allah*, terj. Haji Megat Supian (Kuala Lumpur: Darul Iman, 199), 17.

فَأَتَاهُ جِبْرِيْلُ فَقَالَ مَا اْلإِيْمَانُ ؟ قَالَ : اَلْإِيْمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ وَمَلائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ اْلآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

Terjemahan: Maka ceritakan kepada saya (kata Malaikat) tentang Iman, sabda Rasulullah: hendaklah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatnya, kitab-kitab, rasul-rasul, hari kiamat dan beriman kepada qada dan qadar yang baik dan buruk.[71]

2. Syariah (Hukum-hakam Syariah)

Hukum merupakan peraturan-peraturan atau sistem-sistem yang disyariatkan Allah SWT untuk umat manusia, baik secara *tafṣīl* (terperinci) mahupun secara *ijmāl* (asas-asasnya sahaja), yang mana ia dijelaskan secara lengkap oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat. Asas bagi Syariah Islamiah ialah wahyu Allah yang dianugerahkan kepada Rasulullah SAW dengan tujuan untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan (kekufuran) kepada cahaya (iman).[72] Asas syariah Islamiah didasarkan kepada dua prinsip yang unik dan asas iaitu:

a). Ibadah (penyembahan) hanyalah milik Allah SWT yang tidak mempunyai sekutu.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Surah al-An'am 6: 162

Terjemahan: katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

b). Allah wajib disembah

Sebagaimana yang diperintahkan dalam kitab suci al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, Allah berfirman:

---

[71] Hadith riwayat al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu Abd Allah al-Bukhārī, *Minhah al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, "Kitab al-Īmān".* no. hadith 50. (Riyad: Maktabah ar-Rasyd, 2005), 1: 223.

[72] Al-Shaikh 'Abdul Muhsin, *Syari'ah Islamiah Dan Orang-Orang Muslim* (Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1987), 15.

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ٧

Al-Hasyr 59: 7

Terjemahan: dan apa jua perintah Yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka Terimalah serta amalkan, dan apa jua Yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang Yang melanggar perintahNya).

Hukum yang meliputi syariah ada lima bahagian:

Bahagian pertama: Ibadah iaitu suatu sistem yang mengatur tentang hubungan manusia sebagai hamba dengan Tuhannya sebagai Zat yang wajib disembah. Ibadah meliputi tatacara solat, zakat, puasa, haji dan ibadah-ibadah yang lain. Nabi Muhammad SAW bersabda:

بُنِيَ الإِسْلاَمُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلاَةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Terjemahan: Islam di bangun di atas lima perkara; 1. bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang wajib disembah dengan hak kecuali Allah dan sesungguhnya nabi Muhammad itu ialah utusan Allah, 2. mendirikan solat, 3. menunaikan zakat, 4. beribadah haji, 5. dan berpuasa pada bulan Ramadhan. HR. Al-Bukhari dari Ibnu Umar.[73]

Bahagian kedua: Hukum Keluarga (*al-Aḥwāl al-Syakhsiyyah*) meliputi hukum pernikahan, nasab, waris, nafkah dan masalah-masalah yang berada dalam ruang lingkupnya.[74]

Bahagian ketiga: Hukum-hakam yang mengatur tentang ekonomi atau *al-Muamalah al-Maliyah*, meliputi hukum jual beli, gada'ian, perburuan, pertanian dan masalah-masalah yang berada dalam ruang lingkupnya.

---

[73] Hadith riwayat al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abū Abd Allāh al-Bukhārī, *Minhah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, "Kitab al-Iman".* no. hadith 37. (Riyad: Maktabah ar-Rasyd, 2005), 1: 129.

[74] Al-Aḥwāl al-Syakhsiyyah: Merupakan hukum-hukum yang menyangkut masalah keluarga, dalam literatur fikah Islam baru dikenal pada sekitar pertengahan abad ke-19, orang yang pertama mengumumkan istilah Al-Ahwal Asy-Syakhsiyyah ialah Muhammad Qudri Pasya, seorang pakar hukum Islam di Mesir. *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 2: 92.

Bahagian keempat: Hukum Pidana (undang-undang jenayah), meliputi hukum *qishash, ta'zir* dan masalah-masalah yang berada dalam ruang lingkupnya.

Bahagian kelima: Hukum-hakam ketatanegaraan, meliputi hukum-hakam peperangan, perdamaian, *ghanimah*, perjanjian dengan negara-negara lain dan masalah-masalah yang berkaitan yang berada dalam ruang lingkup ketatanegaraan.

Hukum-hukum ini telah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW ketika baginda membina masyarakat Islam di Madinah.

3.Akhlak (Moral)

Akhlak merupakan penentu bagi perbuatan manusia dalam kehidupan ini. Terdapat dua nilai yang sangat berpengaruh dalam diri manusia iaitu: nilai baik dan buruk (*good and bad*), betul dan salah (*true and false*). Penilaian ini berlaku dalam semua aspek kehidupan manusia.

Jelas bahawa fungsi akhlak adalah untuk mengkaji dan meneliti aspek perilaku dan perbuatan manusia. Ia menilai dari segi baik atau buruknya perbuatan tersebut, apa yang patut dan apa yang tidak patut dilakukan oleh seseorang. Segala tindakan manusia yang dilakukan secara sedar dan dengan ikhtiar, sama ada hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia, hubungan dengan alam sekitar, hubungan dengan diri sendiri dan sebagainya, semuanya mengandungi nilai akhlak. Akhlak juga merupakan pendidikan jiwa yang sangat penting dalam kehidupan seseorang kerana jiwa merupakan sumber daripada perilaku manusia. Jika jiwa seseorang baik nescaya baiklah perilakunya, di mana orang tersebut dapat bersifat

dengan sifat-sifat terpuji seperti sabar, tabah, belas kasih, pemurah dan sifat-sifat terpuji lainnya. Namun, apabila jiwa seseorang itu buruk nescaya buruklah perilakunya. Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَلاَ وَ إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَ إِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلاَ وَ هِيَ الْقَلْبُ

Terjemahan: Ketahuilah! Sesungguhnya di dalam tubuh itu ada segumpal darah, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuh dan apabila ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh, ketahuilah ia adalah hati.[75]

Umat yang membangun sangat perlukan akhlak yang tinggi dan mulia, perlu kepada jiwa yang tinggi dan bersemangat kerana umat akan berdepan dengan tuntutan zaman yang baru dan tidak akan dapat dicapai kecuali dengan akhlak yang kuat dan benar. Akhlak yang terpancar daripada iman yang mendalam, pendirian yang kukuh, pengorbanan yang besar dan sanggup menanggung kesukaran. Hanya Islam yang dapat membentuk jiwa agar menjadi sempurna, Islam yang menjadikan keharmonian jiwa dan kebaikannya sebagai asas pembangunan. Allah SWT berfirman:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

Asy-Syam 91: 9-10

Terjemahan: Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, Dan Sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.

Islam menjadikan perubahan yang berlaku terhadap umatnya berdasarkan kepada perubahan akhlak dan kebaikan jiwanya. Tidak ada suatu *anasir* selain Islam yang dapat mengerakkan hati nurani, menghidupkan perasaan, mewujudkan pengawasan ke atas diri yang merupakan sebaik-baik pengawasan. Tanpa

[75] Hadith riwayat Imam Muslim, Muslim bin al-Hajjāj Abul Husin al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī, ' Kitab al-Buyū'.* no. hadith 1599. (Kaherah: Dār Ibnu Jauzī, 2001), 11: 24.

pengawasan ini undang-undang mana pun tidak akan terlaksana dalam lubuk hati, terutama pada perkara-perkara yang tersembunyi.[76] Tiga bentuk ajaran Islam ini sangat rapat kaitannya dan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Pesanan akhlak, keyakinan serta hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT ini yang menjadi materi dakwah yang harus disampaikan kepada umat manusia, baik disampaikan secara individu mahupun secara kelompok jemaah, sehingga mereka yang belum beragama Islam dapat mengerti dan memahami serta dapat menerima Islam sebagai agamanya.

Pada dasarnya tiga ajaran Islam tersebut yang sangat berpengaruh dalam memperbetulkan hati umat manusia. Dengan harapan agar dakwah dapat menjadikan hati manusia itu baik, maka akan baiklah seluruh perbuatannya namun sebaliknya jikalau hati manusia itu jahat maka akan jahatlah semua perbuatannya sebagaimana yang diterangkan oleh hadith di atas.

2.2.2 Tujuan Dakwah

Dakwah adalah jihad pada jalan Allah SWT dan merupakan satu ibadah yang bertujuan untuk mengajak umat Islam dan yang bukan Islam agar menyembah sang pencipta Allah SWT. Dakwah juga bertujuan untuk membawa manusia kepada keselamatan, kebaikan, dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.[77]

---

[76] Hasan al-Banna, *Tiga Bingkisan Risalah Dakwah*, terj. Abu Saif (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 1983), 125.
[77] Ab Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 67.

Dakwah merupakan satu aktiviti yang sudah pasti mempunyai tujuan yang hendak dicapai, di mana dengan adanya tujuan tersebut maka segala bentuk pengorbanan dalam dakwah akan menjadi ibadah demi mengharapkan reda Allah SWT. Maka dari itu para *da'i* dan umat Islam khususnya, harus memiliki tujuan dakwah yang jelas dan konkrit, agar usaha dakwah dapat diukur sama ada berjaya atau gagal.

Berdasarkan objektif dakwah, maka tujuan dakwah dapat dibahagikan kepada:

1. Tujuan individu

Mendidik peribadi Muslim yang mempunyai iman yang kuat, berperilaku sesuai dengan hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT dan berakhlak mulia, sehingga peribadi-peribadi umat Islam menjadi Muslim yang *kaffah*, dari hujung rambut sampai ke hujung kaki, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT :

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱدۡخُلُواْ فِي ٱلسِّلۡمِ كَآفَّةٗ ٢٠٨

Al-Baqarah (2): 208

Terjemahan: Masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan.

Dalam ayat yang lain Allah SWT memuji ketinggian akhlak orang yang berperibadi Muslim, yang tiada taranya sebagai yang berikut:

وَمَنۡ أَحۡسَنُ دِينٗا مِّمَّنۡ أَسۡلَمَ وَجۡهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحۡسِنٞ وَٱتَّبَعَ مِلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۗ

An-Nisa' 4:125

Terjemahan: Dan siapakah yang lebih baik agamanya dari pada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia pun mengerjakan kebaikan, dan ia mengikuti agama Ibrahim yang lurus.

2. Tujuan untuk keluarga

Membentuk keluarga bahagia, penuh ketenteraman dan cinta kasih antara anggota keluarga. Allah SWT berfirman:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Al-Rum 30: 21

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

3. Tujuan untuk masyarakat

Membentuk masyarakat yang sejahtera dengan suasana keislaman, iaitu masyarakat yang mematuhi peraturan-peraturan yang telah disyariatkan oleh Allah SWT, baik yang berkaitan antara hubungan manusia dengan Tuhannya, manusia dengan sesamanya mahupun manusia dengan alam sekitar. Selain itu, ia juga dapat mewujudkan masyarakat yang saling membantu, penuh rasa persaudaraan, persamaan dan senasib seperuntungan. Nabi Muhammad SAW menggambarkan masyarakat Islam sebagai berikut:

مَثَلُ الْمُؤمِنِيْنَ فِي تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثلُ الْجَسَدِ، إِذااشْتَكَى مِنْهُ عُضو تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ والحُمَّى

Terjemahan: Perumpamaan orang-orang yang beriman di dalam saling mencintai, saling berkasih sayang dan saling mempunyai kesamaan rasa mereka adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggotanya merasa sakit maka seluruh anggota tubuhnya ikut merasakan tidak tidur dan merasa demam panas.[78]

[78] Hadith riwayat Imam Muslim, Mūṣlīm bīn Āl-ḥājjāj Ābūl Ḥūṣīn ān-Nāīṣābūrī, *Ṣāḥīḥ Mūṣlīm Bīṣārḥī ān-Nāwāwī, ‘ Kīṭāb āl-bīr wāṣḥīllāḥ wāl-Āḍāb*. no. hadith 2586. (Kāḥerāḥ: Ḍār Ībnū Jāūẓī, 2001), 16:130.

4. Tujuan untuk umat manusia seluruh dunia

Membentuk masyarakat dunia yang penuh dengan kedamaian dan ketenangan dengan tegaknya keadilan, persamaan hak dan kewajipan, tidak ada diskriminasi dan eksploitasi, saling menolong dan saling menghormati. Dengan demikian, alam semesta seluruhnya dapat menikmati Islam sebagai rahmat bagi mereka. Allah SWT berfirman:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

Al-Anbiya' 21: 107

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutus Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Adapun berdasarkan materi dakwah, dakwah terbahagi kepada beberapa tujuan:

1. Tujuan Akidah

Menyemai akidah yang kuat dalam hati seseorang, sehingga keyakinan tentang ajaran-ajaran Islam tidak lagi dicampuri dengan rasa keraguan. Realisasi dari tujuan ini adalah bagi orang yang belum beriman menjadi beriman, bagi orang yang imannya masih ikut-ikutan menjadi orang yang beriman melalui bukti-bukti *dalil naqli* dan *dalil akli* serta bagi orang yang imannya masih diliputi dengan keraguan menjadi orang yang imannya mantap sepenuh hati. Untuk melihat tercapainya tujuan ini adalah melalui perbuatannya sehari-hari. Ini kerana amal perbuatannyalah yang membuktikan keadaan iman seseorang, kuat atau tidak di dalam hatinya.

2. Tujuan Hukum

Kepatuhan setiap orang terhadap hukum-hakam yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Realisasinya menjadikan orang yang belum melakukan ibadah menjadi

orang yang mahu melakukan ibadah dengan penuh kesedaran, bagi orang yang belum mematuhi peraturan-peraturan agama Islam tentang rumah tangga, perdata, pidana dan ketatanegaraan yang telah diundangkan menurut syariat Islam menjadi orang yang mahu dengan kesedaran sendiri mematuhi peraturan-peraturan agama Islam.

3. Tujuan Akhlak

Membentuk peribadi Muslim yang berbudi luhur, dihiasi dengan sifat-sifat yang terpuji dan bersih daripada sifat-sifat yang tercela.

Realisasi daripada tujuan ini dapat dilihat melalui lima sudut:

1. Hubungan dia dengan Tuhannya. Misalnya, menjadikan dirinya seorang hamba Allah yang setia dan tulus, tidak menghambakan dirinya kepada hawa nafsunya atau kepada selain Allah SWT.
2. Hubungan dia dengan dirinya. Misalnya, menghiasi dirinya dengan sifat-sifat yang terpuji seperti: jujur, berani, mahu memelihara kesihatan jasmani dan rohani, rajin bekerja dan penuh disiplin.
3. Hubungan dia dengan sesama Muslim, iaitu mencintai sesama Muslim sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.
4. Hubungan dia dengan sesama manusia, iaitu saling tolong menolong, hormat-menghormati dan memelihara kedamaian bersama.
5. Hubungan dia dengan alam sekitarnya, iaitu dengan memelihara kelestarian alam semesta dan mempergunakannya untuk kepentingan umat manusia, sebagai tanda kebaktiannya kepada Allah SWT sebagai Zat Pencipta alam semesta. Demikian pula setiap manusia harus bersikap sederhana dalam menikmati kehidupan alam

semesta dan kenikmatan yang dihalalkan oleh agama Islam, jangan sampai terlalu bermegah-megah atau serba kekurangan, hiduplah dengan penuh kesederhanaan.

Semua tujuan di atas merupakan tunjang daripada tujuan akhir kemampuan dakwah. Tujuan akhir kemampuan dakwah adalah terwujudnya kebahagiaan dan kesejahteraan manusia zahir dan batin di dunia kini dan di akhirat nanti dalam naungan *mardhatillah*. Tujuan akhir ini dapat dirujuk daripada doa sejagat yang menjadi tujuan umat manusia yang beriman kepada Allah SWT:

وَمِنْهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Al-Baqarah 2: 201

Terjemahan: Dan di antara mereka pula ada Yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah Kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah Kami dari azab neraka.

Berdasarkan rumusan tujuan perlaksanaan dakwah di atas dapat disimpulkan bahawa tujuan dakwah ada dua:

1. Tujuan langsung, iaitu dakwah ditujukan secara langsung kepada masyarakat agar melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi larangannya.
2. Tujuan tidak langsung, iaitu dengan membentuk generasi *da'i* melalui pendidikan formal mahupun tidak formal, sehingga mereka dapat berdakwah dalam kalangan masyarakat.[79]

[79] Hasanuddin, *Hukum Dakwah*, 35.

2.2.3 Metodologi Dakwah

Metodologi berasal daripada Bahasa Inggeris iaitu metode yang bererti sistem, aturan atau kaedah. Metode (*method*) bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Dalam bahasa Arab yang sangat dekat pengertiannya dengan metode ialah perkataan uslub, manhaj dan juga wasilah yang bererti cara menggunakan sesuatu atau cara melakukan sesuatu pekerjaan. Mengikut peristilahan metode dakwah atau uslub dakwah ialah cara untuk melakukan dakwah. Berdasarkan pengertian-pengertian tersebut, metodologi dakwah itu bererti ilmu yang bersifat kajian dan sistematik tentang cara berdakwah. Secara ringkas disebut ilmu atau kajian tentang cara dakwah. [80]

Metode dakwah adalah suatu warisan. Ia wujud bersama wujudnya usaha dakwah yang telah dilakukan oleh Nabi SAW, Syeikh Zaidan menjelaskan bahawa sumber metodologi dakwah berasal daripada al-Quran, al-Sunnah, perjalanan hidup tokoh-tokoh terdahulu, *ijtihad* ahli fikah dan pengalaman atau percubaan. Adapun sumber asas metode dakwah ada tiga sahaja, iaitu:

1. Al-Quran

Al-Quran bukan setakat memberi banyak contoh tentang cara berdakwah, malah memerintahkan setiap umat Islam supaya berdakwah dengan menggunakan cara tertentu, yang boleh menarik sasaran sebagaimana cara yang dilalui oleh Nabi SAW dalam dakwahnya kepada semua peringkat masyarakat.

[80] AB. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 1-2.

2. Al-Sunnah

Dalam sunnah juga terdapat banyak contoh-contoh metode dakwah, kerana sepanjang hidup Nabi SAW dipenuhi dengan metode-metode dakwah sesuai dengan tugas baginda iaitu berdakwah.

3. Pengalaman berdasarkan keadaan sasaran

Pengalaman yang dilalui oleh seseorang semasa berdakwah daripada keadaan sasaran yang pelbagai boleh menjadi sumber kepada pembentukan metode dakwah. Pengalaman orang dahulu boleh dijadikan rujukan yang penting dalam pembentukan metode dan merupakan sumber selepas al-Quran dan al-Sunnah. [81]

Antara asas penting metode dakwah adalah seperti berikut:

1. Penjelasan yang nyata dan jelas

Dakwah untuk memberikan kefahaman kepada sasaran. Oleh itu, segala pengajaran yang disampaikan hendaklah dalam keadaan yang jelas dan terang, supaya tidak berlaku salah faham dalam akidah.

Firman Allah SWT:

فَهَلۡ عَلَى ٱلرُّسُلِ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ٣٥

Al-Nahl 16 : 35

Terjemahan: Maka tiada kewajipan ke atas rasul-rasul, selain dari menyampaikan agama Allah dengan terang.

[81] Abdul Karim Zaidan, *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*, terj. H.M Asywadi Syukur Lc. (Kuala Lumpur: Media Dakwah, 1980), 2: 169.

2. Berperingkat-peringkat

Ajaran dakwah yang dikemukakan kepada sasarannya hendaklah dilakukan dalam keadaan peringkat demi peringkat. Ia tidak berlaku sekaligus, supaya tidak memberatkan orang yang menerima dakwah itu.

3. Mudah

Ajaran agama Islam ini mudah. Oleh itu, agama Islam ini mestilah disampaikan kepada sasarannya dengan cara yang mudah. Islam merupakan agama yang selaras dengan tabiat semula jadi manusia dan sudah tentu tidak membebankan. Jika terbeban sekalipun, ia adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan pengikutnya. Segala kewajipan yang terdapat dalam dakwah masih dalam kemampuan manusia untuk melakukannya, dengan itu ia tidak membebankan. Firman Allah SWT:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ ﴿١٨٥﴾

Al-Baqarah 2: 185

Terjemahan: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

4. Menjinakkan

Dakwah yang disampaikan harus mampu mempengaruhi sasaran. Dengan itu, dakwah mesti dilakukan dalam keadaan yang menjinakkan. Dalam hal ini Nabi SAW berpesan:

بَشِّرُوا وَلاَ تُنَفِّرُواْ

Terjemahan: Berilah khabar yang baik-baik dan menggembirakan dan janganlah meliarkan mereka.[82]

[82] Hadith riwayat Ibnu Ḥajar, Ahmad Ibn Alī (t.t.), *al-Jāmi al-Ṣagīr*, Bab Awal al-Bab. Jilid.1:25.

5. Menerangkan adanya sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan

Islam merupakan agama bijaksana, yang bertujuan untuk memberikan kesejahteraan kepada pengikutnya. Segala suruhan dan larangan dalam Islam adalah untuk faedah pengikutnya, sama ada faedah jangka pendek atau jangka panjang. Sesuatu suruhan atau larangan selalunya diselitkan dengan sebab-sebab kenapa berlakunya demikian. Namun, ada juga yang tidak dijelaskan, malah ada yang tidak dapat diketahui sebab musababnya. Walau apa pun, sebabnya tetap ada kerana Allah yang bersifat Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui dalam menyuruh dan melarang manusia berdasarkan kebaikan untuk makhluk-Nya.

6. Bersesuaian dengan keadaan sasaran. [83]

Dakwah yang disampaikan hendaklah dapat difahami dengan jelas oleh mereka yang terlibat. Oleh itu, dakwah hendaklah dikemukakan kepada sasaran dengan keadaan yang bersesuaian dengan tahap pemikiran sasaran dari semua golongan dan lapisan masyarakat. Sayidina Ali (kw) pernah berpesan dalam hal ini:

حَدِّثُوا النَّاسَ بِمَا يَعْرِفُوْنَ

Terjemahan: Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka.[84]

Allah SWT memerintahkan kepada setiap hambanya untuk menunaikan semua kewajipan, selanjutnya Allah juga menerangkan bagaimana cara melaksanakan kewajipan-kewajipan tersebut. Umpamanya, tentang solat lima waktu, zakat, puasa dan haji. Di samping mensyariatkan ibadah-ibadah tersebut, juga diterangkan bagaimana tatacara perlaksanaannya. Dengan demikian, bagi hamba

[83] Ab. Aziz bin Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 75-81.
[84] Hadith riwayat al-Bukhārī, Muhammad bin Ismāīl Abū Abd Allah al-Bukhārī, *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bab *Man Khassa Bil Ilmi Kaman Dūna Kaumin.* no. Hadith 1979. (Riyad: Maktabah ar-Rasyd, 2005), 1:217.

yang diwajibkan untuk menunaikan kewajipan ibadah tersebut tidaklah kebingungan dalam melaksanakannya dan dapat mengikut tatacara yang telah disyariatkan. Mereka tidak akan mudah terpesong dari jalan yang telah ditentukan menurut garis-garis syariat Islam. Demikian juga halnya dengan masalah kewajipan berdakwah bagi setiap penganut agama Islam. Allah SWT juga memberikan tuntunan tentang cara berdakwah, sebagaimana firmannya:

ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِۖ وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ
أَحۡسَنُۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعۡلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦۖ وَهُوَ أَعۡلَمُ بِٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٢٥

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhan kamu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhan kamu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Berdasarkan ayat ini, terdapat tiga kaedah yang baik bagi menjalankan aktiviti dakwah, iaitu:

1. Berdakwah dengan cara hikmat kebijaksanaan (*bil-hikmah).*

   Pengertian hikmah dalam pelbagai makna:

Al-Marāghī[85] dalam kitab tafsirnya berpandangan sebagai berikut:

فَالْحِكْمَةُ الْقَالَةُ الْمُحَكَمَةُ الْمَصْحُوْبَةُ بِالدَّلِيْلِ الْمُوَضِّحِ ِللْحَقِّ الْمَزِيْلِ لِلشُّبْهَةِ

Terjemahan: Hikmah ialah perkataan yang tepat lagi tegas yang diikuti dengan dalil yang dapat menyingkap kebenaran dan melenyapkan keserupaan.

[85] Al-Marāghī ialah Syeikh Ahmad Muṣṭafā bin Muhammad bin Abdul Mun'im al-Marāghī lahir di kota Maraghah, sebuah Bandar di tepi barat sungai Nil, sekitar 70 km sebelah selatan kota Kairo, pada tahun 1300 H/1883 M. Ia wafat 69 tahun kemudian (1371 H/1952 M) di Hilwan, sebuah kota kecil di sebelah selatan kota Kairo. Al-maraghi pemimpin agama di Mesir dan ahli politik. Beliau berkhidmat sebagai ketua al-azhar pada tahun 1928M dan dari 1935 sehingga kematiannya pada tahun 1945 M. Ia juga seorang penyokong pembaharu Islam Muhammad Abduh, al-maraghi menggunakan jawatan beliau di al-azhar untuk mempertahankan institusi pilitikal Islam dan melawan terhadap syarikat pemimpin nasionalis sekular. Raevas Simon, Philip Mattar, Richar W. Bulliet , *Encyclopedia of The Modern Middle East*, J. 3. (New York: Macmillan Reference USA, 1996).

Muhammad Abduh[86] berpendapat sebagai berikut:

اِنّ اْلحِكْمَةَ هِيَ فِيْ كُلِّ شَيْئٍ مَعْرِفَةٍ سِرُّهُ وَفَائِدَتُهُ

Terjemahan: Hikmah ialah mengetahui rahsia dan manfaat di dalam tiap-tiap hal.

Syeikh Ahmad Kuftaro mufti Suria[87] berpendapat sebagai berikut:

كَلاَمً يَنْبَغِيْ فِيْ مَكَانٍ يَنْبَغِيْ وَفِيْ زَمَانٍ يَنْبَغِيْ

Terjemahan: Perkataan yang sesuai, dituturkan pada tempat yang pantas dan diucapkan pada masa yang bertepatan.

Berdasarkan beberapa definisi di atas dapat disimpulkan bahawa perkataan hikmah mengandung tiga unsur iaitu:

1. Unsur ilmu iaitu ilmu yang sahih yang dapat memisahkan antara yang hak dan yang batil, ilmu tentang rahsia, manfaat dan selok-belok sesuatu.
2. Unsur jiwa iaitu menyatukan ilmu tersebut ke dalam jiwa sang ahli hikmah, sehingga ilmu tersebut sebati dengan jiwanya secara tersendiri.
3. Unsur amal perbuatan iaitu ilmu pengetahuan yang menyatukan jiwanya sehingga mampu memotivasikan dirinya untuk melaksanakan amal tersebut. Biasanya dalam bentuk sikap dan keperibadian yang menarik, dapat dijadikan tauladan. Boleh juga dalam bentuk amal jariah yang bermanfaat bagi masyarakat, seperti mengajar bercucuk tanam, cara berniaga, kemahiran hidup dan sebagainya. Amal tauladan yang baik dan bermanfaat justeru lebih menyentuh hati orang yang diajak memeluk agama Islam. Peribahasa mengatakan:

لسَانُ الْحَالِ اَفْصَحُ مِنْ لِسَانِ اْلمَقَالِ

---

[86] Muhammad Abduh (Mesir, 1265 H/1894 M – 1323 H/1905 M), Seorang pemikir, teologi dan pembaharu dalam Islam di Mesir. Ayahnya bernama Abduh Hasan Khair Allah, berasal dari Turki dan telah lama menetap di Mesir. Ibunya berasal dari suku Arab asli yang menurut riwayat silsilah keturunannya sampai kepada Umar bin Khattab. Abduh dilahirkan dan dibesarkan di Mahallat Nasr, pada masa pemerintahan Muhammad Ali Pasya. *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 3: 255.

[87] Ahmad Kuftaro (1911), mufti Damascus Suria, dilahirkan di sebuah kampung Zainabiyah dekat Masjid Abunur, Rukhnuddin. Yang di kenal dengan Jami'ah Abunur Mujamma' Syeikh Ahmad Kuftaro, beliau seorang alim, faqih dan seorang pendakwah yang masyhur. Imad Abd al-Laṭīf NadafImad, *al-Syeikh Ahmad Kuftaro Yataḥaddath*, (Dimas: Dār al-Rashīd, 2005), 17.

Terjemahan: Bahasa perbuatan itu lebih tajam dari pada bahasa ucapan.

Dengan demikian maka *ad-dakwah bil-hikmah* mempunyai erti kemampuan seseorang *da'i* dalam melaksanakan dakwah dengan cara yang tepat, berdasarkan pengetahuannya yang tuntas lagi tepat tentang dakwah. Ia benar-benar tahu tentang masa yang sesuai, tempat dan keadaan manusia yang dihadapi sehingga ia dapat memilih cara yang tepat untuk menyampaikan materi dakwah yang hendak disampaikan kepada mereka. Ia juga tahu tentang tujuan yang hendak dicapai, sehingga ia dapat memilih materi yang tepat, sesuai dengan tujuan asal berdakwah.

Contoh dakwah *bil-hikmah* daripada sunnah Rasulullah SAW ketika Rasulullah SAW ditanya tentang amal perbuatan yang paling utama, lalu baginda menjawab:

"اَلْجِهَادُ فَيْ سَبِيْلِ الله" berjuang di jalan Allah. Kemudian orang lain bertanya dengan pertanyaan sama, lalu baginda menjawab: "بِرّ اْلوَالِدَيْنِ" berbuat baik kepada ibu bapa. Dan ada lagi orang yang mengajukan pertanyaan seumpamanya, lalu baginda menjawab:

"كَفُّ اْلأَذَى عَنِ النّاس" tidak menyakiti orang lain. Kemudian orang lain bertanya pula dengan pertanyaan yang sama, maka jawapan baginda:

"اَفْضَلُ اْلأَعْمَالِ اَلصّدَقَةُ عَلىَ اْلفُقَرَءِ" amal yang paling utama ialah bersedekah kepada fakir miskin.

Jawapan-jawapan baginda, berbeza-beza terhadap empat orang yang mengajukan pertanyaan yang sama, kerana keadaan orang yang bertanya tersebut berbeza-beza, sehingga memerlukan jawapan yang berbeza-beza pula. Demikianlah Rasulullah SAW tunjukkan cara dakwah *bil-hikmah*. Baginda benar-benar memahami keadaan orang yang hendak dijadikan objek dakwah dan sasaran yang hendak dicapai. Sehingga baginda dapat menentukan materi dan cara berdakwah yang tepat.

2. Berdakwah melalui nasihat dan pengajaran yang baik (dengan *mauizah al-hasanah*).

Perkataan *mauizah al-hasanah* membawa maksud sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah, atau *uslub* dakwah yang bertujuan untuk mendekati bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi bukan menakutkan. Para ulama memberikan definisi tentang mauizah sebagai berikut:

اِنَّهُ النَّصْحُ وَالتّذْكِيْرِ بِاْلعَوَاقِبِ

Terjemahan: Mauizah ialah nasihat dan mengingatkan tentang akibat-akibat suatu perbuatan.

Ibnu Sayidihi mendefinisikan sebagai berikut:

تَذْكِيْرُكَ لِلْاِنْسِانِ بِمَا يُلَيِّنُ قَلْبَهُ مِنْ ثَوَابٍ وَعِقَابٍ

Terjemahan: Memberi ingat oleh kamu kepada orang lain dengan pahala dan seksa yang dapat menjinakkan hatinya.

Melalui dua definisi tersebut, diambil satu kesimpulan bahawa yang dimaksudkan dengan *mauizah al-hasanah* dalam berdakwah adalah memberi nasihat dan memberi peringatan kepada orang lain dengan bahasa yang baik serta dapat menggugah hatinya sehingga pendengar dapat menerima apa yang dinasihatkan. *Mauizah al-hasanah* biasanya dilakukan dalam bentuk-bentuk berikut:

A. Penceritaan tentang kisah-kisah keadaan umat masa lalu, baik yang taat menjalankan perintah Allah SWT seperti para Rasul AS, para sahabat RA, dan orang-orang soleh lainnya mahupun orang yang derhaka seperti malapetaka yang menimpa Firaun yang mengaku dirinya Tuhan, Karun yang musnah dengan harta kekayaannya, Abu Jahal dan lain-lain.

B. Dalam bentuk memberi peringatan atau memberi berita gembira (ancaman atau janji). Antaranya Allah SWT menjanjikan bagi orang yang beriman dan beramal soleh menjadi khalifah di bumi:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ
كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ﴿٥٥﴾

Al-Nur 24: 55

Terjemahan: Allah menjanjikan orang-orang Yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (Wahai umat Muhammad) Bahawa ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah Yang memegang Kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang Yang sebelum mereka: khalifah-khalifah Yang berkuasa.

Begitu juga Allah SWT mengancam orang yang menyembah selain Dia dengan kehinaan di muka bumi dan memperoleh murka-Nya.

إِنَّ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ ٱلْعِجْلَ سَيَنَالُهُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَذِلَّةٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ
وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُفْتَرِينَ ﴿١٥٢﴾

Al-A’raf 7: 152

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menyembah (patung) anak lembu itu, akan ditimpa kemurkaan dari Tuhan mereka dan kehinaan dalam kehidupan dunia. dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang mengada-adakan perkara yang tidak benar.

C. Dalam bentuk menggambarkan keadaan syurga dan penghuninya serta keadaan neraka dan penghuninya. Allah SWT mendedahkan gambaran kehidupan di syurga dan neraka:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾ فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿١٢﴾ ثُلَّةٌ مِّنَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾ وَقَلِيلٌ مِّنَ ٱلْءَاخِرِينَ ﴿١٤﴾ عَلَىٰ سُرُرٍ مَّوْضُونَةٍ ﴿١٥﴾

Al-Waqi'ah 56: 11-15

Terjemahan: Mereka itulah orang-orang yang didampingkan (di sisi Allah), Tinggal menetap di dalam syurga-syurga yang penuh nikmat. Di antaranya sekumpulan besar dari umat-umat manusia Yang terdahulu. Dan sebilangan kecil dari orang-orang yang datang kemudian. Mereka duduk di dalam syurga itu di atas takhta-takhta kebesaran yang bertatahkan permata.

Adapun penghuni neraka, Allah SWT berfirman:

وَأَصْحَٰبُ ٱلشِّمَالِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلشِّمَالِ ﴿٤١﴾ فِي سَمُومٍ وَحَمِيمٍ ﴿٤٢﴾ وَظِلٍّ مِّن يَحْمُومٍ ﴿٤٣﴾

Al- Waqi'ah 56: 41-43

Terjemahan: Dan puak kiri, - Alangkah seksanya keadaan puak kiri itu? Mereka diseksa dalam angin Yang membakar dan air Yang menggelegak Serta naungan dari asap hitam.

D. Dalam bentuk mengungkapkan perumpamaan-perumpamaan, mencari persamaan. Misalnya untuk meyakinkan bahawa bumi, langit dan isinya merupakan ciptaan Allah SWT, sebab tidak mungkin ada suatu ciptaan tanpa ada yang menciptakannya.

3. Berdakwah melalui berbahas dengan cara yang terbaik (*mujadalah billati hiya ahsan).*

Al-mujadalah bermaksud perbincangan dan perbahasan dengan mengemukakan hujah dan dalil yang dapat menerangkan sesuatu maksud yang tidak jelas, atau berdakwah dengan cara bertukar fikiran yang sebaik-baiknya. Imam al-

Ghazālī[88] dalam kitabnya: *"Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn"*[89] mensyaratkan bagi orang yang melakukan *mujadalah* tidak beranggapan bahawa yang satu sebagai lawan bagi yang lainnya, tetapi mereka menganggap bahawa peserta *mujadalah* tersebut sebagai kawan yang saling menolong dalam mencari kebenaran. Mereka semua bagaikan orang yang sama-sama mencari barang yang hilang, dengan demikian sama sahaja apakah yang menemukan barang yang hilang itu ia sendiri atau kawannya. Bahkan ia harus berterima kasih kepada orang yang menemukan dan menunjukkan kebenaran, sebagaimana pemilik barang yang hilang berterima kasih kepada orang yang menemukan dan mengembalikan barang tersebut kepadanya. Dengan demikian, tidak dibenarkan peserta *mujadalah* menganggap yang satu dengan yang lainnya sebagai lawan. Sebaiknya *mujadalah* diadakan di tempat yang sepi, tidak dipertontonkan di khalayak ramai untuk menghindarkan akibat yang negatif, lain halnya kalau penerima dakwah itu sendiri yang menghendaki *mujadalah* disaksikan oleh orang ramai. Dalam hal ini hendaknya *da'i* tetap bermujadalah secara baik, sebab yang menjadi hakim ialah mereka yang ikut menyaksikan *mujadalah* tersebut. Keadaan ini bagi seorang *da'i* memperoleh dua kebaikan iaitu:

a. Mempertontonkan kebenaran yang dibawanya kepada khalayak ramai, sehingga mereka ikut membenarkannya.

---

[88] Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī al-Ṭūsī (lahir di Thus / 450 H – meninggal di Thus / 14 Jumadil Akhir 505 H) ialah seorang pemikir Islam sepanjang sejarah Islam, teologi, filsuf, dan sufi termasyhur, yang dikenal sebagai *Algazel* di dunia Barat abad Pertengahan. Ia berkuniah Abu Hamid kerana salah seorang anaknya bernama Hamid. Gelar beliau al-Ghazali ath-Thusi berkaitan dengan ayahnya yang bekerja sebagai pemintal bulu kambing dan tempat kelahirannya iaitu Ghazalah di Bandar Thus, Khurasan, Persia (Iran). Ia lahir dari keluarga yang taat beragama dan hidup sederhana. Ayahnya mempunyai cita-cita yang tinggi iaitu ingin anaknya menjadi orang alim dan salih. Imam Al-Ghazali adalah seorang ulama, ahli fikir, ahli filsafat Islam yang terkemuka yang banyak memberi sumbangan bagi perkembangan kemajuan manusia. Ia pernah memegang jawatan sebagai Naib Kanselor di Madrasah Nizhamiyah, pusat pengajian tinggi di Baghdad. Imam Al-Ghazali meninggal dunia pada 14 Jumadil Akhir tahun 505 Hijriah bersamaan dengan tahun 1111 Masihi di Thus. Jenazahnya dikebumikan di tempat kelahirannya. *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 2: 25. Razali Nawawi (1983), *AL-GHAZALI'S CRITICISM OF CHRISTIANS' THEOLOGICAL DOCTRINES*. (Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia, 1983), 1.

[89] Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn: Ialah sebuah kitab yang ditulis oleh Imam al-Ghazālī, merupakan karya Beliau terbesar dan berpengaruh di dunia Islam, Iḥyā' memberi corak dan karakter Islam dalam ilmu akhlak, sehingga dianggap sebagai salah satu sumber ilmu akhlak dan tasawuf. Kandungan kitab Iḥyā' meliputi ibadah dan muamalah. Huraian fikahnya bercorak Syafi'i dan teologinya bercorak Asy'ari. *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 2: 179.

b. Menyedarkan lawan *mujadalah* atas kesalahannya dan kebenaran misi yang dibawa oleh *da'i*. Sebagaimana *mujadalah* yang terjadi di antara Nabi Ibrahim dan Raja Namrud. Surah al-Baqarah (2): 258.

Allah SWT menganjurkan kepada orang beriman untuk bermujadalah kepada ahli kitab dengan cara yang baik dan melakukan perbincangan dengan mereka sebaik-baiknya, berdasarkan firman-Nya:

وَلَا تُجَٰدِلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡۖ
وَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡنَا وَأُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمۡ وَٰحِدٞ وَنَحۡنُ
لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ٤٦

Al-Ankabuut 29: 46

Terjemahan: Dan janganlah kamu berbahas Dengan ahli Kitab melainkan Dengan cara Yang lebih baik, kecuali orang-orang Yang berlaku zalim di antara mereka; dan Katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) Yang diturunkan kepada Kami dan kepada (Taurat dan Injil) Yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah satu; dan kepadanyalah, Kami patuh Dengan berserah diri.

2.2.4 Perlaksanaan Dakwah

Perlaksanaan dakwah dapat disaksikan dalam kenyataan sehari-hari mahupun dalam sejarah Nabi Muhammad SAW atau sejarah dakwah pada umumnya, yang dinamakan dengan dakwah fardiyyah. Dakwah fardiyyah merupakan satu *uslub* dakwah kepada Allah. Ia bererti hubungan peribadi pendakwah dengan sasaran dakwah (*mad'u*) yang berlaku secara langsung.[90] Perlaksanaan dakwah seperti ini mempunyai banyak cara yang dapat dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu:

[90] Sheikh Abd al-Ḥalīm Al-Kinānī, *Dakwah Fardiyyah, Teori dan Praktikal*, terj. MD. Nor Hamzah. (Selangor: Jundi Resources, 2001), 1-3.

1. Berdakwah kepada orang-perseorangan secara langsung.

Dakwah fardiyyah seperti ini merupakan satu *uslub* yang dihayati oleh para Nabi, khususnya pada peringkat permulaan dakwah mereka kepada manusia. Rasulullah SAW pertama kali melaksanakan dakwahnya dengan cara yang demikian ketika baginda menerima wahyu daripada Allah SWT melalui Surah al-Muddatstsir (74): 1-7. Melalui ayat ini Rasulullah SAW diperintahkan untuk berdakwah, menyeru umat manusia menuju agama Allah SWT iaitu agama Islam. Bermula Rasulullah SAW mengajak manusia yang benar diyakini oleh baginda bahawa mereka dapat menerima dan mempercayainya. Dalam ahli keluarga baginda, orang yang pertama diajak ialah isterinya, sepupu baginda kemudian hamba sahayanya yang sangat rapat dan selalu membenarkan ucapannya. Dakwah baginda pada tahap ini dikenali dengan dakwah secara rahsia, sebab pada saat demikian belum waktunya bagi baginda untuk menyampaikan ajaran Islam secara terang-terangan.

Berdakwah yang ditujukan kepada orang perseorangan secara langsung juga dapat dilihat di negara-negara Asia tenggara, di mana para penganjur agama datang ke rumah-rumah dengan memberikan buku bacaan percuma tentang suatu agama. Begitu juga pendekatan yang serupa dapat dilihat di hospital-hospital, ketika pesakit sedang memerlukan pertolongan dan dalam kesepian kerana bersendirian di dalam biliknya. Hal ini merupakan situasi yang bersesuaian untuk menemani pesakit tersebut, agar mereka terhibur, sambil memasukkan ajaran-ajaran suatu agama kepadanya. Cara-cara berdakwah seperti ini banyak dilakukan oleh orang yang bukan Islam.

2. Berdakwah kepada orang ramai secara langsung.

Rasulullah SAW pertama sekali melakukan dakwah secara terang-terangan kepada kaum keluarganya, sesuai dengan perintah Allah SWT dalam wahyu yang diterimanya:

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ ٱلْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

Asy-Syu'araa' 26: 214

Terjemahan: Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabat kamu Yang dekat.

Dengan turunnya ayat ini maka Nabi SAW menjemput makan bersama ahli keluarga baginda sebanyak empat puluh orang lebih. Selepas keluarganya menikmati jamuan yang diberikan, langsung baginda menyampaikan maksudnya: “Sesungguhnya seorang perintis tidak akan menipu keluarganya, sekiranya aku menipu manusia semuanya, namun aku tidak menipu kalian. Demi Allah yang tidak ada Tuhan yang wajib disembah dengan hak kecuali Dia, bahawa aku sungguh-sungguh utusan Allah, khususnya kepada kamu sekalian dan kepada seluruh manusia pada umumnya. sungguh Allah benar-benar memerintahkan kepadaku agar mengajak kamu mengikuti jalannya. Aku mengajak kamu kepada dua kalimah yang ringan untuk diucapkan dengan lidah dan berat dalam timbangan, iaitu: ”Bersaksi bahawa tidak ada Tuhan yang wajib disembah dengan hak kecuali Allah dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah”. Demi Allah sungguh kamu akan mati sebagaimana kamu tidur, sungguh kamu akan dibangkitkan sebagaimana kamu bangun dari tidur. Sungguh kamu akan dihisab apa yang kamu kerjakan, dan sungguh kamu akan diberi balasan. Perbuatan yang baik dengan pahala dan perbuatan yang buruk dengan seksa api neraka. Sesungguhnya balasan itu adalah syurga selama-lamanya atau neraka selama-lamanya.

Wahai keluarga Abdul Mutalib! Demi Allah, aku belum pernah tahu ada seorang pemuda yang datang kepada bangsanya dengan membawa sesuatu yang lebih utama daripada apa yang aku bawa kepada kamu. Aku benar-benar datang kepada kamu dengan membawa kebaikan dunia dan akhirat.[91]

Kemudian turunlah ayat yang memerintahkan baginda agar berdakwah secara terbuka kepada seluruh penduduk negeri. Allah berfirman:

فَٱصۡدَعۡ بِمَا تُؤۡمَرُ وَأَعۡرِضۡ عَنِ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ٩٤

Al-Hijr 15: 94

Terjemahan: Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa Yang diperintahkan kepada kamu (Wahai Muhammad), dan janganlah Engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu.

Setelah mendapat perintah Allah, baginda berdiri tegak di atas gunung *ash-Shafa*, menyeru seluruh penduduk Negeri Mekah dan mengajaknya untuk menganut agama Islam, meninggalkan penyembahan berhala serta menjanjikan kepada orang yang menerimanya dengan janji masuk syurga serta memperingatkan orang yang tidak mahu menerimanya dengan ancaman seksa neraka. Demikianlah baginda memulakan dakwahnya secara langsung kepada masyarakat ramai.

3. Berdakwah kepada orang perseorangan secara tidak langsung.

Berdakwah secara tidak langsung biasanya melalui peribadi para *da'i* yang menarik dengan tingkah laku yang sopan, perbuatan dan perkataan yang baik. Sebagaimana yang dicontohkan Nabi Muhammad SAW melalui akhlak beliau dalam berdakawah.

[91] M. Natsir, *Fiqhud Da'wah,* ed. Ke-2. (Djakarta: Madjalah Islam Kiblat, 1969), 165-166.

Berdasarkan akhlak dan peribadi seorang *da'i* yang baik dan menarik dapat menguntungkan bagi kejayaan dakwah. Seumpama hidayah yang diberikan oleh Allah SWT kepada kebanyakan orang Badwi, hanya dengan menatap wajah Nabi SAW yang memancarkan sinar kebenaran dapat menawan hatinya sehingga ia beriman kepada Allah dan Rasulnya.

4. Berdakwah kepada orang ramai secara tidak langsung.

Berdakwah kepada orang ramai secara tidak langsung boleh juga melalui perkahwinan, sebagaimana dikisahkan dalam sejarah pernah terjadi peperangan antara kaum Muslimin dengan Bani Musthaliq, sehingga pemimpin kaum Bani Musthaliq Al-Haris bin Abu Dhihar mati terbunuh, puterinya yang bernama Juwairiyah dapat ditawan oleh kaum Muslimin. Untuk menghentikan permusuhan antara kedua belah pihak, maka Nabi Muhammad SAW menikahi Juwairiyah. Dengan demikian merasa tenteram Juwairiyah dan senang pula hati kaum dan keluarganya, dengan hidayah Allah mereka semua menganut agama Islam serta menjadi sahabat Nabi yang setia.[92]

2.2.5 Kejayaan Dakwah

Pada hakikatnya, dakwah Islamiah merupakan aktiviti umat Islam yang didasari dengan iman dan keikhlasan untuk mengamalkan, menyebar kerahmatan dan kedamaian kepada umat manusia. Oleh itu, tiada dakwah yang dianggap gagal,

[92] Hasanuddin, *Hukum Dakwah*, 39-40.

hanya mungkin yang terjadi adalah dakwah tidak mampu mengubah sasarannya ke arah kehidupan yang lebih baik dan lebih sejahtera.[93]

Namun, untuk mencapai kejayaan dalam berdakwah dan kemenangan Islam, umat Islam mestilah melaksanakan syarat-syarat kejayaan dan kemenangan tersebut, sebagaimana yang Allah SWT inginkan. Allah berfirman:

وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾ ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ
فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ
ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Surah al-Hajj (22): 40-41

Terjemahan: Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha kuat lagi Maha perkasa, (iaitu) orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat makruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allah-lah kembali segala urusan.

Ini adalah janji yang kerap kali Allah SWT ungkapkan, janji ini ditegaskan dan dikuatkan dengan realisasi yang tidak akan meleset bahawa Allah pasti menolong orang-orang yang menolong Agama-Nya. Dalam surah lain Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن تَنصُرُوا۟ ٱللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Surah Muhammad (47): 7

Terjemahan: Hai orang-orang mukmin, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu dan meneguhkan kedudukan kamu.

[93] Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Roslizawati Ramli, Marina Munira Abdul Mutalib, *Intelektualisme dan Da'wah Masa Kini.* (Kuala Lumpur: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIM, 2003), 42.

Maka, siapa pun yang berterusan membela agama Allah, Allah memberikan jaminan kemenangan, “jika Allah menolong kamu, tidak ada orang yang dapat mengalahkan kamu, ketika Allah membiarkan kamu dan tidak memberi pertolongan kepada kamu, siapakah yang dapat menolong kamu selain dari Allah SWT?. Oleh itu hendaklah kepada Allah sahaja orang-orang mukmin bertawakal.”

Ayat tersebut adalah janji Allah yang pasti terjadi. Hati yang beriman, jiwa yang penuh dengan cahaya *bashirah* akan menangkap firman Allah tersebut sebagai jaminan yang pasti dipenuhi oleh Allah SWT, tidak ada sedikit pun keraguan bahawa pembela agama Allah pasti akan mendapatkan kemenangan. Tetapi Allah memberikan empat kriteria yang cukup spesifik, sederhana dan jelas. Empat kriteria tersebut adalah mendirikan solat, menunaikan zakat, menyeru kepada yang *makruf* dan melarang dari yang *mungkar*. Syarat yang cukup mudah difahami namun kalau diteliti pada ayat tersebut, ianya tidak hanya menerangkan tentang mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan dakwah semata-mata, tetapi ia juga berbicara tentang integriti yang diaplikasikan dengan empat hal utama.

1. Mendirikan Solat

Orang Muslim yang berhak mendapatkan pertolongan Allah, bukan sekadar mampu mengerjakan kewajipan-kewajipan tersebut dalam keadaan yang biasa-biasa sahaja. Apa yang Allah katakan ialah mereka yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka, mereka melakukan ibadah dan menguatkan hubungannya dengan Allah serta mereka mengarahkan diri mereka kepada-Nya dengan ketaatan, ketundukan, dan penyerahan secara penuh. Realitinya kebanyakan umat Islam, jika disibukkan dengan urusan kerja mereka kurang berdisiplin dalam solat, sehingga mudah meninggalkan

solat berjemaah dengan memberikan pelbagai alasan. Melalui ayat dan hadith berikut, mari direnungi, demi mencapai kejayaan dakwah dan kemenangan Islam:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱرۡكَعُواْ وَٱسۡجُدُواْ وَٱعۡبُدُواْ رَبَّكُمۡ وَٱفۡعَلُواْ ٱلۡخَيۡرَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٧٧

Al-Hajj 22: 77

Terjemhan: Hai orang-orang yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhan kamu dan berbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan.

Firman Ilahi ini membangkitkan jiwa kemanusiaan dan menggerakkan segala pengertian kemuliaan, ketinggian serta kebaikan. Maka Allah memerintahkan para Muslimin agar rukuk, sujud, mendirikan solat, menyembah Allah dan tidak menyekutukan Dia dengan sesuatu pun serta berbuat kebaikan semampunya. Allah SWT memerintahkan kebaikan dan pada masa yang sama Allah mencegah mereka dari kejahatan. Oleh yang demikian, ia dapat mendorong mereka ke arah kejayaan serta kemenangan.[94] Adapun melalui hadith, sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ: سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلاَةِ

Terjemahan: Dari Anas dari Rasulullah SAW beliau berkata: Luruskan safsaf kalian karena lurusnya saf adalah bahagian dari pendirian solat .

Baginda mengatakan bahawa meluruskan saf adalah sebahagian daripada mendirikan solat. Maknanya mengerjakan solat tidak sama dengan mendirikan solat. Apa yang dituntut adalah mendirikan solat. Kalau meluruskan saf solat merupakan sebahagian daripada mendirikan solat, ia tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa ada safnya. Ertinya solat yang terbaik adalah solat berjemaah. Sebagaimana yang

[94] ‘Afīf Abd al-Fattāḥ Ṭabbarah (t.t), *Rūḥ al-Ṣalāh fī al-Islām*. Terj. Hasan Barakwan (Semarang: PT. Salam Setiabudi), 84.

dijelaskan dalam surah al-Hajj tadi, bahawa syarat pertama yang dibantu oleh Allah ialah mereka yang tetap berdisiplin dalam solat berjemaah walaupun sibuk dengan urusan pekerjaan.

Dalam sejarah perjuangan Islam, dapat ditemukan bahawa orang Islam yang berjaya mengangkat panji-panji Islam dalam pelbagai peperangan ialah mereka yang berdisiplin dalam solat berjemaah, umpamanya Muhammad al-Fatih yang mampu menaklukkan Konstantinopel iaitu ibu negeri Bizantium. Diriwayatkan bahawa setelah beliau memasuki kota Konstantinopel (Istanbul) mereka menunaikan solat berjemaah. Sebelum itu Muhammad al-Fatih bertanya, "Siapa antara pasukan Islam ini yang sejak baligh sampai sekarang belum pernah meninggalkan solat subuh berjemaah? supaya dia maju ke hadapan menjadi imam." Tidak ada yang menjawab, sehingga akhirnya beliau sendiri berkata, "Alhamdulillah yang telah menjadikan saya sejak baligh sampai sekarang belum pernah meninggalkan solat subuh berjemaah".[95]

Dalam konteks lain, fenomena dalam solat adalah indikator utama degradasi dalam peralihan generasi. Allah SWT berfirman:

فَخَلَفَ مِنۢ بَعۡدِهِمۡ خَلۡفٌ أَضَاعُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَٱتَّبَعُواْ ٱلشَّهَوَٰتِۖ فَسَوۡفَ يَلۡقَوۡنَ غَيًّا

Maryam 19: 59

> Terjemahan: Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan Yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka).

[95] Muhammad al-Fatih, sultan kerajaan Uthmaniyyah, iaitu putera Sultan Murad II. Pada tahun 855 H, baginda menaiki takhta menggantikan ayahandanya. Ayahandanya mewasiatkan agar membuka kota Constantinople, lalu baginda berusaha merealitikan cita-cita ayahanda dan berjaya membuka kota itu pada tahun 857 H. Dengan itu baginda dikenali sebagai al-Fatih (pembuka) kerana berjaya membuka kota Constantinople iaitu ibu kota kerajaan Byzantine. Baginda menamakan Islambul yang bererti bandar Islam dalam bahasa Turki. *Ensiklopedia Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 14: 403. Alwi Alatas, *Al-Fatih Sang Penakluk Kontsantinopel.* (Jakarta*:* Zikrul Hakim, 2005).

Ayat tersebut menceritakan tentang generasi yang melanjutkan generasi-generasi pilihan yang Allah ceritakan pada ayat sebelumnya, iaitu generasi para Nabi dan pengikut-pengikut baginda yang setia. Masalah yang dihadapi oleh generasi-generasi tauladan ialah mereka tidak dilanjutkan oleh generasi seterusnya dengan kualiti keimanan yang sama. Allah menyebutkan masalah yang pertama dalam generasi tersebut ialah mereka mensia-siakan solat. Oleh sebab itu solat ialah kriteria pertama yang Allah sebutkan dalam syarat kemenangan dan solat juga merupakan indikator terpenting yang muncul dalam kemunduran umat.

2. Menunaikan Zakat

Menunaikan zakat merupakan syarat penting dan bukti utama kebenaran iman. Dalam terminologi al-Quran dan as-Sunnah perkataan *az-zakat* sering diwakili dengan istilah *shadaqah* seperti dalam surah at-Taubah ayat 58 dan ayat 103. Begitu juga Rasulullah S.A.W menyatakan:

وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ

Terjemahan: Dan sedekah adalah bukti. [96]

Imam an-Nawawi[97] menyebutkan bahawa sedekah ialah bukti kebenaran orang beriman serta dalil kebenaran imannya secara zahir dan batin. Keimanan adalah klaim yang perlu dibuktikan kebenarannya. Zakat ialah bentuk kerelaan untuk memberi dan berkorban sebagai pembuktian keimanan. Zakat juga merupakan satu bentuk mekanisme yang berpihak kepada orang lemah dan miskin secara *konkrit*. Asnaf pertama yang disebut dalam *mustahaq az-zakat* ialah fakir dan miskin. Imam

[96] Hadith riwayat Imam Muslim, Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Ḥusain al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī, ' Kitab al-Thaharah".* no. hadith 223. (Kaherah: Dār Ibnu Jauzī, 2001), 3: 81.

[97] Imam al-Nawawī: (Nawa, Damascus, Muharram 631/ Oktober 1233-24 Rejab 676/22 Disember 1277). Beliau seorang Syeikh Islam yang banyak menulis buku, ahli hadith, fikah dan bahasa, dikenal dengan mujtahid yang sibuk dengan kegiatan muzakarah, dikenal pula dengan sebutan al-Hafiz Muhyiddin an-Nawawi, nama lengkap Beliau Muhyiddin Abu Zakariya Yahya bin Syaraf bin Marri al-Khazami. Imam Nawawi meninggal dalam usia 45 tahun. *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 4: 22.

al-Nawāwī juga menggandingkan perkataan sedekah dengan zakat, hadiah dan hibah kerana mempunyai kaitan yang rapat dari sisi maknanya.[98] Rasulullah SAW bersabda tentang pelaksanaan zakat:

أَنَّ اللهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Terjemahan: Sedekah dari harta mereka yang diambil dari orang-orang kaya mereka dan dikembalikan kepada orang-orang fakir mereka. [99]

Hadith tersebut menyatakan bahawa orang yang akan ditolong oleh Allah ialah mereka yang menunaikan kewajipan harta yang diamanahkan kepada mereka. Mereka dapat menguasai sifat bakhil mereka. Mereka menyucikan diri daripada sifat tamak. Mereka berjaya menghalau godaan dan bisikan syaitan, sebagai bukti kekuatan iman dan pengorbanan mereka kepada Allah SWT. Orang yang diberi kedudukan oleh Allah di muka bumi ialah orang yang sangat jelas kemampuannya dalam memberikan jaminan kehidupan kepada mereka yang fakir secara khusus dan kepada seluruh masyarakat secara amnya.

3. Menyeru Kepada Yang Makruf

Mereka menyeru kepada kebaikan dan maslahat serta mendorong manusia untuk melakukan perkara tersebut.

4. Mencegah dari Perbuatan Mungkar

Mereka menentang serta melawan kemungkaran dan kerosakan. Dengan sifat ini dan sifat sebelumnya, mereka mewujudkan umat Islam yang tidak akan berdiam

---

[98] Ariffin Omar, *Sedekah jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd, 2006), 15-16.

[99] Hadith riwayat al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abū Abd Allāh al-Bukhārī, *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitab al-Zakah.* no. hadith 1496. Riyad: (Maktabah ar-Rasyd, 2005), 2: 590.

terhadap kemungkaran sementara mereka mampu mewujudkan dan merealisasikannya. Mereka itulah orang-orang yang menolong Allah, kerana mereka menolong manhaj yang dikehendaki Allah bagi manusia dalam kehidupan ini. Mereka hanya berbangga dengan Allah semata-mata dan tidak dengan selain-Nya. Mereka itulah orang-orang yang dijanjikan oleh Allah akan ditolong dan dimenangkan dengan janji yang pasti berlaku. Jadi, pertolongan dan kemenangan itu berdiri di atas sebab-sebab dan tuntutannya, yang disyaratkan dengan beban-bebannya. Kemudian segala urusan diserahkan kepada kekuasaan Allah. Dia mengaturnya sesuai dengan kehendak-Nya. Dengan kehendak-Nya, Dia boleh mengubah kekalahan menjadi kemenangan, dan kemenangan menjadi kekalahan ketika terjadi penyimpangan-penyimpangan atau ada beban taklif yang tidak dihiraukan. *"Dan kepada Allahlah kembali segala urusan".*

Sesungguhnya kemenangan itu adalah kemenangan yang menyebabkan manhaj Ilahi diwujudkan dalam kehidupan ini. Iaitu dominannya kebenaran, keadilan, dan kebebasan yang mengarah kepada kebaikan dan maslahat.[100] Untuk mendapatkan kemenangan tersebut, bagi umat Islam tidak ada cara lain kecuali dengan kembali kepada ajaran Allah dan Rasul-Nya, sesuai dengan janji Allah SWT yang sepatutnya umat Islam renungkan:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسۡتَخۡلِفَنَّهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ
كَمَا ٱسۡتَخۡلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمۡ دِينَهُمُ ٱلَّذِي ٱرۡتَضَىٰ لَهُمۡ
وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعۡدِ خَوۡفِهِمۡ أَمۡنٗاۚ يَعۡبُدُونَنِي لَا يُشۡرِكُونَ بِي شَيۡـٔٗاۚ وَمَن كَفَرَ

[100] Sayyid Quṭb, *Tafsīr fī Ẓilāl al-Qur'ān, Jilid IV* , al-Ajza' 12-18. *Surah al-Hajj. Ayat: 41.* ed. Ke-10. (Bairut: Dār al-Shurūq, 1982), 2428.

بَعۡدَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾ وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِيعُواْ

ٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Al-Nur 24: 55-56

Terjemahan: Allah menjanjikan orang-orang Yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (Wahai umat Muhammad) Bahawa ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah Yang memegang Kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang Yang sebelum mereka: khalifah-khalifah Yang berkuasa; dan ia akan menguatkan dan mengembangkan ugama mereka (ugama Islam) Yang telah direda'inya untuk mereka; dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). mereka terus beribadat kepada Ku Dengan tidak mempersekutukan sesuatu Yang lain dengan Ku. dan (ingatlah) sesiapa Yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang Yang derhaka. Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan Taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

2.3. Sasaran Dakwah

Sasaran dakwah merupakan siri tajuk yang sangat penting untuk dibincangkan, terutama dalam kalangan ahli gerakan Islam kerana mereka bertanggungjawab untuk mengatur strategi dan menyusun perancangan bagi memastikan kumpulan yang disasarkan dapat dihampiri, seterusnya diberikan asas kefahaman Islam yang sebenarnya.

Setiap pendakwah mesti mengenali dan memahami sasaran dakwahnya untuk menyesuaikan metode dakwah yang digunakan bagi menjamin keberkesanan dakwah tersebut. Antara langkah-langkah yang perlu diambil adalah membuat kajian mengenai kumpulan sasaran tersebut bagi mengambil maklumat yang selengkap-lengkapnya dari segi jenis, sosial-budaya, latar belakang ekonomi, taraf hidup, sikap dan pandangan hidup mereka. Begitu juga pendakwah perlu melakukan hal-hal

berikut: a. Merangka strategi dakwah yang sesuai dengan kumpulan sasaran tersebut. b. Membuat penilaian dari semasa ke semasa bagi menjamin keberkesanannya.

Apabila seorang pendakwah menyebut perkataan dakwah, dia akan menemui tajuk-tajuk ke arah pemahaman konsep dakwah, penyokong dakwah, mereka yang diseru kepada dakwah, cara-cara menyampaikan dakwah, *uslub* dakwah dan sebagainya. Fokus kajian ini ialah umat Islam dan umat Kristian yang menjadi sasaran dakwah (*mad'u*).

2.3.1. Sasaran Dakwah Kepada Orang Islam

Menurut Syeikh Muhammad Abduh[101] masyarakat Muslim yang menjadi sasaran dakwah itu terbahagi kepada beberapa golongan:

1) Golongan awam

Golongan ini tidak berniat untuk melanggar perintah Tuhan tetapi tindakannya di luar daripada Islam dan perlanggaran peraturan Allah adalah disebabkan kejahilannya. Golongan ini mudah dipimpin dan diinsafkan dengan anjuran dan didikan yang baik serta mudah difahami.

2) Golongan yang melaksanakan perintah Allah tetapi tidak sepenuhnya, di samping mampu meninggalkan sebahagian daripada larangan Allah SWT sahaja.

Hal ini terjadi kerana mereka tidak mampu melawan nafsu. Pada hakikatnya dia berasa dukacita atas maksiat yang dilakukannya serta kecewa tidak dapat

[101] Syeikh Muhammad Abduh (Mesir, 1849-1905M). Beliau seorang pemikir, teolog dan pembaharu dalam Islam di Mesir yang hidup pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Ia dilahirkan dan dibesarkan di Mahallat Nasr. *Ensiklopedi Islam*, ed. Ke-5. (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 3: 255.

melaksanakan perintah Allah SWT. Golongan ini agak susah untuk diinsafkan kerana dia mengetahui segala perintah dan larangan Allah tetapi telah dikalahkan oleh nafsunya. Antara golongan yang termasuk dalam golongan ini ialah para ulama yang boleh bersyarah dengan menggunakan al-Quran dan hadith tetapi masih menurut kemahuan nafsunya dalam kehidupan dan kenyataan yang sebenar. Menyedarkan golongan ini dengan menundukkan nafsunya, serta bertukar fikiran dengannya untuk mendorong mereka supaya berfikir secara sihat dan dengan cara yang lebih baik lagi.

3) Golongan yang mempunyai kepentingan

Golongan ini melakukan kemungkaran dan tidak mahu melaksanakan peraturan-peraturan Tuhan dalam hidupnya, sama ada pada diri sendiri, rumah tangga dan masyarakat kerana mendapat keuntungan darinya. Golongan ini boleh dikategorikan sebagai golongan yang mengampu dan munafik serta susah disedarkan kerana kepentingannya mengatasi hukum-hakam Allah SWT.

Rasulullah SAW berjaya mengubati penyakit masyarakat Islam pada zaman baginda sehingga para sahabat menerima kebenaran yang hakiki. Para sahabat dan tabiin juga berjaya dalam memperjuangkan kebenaran. Sekiranya umat Islam pada hari ini ingin berjaya mengubati penyakit masyarakat yang sedang melanda umatnya, maka hendaklah umat ini mengambil dan melaksanakan semua teknik mereka yang terbukti berjaya. Sudah pasti Allah SWT akan memberikan kemenangan dan kejayaan kepada umat Islam.

4) Golongan cerdik cendekiawan yang menganggap baik itu jahat dan yang jahat itu baik.

Golongan ini merupakan golongan yang paling susah untuk disedarkan. Mereka beranggapan bahawa Islam itu kolot dan Barat itu moden, yang menutup aurat tidak terbuka mindanya, yang membuka aurat terbuka mindanya. Biasanya, mereka mempunyai ideologi-ideologi tersendiri yang diperjuangkan, seperti ideologi komunisme, nasionalisme, kapitalisme dan sosialisme. Mereka ini harus dididik dengan *hikmah,* yakni dengan alasan-alasan, dalil dan hujah yang dapat diterima oleh kekuatan akal mereka.[102]

Para *da'i* memerlukan lebih banyak masa dan tenaga yang harus ditumpukan kepada golongan pertama dan kedua, kerana peluang mereka untuk kembali kepada ajaran Islam amat cerah. Untuk golongan yang ketiga dan keempat, tidak perlu diberikan banyak masa dan tenaga kerana golongan ini hanya perlu dibendung pengaruhnya agar tidak menjangkiti masyarakat kerana mereka telah sebati dengan prinsip hidup mereka. Peruntukan masa dalam kerja dakwah perlu dilakukan dengan tepat agar usaha dakwah tidak berakhir dengan kekecewaan serta mematahkan semangat untuk menegakkan kalimah Allah SWT.

2.3.2 Sasaran Dakwah Kepada Orang Bukan Islam

Dakwah kepada mereka yang belum memeluk Islam merupakan amanah yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Apatah lagi pada masa kini gerakan musuh Islam senantiasa membuat pelbagai rancangan dan strategi serta bergerak secara berjemaah untuk menghancurkan Islam dan membinasakan umatnya. Antara

[102] M. Natsir, *Fiqhud-Da'wah,* ed.1. (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1980), 159-160.

perancangan mereka sebagaimana yang dijelaskan oleh tokoh Islam “Jalal al-Alam” dalam bukunya” Aksi Teror Dalam Islam” iaitu:

- Hancurkan akidah Muslim.
- Hapuskan al-Quran daripada mereka
- Hapuskan sistem khalifah Islam.
- Hapuskan tokoh-tokoh Islam.
- Rosakkan akhlak Muslim dan fikiran mereka.
- Rosakkan wanita dan kembangkan pergaulan bebas.
- Tanamkan keraguan terhadap agama.
- Lenyapkan persatuan Muslimin.[103]

Perancangan ini telah dijelaskan oleh Allah melalui firmannya:

يُرِيدُونَ أَن يُطْفِـُٔوا۟ نُورَ ٱللَّهِ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَيَأْبَى ٱللَّهُ إِلَّآ أَن يُتِمَّ نُورَهُۥ وَلَوْ كَرِهَ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٣٢﴾

At-Taubah 9: 32

Terjemahan: Mereka berkehendak memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut (ucapan- ucapan) mereka, dan Allah tidak menghendaki selain menyempurnakan cahayanya, walaupun orang-orang yang kafir tidak menyukai.

Berdakwah kepada golongan-golongan yang memusuhi Islam mesti senantiasa berpandukan kepada al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٱسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُۥ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

Al-Taubah 9: 6

Terjemahan: Dan jika seorang di antara orang-orang musyrikin itu meminta perlindungan kepada mu, Maka lindungilah ia supaya ia

[103] Jalāl al-Alām, *Dammirū Al-Islām Abīdū Ahlahu*, terj. Muhammad Mahrus Muslim, *Aksi Teror Dalam Islam.* (Jakarta: Fikahati Aneska, 1992), 73-87. Anwar Al-Jundi, *Kejatuhan Ideologi Materialisma dan Agenda Pengisian Islam*, terj. Rosli Alias, ed. 1. (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2001), 35.

> sempat mendengar firman Allah, Kemudian hantarkanlah ia ke tempat yang aman baginya. demikian itu disebabkan mereka kaum yang tidak mengetahui.

Allah SWT telah memerintahkan Nabi Muhammad SAW agar memberi perlindungan kepada kaum musyrikin yang berminat memahami Islam dan menghantar mereka ke mana-mana tempat yang aman, supaya mereka mendengar dan memahami keterangan-keterangan Allah tentang Islam, dengan tujuan memberikan perlindungan dan pertolongan kepada golongan yang tidak mengetahui hakikat Islam. Maksud memberi "pertolongan" ialah:

1. memberikan penerangan tentang Islam secara meluas dengan mengajarkan asas-asas Islam serta menghadiri kelas-kelas fardu ain.
2. menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada mereka.
3. memberikan sokongan moral dan material.
4. membantu menghubungi badan-badan yang memberi perlindungan atau membimbing saudara-saudara baru seperti PERKIM, ABIM, JAKIM dan Jabatan Agama Islam di setiap negeri di Malaysia atau di negara-negara Islam lainnya.

Antara kepentingan memberi layanan baik kepada orang bukan Islam adalah:

1. Untuk mendedahkan kepada orang bukan Islam bahawa Islam itu membawa kepada sejahtera dan selamat serta menganjurkan kedamaian.
2. Untuk menunaikan permintaan orang kafir yang ingin memahami Islam.
3. Untuk menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada mereka.
4. Untuk mewujudkan suasana aman dan menjaga hubungan baik dengan mereka.
5. Untuk Menarik perhatian mereka supaya mendekati dan memahami Islam.

6. Supaya menjadi contoh tauladan dalam semua aspek kehidupan.
7. Supaya mereka memperoleh petunjuk Allah untuk menerima Islam.

Hikmah memberi pertolongan kepada orang yang berminat dengan Islam:

1. Mereka dapat mengetahui hakikat kebenaran Islam
2. Mereka akan menganut Islam
3. Meringankan beban yang mereka tanggung
4. Umat Islam akan dicontohi
5. Umat Islam akan dihormati dan dipandang tinggi.

2.3.2(a) Asas Dalam Berdakwah Kepada Orang Bukan Islam

Dalam berdakwah kepada orang bukan Islam, pendakwah perlu terlebih dahulu memahami secara tepat ajaran-ajaran agama lain yang merupakan asas untuk memudahkan aktiviti dakwahnya, agar *da'i* tidak dituduh menyebarkan fitnah berhubung dengan agama lain. Umpamanya Imam Ghazali pernah menulis buku bertajuk' *Tahafutul Falasifah'*[104] yang merupakan kritikan beliau ke atas ilmu falsafah Yunani. Sebelum menulis kritikan ini beliau mengkaji falsafah Yunani secara terperinci dan bahan-bahan itu dibukukannya dalam buku yang bertajuk *'Maqasidul Falasifah* (Tujuan Falsafah) sebelum kritikan dilakukan.[105] Mengkaji agama lain bertujuan untuk membandingkannya dengan Islam agar dengannya akan terserlah keunggulan Islam. Begitu juga asas yang perlu diterapkan dalam minda *da'i* ketika memperkenalkan Islam kepada non Muslim, pastikan para *da'i* tidak

[104] *Tahāfut al-Falāsifah* merupakan sebuah kitab yang ditulis Imam al-Ghazali untuk menyangkal dua puluh kesalahan ahli-ahli falsafah Muslim berserta pendahulu-pendahulu mereka yang berfahaman teistik di Yunani. Tahafutul Falasifah secara etimologi bererti keguguran dan kelemahan falsafah. Al-Ghazali, *Tahāfut al-Falāsifah*, terj. Kamariah Mohd. Ali, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989) xiv.
[105] Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. (Singapura: Pustaka Nasional, 1981), 1: 26.

menyakiti hati mereka atau membuat mereka merasa terhina, jangan cuba mengkritik mereka atau kepercayaan mereka. Umat Islam perlu menyebarkan Islam secara positif (*bil-hikmah dan bil-hal*) untuk mengurangkan perbalahan atau tentangan. Penyebaran dakwah Islam berlaku dengan cara berdebat di antara Islam dan agama lain harus dengan menggunakan debat dengan cara yang baik dan jangan mengatakan agama lain adalah karut dan tidak berasas. Cara ini bukan 'berdakwah' tetapi boleh merosakkan semangat dan tujuan asas berdakwah. Setiap kritikan yang dilemparkan terhadap agama dan kepercayaan lain serta serangan ke atas falsafah hidup seseorang akan mengakibatkan orang lain mengkritik agama Islam pula dan jauh sekali untuk menerima kebenaran agama Islam. Setiap kali mengkritik agama lain maka semakin kuatlah mereka membentengi kepercayaan mereka. Hal ini akan menimbulkan masalah dalam menerima pandangan Islam. Objektif dalam berdakwah bukanlah untuk menang berdebat atau menambah jumlah orang Islam di dunia, tetapi objektif dakwah yang tersemat dalam hati para *da'i* adalah untuk menjadi pendakwah yang ikhlas, serta menghindari daripada sebarang pertengkaran dan persengketaan.[106]

Bagi umat Islam, dakwah bererti menyebar kebenaran. Inti sari daripada dakwah, menjadikan semua tutur kata *da'i* diterima sebagai kebenaran. Apabila orang cuba meyakinkan orang lain maka orang tersebut mestilah juga mempunyai minda yang terbuka untuk menerima hakikat sesuatu kebenaran. Jika para *da'i* cuba meyakinkan orang lain supaya minda orang tersebut terbuka untuk menerima kebenaran, maka usaha *da'i* tersebut tidak efektif sekiranya ia bersikap menolak idea orang lain sewenang-wenangnya.

[106] Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*, (Pahang: PTS Publications And Distributor, 2002), 39.

Berdakwah secara intelektual tentang Islam bukanlah semata-mata untuk meyakinkan orang lain, malah lebih dari itu. Umat Islam mesti mempersembahkan ketinggian moral, etika dan falsafah tentang ajaran Islam. Persembahan ini hanya efektif jika sekiranya para *da'i* sendiri mengamalkan Islam. Bagaimana mungkin umat ini meyakinkan orang lain jika para *da'i* "cakap tidak serupa bikin" atau yang berdakwah sendiri tidak mempraktikkan seperti mana yang dia katakan.

Berdasarkan pengalaman para pendakwah, non Muslim akan memberikan maklum-balas dengan pelbagai kritikan tentang Islam, mungkin kritikan ini melibatkan ayat-ayat dalam al-Quran, hadith Nabi Muhammad SAW, sirah Nabi Muhammad dan sejarah Islam. Biasanya, umat Islam akan membalas kritikan tentang kitab dan ajaran penganut agama lain. Cara ini telah merosakkan proses komunikasi antara satu sama lain. Perlu diingat, apabila seseorang melemparkan kritikan terhadap al-Quran atau nabi dan ajarannya, cara yang betul adalah dengan menjawab kritikan-kritikan tersebut dan bukan mengkritik balas terhadap agama atau kepercayaan mereka. Jika umat Islam mengkritik balas terhadap kepercayaan mereka maka umat ini gagal memberi jawapan terhadap kritikan mereka tentang keindahan ideologi Islam. Oleh yang demikian, tumpuan dakwah umat Islam hanyalah menjawab salah faham terhadap Islam dan mengelak daripada mengkritik agama-agama lain.

Prinsip lain yang penting ialah ajaran Islam mesti disebarkan mengikut urutan yang benar. Orang yang berpotensi akan memeluk Islam sepatutnya diajar dengan ajaran asas dengan cara yang mudah. Setelah ajaran asas diterima dan di dokong, barulah mengorak langkah ke hadapan. Jika urutan ini diabaikan (tidak diikuti)

mungkin kaedah pengajaran ini bukan sahaja tidak sesuai untuk *mualaf* tetapi mengganggu keseimbangan kandungan keseluruhan ajaran Islam.

2.3.2 (b) Metod Dakwah Yang Diutamakan Kepada Orang Bukan Islam

Dakwah terhadap non Muslim memerlukan metode dakwah yang bersesuaian dengan perkembangan zaman yang mana seorang *da'i* harus menyesuaikan diri dengan zaman mereka. Ada beberapa strategi dakwah kepada bukan Islam antaranya adalah:

1. Mencari persamaan berasaskan akidah

Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 64.

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah Yang bersamaan antara Kami Dengan kamu, Iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun".

Seperkara yang perlu difahami, kesemua agama yang utama di dunia menekankan konsep keesaan Tuhan. Bagi agama Juda'isme konsep ini ditekankan dalam 'Shema' ayat yang berkaitan dengan ketuhanan, yang bermaksud, "Tuhan kita ialah Tuhan yang satu. "Bab Deuteronomy 6 ayat 4. Kemudian 1,500 tahun selepas itu, Nabi Isa AS menekankan konsep ketuhanan yang sama seperti yang disebutkan dalam Bible, *"The firs of all the commandments is, Hear, O Israel; the Lord our God is one Lord."* Yang bermaksud inilah perintah yang paling utama, "Dengarlah hai bangsa Israel! Tuhan Allah kita, Dialah Tuhan Yang Esa". Bab Mark 12 ayat 29. Konsep yang sama juga ditekankan dalam agama Hindu, dalam Shetash-Watar Upanishad bab 6 mantera 11 disebutkan, "Tuhan bagi alam semesta ialah Dia Tuhan

yang satu. “Dalam kitab Kenupanishad bab 1 mantera 3 disebutkan, “Dia tidak dapat dilihat oleh mata tetapi mata-Nya melihat segala-galanya”.

Pada hari ini hanya Islam sahaja yang masih mengekalkan kemurnian konsep tauhid ini. Agama Kristian sudah menyeleweng daripadanya dengan memasukkan konsep Tritunggal (Triniti) dalam ajarannya. Tertullian yang hidup pada abad ketiga Masihi merupakan orang pertama yang menggunakan kalimat ’*Triniti*’ ini. Kontroversi dalam kalangan umat Kristian berlarutan sehingga Maharaja Rom, Constantine terpaksa masuk campur dengan mengadakan perhimpunan besar yang melibatkan tokoh-tokoh Kristian ketika itu. Perhimpunan ini dikenali sebagai ‘*Council of Nicea’* yang diadakan pada tahun 325 M. Akhirnya konsep Tritunggal diterima sebagai keputusan Perhimpunan Nicea walaupun majoriti tokoh-tokoh Kristian pada perhimpunan itu menentang keputusan tersebut. Pada tahun 451 M, dengan persetujuan Pope, konsep Tritunggal diterima sebagai satu pegangan rasmi Gereja dan sebarang penolakan dianggap sebagai sesat. Seorang tokoh Kristian, Reverend William B. Chafant berkata: Konsep Tritunggal berasal daripada falsafah sesat yang kemudiannya dimasukkan ke dalam ajaran Kristian.[107] Perubahan juga berlaku ke atas agama Hindu, di mana konsep Tuhan Esa digantikan dengan konsep penyembahan patung berhala. Golongan Brahmin agama Hindu mendakwa Tuhan Yang Esa dapat menjelma dalam kehidupan manusia dalam pelbagai cara dengan tujuan untuk mengenali kehidupan di dunia secara lebih dekat.

Dakwah berdasarkan konsep tauhid ini jika disampaikan dengan hujah dan fakta yang sahih, dapat mengetuk minda sesiapa saja dan sekaligus dapat menzahirkan kesucian dan kemurnian agama Islam berbanding agama lain. Jika berdakwah dengan orang bukan Islam, mestilah mencari titik persamaan bermula

[107] Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*, 42.

dari awal. Perlu diingat, minda manusia lebih mudah menerima idea (yang ada persamaan) yang mereka sudah biasa (familiar), dibandingkan dengan perkara baru dan tidak jelas**.**

2. Dakwah menggunakan sanggahan lunak

Allah SWT menyanggah Ahli Kitab dengan firman-Nya:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ ٱلْكِتَـٰبَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَـٰذَا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ لِيَشْتَرُوا۟
بِهِۦ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا يَكْسِبُونَ

Al-Baqarah 2: 79

Terjemahan: Kecelakaan besar bagi orang-orang Yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu.

Sanggahan ke atas ajaran-ajaran lain perlulah dilakukan dengan baik, beradab serta penuh kelembutan. Fakta-fakta yang digunakan mestilah tepat. Untuk tujuan ini, pandangan-pandangan kritikal berhubung sesuatu agama oleh tokoh-tokoh agama, yang berautoriti sepatutnya dimanfaatkan. Sebagai contoh, satu pandangan kritikal oleh tokoh Kristian paderi John Breck berhubung dengan *Bible*, yang dapat dimanfaatkan dalam dakwah, ‘siapakah penulis *Bible* yang sebenarnya? Menurut beliau kontroversi berhubung identiti penulis sesetengah buku dalam *Bible* wujud sejak dahulu lagi. Demikian juga dengan tulisan tokoh agama Hindu , DR. Chatterjee yang bertajuk’ *oh you hindu a wake’* yang agak kritikal dengan agama itu.[108]

Ada beberapa cara menyampaikan dakwah kepada non Muslim, antaranya:

[108] Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*, 43.

1. Melalui media massa: radio, surat khabar, televisyen dan Internet
2. Mengadakan sesi perbincangan untuk menjelaskan ajaran Islam
3. Membuktikan kepada non Muslim bahawa Islam adalah agama kedamaian dan harmoni
4. Bergaul dengan cara yang baik dengan non Muslim, tidak bertindak kasar
5. *Bil-Lisan* iaitu dengan kata-kata yang lembut, ucapan yang sopan, ajakan, penerangan dan penjelasan yang menarik
6. *Bil-Kitab* iaitu dengan penulisan, dengan cara menulis, novel, esei dan sebagainya
7. *Bil-Hal* iaitu dengan keadaan, menyesuaikan dakwah dengan keadaan Islam seperti cara beribadat, berpakaian dan bertutur.

Di antara amalan harian umat Islam yang dapat menarik minat non Muslim kepada agama Islam:

1. Menunjukkan nilai-nilai Islam yang baik dari segi tingkah laku, amal ibadat dan penghayatan. Ini akan menjadi contoh yang baik dan dapat menarik minat mereka kepada Islam.
2. Mengadakan perbincangan yang baik dan hormat pendapat mereka. Dapat memberikan kesan kepada mereka, mereka akan menghormati cara orang Islam berdakwah.
3. Memberi penerangan tentang Islam secara terperinci tentang kelebihan Islam. Mereka akan memahami ajaran Islam dan ini akan mendorong mereka menganut agama Islam.

4. Tidak melakukan perbuatan yang melanggar hukum syarak yang boleh menghilangkan keyakinan mereka terhadap Islam. Mereka akan memandang mulia terhadap orang Islam.
5. Membantu kewangan dan sokongan moral kepada non Muslim yang berminat. Ini akan menguatkan semangat dan keyakinan mereka untuk menganut agama Islam.

Sekurang-kurangnya ada tiga pendekatan penting yang perlu diaplikasikan untuk memastikan dakwah sampai kepada non Muslim:

1. Keadilan

   Keadilan merupakan salah satu prinsip perundangan Islam yang boleh mendekatkan jurang antara Muslim dan non Muslim. Non Muslim sebelum mendekati Islam, mereka terlebih dahulu akan memerhatikan keadaan orang Islam itu sendiri. Ada yang enggan mendekati Islam disebabkan oleh imej dan sifat buruk orang Islam. Keadilan di dalam pemerintahan merupakan tarikan penting dalam usaha dakwah sebagaimana yang dicontohkan Nabi SAW dan sahabat-sahabat beliau. Keadilan bukanlah bererti persamaan dalam segala-galanya akan tetapi meletakkan sesuatu pada tempatnya.

2. Menghormati hak

   Bertoleransi (bersikap *tasamuh*) merupakan salah satu cara untuk menangani isu hubungan antara kaum dan agama. Toleransi menggambarkan sikap keterbukaan dalam masyarakat yang majmuk (plural). Toleransi dalam Islam dengan maksud menghormati hak non Muslim bukan mengiktiraf kebenaran agama lain. Oleh itu semangat toleransi yang dianjurkan oleh Islam bermaksud

menghormati kepercayaan agama lain dan kebebasan non Muslim dalam beragama, kerana agama Islam tidak membenarkan memaksa manusia untuk memeluk Islam secara kekerasan. Kekerasan hanya dapat memaksa luaran manusia sahaja, tidak kepada hati, sedangkan kepercayaan itu terletak di dalam hati manusia.

3. Dialog

Dialog merupakan salah satu teladan dakwah dan metode penting dalam dakwah yang pernah ditampilkan oleh para nabi dan rasul terdahulu. Pendekatan dakwah *bil hal* sahaja tidak cukup, ia perlu diikuti juga dengan dialog yang boleh membawa kepada pemahaman dalam isu-isu agama dan boleh mengurangi prasangka. Apatah lagi dalam suasana masyarakat pada masa kini yang didominasi oleh pemikiran sekular yang dikelabui dengan *modernity*, dialog dan perbincangan mengenai agama akan mengingatkan mereka tentang pencipta alam ini.[109]

2.3.3 Kepentingan Dakwah Secara Kolektif

Kepentingan (Matlamat) dakwah secara umumnya adalah untuk mengubah pandangan sasaran dakwah (*mad'u)*, agar mahu menerima ajaran Islam dan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari, baik secara individu, keluarga mahupun dalam kehidupan sosial (kemasyarakatan). Hal ini bermaksud agar wujud satu kehidupan yang penuh dengan keberkatan dan kebaikan dunia dan akhirat.[110]

---

[109] Kamar Oniah Kamaruzzaman, *Responding to Humanitarian Crisis Through Interfaith Dialouge*. Kertas kerja yang dibentangkan pada 13-14 Jun 2006. Kuala Lumpur: Universiti Utara Malaysia.
[110] Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Roslizawati Ramli, Marina Munira Abdul Mutalib, *Intelektualisme dan Da'wah Masa Kini* (Kuala Lumpur: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIM, 2003), 45.

Begitu juga dalam berdakwah, para *da'i* menginginkan terbentuknya individu yang berkeperibadian Muslim, rumah tangga Muslim, kedaulatan Islam, khilafah Islamiah yang menghimpun segenap negara-negara Islam dan menaungi segenap kaum Muslimin, mengembalikan kemuliaan mereka serta membebaskan tanah air mereka yang hilang dan dirampas. Kemudian membawa *syiar* jihad dan bendera dakwah *ilallah*, sehingga dunia seluruhnya sejahtera dengan terlaksananya ajaran Islam.

Selanjutnya, Hasan al-Banna[111] mengatakan: "*azamkan* selalu, bahawa kalian memiliki beberapa sasaran utama dalam kepentingan dakwah:

1. Membebaskan negeri-negeri Islam dan kaum Muslimin dari cengkaman pihak asing serta daripada penyakit-penyakit yang membawa mereka kepada kehinaan dan dipijak kehormatannya. Ini kerana kemerdekaan merupakan hak setiap manusia, tidak ada yang mengingkarinya kecuali orang zalim dan durjana.
2. Bagi negeri Islam yang telah bebas, hendaklah menegakkan negara Islam yang merdeka melaksanakan hukum Islam, menerapkan sistem masyarakat Islam, membirokrasikan prinsip-prinsipnya yang lurus dan menyampaikan dakwah kepada manusia. selagi situasi ini belum terealisasi, maka seluruh kaum Muslimin ikut menanggung dosa dan bertanggung jawab di hadapan

[111] Hassan al-Banna (1906-1949), nama penuhnya Hassan Ibn Ahmad Ibn Abdul Rahman al-Banna al-Sa'atiy. Dia lahir dalam keluarga ulama yang dihormati, di sebuah kampung Fuh dalam wilayah Kafr al-sheikh, yang merupakan sebuah kampung petani yang kuat mentaati ajaran agama dan nilai-nilai Islam. Beliau merupakan reformis sosial dan politik Mesir yang dikenali sebagai pengasas gerakan al-Ikhwan al-Muslimin. Hassan al-Banna mengukuhkan asas Ikhwan al-Muslimin ini dengan menulis rencana dalam akhbar dan mengadakan pertemuan secara peribadi dengan tokoh-tokoh masyarakat. Pertemuan peribadi dan tulisan beliau memberikan kesan yang sangat besar kepada perkembangan dan penyusunan gerakan Ikhwan al-Muslimin yang memainkan peranan penting dalam kegiatan politik Mesir dan politik Arab Islam amnya. *Ensiklopedia Dunia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 8: 188.

Allah SWT disebabkan kelalaian mereka dan sikap diam mereka dari mewujudkannya.[112]

2.4. Perspektif Mengenai Pendakwah

Ketika menyebut tentang pendakwah, sering terbayang orang yang hanya berkopiah, berserban atau orang yang hanya duduk dalam masjid. Tetapi kadangkala pendakwah juga termasuk orang yang mempunyai jawatan tinggi dalam kerajaan, mungkin seorang doktor yang selalu mengubati pesakit, seorang jurutera yang bekerja di Perodua, juga seorang guru yang mengajar di sekolah, malahan boleh jadi setinggi ketua bagi sesebuah negara. Ianya boleh sesiapa sahaja asalkan dengan niat untuk menyeru kepada kebaikan, menyeru kepada Allah. Sebagaimana firman-Nya:

قُلْ هَٰذِهِۦ سَبِيلِىٓ أَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ ۚ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا۠ وَمَنِ ٱتَّبَعَنِى ۖ وَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Yusuf 12: 108

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalan ku dan orang-orang yang menurut ku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Umat Islam yang ingin mengikuti sunnah nabi, alhamdulillah banyak yang boleh diikuti tetapi sering dilupakan sunnah nabi yang paling besar dan yang banyak pahalanya, ialah dakwah, menyeru kepada Allah SWT. Umat Islam mesti mengubah persepsi, dengan menganggap semua umat Islam ialah pendakwah. Pendakwah bukan semata-mata duduk di masjid sahaja, dakwah tidak semestinya di masjid. Jika

[112] Sa'id Hawwa, *Pengenalan Dakwah Ikhwan Muslimin*, terj. Mohd. Darus Senawi, ed. 1. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1985), 20-38.

umat Islam menyangka dakwah hanya di masjid sahaja, samalah pemahaman umat ini dengan fahaman sekular, mengasingkan dunia dengan agama, dunia di tempat kerja dan agama di masjid, dua perkara yang tidak boleh bercampur, terpisah bagaikan air yang masin dan air tawar di lautan. Tidak sepatutnya dipisahkan kerana Islam itu *syumul*, Islam merangkumi politik, ekonomi dan sosial. Dakwah itu bukan berseorangan, ia memerlukan rakan, perlukan sokongan, pengorbanan dan keikhlasan.

2.4.1. Pengertian Pendakwah

Pendakwah dalam bahasa Arab ialah *da'i*. Kata *da'i* diucapkan bagi para pendakwah yang suka menyampaikan ceramah keagamaan. Dalam aspek bahasa *da'i* ialah penyeru atau penyampai informasi. Dalam teori komunikasi *da'i* ialah komunikator, yang selalu menyampaikan pesanan kepada orang lain. Sedangkan menurut istilah *da'i* ialah seseorang yang menyampaikan pesanan tentang ajakan menuju jalan Allah (*amar maaruf nahi mungkar*) kepada *mustami'* atau umat.[113]

Allah SWT memuliakan sesiapa yang berjalan di jalan dakwah kepadanya, Dia mengurniakan kedudukan dan mengangkat mereka ke martabat yang tertinggi iaitu:

1. Pendakwah adalah sebaik-baik manusia.
2. Pendakwah ialah saksi yang memberi keterangan kepada manusia.
3. Pendakwah ialah golongan yang berjaya di dunia dan akhirat.
4. Pendakwah adalah manusia terbaik percakapannya.

[113] *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. 1. (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003), 532, 534. *Kamus Dewan*, ed. Ke-4. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 304-305.

5. Pendakwah ialah pewaris para Nabi.

6. Penghuni langit dan bumi memohon ampun untuk para pendakwah.

7. Ganjaran pendakwah tidak terputus.

8. Usaha para pendakwah memberi petunjuk adalah lebih baik daripada dunia dan segala isinya.

2.4.2. Syarat Pendakwah

Seorang pendakwah yang ingin menceburkan diri dalam dunia dakwah, mestilah terlebih dahulu membuat beberapa persediaan dan persiapan awal sebelum masuk ke dalam bidang dakwah. Ini kerana dakwah merupakan satu bidang yang memerlukan kepada seorang juru dakwah yang benar-benar mempunyai ketahanan diri dan bekalan-bekalan yang cukup untuk melancarkan kerja dakwahnya.

Persiapan-persiapan yang diperlukan oleh juru dakwah:

Adapun sifat yang menjadi bekal dan persiapan juru dakwah, yang mana sifat ini diterangkan dengan panjang lebar dalam al-Quran dan Sunnah, diterangkan secara terperinci baik dari segi bentuk dan kepentingannya. Antara persiapan tersebut ialah:

1. Persiapan yang paling utama ialah bersifat sabar dan bersedia menerima ujian Allah SWT. Ia merupakan peraturan dan syarat untuk berjaya. Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ
وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Al-Baqarah 2: 155

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu Dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta

benda dan jiwa serta hasil tanaman. dan berilah khabar gembira kepada orang-orang Yang sabar.

Bentuk-bentuk ujian tersebut seperti dituduh, difitnah, diugut, dibuang pekerjaan dan sebagainya. Inilah persediaan Rasul dan Nabi-nabi sebelum mereka diberikan tugas kerasulan, sebagaimana yang maklum dalam sirah Rasulullah SAW, bahawa baginda terlebih dahulu diberikan latihan-latihan jasmani dan rohani sebelum kerasulannya.

Antara faktor yang menjadikan pendakwah bersedia ialah: iman yang kuat kerana iman merupakan senjata yang terkuat dalam diri seseorang *da'i* untuk membolehkannya berasa yakin dan berani berjuang serta menempuh segala ujian pada jalan dakwah.

Sifat sabar yang diperlukan oleh juru dakwah ada beberapa macam, antaranya:

a. Teliti dan tidak tergopoh-gapah dalam semua tindakan.

b. Tekad yang kuat serta tidak dapat digoyahkan oleh hambatan dan rintangan apa pun jua.

c. Selalu memelihara keseimbangan di antara akal dan emosi, di mana setiap persoalan harus dihadapi dengan tenang dan fikiran yang sihat serta dapat mengendalikan emosi.[114]

2. Bersedia untuk bekerja dan tidak bersikap putus asa.

Firman Allah SWT:

وَقُلِ ٱعۡمَلُواْ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمۡ وَرَسُولُهُۥ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۖ ١٥

[114] Abul A'la Al-Maududi, *Petunjuk Juru Dakwah*, terj. H. M. Asywadie Syukur (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1982), 28.

At-Taubah 9: 105

> Terjemahan: Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan Rasulnya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan.

Kerja-kerja yang dilakukan adalah semata-mata untuk Islam yang bertujuan untuk mencari keredaan Allah SWT.

3. Persiapan Ilmu Pengetahuan.

Tanpa ilmu pengetahuan, seseorang *da'i* akan menghadapi kesulitan pada jalan dakwah. Bagaimana mungkin mereka dapat menyatakan kebenaran dan kesyumulan Islam kepada masyarakat sedangkan mereka sendiri tidak tahu apa itu Islam, apa itu kesyumulannya. Ilmu pengetahuan Islam di antaranya:

a) Al-Quran dan tafsirnya.

b) Sunnah Nabawi.

c) Sejarah Nabawi.

d) Ilmu Tauhid.

e) Fikah dan Usul.

f) Ilmu Tarbiah.

g) Sistem perundangan.[115]

4. Persediaan menjadikan diri sebagai *qudwah hasanah*.

Sebagai *da'i* perlu menjadikan diri sebagai contoh yang baik kepada masyarakat. Bagaimana masyarakat boleh menerima seruan ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran sedangkan da'i tersebut melakukan kemungkaran dan meninggalkan kebaikan. Sifat yang perlu ada pada *da'i* ialah:

a) Sentiasa benar dalam semua perkara.

[115] Yusuf al-Qardhawi, *Tazkirah Para Pendakwah* (Kuala lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2000), 141-185.

b) Amanah.

c) Lemah lembut.

d) Rendah diri.

e) Kasih sayang.

f) Kemuliaan yang dapat mengukuhkan pendirian mereka terhadap Islam.

Ketika seorang pendakwah menghiasi dirinya dengan sifat *siddiq*, amanah dan berakhlak dengan akhlak *al-hilm* serta bersifat dengan sifat *tawadhu'* begitu juga tatkala dia bersifat dengan sifat *al-karm* dan *as-sahha* (pemurah), bahawa sesungguhnya dia telah diangkat ke martabat yang tinggi dalam sebaik-baik kejadian, sehingga indah muamalatnya dan bersifat *ihsan* kepada manusia. Dalam aspek masyarakat, dia mempunyai kedudukan dan darjat yang memberi kesan dan perbaikan.[116]

5. Persiapan membawa kebenaran.

Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَكُونُواْ مَعَ ٱلصَّٰدِقِينَ ١١٩

At-Taubah 9: 119

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman! bertakwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang Yang benar.

6. Persiapan dari segi rohani.

Kebersihan rohani akan menjadikan seorang insan bertakwa, mukmin, soleh dan kuat. Ia juga memberikan kesan yang besar kepada dakwah. Doa dari rohani yang suci akan mudah dimakbulkan oleh Allah SWT.

7. Persediaan kesungguhan dalam berdakwah.

Firman Allah SWT:

[116] 'Abdullah Nasih 'Ulwan, *Akhlaq Para Penda'wah.* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988), 44.

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ ٦٩

Al-Ankabuut 29: 69

Terjemahan: Dan orang-orang Yang berusaha Dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama kami, Sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan).

8. Persiapan dari segi harta, jiwa dan masa.

Menjadi seorang juru dakwah mestilah senang memberikan pertolongan kepada orang yang memerlukan pertolongan, bersedia berkorban waktu, tenaga, fikiran, harta benda serta kepentingan-kepentingan lainnya.[117]

Firman Allah SWT:

ٱنفِرُواْ خِفَافٗا وَثِقَالٗا وَجَٰهِدُواْ بِأَمۡوَٰلِكُمۡ وَأَنفُسِكُمۡ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٤١

At-Taubah 9: 41

Terjemahan: Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada Dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun Dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah Dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui.

2.4.3. Cabaran Pendakwah

Dakwah merupakan suatu tanggungjawab agama yang mesti dipikul oleh setiap Muslim. Ia adalah usaha untuk menyampaikan saranan agama dan menyeru manusia kepada kebaikan seperti yang didefinisikan oleh Islam. Tanggungjawab ini lahir dari komitmen dan *iltizam* mereka kepada kebaikan, iaitu untuk menyampaikan

[117] Abul A'la Al-Maududi, *Petunjuk Juru Dakwah*, 30.

kebaikan bukan hanya kepada diri sendiri atau keluarga tersayang tetapi juga kepada orang lain dan umat manusia sejagat.

Dalam usaha untuk mengembangkan dakwah, pelbagai rintangan dan cabaran terpaksa dilalui oleh para *da'i*. Ada yang bersifat dalaman dan ada pula yang bersifat luaran. Iblis, syaitan, manusia kafir, munafik dan golongan *taghut* yang berkepentingan sentiasa menjadi batu penghalang ke arah menyebarluaskan ajaran agama Allah ini. Dari sekian banyak cabaran yang dihadapi pada masa kini boleh didedahkan sebagai berikut:

2.4.3 (a) Cabaran Islamophobia

Sejak akhir-akhir ini, khususnya selepas peristiwa serangan berani mati terhadap Amerika Syarikat (A.S) pada 11 September 2001 (dikenali sebagai 9/11) kebencian dan kemarahan negara-negara barat terhadap Islam meningkat. Media massa tempatan dan luar negara tidak henti-henti menyiarkan rencana, maklumat dan komen-komen yang memburukkan Islam dan para penatarnya. Mereka mengguna pakai istilah-istilah yang sengaja mengaitkan Islam dengan perbuatan jenayah, ganas, bermuslihat dan sebagainya untuk menutup mata terhadap perlakuan ganas rejim penjajah, Israel dan negara kuasa besar yang sering melakukan keganasan terhadap negara-negara kecil di dunia. Mereka mencipta musuh dan nama-nama baru tertentu untuk memungkinkan secara tersirat untuk mengganyang negara dan gerakan Islam yang kini sedang memulihkan kehadiran mereka di pentas politik dunia.

Dalam masa yang sama, mereka menggunakan prasarana undang-undang antarabangsa dan institusi antarabangsa untuk mengekang kebangkitan negara-negara

Islam, negara-negara berkecuali dan negara-negara ketiga untuk bangun menyaingi mereka sebagai kuasa ekonomi, politik, teknologi dan ketenteraan.[118]

2.4.3 (b) Cabaran Fahaman Sekularisme

Sekularisme merupakan suatu aliran atau sistem doktrin dan praktik yang menolak segala bentuk yang diimani dan diagungkan oleh agama, atau pandangan bahawa masalah keagamaan (ukhrawi) harus terpisah sama sekali dari masalah kenegaraan (duniawi). Akar histori dari konsep sekularisme tidak dapat dipisahkan daripada sejarah Kristian di dunia Barat. [119]

Fahaman sekularisme telah lama tersebar dan dibajai dalam seluruh jentera negara Islam. Fahaman ini dibawa oleh Barat dan disenangi oleh nafsu amarah manusia, ia juga sedang melanda umat Islam dan menjadi wabak penyakit yang menghakis komitmen kepada nilai-nilai agama. Sekiranya fahaman ini tidak dibendung dan ditangani segera dengan berkesan maka akan terhakis dan runtuhlah jati diri generasi tua dan muda umat Islam kini. Pegangan mereka kepada agama akan luntur bahkan semakin menipis dan larut. Gejala-gejala buruk pasti akan menular sepertimana yang sedang dirundung oleh umat Islam masa kini. Pastinya umat Islam akan terus berpecah-belah menurut fahaman yang pelbagai ragam sehingga mereka menjadi alat untuk meruntuhkan agama mereka sendiri.[120]

Sesungguhnya kebudayaan yang dibawa oleh Islam dan sekular merupakan dua garisan selari yang tidak mungkin bertemu antara satu sama lain. Arah tujuan yang berlainan akan melahirkan matlamat dan manifestasi yang berlainan.

---

[118] "Menghapus Islamophobia Dalam Kalangan Masyarakat Barat," *Utusan Malaysia*, 01 Okt 2010, 1.
[119] *Ensiklopedi Islam* (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 2: 167.
[120] Firdaus A. N, *Panji-Panji Dakwah* (Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya, 1991), 53.

Kebudayaan Islam mesti berteraskan keimanan kepada Allah yang merupakan tunggak kepada seluruh sistem kehidupan manusia.[121] Manakala sekular merupakan satu manifestasi yang kontradiksi dengan hakikat kewujudan itu sendiri.

2.4.3 (c) Cabaran Kuasa Politik Yang Undemokratik

Kekuasaan yang dipegang oleh tampuk kepimpinan yang tidak demokratik, hidup memerah dan membolot kekayaan untuk keluarga dan kroni mereka, menganggap kekuasaan sebagai hak mutlak peribadi dan bukan amanah Allah, enggan mengamalkan dan melaksanakan pemerintahan mengikut ajaran Islam, pasti akan menyebabkan matlamat dan hala tuju sesebuah negara kucar kacir. Oleh sebab itu, isu kepemimpinan negara berkait rapat dengan urusan agama kerana dengannya hukum-hakam Allah SWT dan keadilan dapat ditegakkan. Adapun jika pemimpin daripada kalangan mereka yang tidak serius menegakkan ajaran al-Quran,an dan as-Sunnah dapat dianggap sebagai perbuatan yang menzalimi agama. Sehingga institusi negara, daripada kehakiman, ketenteraan, penerangan, perbendaharaan akan disalahgunakan untuk kepentingan parti dan peribadi. Akhirnya, amalan politik hanya untuk kepentingan kumpulan kecil dan diri sendiri mengikut corak yang telah diajar oleh fahaman kapitalis dan materialistik tanpa menegakkan keadilan dan membuktikan kebenaran. Kemelut ini sudah tentu akan melahirkan iklim politik dan budaya sosial yang menyimpang jauh daripada ketelusan ajaran Islam dan kemurnian nilai-nilai tamadun yang tinggi.[122]

---

[121] Che Yusoff Che Mamat dan Syamsul Bahri Andi Galigo, *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. (Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Islam, 1997), 122.

[122] Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*, 117-119.

2.4.3 (d) Cabaran Undang-Undang Yang UnIslamik

Pada prinsipnya, sesuai dengan ‘azam dan cita-cita untuk menjalankan hukum dan undang-undang Allah, serta tidak bersetuju dengan undang-undang ciptaan manusia yang bercanggah dengan syariat Allah pada kebanyakan dasar dan isi patinya. Undang-undang daripada Allah ialah undang-undang yang adil yang lahir daripada Tuhan Yang Maha Adil. Ia juga merupakan tuntutan segenap rakyat yang prihatin. Dalam hal ini umat Islam berkeyakinan bahawa undang-undang yang saksama ialah undang-undang yang berlandaskan kepada ajaran Islam atau nilai-nilai kebaikan sejagat. Keengganan menurut asas-asas perundangan akan menyebabkan negara terjebak dalam kancah kemelut kezaliman, penipuan, fitnah, lucah dan amalan politik mafia. Amalan menangkap lawan atau musuh politik dengan tuduhan palsu bertopengkan alasan keselamatan negara memang lumrah dalam kalangan para pemerintah korupsi dan diktator. Selagi amalan-amalan buruk dan kezaliman berleluasa dalam negara, susah untuk negara berkenaan dilabelkan sebagai negara Islam. Dalam masa yang sama ketidakadilan dalam perundangan dan perlaksanaannya semakin berleluasa.[123]

2.4.3 (e) Cabaran Pendidikan Sekular

Pendidikan sekular yang telah diperkenalkan oleh penjajah, kini semakin di perkasa. Segala teori yang dicipta oleh manusia ini hanyalah bertunjangkan akal semata-mata yang boleh diterima dan juga boleh berlaku kesilapan. Teori ini telah menjadi sistem pendidikan antarabangsa dan telah dapat menguasai sistem pendidikan di negara-negara Islam secara keseluruhannya.[124] Semangat kemerdekaan

---

[123] Mustafa Masyur, *Jalan Da’wah Antara Keaslian Dan Penyelewengan,* terj. Mohd. Yusuf Ismail, ed. 1. (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1986), 87-88.

[124] Anwar Al-Jundi, *Kejatuhan Ideologi Materialisma Dan Agenda Pengisian Islam,* terj. Rosli Alias, ed. 1. (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2001), 24-29.

dan keagamaan yang dahulunya diperjuangkan dan didaulatkan, kini seolah-olah dilupakan bahkan aliran keagamaan sering dimomokkan dan dianggap sebagai penghambat kemajuan, penghalang pembangunan. Amalan-amalan ibadah khusus dianggap penghalang kejayaan dalam pembelajaran sains. Oleh sebab itu, kegiatan ibadah *qiamullail*, zikir, solat tahajud dan amalan lainnya diremehkan dan dipandang rendah oleh para pemimpin atasan tertentu. Ibu bapa yang prihatin terhadap pendidikan agama anak-anak mereka dalam menghadapi kebanjiran bahan lucah dan gejala maksiat, sumbang mahram dalam kalangan remaja dianggap sebagai penyebab kepada menurunnya prestasi bumiputera dalam lapangan pencapaian sains. Pengabaian dan tindakan meminimumkan pendidikan agama sudah pasti akan menghasilkan satu generasi Muslim yang berkiblatkan nafsu atau budaya barat semata-mata.

2.4.3 (f) Budaya Barat

Akibat dari berleluasanya perkembangan alat komunikasi dan informasi moden maka pengaruh budaya Barat semakin menjarah masuk dan melunturkan fahaman keagamaan dalam masyarakat. Gerakan penjajahan kebudayaan pada zaman moden yang menjalankan aktivitinya dalam dunia Islam sejak penguasaan penjajah Barat, bolehlah disifatkan sebagai lanjutan kepada gerakan memusuhi Islam pada setiap zaman.[125]

Budaya asing yang berasaskan liberal yang hanya ingin keseronokan dunia semata-mata, kini semakin mendapat tempat di hati umat Islam. Sebab itu gejala *Black Metal* merosakkan golongan remaja melalui pesta seks dalam kalangan muda-

[125] Anwar Al-Jundi, *Pengaruh Barat, Cabaran Paling Merbahaya Kepada Umat Islam.* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1983), 13-17.

mudi yang bukan *mahram* dan belum berkahwin menggemparkan masyarakat. Jika tidak dirawat segera akan menyebabkan rosaknya umat Islam dan berjaya misi Barat dalam memusuhi Islam.[126]

2.4.3 (g) Teknologi Informasi dan Telekomunikasi

Barat atau tepatnya orang-orang Yahudi, jaringan Zionisme Internasional dan kaum Salib dewasa ini menguasai media massa dan arus informasi dunia. Mereka menguasai era informasi ini dengan segala keunggulan sistem, teknik dan media informasinya tersebar luas dan menjangkau seluruh dunia. Tentu hal ini mendorong mereka leluasa melakukan demonologi Islam, membentuk opini publik yang sesuai dengan kepentingan mereka. Dalam dunia komunikasi ada istilah popular: "siapa yang menguasai informasi, dialah penguasa dunia". Rupanya, Zionis Yahudi menyedari dan menghayati benar teori tersebut. Mereka pun mencurahkan perhatian dan usaha khusus untuk menguasai media masa dunia.

Sementara itu pada pihak lain, yakni umat Islam, boleh dikatakan tidak memiliki satu media massa pun yang memadai untuk memperjuangkan dan menegakkan nilai-nilai Islam atau membela kepentingan agama dan umat Islam. Inilah faktor kemunduran umat Islam akibat kekurangan penguasaan terhadap teknologi yang semakin berkembang di negara Barat. Teknologi yang canggih memungkinkan Barat menyebarluaskan propaganda mereka terhadap negara-negara Islam dengan berkesan. Melalui filem, CD, VCD, televisyen, satelit, TV, Internet mereka menyalurkan berjuta-juta patah perkataan *imej*, grafik dan diayah yang mempengaruhi umat Islam sehingga hilang jati diri mereka. Dengan penguasaan

[126] Dr. Basim Khafaji (tt), *Barat Memusuhi Islam.* Terj. Mohd Darus Sanawi Ali, ed. 1. (Pulau Pinang: Kembara Ilmu Publication, 2001), 69-72.

mereka yang canggih dalam bidang teknologi, mereka dapat meneruskan penguasaan dan hegemoni ke atas dunia Islam dan negara-negara Islam.[127]

2.4.3 (h) Kuasa Penjajah dan Zionis

Perancangan jahat dan kerjasama di antara masyarakat Kristian dan Yahudi yang ingin menghancurkan Islam telah menemui kejayaan dengan jatuhnya empayar Islam semasa Zaman Turki Uthmaniah. Hingga sekarang keseluruhan umat Islam berada dalam genggaman kuasa-kuasa penjajah, hal ini telah membuka peluang bagi merealisasikan wasiat (Campell) yang dinyatakan pada tahun 1917 M, iaitu untuk mewujudkan satu unsur yang asing di kawasan yang memisahkan antara Asia dan Afrika. Umat Islam berada dalam keadaan genting di mana mereka telah dikepung keseluruhannya oleh kuasa-kuasa Barat, Komunis, dan Zionis. Strategi dan perancangan yang semakin rapi sedang direncanakan mereka, jelas membawa cabaran yang lebih besar lagi terhadap pendakwah serta umat Islam umumnya. Mereka ingin mengubah beberapa ayat al-Quran, membasmi hadith Nabi sebagai suatu kuasa palsu yang memundurkan umat. Mereka mahu umat Islam tidak membangun negara dan politik Islam kerana merupakan fenomena ekstremisme dan terorisme. Mereka terus memantau perkembangan negara umat Islam agar peradaban umat Islam tidak akan dapat dibangunkan semula.[128]

2.4.3 (i) Kristianisasi

Kristianisasi yang telah lama berlaku bukan merupakan perkara baru yang tidak diketahui oleh umat Islam. Strategi kristianisasi yang dirancang terlalu halus dan memerangkap umat Islam yang leka dan lalai serta tidak mengikut ajaran Islam

---

[127] Asep Syamsul M. Romli, S. IP, *Demonologi Islam, Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam* (Jakarta: Gema Insani, 2000), 19-24.
[128] Anwar Al-Jundi, *Kejatuhan Ideologi Materialisma dan Agenda Pengisian Islam*, 37-45.

berdasarkan landasan yang betul. Sehingga beberapa golongan yang lemah berjaya disesatkan oleh mereka, mengagungkan ajaran Kristian dan menjadi penganut agama Kristian sama ada kerana ingin berkahwin atau ingin mendapat habuan kebendaan atau lari menjadi rakyat di negara berkenaan. Golongan paderi dan mubaligh Kristian terus memainkan peranan dengan dana kewangan yang besar dan prasarana diayah yang hebat dan canggih. Gerakan penyebaran Kristian menggunakan beberapa konsep penting seperti “cinta Tuhan”, “penyelamatan” dan “khabar gembira” sebagai pengikat ketaatan penganut kepada ajaran Kristian.[129] Hal ini diyakini memberi kesan positif kepada gerakan penyebaran agama Kristian. Namun, dengan berkat kegigihan usaha pendakwah dan kewaspadaan umat terhadap misi mereka, pendakwah dapat membendung dan memelihara umat Islam sedikit demi sedikit daripada gejala Kristianisasi.

2.4.3 (j) Globalisasi

Globalisasi merupakan satu proses menundukkan dunia dalam segenap sektor sama ada politik, ekonomi, sosial, budaya dan media dengan satu acuan kemanusiaan tertentu. Ia merupakan satu cara baru yang digunakan oleh Zionis atau Amerika Syarikat dalam berhadapan dengan Islam. Sikap negara-negara kuasa besar dan Eropah berlandaskan kepada pendekatan "pertembungan tamadun" yang mereka nafikan tetapi sebenarnya mereka gunakan untuk menghadapi kebangkitan Islam serta institusinya. Globalisasi juga mewujudkan satu budaya yang mengikut telunjuk dan acuan Amerika serta menafikan nilai-nilai murni dan mulia serta budaya setempat. Semuanya akan bertukar kepada budaya yang bertuhankan material

[129] Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Roslizawati Ramli, Marina Munira Abdul Mutalib, *Intelektualisme dan Da’wah Masa Kini*,79.

semata-mata. Globalisasi ialah istilah lunak menggantikan imperialisme dan penjajahan.

Menurut al-Qardhawi, globalisasi merupakan sesuatu penjajahan yang paling berbahaya, terutama globalisasi kebudayaan yang paling banyak mempengaruhi dunia sekarang dalam erti kata memaksa agar kebudayaan Amerika dan Barat mewarnai seluruh dunia tanpa mengira bangsa ataupun di mana sahaja. Umat Islam hanya dapat menentang globalisasi kebudayaan ini dengan kekuatan iman, akhlak dan syariat.[130]

2.4.3 (k) Kemiskinan

Kemiskinan boleh mengancam ketenteraman, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Kemiskinan terjadi kerana ketidakseimbangan antara penghasilan dengan jumlah penduduk sesebuah negara, begitu juga disebabkan distribusi kekayaan negara secara tidak adil. Ini bererti, berlakunya ketidakadilan dalam masyarakat dan perampasan hak asasi manusia serta berlakunya eksploitasi golongan minoriti ke atas golongan majoriti, ia akan meruntuhkan persaudaraan dan keamanan.

Kerana kemiskinan dan taraf hidup masyarakat Islam yang rendah, dapat menyebabkan musuh-musuh Islam dengan mudah memperkotak-katikkan serta mempergunakan kelemahan tersebut untuk kepentingan penjajah asing atau agen-agen mereka yang melanjutkan pegangan terhadap fahaman yang salah dan keliru.

---

[130] Mohd. Rumaizuddin Ghazali, *Panduan Berdakwah kontemporari*, ed.1. (Pahang: Pts publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 135. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot, *Dakwah dan Perubahan Sosial*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd, 2000), 12-15.

Usaha-usaha memperalatkan pimpinan yang membawa kebaikan kepada Barat dirancang untuk memastikan cengkaman ekonomi hanya dikuasai oleh mereka, sehingga mewariskan kemiskinan dan pertelagahan kepada masyarakat jajahannya. Ini merupakan satu perancangan Yahudi dan kuasa raksasa korporat Barat sehingga ekonomi negara diratah dan diperkotak-katikkan oleh penyangak mata wang antarabangsa. Manakala penyangak dalam negara membazirkan wang negara.[131]

2.4.3 (l) Kepelbagaian wadah dan wahana dakwah yang belum diselaraskan dengan berkesan.

Kepelbagaian wadah dan wahana gerakan Islam mungkin ditambah lagi kerancakannya dalam dakwah, sehingga pendekatan yang berbeza dan kurangnya penyelarasan tidak membuka peluang kepada golongan tertentu untuk melaga-lagakan umat Islam dengan tujuan melemahkan dakwah secara keseluruhan.

Aktiviti pelaksanaan dakwah dan pengawalan mestilah diselaraskan. Penyelarasan merujuk kepada usaha menyusun dan mengatur kerja-kerja dengan harmonis. Di antara cara-cara utama untuk melakukan penyelarasan ialah dengan mengadakan dasar-dasar dan peraturan-peraturan serta mewujudkan mekanisme penyelarasan seperti majlis-majlis perbincangan dan pengawasan.

Hal ini merupakan cabaran yang tersendiri kepada para pemimpin Islam, mereka perlu merumuskan suatu penyelarasan dan perkongsian bijak yang akhirnya menguntungkan Islam.[132]

---

[131] Mustafa bin Haji Daud, *Pengantar Masyarakat Islam*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990), 191.
[132] Rozhan Othman, ed.1. *Pengurusan Dakwah*. (Selangor: Polygraphic Press Sdn. Bhd, 1990), 64.

Melalui huraian-huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa Berdakwah merupakan suatu kewajipan bagi setiap Muslim, di mana setiap jatidiri Muslim hendaklah menjadi pendakwah bagi orang lain, dengan memberikan contoh tauladan yang baik, sesuai dengan tingkah laku dan akhlak seorang Muslim yang mengikuti sunnah Rasulullah SAW, setiap masa dan di mana sahaja mereka berada. Berdakwah tidak semestinya seorang *da'i* sahaja, malahan setiap Muslim juga adalah seorang pendakwah bagi saudara-saudara Muslim yang lain, terutamanya bagi masyarakat non Muslim. Oleh sebab itu mestilah setiap Muslim mempelajari dan berpegang teguh terhadap ajaran agamanya, begitu juga mempelajari dan memahami ajaran agama non Muslim untuk berdakwah kepada mereka, terutama yang berkaitan dengan teologi (Ketuhanan). Agama tidak boleh dipaksakan kepada orang lain, namun bagi seorang Muslim mestilah menyampaikan kebenaran kepada mereka, berdakwah dengan penuh hikmah, memberikan pengajaran yang baik atau debat dengan cara yang terbaik. Dakwah tersebut boleh dilakukan melalui perkataan, perbuatan dan perilaku yang Islamik sebagaimana yang di tuntut Allah SWT. Begitu juga kemudahan dalam berdakwah sangat diperlukan, walaupun pergerakan dakwah telah mempunyai pelbagai kemudahan sekarang ini, namun perlu ditingkatkan lagi, antaranya penggunaan ICT dan media dakwah lainnya. Para pendakwah dan setiap Muslim mestilah menggunakan pelbagai wasilah untuk meneruskan program dakwah, dengan menggunakan multimedia dan sarana dakwah yang bersesuaian terutama dalam menghadapi cabaran-cabaran dakwah masa kini.

BAB III
BIOGRAFI SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS

3.1. Riwayat Hidup

3.1.1. Biodata Tokoh

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis lahir pada bulan Ramadan 1326 H bersamaan Oktober 1908 M[133] di Stabat Kabupaten Langkat, Sumatera Utara, iaitu 40 km ke arah utara dari Bandaraya Medan. Beliau seorang ulama, *mubaligh* dan pejuang di Sumatera Utara.

Beliau merupakan putera kelima dari lapan bersaudara daripada pasangan Lebai Thalib bin Haji Ibrahim Lubis dan Markoyom binti Abdullah Nasution. Ayahnya berasal dari kampung Pastap, Kotanopan, Tapanuli Selatan, kemudian menetap di Stabat sebagai petani yang alim sehingga mendapat panggilan "Lebai".[134] Gelaran 'Lebai' yang disandang oleh ayahnya (Lebai Thalib Lubis) menunjukkan bahawa beliau adalah seorang ulama di kampungnya. Ini membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis seorang anak yang dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai asas agama Islam yang kukuh.[135]

---

[133] Tentang tarikh kelahiran Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis belum di ketahui secara pasti, adapun tempat kelahirannya tidak diragukan lagi. Bahrum Jamil, *Lintasan Sejarah Perjuangan Ulama-Ulama Islam Mencapai Kemerdekaan Tanah Air Indonesia di Sumatera Utara*, (Medan: Majlis Ulama Daerah Sumatera Utara, 1977), 32-33.

[134] Kata Lebai berasal dari bahasa Melayu Deli, ertinya orang yang menyerahkan diri kepada Allah SWT, adapun bahasa asalnya dari bahasa Arab ialah *Labbaik*, ertinya datang memenuhi panggilan Allah. Gelaran Lebai diberikan oleh masyarakat Melayu kepada orang yang alim, panda'i membaca doa dalam Majlis kenduri, mengetahui dan patuh kepada ajaran Islam. Husni Muhammadlah (1975), *Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Penduduk Melayu Pesisir Deli, Sumatera Timur*, (Medan: Balai Pustaka Husni, 1975), 61. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, ed. 1. (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 3: 1337.

[135] Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1. (Bandung: Pustaka, 1988), 55.

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis meninggal dunia pada hari Khamis, 6 Julai 1972 Masihi bersamaan dengan 23 Jamadil Awal 1392 Hijriah. Beliau meninggal dunia setelah beberapa hari menderita sakit di rumah yang beralamat Jalan Mabar Gang Rezeki Nombor 6, Medan, ketika berumur 63 tahun. Beliau dikebumikan di jalan Mabar.[136] Dalam acara pengebumian beliau dihadiri oleh orang ramai dari kalangan tokoh masyarakat, ulama, pejabat pemerintah dan awam (pada tarikh 7 Jun 1972 M dilaksanakan solat ghaib di masjid-masjid di Jakarta).[137] Kepulangan beliau ke hadirat Allah merupakan musibah yang paling besar bagi umat Islam Indonesia dan khususnya umat Islam di Sumatera Utara.[138]

Seluruh Institusi Perguruan Tinggi Islam dan masyarakat Sumatera Utara turut berdukacita atas kematian seorang ulama besar, yang terkenal sebagai pendidik, *da'i* dan ahli agama. Beribu-ribu masyarakat di Bandar Medan dan sekitarnya yang terdiri daripada murid-murid, sahabat dan kawan-kawan beliau juga datang untuk mengucapkan rasa dukacita sambil mendoakan dan mensolatkan jenazah beliau.

Selain itu, masyarakat yang berada di luar bandar juga turut mengadakan solat ghaib untuk Almarhum. Jenazah beliau tidak di pikul akan tetapi di sambut dari tangan ke tangan dan dikebumikan pada hari yang sama dengan iringan doa oleh ribuan umat Islam dan ulama-ulama Sumatera Utara.[139]

---

[136] Mabar adalah salah satu daerah atau sebuah kecamatan (distrik) di Kabupaten Marelan Bandaraya Medan, Provinsi Sumatera Utara.

[137] Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. (Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1982), 294.

[138] Dr. H. M. Hasballah Thaib MA, *Manusia Dalam Pandangan H. M. Arsyad Thalib Lubis.* (Medan: Fakultas Tarbiyah Universitas Al-Washliyah, 1997), 16.

[139] Edi Zuhrawardi Pane, SH (salah seorang murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sekarang masih mengajar di madrasah al-Jam'iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

3.1.2. Sejarah Pendidikan

Syeikh Hj. M. Arsyad Thalib Lubis menjalani seluruh pendidikannya di Sumatera Utara. Beliau pernah belajar di sekolah yang beraliran akademik dan sekolah yang beraliran agama seperti berikut:

1. Tamat sekolah rendah umum *Volgschool* di Stabat (Provinsi Sumatera Utara).[140]

2. Tahun 1917-1920 M, beliau belajar mengaji Al-Quran di madrasah Islam Stabat yang dipimpin oleh H. Zainuddin Bilah.

3.Tahun 1921-1922 M, beliau menyambung pengajian di madrasah Islam Bandar Sinemba Binjai (Provinsi Sumatera Utara).

4.Tahun 1923-1924 M, beliau belajar di madrasah *'Ulūmul 'Arabiyah* di Tanjung Balai Asahan (Provinsi Sumatera Utara) yang dipimpin oleh Abdul Hamid Mahmud.

5.Tahun 1925-1930 M, beliau belajar di madrasah *Al-Hasaniah* di Medan, berguru dan mendapatkan syahadah (sijil) daripada Syeikh Hasan Maksum. [141]

Selepas menamatkan pendidikannya dalam kurun masa 1917 M-1930 M, beliau mendalami ilmu tafsir, hadith, usul fikah dan fikah daripada Syeikh Hasan Maksum di Medan. Beliau juga seorang murid yang cerdas dan rajin sehingga mendapat kepercayaan daripada gurunya H. Mahmud Ismail Lubis untuk menyalin karangan yang akan disiarkan dalam surat khabar.

Pada usia 20 tahun, beliau telah menjadi penulis majalah Fajar Islam di Medan. Pada usia 26 tahun, buku pertama beliau yang bertajuk Rahasia *Bibel* terbit

---

[140] Penulis tidak mendapatkan data berkaitan dengan tarikh dan tahun waktu beliau belajar di sekolah rendah *Volgschool* di Stabat.

[141] Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*, 289. Chalidjah Hasanuddin, *Al-Jam´iyatul Washliyah Api Dalam Sekam*, 54.

pada 1934 M dan diulang cetak pada 1926 M. Buku ini menjadi pegangan mubaligh dan *da'i al-Washliyah* dalam menyebarkan Islam di Porsea, Tapanuli Utara.[142]

3.1.3. Kehidupan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Sebelum tinggal di Stabat, Datuk Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (Haji Ibrahim Lubis) sekeluarga tinggal di kampung Pastap, Tambangan, Kecamatan Kotanopan, Kabupaten Tapanuli Selatan, Provinsi Sumatera Utara, beliau dari suku Batak Mandailing.[143]

Menurut keluarga Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, bahawa datuk mereka Haji Ibrahim Lubis berpindah ke Stabat disebabkan oleh kesulitan ekonomi yang mereka alami ketika itu, di mana rakyat Indonesia berada di bawah kekuasaan Pemerintahan Hindia Belanda (1870 M), yang masa itu sedang berusaha keras untuk melunaskan hutang-hutang mereka dengan kerajaan Belanda (Netherland). Oleh itu Pemerintah Hindia Belanda menarik pelbagai bentuk pajak dengan mengadakan kerja paksa (*heerendiets*), kuli kontrak (*poenale*), merampas dan menguasai tanah rakyat (*ertpacht*) serta pelbagai cara mereka lakukan untuk menekan rakyat sehingga semua hasil tani rakyat dirampas, menyebabkan rakyat sukar untuk mengukuhkan

---

[142] Porsea adalah salah satu kecamatan di Kabupaten Toba, merupakan pemekaran dari kabupaten Tapanuli Utara, Indonesia. Daerah ini terdiri dari dataran tinggi, pergunungan deretan Bukit Barisan dan Danau Toba dengan pemandangan yang indah yang dijadikan sebagai objek pariwisata. Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara.* (Medan: Majlis Ulama Daerah Sumatera Utara, 1983), 149-150.

[143] Kecamatan ialah sebuah daerah bahagian pemerintahan kabupaten atau kota madya yang mempunyai beberapa kelurahan di bawahnya dan dikepalai oleh seorang camat. Kecamatan juga merupakan pejabat pegawai daerah kecil. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. 1. Bandar (Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003), 433. Haji Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1995), 316.
Kabupaten merupakan pemerintah autonom tingkat II yang diberi kuasa mengatur urusan pemerintahannya sendiri, ia berada di bawah pemerintah daerah tingkat I atau provinsi. Kabupaten diketuai oleh seorang bupati (gelar bagi ketua daerah kabupaten). *Ensiklopedi Indonesia*, (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1982), 3: 1614.
Provinsi ialah suatu daerah (negeri) di bawah jagaan seorang gabenor. Provinsi merupakan nama untuk sebuah wilayah atau negeri dalam pemerintahan Indonesia. Dalam pembahagian administratif, Indonesia terdiri atas provinsi-provinsi, yang mana setiap provinsi dibahagikan atas kabupaten dan kota, kabupaten dibahagikan atas kecamatan dan kecamatan terdiri dari desa-desa (kelurahan). Saat ini Indonesia memiliki 33 provinsi. Hasan Hamzah (1997), *Kamus Ensiklopedia*, ed. 1. (Selangor: Anzagain Sdn. Bhd, 1997), 2: 175.

ekonomi mereka.[144] Oleh yang demikian, sebahagian besar penduduk mengalami kesengsaraan dan penderitaan termasuk Haji Ibrahim Lubis sekeluarga dan mereka berusaha menghindari penderitaan itu dengan cara pindah rumah dari satu tempat ke tempat lain yang lebih aman dari ancaman penjajahan Hindia Belanda.

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis pada masa hidupnya juga pernah terlibat dalam dunia politik Indonesia dengan menjadi pengurus di Majlis Syura Muslimin (Masyumi). Selain itu, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis pernah menjadi Ketua Pengurus Agama se- Sumatera Timur (sekarang Kakanwil Departmen Agama) yang mana beliau merupakan perwakilan pertama.[145]

Ulama *al-Washliyah* ini pernah menjadi wakil Indonesia berkunjung ke negara Unisoviet (Rusia sekarang) bersama beberapa orang ulama Indonesia yang lain.

3.1.4 Peribadi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Sebagai Pendidik dan Pendakwah

Semasa hidup Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis aktif mengajar di beberapa *Madrasah al-Washliyah* baik di Aceh mahupun yang berada di Medan dari tahun 1926-1957 M.[146] Kemudian beliau menjadi Canselor Sekolah Persiapan Perguruan Tinggi Islam Indonesia di Medan (1953-1954 M), menjadi Guru Besar

---

[144] Muslim Arif Lubis dan anak-anak beliau (anak dan cucu kandung Syeikh M. Arsyad Thalib Lubis) dalam temubual dengan penulis, di rumahnya Jalan Mabar Gang Rezeki No: 6 Medan, sebelum beliau meninggal dunia.
[145] Prof. Dr. H. M. Hasballah Thaib MA, *Manusia Dalam Pandangan H. M. Arsyad Thalib Lubis*, 11.
[146] Aceh merupakan sebuah provinsi daerah istimewa di ujung utara Sumatera Indonesia. Aceh terletak di bahagian barat laut Sumatera dengan kawasan seluas 58 000 km persegi, terdiri dari pulau-pulau, terdapat kira-kira 119 pulau yang tersebar si Selat Melaka dan Lautan Hindi. Aceh dikelilingi oleh Selat Melaka di sebelah utaranya, Provinsi Sumatera Utara di timur dan lautan Hindia di sebelah selatan dan baratnya. Ibu negeri Aceh ialah Banda Aceh yang dahulunya dikenali sebagai Kutaradja. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1980), 1: 68. *Ensiklopedia Malaysiana* (Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd, 1995), 1: 107-111.

ilmu fikah dan usul fikah di Universiti Islam Sumatera Utara (1954-1957 M), pensyarah tetap di Universiti *al-Washliyah* sejak tertubuhnya universiti tersebut (1958 M) sampai akhir hayat beliau.

Dalam kegiatan dakwah, aktiviti dakwah beliau tidak terhad kepada satu golongan sahaja, akan tetapi meliputi keseluruhan masyarakat, bermula dari kaum Muslimin sampai masyarakat bukan Islam, ‘umara dan rakyat jelata. Antara gerakan dakwah yang menjadi fokus penting bagi beliau ialah membendung kemasukan misi Kristian ke Sumatera Utara. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga aktif dalam Zending Islam Indonesia (*Mubaligh* Islam Indonesia). Menurut pengakuan mahasiswa dan mahasisiwi Universiti Al-Washliyah yang keluar berdakwah bersama beliau, mereka menyaksikan bahawa beliau tidak pernah merasa lelah masuk kampung keluar kampung berjalan kaki, bermalam mengembara di pedalaman yang penduduknya belum memeluk agama Islam. Alhamdulillah puluhan ribu orang beliau syahadahkan di Tanah Batak dan Karo yang masuk Islam di bawah bimbingan beliau.[147] Bahkan, menjelang akhir hayatnya, beliau telah mengislamkan tidak kurang dari dua ratus orang di Kabupaten Deli Serdang.[148] Begitu juga beliau kerap kali mengadakan debat dan dialog antara agama dengan tokoh-tokoh agama Kristian, yang bertujuan untuk menyatakan kebenaran.

Berdasarkan keilmuannya yang mendalam, Muhammad Arsyad Thalib Lubis mendapat penghargaan gelaran ”Syeikh”, kerana beliau sangat alim dalam pelbagai

---

[147] H. M. Hasballah Thaib MA, *Universitas Al-Washliyah Medan, Lembaga Pengkaderan Ulama Di Sumatera Utasra* (Medan: Universitas Al-Washliyah, 1993), 127.

[148] Deli Serdang ialah Kabupaten di Provinsi Sumatera Utara, terletak di pantai timur Pulau Sumatera. Wilayah selatan didominasi gugus pergunungan bahagian dari Bukit Barisan, bahagian tengah terdiri dari dataran tinggi, semakin ke utara dan timur laut terhampar dataran rendah sampai ke pesisir Selat Melaka. secara fizik Medan berada dalam lingkungan Kabupaten Deli Serdang. Bandaraya Deli Serdang berada di Lubuk Pakam. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1980), 2: 780.

bidang ilmu Islam, seperti Tauhid (Akidah), Fikah, Ushul Fikah, Hadith, Sejarah dan Kristologi (perbandingan agama). Namun keahliannya dalam bidang Kristologi lebih menjadikan namanya masyhur sebagai seorang Kristolog besar dan berkarisma dari Sumatera Utara.

3.1.5. Tokoh Yang Mempengaruhi Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Adapun tokoh pertama yang mempengaruhi beliau ialah ayahnya sendiri sebagai seorang ulama di daerah Stabat (Kabupaten Langkat Sumatera Utara).[149] Kemudian beliau belajar dan menimba pengalaman yang sangat berharga daripada gurunya yang masyhur pada ketika itu iaitu Syeikh Hj. Abdul Hamid[150] (1865-1928 M) di *madrasah Ulumul Arabiyah*, Tanjung Balai Asahan.[151]Kira-kira dua tahun selepas tamat perang dunia pertama, iaitu pada tahun 1916 M, Syeikh Hj. Abdul Hamid dan kawan-kawan mengasaskan *Madrasah 'Ulumil 'Arabiyah*, di mana beliau merupakan muridnya yang pertama.

Dari sehari ke sehari nama Abdul Hamid tambah masyhur dalam kerajaan Asahan, bahkan seluruh Sumatera Timur.[152] Pada tahun 1930 M, Abdul Hamid

---

[149] Langkat merupakan daerah kabupaten dalam lingkungan Sumatera Utara, berbatasan dengan daerah Istimewa Aceh di sebelah barat, kabupaten Deli Serdang di sebelah timur, Selat Sumatera dan Selat Melaka di sebelah utara. Setengah wilayahnya di bahagian selatan berupa pergunungan dan dataran tinggi, semakin mendekat ke pantai Selat Sumatera merupakan paparan dataran rendah dan paya-paya. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1983), 4: 1961.

[150] Syeikh Hj. Abdul Hamid dilahirkan pada suatu kampung di Tanjung Balai Asahan (1894-1951 M) putera dari seorang guru agama Syeikh Hj. Mahmud, pertama sekali beliau belajar ilmu agama kepada kadi Negeri Asahan Hj. Zainuddin, kemudian beliau meneruskan pelajarannya ke madrasah yang dipimpin oleh Syeikh Hj. M. Isa seorang ulama yang ketika itu menjabat Mufti kerajaan Asahan, kemudian beliau meneruskan pendidikannya ke Mekah sebelum perang dunia pertama. Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara*, 183.

[151] Tanjung Balai Asahan merupakan Bandaraya di Provinsi Sumatera Utara, di tepi sungai Asahan. Pada saat ini dijadikan pusat wilayah pembangunan dataran pantai, yang meliputi Kabupaten Asahan dan Kabupaten Labuhan Batu, yang dikembangkan untuk daerah perkebunan besar, pertanian bahan pangan dan perikanan laut. Kota ini memiliki pelabuhan Teluk Nibung dengan layanan ke Port Klang Malaysia. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1984), 6: 3445.

[152] Negara Sumatera Timur merupakan sebuah Negara yang didirikan oleh pemerintah Hindia Belanda pada 25 Disember 1947 M, dalam usaha mempertahankan daerah kaya minyak dan perkebunan tembakau, karet yang saat ini menjadi provinsi Sumatera Utara pesisir timur. Negara ini dipimpin oleh Wali Negara Dr. Mansur seorang bangsawan Kesultanan Asahan yang juga ketua organisasi Persatuan Sumatera Timur. Negara ini dibubarkan ketika RIS menjadi Negara Kesatuan Republik Indonesia pada 17 Ogos 1945. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1983), 4: 2349.

dihantar oleh kerajaan Asahan mengunjungi Mekah dan Mesir. Ketika berada di Mekah, Abdul Hamid mendapat kehormatan sebagai anggota pemeriksa *Maahad Su'udiyah*, sebuah sekolah tinggi di kerajaan Saudi pada zaman itu.

Madrasah Ulumil Arabiyah adalah termasuk pusat pendidikan Islam penting di Asahan, bahkan termasuk di antara madrasah yang terkenal di Sumatera Utara yang setaraf dengan Madrasah Islam Stabat, Langkat, Madrasah Islam Binjai, *Madrasah al-Hasaniyah* Medan dan lain-lain. Ramai ulama terkenal di Sumatera Utara yang belajar di madrasah-madrasah tersebut, antaranya ialah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis (lahir Ramadan 1326 H/ Oktober 1908 M, wafat 25 Jamadil Awal 1392 H/6 Julai 1972 M). Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti, seperti menjadi seorang pendidik bagi golongan rendah sampai tahap yang tertinggi, menghasilkan banyak karangan dalam pelbagai bidang ilmu, dan juga seorang tokoh yang mampu berdialog dan berdebat dengan golongan paderi Kristian. Ulama yang masyhur ini belajar di *Madrasah Ulumil Arabiyah* yang diasaskan oleh Abdul Hamid Asahan pada tahun 1923–1924 M. Ada juga beberapa orang ulama Sumatera Utara terkenal yang seangkatan dengan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga pernah belajar kepada Abdul Hamid Asahan. Antaranya ialah Zainal Arifin Abbas, Ustaz Abdul Halim Hasan, Abdul Rahim Haitami dan lain-lain.

Begitu juga tokoh yang sangat berpengaruh terhadap beliau iaitu gurunya yang bernama Syeikh Hasan Maksum (1884-1937 M).[153]Syeikh Muhammad Arsyad

---

[153] Syeikh Hasan Maksum dilahirkan di Labuhan Deli tahun 1884 Masihi, ayahnya bernama HJ. Maksum Datuk Bandar. Ketika berumur 7 tahun beliau dimasukkan orang tuanya ke sekolah Inggeris, gurunya ialah seorang Eurasian dari Penang yang bernama Mr. Henry peranakan Inggeris. Kemudian beliau meneruskan belajar ke Makkatul Mukarromah pada tahun 1895 Masihi, dan pada tahun 1930 berdirilah organisasi Islam al-Jam'iyatul Washliyah yang mana beliau diangkat sebagai

Thalib Lubis belajar dengan beliau ilmu Tafsir al-Quran, ilmu al-Hadith, juga ilmu fikah dan ilmu Perbandingan Agama di *Madrasah Al-Hasaniah.*[154]

Syeikh Hasan Maksum adalah seorang ulama yang terkenal dengan kepakarannya dalam berdebat.[155] Kepakaran beliau dalam berdebat telah terbukti ketika beliau berdebat dengan seorang paderi orientalis barat yang bernama Zwemmer. Perdebatan tersebut berlangsung dalam bahasa Arab dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu sehingga pendengar dapat memahami isi perdebatan tersebut. Dalam perdebatan tersebut dapat disimpulkan bahawa Syeikh Hasan Maksum dapat melemahkan hujahan Zwemmer.[156] Dari ulama yang masyhur inilah Muhammad Arsyad Thalib Lubis banyak belajar dan menguasai pelbagai ilmu, baik ilmu Islam mahupun ilmu tentang Kristian.

Begitu juga pola pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis banyak dipengaruhi oleh ulama-ulama timur tengah seperti Ibnu Taimiyah (abad 12 M) dan Ibnu Al-Qayim Al-Jauziyah 571 H). Hal ini terbukti dalam tulisan-tulisan beliau banyak mengutip buku karangan Ibnu Taimiyah yang bertajuk "*Al-Jawabu Shahih Liman Baddala Din Al-Masih"* yang isinya menunjukkan kelemahan agama Nasrani dan keunggulan ajaran Islam secara normatif (dalam bidang kajian Teologi), dan

---

Adviseurnya, kemudian pada 7 Januari 1937 Masihi beliau wafat. Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*, 121-134.

[154] *Ibid*., 289.

[155] Debat Islam-Kristian Tentang Kitab Suci, *Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristian. Sri Hardono,* ed. Ke-2, (Medan: Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, 2002), 35.

[156] Zwemmer Samuel Marius (1867-1952 M), dilahirkan di Vriesland, Michigan. Beliau Seorang misionaris Amerika yang mahir tentang Islam dan bahasa Arab. Zwemmer digelar Rasul Islam, adalah seorang mubaligh Amerika, pengembara dan ulama dari Zending Kristian Protestan yang terkenal pada sekitar tahun dua puluhan. Pada tahun 1887 M, beliau menerima 1 A.B. dari Hope College, Holland, Michigan, dan pada tahun 1890 M, beliau menerima MA dari New Brunswick Theological Seminar, New Brunswick, NJ. Darjah yang lain turut meliputi 1 D.D. dari Kolej Harapan pada tahun 1904 M. Beliau juga mengembara secara meluas di Asia Minor, dan beliau dipilih sebagai felo Royal Society Geografi London. Dia pelajari gerak perkembangan Islam di seluruh dunia, menurut Zwemmer ini ada tiga orang yang amat penting kegiatannya dalam sejarah Islam, iaitu pertama Nabi Muhammad SAW, kedua Imam al-Bukhari perawi hadith yang utama dan ketiga Imam Ghazali. Zwemmer mengakui bahawa propaganda mengajak orang Islam pindah ke agama Kristian ialah satu usaha yang amat susah, oleh sebab itu beliau menganjurkan agar orang-orang Zending turut mengadakan gerakan yang dapat melemahkan semangat atau fanatik beragama dalam kalangan pemeluk Islam. Hamka, *Prinsip Dan Kebijaksanaan Da'wah Islam* (Jakarta: Umminda, 1980), 39-40.

buku Ibnu Taimiyah yang bertajuk "*Hidayah Al-Hayarah Min Al-Yahudi Wa Al-Nashoro"* yang berisi tentang sejarah muncul dan kehidupan orang yang beragama Yahudi dan Nasrani. Disamping itu beliau juga banyak mengkaji buku Muhammad As-Syalabi (1912-1988 M) yang bertajuk "*Muqaranatul Adyan"*.

3.1.6 Karya-Karya

Beliau adalah seorang *da'i* yang masyhur di sumatera utara dan sekitarnya. Beliau sering berdakwah ke beberapa daerah untuk menyebarkan Islam terutama daerah penduduk bersuku Batak yang beragama Kristian warisan dari Hindia Belanda.

Ketika beliau berdakwah, beliau sempat juga menulis kerana beliau seorang penulis yang produktif. Dalam kesibukan beliau berdakwah, beliau masih sempat menghasilkan karya-karya ilmiah yang berkualiti, kerana beliau mampu menganalisis sesuatu masalah dengan baik sesuai dengan tuntutan zaman. Tulisan-tulisan beliau mengutarakan idea-idea yang cemerlang berdasarkan fakta-fakta yang konkrit serta menggunakan bahasa yang sederhana dan mudah difahami serta dimengerti oleh pembaca.

Semasa hidup Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis telah menulis lebih dari 30 buah buku dan artikel-artikel dalam bahasa yang berbeza yang ditulis dalam majalah-majalah yang berbahasa Arab, Indonesia dan berbahasa Batak.

Berikut ini merupakan beberapa senarai karya beliau yang sempat dihuraikan oleh penulis, terutama karya beliau yang berkaitan dengan dakwah terhadap orang Kristian. Semua karya beliau dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:

A. Karya ilmiah yang berkaitan dengan dakwah Islam dan ajaran agama Kristian, antaranya:

1. Perbandingan Agama Kristen dan Islam[157]

Buku ini mendedahkan tentang perbandingan ajaran agama Islam dengan ajaran asas agama Kristian. Setiap bab membicarakan tentang Kristian dan Islam diakhiri dengan suatu kesimpulan, kemudian dikemukakan perbandingan kedua ajaran tersebut dan syarahannya yang diperkuat dengan *dalil-dalil* yang dilampirkan dalam satu perbahasan.

2. Debat Islam dan Kristen Tentang Kitab Suci

Buku ini diterbitkan oleh Dakwah Islam di Medan pada tahun 1968 M. Kandungan buku ini adalah berkaitan dengan perdebatan Syeikh M. Arsyad Thalib Lubis dengan Doktor Seri Hardono.

3. Rahasia Bibel

Buku ini dicetak oleh Firma Islamiah pada 7 Mac 1932 M, mungkin merupakan buku pertama tentang *Bible* yang ditulis dalam bahasa Melayu. Kandungan buku ini membincangkan beberapa bukti yang menunjukkan bahawa *Bible* tidak dapat dikatakan sebagai kitab suci. Bukti-bukti itu berdasarkan ayat-ayat *Bible* itu sendiri, antaranya:

[157] Buku ini hasil karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang ditulis pada tahun 1969 M diterbitkan oleh Firma Islamiah Medan SUMUT sebanyak 510 muka surat.

a. Percanggahan pendapat yang terdapat pada ayat *Bible* itu sendiri.

b. Pendustaan yang terdapat di dalam *Bible* tersebut.

c. Adanya penambahan dan pengurangan pada ayat *Bible* dari fakta yang asal.

4. Keesaan Tuhan Menurut Kristen dan Islam

Buku ini mempunyai 71 muka surat, dicetak oleh Media Dakwah Jakarta Pusat, Indonesia. Inti sari dari buku ini adalah pentafsiran maksud Ketuhanan Yang Maha Esa. Menurut Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, Esa dalam pandangan Islam bahawa Allah itu tidak beranak dan tidak diperanakkan (dilahirkan), tidak ada siapa pun yang serupa dengan-Nya, dan tidak ada sekutu baginya. Sedangkan dalam ajaran Kristian, Tuhan itu triniti mempunyai tiga oknum iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus. Dengan argumen yang bernas dan logik, buku ini membantah maksud Maha Esa menurut ajaran Kristian.

5. Berdialog dengan Kristen Advent

Buku ini dicetak di Medan oleh Dakwah Islam tahun 1968 M, yang menjelaskan dialog di antara Syeikh M. Arsyad Thalib Lubis dengan Misionaris Kristian.

B. Karya ilmiah yang berkenaan dengan pendidikan dan Syariah Islamiah, antaranya ialah:

1. Riwayat Nabi Muhammad SAW dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1951 M.
2. *Al-'Aqaid al-Imaniyyah* dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1959 M.

3. Pelajaran Iman dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1950 M.
4. Fiqah Islam dicetak oleh Firma Islamiah Medan, 1955 M.
5. *Al-Qawaid al-Fiqhiyah* dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1959 M.
6. Pelajaran Ibadah dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1950 M.
7. Ilmu Pembahagian Pusaka dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1953 M.
8. Pelajaran *Istilahat al-Muhaddisin* dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan 1965 M.
9. *Al-Ushul min 'Ilmu al-Ushul* dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1960 M.
10. Pelajaran Tajwid dicetak oleh Sumber Ilmu Jaya Medan, 1950 M.
11. Pedoman Mati Menurut Al-Quran dan Hadith dicetak oleh Firma Islamiah Medan, 1971 M.
12. Fatwa Beberapa Masalah dicetak oleh Firma Islamiah Medan, 1970 M.

C. Karya ilmiah yang sesuai dengan isu yang berlaku pada zaman beliau, seperti:

1. Tuntunan Perang Salib, dicetak oleh Firma Maju Medan, 1957 M.
2. Roh Islam, dicetak oleh Firma Islamiah Medan, 1959 M.
3. Imam Mahdi, dicetak oleh Firma Islamiah Medan, 1962 M.
4. Jaminan Kemerdekaan Beragama dalam Islam dicetak oleh Dewan Dakwah Islamiah Sumatera Utara, 1961 M.

D. Kegiatan Jurnalistik Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sebagai penulis dan pimpinan majalah di Medan, antaranya:

1. Tahun 1928 – 1931 Penulis di Majalah Fajar Islam

2. Tahun 1934 pimpinan Majalah Medan Islam

3. Tahun 1935 – 1942 Pimpinan Majalah Medan Islam

4. Tahun 1945 Pimpinan Majalah Dewan-Dewan Islam

5. Tahun 1955 – 1957 Anggota Redaksi Sinar Islam.

Di samping menerbitkan majalah berbahasa Indonesia pada tahun 1939 M, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga menerbitkan majalah yang berbahasa Arab yang diberi nama dengan Majalah Ulum al-Islamiah. Yang menjadi ciri-ciri khas majalah ini adalah adanya artikel-artikel yang ditulis oleh ulama al-Azhar Mesir seperti Syeikh Mustafa al-Maraghi, Syeikh Rasyd Ridha dan Syeikh Abdul Quddus (ulama dari Madinah).[158]

3.1.7 Situasi Sosial Kemasyarakatan Pada Masa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Masyarakat Indonesia khususnya umat Islam pada awal abad ke 19 M masih dalam jajahan bangsa asing, antaranya Belanda yang masih menguasai Indonesia hingga tercapainya kemerdekaan bagi rakyat Indonesia pada tahun 1945 M. Kedatangan Belanda ke Indonesia juga disertai dengan misionaris Kristian[159] yang membawa aliran Protestan.[160]

---

[158] Prof. Dr. M. Hasballah Thaib, *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental.* ed. 1. (Medan: Perdana Publishing, 2012), 25-27.

[159] Misionaris Kristian adalah misi penyebaran warta *Bible* (Injil) kepada orang yang belum mengenal Christ (Kristus), misi ini juga disebut sebagai Zendeling dalam bahasa Belanda yang bererti pengutusan para penginjil untuk penyebaran agama Kristian Protestan dan Katolik melalui khabar keselamatan. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. 1. (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei,2003), 1801.

[160] Protestan adalah salah satu ajaran Kristian yang terpecah daripada Gereja Roman Katolik yang semakin cenderung kepada keduniaan. Gerakan Protestan ini tercetus pada kurun ke-16 di Eropah yang dikenali sebagai gerakan Reformasi. Perkataan

Dalam penyebaran misi tersebut, mereka berjaya mendirikan gereja dan menambah pengikut agama Kristian. Mereka juga berjaya mengasaskan penubuhan gereja Huria Kristian Batak Protestan (HKBP), yang mana dengan adanya gereja ini, menunjukkan bermulanya zaman kecemerlangan agama Kristian di tanah Batak.[161]

Begitu juga Snouk Hurgronje (1857-1936 M)[162] mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam mengkristiankan umat Islam di Indonesia khususnya di tanah Batak, beliau menasihati penjajah Belanda untuk mencegah para ulama agar jangan sampai duduk dalam lembaga perwakilan rakyat, yang ditakuti oleh pemerintah Belanda bukanlah Islam sebagai agama, tetapi Islam sebagai doktrin politik kerana pemimpinnya terdiri daripada orang-orang Islam fanatik, iaitu ulama yang membaktikan diri terhadap cita-cita *Pan Islamic*. Nasihat tersebut dijalankan oleh pemerintah Belanda, ternyata memberikan kejayaan yang mengembirakan penjajah, terbukti pada tahun 1918 M gereja telah membaptis sebanyak 180.000 orang Batak dan mendirikan sebanyak 510 sekolah Kristian yang mempunyai 32.700 orang murid berdaftar.[163]

Protestan berasal daripada perkataan *Protestas* yang bererti orang yang memberontak. Ia bermula dengan Martin Luther dan berkemungkinan ditamatkan dengan Perdamaian Westphalia pada tahun 1648 M. Pergerakan ini ingin memperbaharui Gereja Katolik Roma kerana mereka berasa gusar dengan apa yang mereka pandang sebagi ajaran songsang dan penyelewengan dalam institusi gereja itu sendiri, terutama melibatkan pengajaran dan penjualan *indulgence* atau pengampunan. Kebanyakan penganut Protestan menetap di Eropah dan Amerika Utara, dan bilangan penganut Protestan meningkat di kawasan Afrika dan Amerika Latin. *Ensiklopedia Dunia*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 17: 852.

[161] C. R Boxer, *The Dutch Serbone Empire 1606-1800.* (London: London Polican Book, 1965), 159.

[162] Snouk Hurgronje (1857-1936 M), lahir pada 8 Februari 1857 M di Tholen, Osterhout, Belanda. Beliau adalah seorang sarjana Belanda yang paling arif tentang Islam. Ia pengkaji politik Islam di Indonesia yang terkenal, terutama di daerah Aceh. Snouk Hurgronje penganut Kristian Protestan di Belanda dan cenderung menjadi paderi Kristian sebagaimana ayah dan abang-abangnya. Setelah tamat sekolah menengah di Belanda, ia belajar di Universiti Leiden dengan jurusan ilmu teologi dan sastera Arab 1875 M. Tahun 1880 M beliau telah menyiapkan tesisnya "Mekaansche Feest" (perayaan di Mekah). Pada tahun 1884 M dia menjelajah ke negara yang kini dikenal Arab saudi untuk mengkaji undang-undang Islam secara langsung. Dia menghabiskan hampir setahun di Jedah dan Mekah. Di sana ia menyamar sebagai orang Islam dengan menggunakan nama Abdul Ghaffar. Dan pada tahun 1889 M ia pergi ke Hindia Timur untuk mempelajari Islam di sana, dan dia dilantik menjadi penasihat bahasa Asia dan undang-undang Islam pada tahun 1890 M, tugas pertamanya untuk mengkaji hal ehwal di Aceh dan Sumatera Utara. Dia menerangkan hasil kajiannya dalam buku yang bertajuk *The acehnese*. *Ensiklopedia Dunia*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 20: 211.

[163] Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat I Sumatera Utara, *Sejarah Perkembangan Pemerintahan Daerah Tingkat I Sumatera Utara*. (Medan: Pemda Sumatera Utara, 1994), 120-133.

Kemudian, pada tahun 1942 M Jepun mula menjajah Indonesia. Tentera jepun mendarat melalui pelabuhan Batu Bara dan Langsa,[164] sekaligus menguasai Bandaraya Medan pada tarikh 13 Mac 1942 Masihi. Jika Belanda dengan misi Kristianisasi mereka, maka Jepun juga aktif menjalankan doktrin politiknya ke atas umat Islam dengan program" *Nippon's Islamic Grass Roots Policy*" iaitu kebijaksanaan politik Jepun yang ditujukan khas kepada ulama demi menjauhkan ulama daripada konsep politik Islam.[165] Oleh kerana pengaruh ulama dalam kalangan rakyat yang majoriti Muslim sangat kuat, tentera Jepun melarang semua parti politik, organisasi, syarikat dan perhimpunan beroperasi kecuali perhimpunan sosial dan keagamaan seperti organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah*.[166]

Pada tanggal 17 Ogos 1945 M, rakyat Indonesia memproklamasikan kemerdekaan dari penjajahan Belanda, selepas diisytiharkan kemerdekaan tersebut, *al-Jam'iyatul Washliyah* aktif kembali dalam berdakwah dan secara peribadi Muhammad Arsyad Thalib Lubis mula mengutarakan pandangan beliau tentang wajib membela negara dan mempertahankan kemerdekaan daripada penjajah. Pemikirannya itu ditulis dalam sebuah buku yang betajuk "*Penuntun Perang Salib"* tahun 1946 M.[167]

---

[164] Kabupaten Batu Bara merupakan sebuah kabupaten baru yang terbentuk pada 8 Disember 2006, kabupaten ini terletak di wilayah Sumatera Utara, Indonesia. Kabupaten ini merupakan hasil pemekaran dari Kabupaten Asahan dan mempunyai bandar Lima puluh. Menurut legenda rakyat, nama 'Batu-Bara' berasal daripada sebuah batu besar di pedalaman yang mengeluarkan cahaya merah berapi pada malam hari. Negeri Batu-Bara ini dibuka oleh orang Minangkabau yang datang dengan menaiki kapal 'Gajah Ruku'. Nama Batu-Bara muncul dalam buku yang ditulis pada masa pemerintahan Sultan Jamalul Alam Munir, Sultan Aceh berdarah Arab yang memerintah pada tahun 1703 M. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu,* ed. 1, (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 1: 436.
Langsa merupakan kota di daerah Istimewa Aceh, ibu kota Kabupaten Aceh Tenggara, terletak di daerah dataran rendah di bahagian timur kabupaten tersebut. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1983), 4: 1961.

[165] Politik Islam dalam bahasa Arab dikenal dengan istilah *siasah syar'iyyah*. *Siasah syar'iyyah* bermaksud wewenang penguasa dalam pemerintahan Islam untuk mengatur kepentingan umum berdasarkan syarak. Dalam fikah istilah ini juga bererti pembentukan hukum yang bertujuan pada kemaslahatan dan kepentingan umum. Kajian terhadap *siasah syar'iyyah* meliputi tiga aspek utama. 1. Tata negara 2. Luar negeri 3. Harta meliputi sumber kewangan dan belanja negara.secara ringkas maksud Politik Islam adalah pengurusan atas segala urusan seluruh umat Islam. *Ensiklopedi Islam*, ed. 3. (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 2: 175-176.

[166] Umar Hasyim, *Toleransi Dan Kemerdekaan Beragama Dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog Dan Kerukunan Antar Agama* (Surabaya: Bina Ilmu, 1979), 274.

[167] Prof. Dr. H. M. Hasballah Thaib MA, *Manusia Dalam Pandangan H. M. Arsyad Thalib Lubis*, 35-37.

Sementara pengaruh penjajahan bagi rakyat Indonesia masih terasa dalam kehidupan sosial masyarakat, ditambah lagi dengan pergolakan yang ditimbulkan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI)[168] secara besar-besaran pada tahun 1965 M dengan pembunuhan beberapa orang jenderal askar. Mereka menganggap umat Islam ialah musuh yang paling utama, lalu PKI menentang parti-parti agama, ulama dan umat Islam secara terang-terangan dengan propaganda mereka anti Tuhan dan faham Atheisme yang mereka kembangkan di seluruh Indonesia. Oleh kerana itu Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sangat menentang fahaman komunis, sehingga pada waktu diselenggarakan Muktamar ulama se Indonesia di Palembang pada 8hb September 1957 M, beliau menyarankan agar dapat diusahakan kerjasama semua kaum beragama untuk membentuk panitia khusus dalam menghadapi bahaya komunis dan menyatukan visi anti terhadap fahaman Atheis.[169]

Dengan keadaan dan cabaran bagi umat Islam yang begitu berat, namun Muhammad Arsyad Thalib Lubis mampu bersosial dan berdakwah kepada masyarakat sejak berumur 16 tahun lagi, beliau juga sebagai seorang guru agama di madrasah. Di samping itu, beliau telah meluangkan masa untuk menimba ilmu daripada Syeikh-Syeikh beliau.

---

[168] Parti Komunis Indonesia (PKI) adalah parti politik di Indonesia yang berideologi komunis. Dalam lintasan sejarah PKI pernah melakukan pemberontakan melawan Pemerintahan Kolonial Belanda pada tahun 1926 M di pulau jawa (Banten, Betawi, Periangan) dan pada tahun 1927 M di pulau Sumatera (Padang), kemudian Belanda mengharamkan PKI selepas itu, parti ini hidup semula hanya selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 M. Pada bulan April 1926 M parti ini dikuasai oleh pemimpin ortodoks, antaranya Musso yang mendalangi pemberontakan PKI Madiun pada tahun 1948 M, ia mencuba merampas kuasa daripada Presiden Sukarno dan Naib Presiden Mohamad Hatta. Pemberontak PKI di Madiun dihancurkan oleh tentera Republik Indonesia. Pada tahun 1951 M, pemimpin-pemimpin baharu PKI muncul lagi, antaranya D. N. Aidit, Njoto, mereka merancang untuk mengambil alih kekuasaan dengan cara rampasan kuasa yang dijadualkan 30 September 1965 M, tetapi percubaan PKI ini dapat dipatahkan juga oleh tentera Republik Indonesia dan hampir semua pemimpin PKI terbunuh dalam gerak balas pihak tentera. Kemudian PKI diharamkan pada bulan Mac 1966 M. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, ed. 1. (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 3: 1957-1958.

[169] M. Arsyad Thalib Lubis (tt), *Pembelaan Islam Terhadap Tantangan Atheisme Komunisme.* (Medan: Firma Islamiyah) 14.

Melalui pengalaman yang beliau dapat, ternyata berpengaruh kepada keperibadian beliau yang menjadikan beliau seorang ulama yang teguh pendirian dan berkarisma dalam masyarakat dan pemerintahan.

3.1.8 Sumbangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Terhadap Al-Jam'iyatul Washliyah

3.1.8 (a) Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dan Penubuhan Al-Jam'iyatul Washliyah

Dalam kegiatan organisasi, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah salah seorang daripada tiga serangkai ahli penubuhan organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah*.[170] Mereka adalah para pelajar yang menimba ilmu di Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) Medan[171]. Usia mereka ketika itu masih sangat belia. Namun memiliki cara pandang yang jauh kehadapan (Bashirah).

---

[170] tiga serangkai pendiri *al-Jam'iyatul Washliyah* ialah:
1. Abd. Rahman Syihab dilahirkan di kampung Paku Galang Deli Serdang pada tahun 1910 M, Ayah beliau bernama Hj. Syihabuddin berkhidmat sebagai Kadi hakim di kerajaan Deli Serdang dan Ibunya bernama Tupin binti Lebai Karim. Kedua orang tuanya berasal dari bandar Nopan. Beliau adalah anak ketiga dari pada tujuh orang bersaudara, beliau menikah dengan Norma, kemudian dikurniai tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan, kesemua anak beliau bekerja di pejabat kerajaan. Pada tahun 1918 sampai 1922 M, beliau mengikuti kursus di Vervolgschool (sekolah rendah umum) bertempat di simpang tiga perbaungan. Kemudian beliau belajar pendidikan agama Islam di salah satu *madrasah Sairussulaiman* di tempat yang sama (Simpang tiga Perbaungan), sesudah tamat dari madrasah dan sekolah tersebut, beliau langsung melanjutkan pelajarannya ke Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) di Medan, lembaga pendidikan tersebut ketika itu guru besarnya ialah Syeikh Hj. Muhammad Yunus (1889 M-1950 M). Abdurrahman Syihab adalah seorang tokoh yang aktif berdakwah dan mengajar, beliau juga aktif berorganisasi bagi membina masyarakat. Pada tahun 1930 M sampai 1932M, beliau di angkat sebagai Naib Ketua Umum (Presiden) Pengurus Besar (PB) *Al-Jam'iyatul Washliyah* pada tahun 1932M. meninggal dunia pada tanggal 7 Februari 1955M, tepat pada hari Isnin dalam usia 45 tahun. M. Nurdin Amin, *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah.* (Medan: Univa Press, 2008), 40-44.
2. Arsyad Thalib Lubis (1908 M-1972 M) adalah seorang ulama pejuang yang banyak menghabiskan waktunya di dunia pendidikan, dakwah dan sosial. M. Nurdin Amin, *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliya*, 44-49.
3. Hj. Ismail Banda lahir sekitar tahun 1910M, putera pasangan Banda Lubis dengan Hajah Sariani Amiriah. Beliau diasuh dan dididik di tengah-tengah keluarga yang taat beragama dan disiplin. Selesai mendapatkan pelajaran pertama dalam Islam, beliau masuk sekolah Menengah Islamiah Tapanuli di Medan Sumatera Utara selama lima tahun. Kemudian meneruskan pelajarannya ke Universiti al-Azhar di Mesir dengan bantuan orang tua dan *al-Washliyah*. Di al-Azhar beliau memperlihatkan dirinya sebagai anak Indonesia yang cerdas dan kreatif. Pada tahun 1930M beliau berhasil meraih gelar *AHLIYYAH* pada sekolah Tinggi Islam tersebut dan mendapat ijazah ulama pada tahun 1930. M. Nurdin Amin, *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*, 35-40.

[171] Maktab Islamiah Tapanuli (MIT) yang didirikan pada 19 Mei 1918 M di Medan, Sumatera Utara merupakan sebuah madrasah kecil saksi bisu lahirnya *al-Washliyah*. Madrasah ini tidak bisa dipisahkan dari sejarah penubuhan *al-Washliyah*. Kerana di tempat inilah *al-Washliyah* pertama kali dirasmikan yang dipelopori oleh para pelajar sekolah tersebut. Pada tahun 1930M, MIT Medan merupakan satu-satunya sekolah Islam yang ada di kota Medan, maka tidak hairan jika madrasah ini mendapat perhatian yang cukup besar dari para penuntut ilmu sekitar kota Medan, bahkan dari pelosok Indonesia dan Malaysia.

Para pelajar MIT (Madrasah Islamiah Tapanuli) Medan memiliki sebuah perkumpulan kecil yang dinamai dengan *Debating Club* (kelompok diskusi).[172] *Debating Club* dipimpin oleh seorang pelajar yang sangat cerdas iaitu Abdurrahman Syihab. Dalam kelompok ini sering dibincangkan dan didiskusikan permasalahan yang sedang hangat di masyarakat terutama mengenai permasalahan agama. *Debating Club* ini terus aktif melakukan diskusi-diskusi sehingga semakin hari semakin ramai yang terlibat dalam diskusi tersebut. Bermula dari diskusi tersebut lahirlah sebuah idea untuk mendirikan perkumpulan yang sangat besar, akhirnya tubuhlah organisasi *al-Washliyah.*[173]

Sejak terbinanya organisasi ini (30 November 1930 M), beliau turut menjadi anggota Pengurus Besar hingga tahun 1956 M. Meskipun beliau tidak berada dalam pengurusan, beliau tetap aktif memberikan sumbangan idea dan tenaga dalam kegiatan *al-Washliyah* yang bergerak dalam bidang pendidikan, dakwah dan sosial. Sebagai tokoh *al-Jam'iyatul Washliyah*, dalam bidang akidah, beliau mengamalkan

---

Madrasah MIT Medan terletak jauh dari pusat keramaian dan hiruk pikuk kota Medan, Madrasah ini tepat berada di pinggir sungai Deli. Sungai Deli merupakan sungai yang membelah kota Medan. Madrasah sederhana ini dikelilingi oleh pelbagai pokok yang hijau dan cukup sejuk serta jauh dari kebisingan suara kenderaan. Dengan kondisi tersebut maka para pelajar sangat nyaman dalam menimba ilmu di maktab ini. Para guru yang mengajar di maktab tersebut di antaranya adalah:

1. Syeikh Hj. Ja'far Hassan.
   Beliau dilahirkan di kampung Roburan Mandailing pada tahun 1880 Masihi anak dari Syeikh Hasan Tanjung. Semasa kecil beliau hanya belajar agama pada orang tuanya dan setelah meningkat dewasa beliau merantau ke tanah Deli. Pada tahun 1940 Masihi beliau diutus oleh pak cik nya ke Mekah guna melanjutkan pelajarannya pada ulama-ulama di masa itu di Masjid Haram. Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara*, 111.
2. Syeikh Hj. Muhammad Yunus.
   Beliau lahir tahun 1889M di kampung percukaian Binjai Kabupaten Langkat. Orang tuanya Hj. Mohd Arsyad berasal dari Tanjung Medan. Beliau belajar di kampungnya sendiri dan di Besilam Langkat, kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Dorga Kedah dengan Syeikh Mohd Idris Petani, dari kedah terus ke Mekah. Beliaulah yang memberi nama organisasi Islam ini dengan nama al-Jam'iyatul Washliyah yang ditubuhkan pada 30 November 1930 M. M. Nurdin Amin, *Peran Al-Washliyah Dalam Perjuangkan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*, 32-35. Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka Di Sumatera Utara*, 177.

[172] Debating Club merupakan wadah untuk mendiskusikan pelajaran mahupun persoalan-persoalan sosial keagamaan yang sedang berkembang di tengah masyarakat, kelompok diskusi ini ditubuhkan pada 1928 M, yang ditubuhkan oleh alumni (*eks student*) dan murid-murid senior Madrasah Islamiah Tapanuli. Perkumpulan pelajar ini dipimpin oleh Abdul Rahman Syihab yang merupakan salah seorang pengasas al-Jam'iyatul Washliyah. *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad (*1955), ed. 1. (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah,1955), 36.

[173] Hasan Asari, *Al-Jam'yatul Washliyah Sejarah Sosio-Religus dan Intelektual Periode Awal, Peran Moderasi al-Washliyah.* (Medan: Univa Press, 2008), 5.

ajaran *ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*[174] dan dalam fikah beliau mengikut mazhab Syafii[175]. Namun demikian beliau bersikap terbuka dan hormat terhadap fahaman mazhab lain.[176]

Menurut beliau kebebasan mengemukakan fahaman mazhab dan pendapat perlu mendapat tempat dalam masyarakat kerana ianya sangat penting dalam perkembangan pengetahuan dalam kalangan umat Islam. Kedudukan hukum fikah menurut beliau, pada umumnya berkisar di sekitar masalah *zanni* (tidak jelas dan tegas) yang kekuatannya berdasarkan "kuat sangka belaka". Tidak "*yakini*" (dengan yakin) kerana dapat digugurkan dengan ijtihad. Adapun ijtihad tidak dapat digugurkan dengan *ijtihad* kerana sama kekuatannya.[177]

Dalam hal ini, umat Islam mesti menginsafi bahawa selain masalah-masalah yang berkenaan dengan hukum-hukum fikah yang mungkin terdapat dalam pelbagai masalah perbezaan pendapat, umat Islam juga perlu mengetahui titik-titik persamaan yang tidak terhitung jumlahnya yang mana ia dapat dijadikan pegangan dan pendirian yang sama bagi umat Islam seluruhnya. Titik-titik persamaan ini menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk memperjuangkannya dengan tidak membeza-bezakan fahaman dan mazhab. Dalam titik-titik persamaan inilah *al-Jam'iyatul*

---

[174]Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah atau lebih sering disingkatkan Ahlul-Sunnah atau Sunni. Ahlussunnah Wa al-jama'ah salah satu aliran teologi dalam Islam yang timbul kerana reaksi terhadap faham golongan Muktazilah, merupakan nama bagi aliran Asy'ariyah dan Maturidiah, yang di anut oleh Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad bin Hambal serta Imam Abu Hanifah. Ahlussunnah Wa al-jama'ah**,** mereka sentiasa tegak di atas Islam berdasarkan al-Quran dan hadith yang sahih dengan pemahaman para sahabat, tabiin, dan tabi'ut tabiin. *Ensiklopedi Hukum Islam*, (Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 50-51.

[175] Mazhab Syafii atau Syafi'iah adalah mazhab fikah yang didirikan oleh Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafii atau juga dikenali sebagai Imam Syafii. Hidupnya dilalui di Bagdad, Madinah, dan terakhir di Mesir. Selain berdasarkan pada Al-Quran, sunah dan ijmak, Imam Syafii juga berpegang pada kias. Ia disebut-sebut sebagai orang pertama yang membukukan ilmu usul fikah, dengan karyanya *ar-risalah.* Mazhab Syafii banyak dianuti di pedesaan Mesir, Palestina, Suriah, Libanon, Irak, Hedzjaz, India, Yaman, Indonesia, Semenanjung Malaysia. *Ensiklopedi Islam*, ed. Ke-3, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999), 216.

[176] Ramli Abdul Wahab, *Al-Jam'yatul Washliyah: Studi Tentang Mazhab Akidah dan Fikah , Peran Moderasi al-Washliyah.* (Medan: Univa Press, 2008), 19.

[177] *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad*, Ed. 1. (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955), 19.

Washliyah senantiasa mengharapkan kerjasama yang padu daripada semua golongan umat Islam dalam memperjuangkan agama Islam. Selain itu *al-Jam'iyatul Washliyah* juga mengharapkan agar dapat kiranya seluruh umat Islam bersatu, bersaudara dalam Iman dan Islam, senantiasa bersama-sama berganding bahu laksana suatu tembok, antara satu sama lain saling sokong menyokong, sesuai dengan ajaran Nabi yang tercinta Muhammad SAW. Bagi saudara-saudara yang berlainan agama pula, umat Islam perlu ingat akan firman Tuhan bahawa tidak ada paksaan dalam beragama dan selalu berhasrat untuk berbuat baik serta berlaku adil sesuai dengan firman Tuhan yang berbunyi" Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang Yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berlaku adil. Surah al-Mumtahinah ayat 8. [178]

3.1.8 (b) Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Dan Perkembangan Dakwah Al-Jam'iyatul Washliyah.

Pada saat bermulanya penubuhan organisasi *al-Washliyah*, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sentiasa berusaha dalam menjayakan organisasi tersebut, walaupun dalam pengurusan beliau sering wujud perbezaan pendapat. Namun dengan kearifan beliau dalam mengurus organisasi, beliau mampu menyatukan kembali visi dan misi yang telah disepakati oleh jawatan kuasa organisasi *al-Washliyah*.

[178] *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), 20.

Beliau juga pernah tidak aktif menyertai program organisasi *al-washliyah* disebabkan beberapa hal, antaranya:

a. Ketika beliau diminta menjadi tuan guru oleh masyarakat Aceh Maelaboh (Aceh Barat) pada tahun 1931 M di daerah tersebut.[179]
b. Pada tahun 1935 M-1936 M, beliau pernah juga menarik diri daripada ahli jawatan kuasa *al-Jam'iyatul Washliyah* kerana tidak bersetuju dengan ahli jawatan kuasa yang lain dalam masalah percampuran antara lelaki dan perempuan ketika kegiatan perbarisan yang menjadi kebanggaan organisasi pada saat itu. Beliau berpendapat bahawa hal ini boleh mempengaruhi masyarakat untuk melakukan sesuatu yang dilarang oleh Islam.

Selepas dua kali beliau tidak aktif dalam organisasi ini, pada tahun 1932 M beliau kembali aktif di *al-Washliyah* sebagai guru. Dari sinilah beliau mula mendidik ustaz-ustaz muda yang berpotensi dan bersemangat tinggi untuk berdakwah ke daerah-daerah pedalaman di Sumatera Utara. Antara murid didikan beliau yang diutus untuk berdakwah ialah Bahrum Jamil, Usman Hamzah, M. Yunus Karim, Nuh Hudawi, Dumairi Ilyas dan lain-lain.

Di samping beliau mendidik murid-muridnya tentang cara berdakwah, beliau juga memberikan ilmu tambahan kepada mereka yang sangat berguna untuk berdakwah iaitu ilmu debat dan perbandingan agama serta ilmu tasawuf sebagai bekalan bagi mereka untuk menjalankan dakwah.[180]

---

[179] Aceh Barat merupakan salah satu kabupaten di Aceh, Indonesia. Kabupaten ini berhutan tebal dan berbukit-bukit yang curam sukar dilalui. Penduduk di wilayah pantai barat ini bertumpu di dua bandar, iaitu Tapak Tuan dan Meulaboh sebagai bandar raya Aceh Barat. *Ensiklopedia Malaysiana* (Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd, 1: 107.

[180] Teori etimologi menyatakan bahawa kata dasar untuk " *tasawuf* " ialah perkataan bahasa Arab, *safa* yang bermaksud kesucian, dan merujuk kepada penegasan Sufisme terhadap kesucian hati dan jiwa. *Tasawuf* ialah istilah yang diberikan kepada

Sebahagian daripada murid-murid yang belajar di *al-Washliyah* dihantar ke Timur Tengah untuk melanjutkan pengajian mereka, antaranya Syamsuddin Lubis, Abbas Hamid, Abdul Khalid Muhammad, Abdul Majid Siraj dan lain-lain. Semenjak itu, *madrasah al-Washliyah* menghantar para pelajarnya yang cemerlang ke Negara-negara Arab untuk melanjutkan pengajian Islam, penghantaran pelajar tersebut setiap tahun dan berterusan hingga sekarang.

Beliau serta ahli jawatan kuasa *al-Jam'iyatul Washliyah* juga memberikan sumbangan besar bagi memperkembangkan organisasi tersebut, yang mana dalam masa waktu lima tahun beliau dan kawan-kawan berjaya menubuhkan Zending Islam untuk menyaingi gerakan Kristianisasi yang disebarkan oleh para misionaris gereja. Zending pertama yang mereka bangunkan di luar Bandar Medan ialah Zending Islam di tanah Karo yang bermula pada tahun 1937 M, manakala Zending Islam di tanah Batak bermula pada tahun 1938 M dan Zending Islam yang lain-lain. Melalui penubuhan Zending Islam tersebut mereka dapat menyebarkan agama Islam di Sumatera Utara secara khusus dan Indonesia secara umumnya.[181]

Terbukti bahawa pada Pertemuan Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI)[182] ketiga yang diadakan di Solo pada tarikh 5-8 Jun 1939 M telah mengesahkan bahawa *al-Jam'iyatul Washliyah* ialah sebagai pemegang tugas Zending Islam di Indonesia.

---

sebuah aliran atau tradisi pemahaman Islam yang merangkumi pelbagai kepercayaan dan amalan. *Tasawuf* mempunyai ciri-ciri umum iaitu: 1. memiliki nilai-nilai moral. 2. pemenuhan fana dalam realiti mutlak. 3. pengetahuan intuitif langsung. 4. timbulnya rasa kebahagiaan sebagai karunia Allah dalam diri sufi kerana tercapainya *maqamat.* 5. penggunaan simbol-simbol pengungkapan yang biasanya mengandung pengertian harfiah dan tersirat. *Ensiklopedi Islam* (1999), ed. Ke-5. 5: 75.

[181] Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1, 146-147.

[182] Majlis Islam A'la Indonesia merupakan suatu perkumpulan dari organisasi-organisasi Islam yang didirikan pada tarikh 21 September 1937 M di Surabaya. Majlis ini didirikan berkat kesedaran para tokoh organisasi-organisasi Islam ke arah persatuan setelah menyedari bahawa perbezaan pendapat dan pertentangan dalam kalangan mereka sebelum tahun 1937 M, hanyalah menyangkut masalah furuk (cabang). Pengasas organisasi ini adalah K. H. Mas Mansur dari Muhammadiyah, K. H. Muhammad Dahlan serta K. H. Abdul Wahab Hasbullah dari Nahdatul Ulama, dan W. Wandoamiseno dari Serekat Islam. Pada tahun 1941M, organisasi ini telah menjadi 21 organisasi Islam yang tergabung ke dalamnya, termasuklah organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah. Ensiklopedi Islam* (1999), ed. 5, 3: 118.

Keputusan ini merupakan penghargaan dan kepercayaan yang besar diberikan oleh MIAI kepada *al-Jam'iyatul Washliyah* untuk melanjutkan pengembangan Islam di tanah air Indonesia.[183]

Kemudian termaktub dalam sebuah majalah" *Pedoman Masyarakat*" yang diasuh oleh HAMKA,[184] beliau menuliskan: "Adakah satu pergerakan Islam yang dapat mencapai sasaran dakwah yang gemilang seperti *al-Jam'iyatul Washliyah*? Organisasi ini baru berumur sepuluh tahun tetapi telah dapat menyebarkan Islam di lembah Porsea yang subur itu, sehingga telah terdapat di sana umat Islam yang jumlahnya tidak kurang dari 20.000, lantaran itu goncang dibuatnya tiang salib dan dengungan lonceng gereja ditandingi oleh suara azan yang sayup-sayup sampai, cubalah kira-kirakan sendiri bagaimana agaknya kelak selepas 20 atau 30 tahun lagi.[185]

Daripada huraian di atas dapatlah penulis simpulkan bahawa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis adalah seorang ulama, mubaliqh dan pejuang agama di Sumatera Utara, yang menjadi tauladan dalam berdakwah bukan sahaja dalam kalangan kaum Muslimin tetapi juga terhadap Non Muslim khususnya pengikut ajaran animisme dan Kristian di tanah Batak.

Dalam bidang organisasi, beliau tidak dapat dipisahkan dengan organisasi *Al-Jam'iyatul Washliyah* yang beliau tubuhkan dengan kawan-kawan beliau pada tahun

---

[183] Muslim Nasution, *Dinamika Al-Washliyah Dalam Lintas Sejarah, Peran Moderasi al-Washliyah.* (Medan: Univa Press, 2008), 27.

[184] Hamka nama sebenarnya Haji Abdul Malik Karim Amrullah (lahir di kampung Molek Sungai Batang Maninjau, Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia pada 16 Februari 1908M - 24 Julai 1981M). Beliau adalah seorang ulama Islam yang *progresif* dan guru agama serta wartawan, pujangga dan filsuf Islam. Pemimpin dan mubaligh Muhammadiyah yang terkenal di Indonesia. Beliau mendapat nama panggilan "Buya" yang diambil daripada perkataan Arab 'Abi' atau 'Abuya' yang membawa maksud ayah atau seseorang yang amat dihormati, ayah beliau Syeikh Abdul Karim bin Amrullah atau dikenal sebagai Haji Rasul, seorang pelopor gerakan Islah (tajdid) di Minangkabau, sekembalinya dari Mekah pada tahun 1906 M. Hamka merupakan ketua Majlis Ulama Indonesia, salah satu daripada pertubuhan agama Islam yang terbesar di Indonesia selain Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Sewaktu zaman penjajahan Belanda, Hamka merupakan ketua editor majalah Indonesia seperti Pedoman Masyarakat, Panji Masyarakat dan Gema Islam. Hamka, *Falsafah Hidup*, ed. Ke-4. (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1980), 1. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, ed. 1, 2: 842. *Ensiklopedi Indonesia*, 2: 1217.

[185] *Pedoman Masyarakat*, Th. VII. 6 Ogos 1941, 83.

1930 M. Beliau merupakan orang pertama yang mendorong Syeikh Abdurrahman Syihab untuk mengembangkan *Debating Club* menjadi sebuah organisasi Islam yang diberi nama dengan *Al- Jam'iyatul Washliyah*.

BAB IV
DAKWAH SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD THALIB LUBIS TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM SUKU BATAK DI MEDAN SUMATERA UTARA INDONESIA

4.1 Non Muslim Di Medan Sumatera Utara Indonesia

Indonesia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Agama di Indonesia memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat dan berpengaruh secara kolektif terhadap politik, ekonomi dan budaya. Sebagaimana yang dinyatakan dalam ideologi rakyat Indonesia yang berdasarkan Pancasila[186] (lima sila yang menjadi rukun sebuah negara), antaranya ialah Ketuhanan Yang Maha Esa. Dan dalam Undang-Undang Dasar 1945 dinyatakan juga bahawa setiap penduduk diberikan kebebasan untuk memilih dan mempraktikkan kepercayaan masing-masing dan menjamin akan kebebasan untuk menyembah Tuhan menurut agama dan kepercayaan mereka.

Pemerintah Indonesia hanya mengakui secara rasmi enam agama iaitu: Islam, Kristian Protestan, Katolik, Hindu, Buddha dan Khong Hu Cu. Ini berdasarkan Penetapan Presiden No. 1 Tahun 1965 Tentang Pencegahan Penyalahgunaan dan

---

[186] Pancasila merupakan lambang negara Indonesia. Lambang ini dicipta oleh Panitia yang diketuai oleh Sultan Hamid II dari Pontianak, yang kemudian disempurnakan oleh Presiden Sukarno. Sedangkan Pancasila itu sendiri merupakan dasar falsafah negara Indonesia, kata "Pancasila" terdiri daripada dua patah perkataan bahasa Sanskrit, iaitu *panca* yang bermaksud "lima" dan *śīla* yang bermaksud "prinsip" atau "asas". Iaitu:
1. Ketuhanan Yang Maha Esa
2. Kemanusiaan Yang Adil Dan Beradab
3. Perpaduan Indonesia
4. Kerakyatan Yang Dipimpin Oleh Hikmat Kebijaksanaan Dalam Permusyawaratan/Perwakilan 5. Keadilan Sosial Bagi Seluruh Rakyat Indonesia.
Lima prinsip ini pertama kali diucapkan oleh Sukarno, pemimpin nasionalis Indonesia pada 1 Jun 1945 M. Pendudukan Jepun di Indonesia hampir tamat dan Sukarno menekankan lima prinsip ini bagi negara Indonesia yang bebas. Lima prinsip ini kemudian diterapkan ke dalam perlembagaan Indonesia tahun 1945 M. *Ensiklopedia Dunia*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 16: 95.

Penodaan Agama fasal 1, “Agama-agama yang dipeluk oleh penduduk di Indonesia ialah Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Khong Hu Cu”.[187]

Sebagaimana yang tersusun dalam jadual di bawah ini:

Jadual 4.1: Agama Rasmi Di Indonesia Pada Tahun 2010

No.	Agama	Jumlah Penduduk	Percentage Dari Jumlah Penduduk
1	Islam	207.176.162	87.18 %
2	Protestan	16.528.513	6.96%
3	Katolik	6.907.873	2.91 %
4	Hindu	4.012.116	1.69%
5	Buddha &	1.703.254	0.72 %
6	Khong Hu Cu	117.091	0.05%
7	Agama Lainnya	299.617	0.13%
8	Tidak Terjawab Atau Tidak Ditanyakan	896700	0.38%

Sumber: Badan Pusat Statistik Jakarta, Indonesia. “Penduduk Menurut Wilayah dan Agama yang Dianuti”. Sensus (Banci) Penduduk 2010.[188]

Berdasarkan sejarah, kaum pendatang dari India, Arab, Tiongkok, Portugis dan Belanda telah menjadi pendorong utama keanekaragaman agama dan kebudayaan dalam negeri-negeri di Indonesia begitu juga di Medan Sumatera utara.[189]

Masyarakat non Muslim di Medan Sumatera Utara majoritinya beragama Kristian (Kristian Protestan dan Katolik), kedua aliran ini dianuti oleh kebanyakan daripada suku Batak yang bermukim di sekitar kawasan Medan Sumatera Utara.

[187] Penetapan Presiden No 1 Tahun 1965 Tentang Pencegahan Penyalahgunaan dan Penodaan Agama pasal 1. “Undang-Undang Dasar 1945”, dicapai pada 2 Oktober 2006.
[188] Badan Pusat Statistik Jakarta, Indonesia, “ dikemaskini 15 mei 2010, http//www.bps.go.id.
[189] Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tenggah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII.* Ed. Ke-3. (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2004), 2-3.

4.1.1 Tinjauan Umum Tentang Non Muslim Umat Kristian Di Medan Sumatera Utara

Umat Kristian merupakan pengikut Jesus, yang mengimani bahawa Jesus Kristus atau Isa Almasih adalah anak Tuhan dan Juru Penyelamat yang membawa ajaran yang disampaikan oleh Tuhan. Dalam kepercayaan Kristian, Jesus Kristus ialah pendiri jemaah gereja dan kepimpinan gereja yang abadi (Injil Matius 18:18-19).[190]

Kristian merupakan salah satu agama dari agama dunia terbesar penganutnya serta luas wilayah penyebarannya, agama Kristian juga menyatakan diri sebagai agama dengan seruan semesta kepada umat manusia, serta jalan kepada manusia menuju keselamatan.[191]

Jadi agama Kristian merupakan sebuah agama yang mana penganutnya mempercayai bahawa Nabi Isa adalah anak Tuhan, begitu juga orang yang menganut agama Nasrani dipanggil dengan orang Kristian.[192]

Adapun Masyarakat Non Muslim Umat Kristian di Medan Sumatera Utara terbahagi kepada dua aliran iaitu:

4.1.1(a) Kristian Protestan

Kristian Protestan pertama kali diperkenalkan oleh orang Belanda pada abad ke-16 Masihi dengan pengaruh ajaran Calvinis dan Lutheran.[193] Agama ini

[190] Injil Matius merupakan yang pertama dalam urutan kitab-kitab perjanjian baru, karena Injil Matius merupakan kelanjutan daripada Perjanjian Lama. Injil Matius ditulis dengan tujuan untuk menetapkan bahawa Yesus telah menyempurnakan sejarah Bani Israel, serta membuktikan bahawa Jesus telah berbuat sebagai al-Masih yang dinanti-nanti oleh orang Yahudi. Injil Matius dimulai dengan menyebutkan sejarah silsilah al-Masih. DR. M. Abdullah Syarqawy, Yesus Dalam Pandangan Al-Ghazali, terj. Drs. Hasan Abrori. MA (Jakarta: Pustaka Da'i, 1994), 107.
[191] *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1983), 4: 1889.
[192] DR. Adli Hj. Yacob dan Khuzainah Zakaria, *Kamus Bahasa Melayu*, ed. 1. (Kuala Lumpur: Cresent News, 2008), 445.

berkembang di Indonesia selama masa kolonial Belanda (VOC),[194] dan sangat pesat perkembangannya pada abad ke-20 yang disebarkan oleh para mubaligh dari Eropah ke beberapa wilayah di Indonesia. Di Indonesia ada dua daerah yang majoriti penduduknya beragama Kristian Protestan iaitu Papua dan Sulawesi Utara.[195] Adapun daerah yang minoriti penganut Kristian Protestan ialah Medan Sumatera Utara sekitar 18.13% yang beragama Protestan dan 2.89% Katolik daripada jumlah penduduk Medan Sumatera Utara sekitar 12,982,204 jiwa pada tahun 2010 M, kebanyakan mereka bersuku Batak.

4.1.1(b) Kristian Katolik

Kristian Katolik tiba di Indonesia saat kedatangan bangsa Portugis yang kemudiannya diikuti oleh bangsa Sepanyol[196] yang berniaga rempah-ratus dan

---

[193] Calvinisme merupakan pandangan kehidupan dan dunia Kristian yang berkaitan dengan dasar dan idea pembaharu agama Kristian dari Jean Calvin. Meliputi susunan teologi dan gereja begitu juga pengaruhnya dalam filsafat, politik sosial dan juga dalam bidang kebudayaan. Ciri khas Calvinisme ialah kepercayaan mutlak atas kekuasaan Tuhan dalam segala bidang kehidupan dengan bertitik berat kepada kekuasaan Alkitab sebagai firman Tuhan. *Ensiklopedi Indonesia* (1980), 1: 574.
Lutheran adalah ajaran Kristian yang diasaskan Martin Luther, pemimpin Reformasi gereja pada abad ke-16 yang mengkritik ajaran dan praktik gereja pada waktu itu. Pada 31 Oktober 1517 M, Luther melekatkan Sembilan Puluh Lima Tesisnya yang masyhur itu di pintu gereja Castle di Wittenberg. Tesis tersebut mengandungi kenyataan yang menentang pengampunan. Ajaran khas Martin Luther yang diakui sebagai ciri khas ajaran Reformasi disimpulkan dalam tiga *sola*, iaitu *sola fide*, *sola gratia*, dan *sola scriptura*, yang bererti "hanya iman", "hanya anugerah", dan "hanya Kitab Suci". Maksudnya, Luther menyatakan bahawa keselamatan manusia hanya diperoleh kerana imannya kepada karya anugerah Allah yang dikerjakannya melalui Yesus Kristus. *Ensiklopedia Dunia* (2005), ed. 1. 12: 454.

[194] Syarikat Hindia Timur Belanda (*Verenigde Oostindische Compagnie* atau *VOC* dalam bahasa Belanda, yang bermaksud "Syarikat Hindia Timur Bersatu" telah ditubuhkan pada 20 Mac 1602 M. Syarikat ini merupakan syarikat perniagaan yang berkuasa dan membantu menubuhkan pemerintahan Belanda di Indonesia. Pada tahun 1602 M, kerajaan Belanda memberikan syarikat ini taraf monopoli dalam perdagangan antara Asia dengan Belanda. Syarikat ini mempunyai aspek pemerintahan dan ketenteraan, termasuklah hak untuk memerintah dan melakukan peperangan di Asia. Syarikat ini mengalami kerugian dan dibubarkan pada tahun 1799 M. *Ensiklopedia Dunia* (2005), 20: 572.

[195] Papua (Irian) merupakan pulau terbesar ke-2 di dunia. Pulai ini pertama kali ditemukan bangsa Portugis (1512 M). Nama Papua berasal dari Antonio d'Abreu pelaut Portugis yang berkunjung ke bahagian barat pulau tersebut. Nama Irian diusulkan dalam Konferensi Malino (1946 M) oleh Frans Kasiepo, nama ini kemudian selalu dipakai Indonesia. Papua kaya dengan sumber alam yang menjanjikan peluang untuk berkembang, tanahnya yang luas dipenuhi oleh hutan. Dalam perut buminya menyimpan gas asli, minyak dan pelbagai bahan galian. *Ensiklopedi Indonesia* (1982), 3: 1485-1488.
Sulawesi Utara ialah Provinsi di Pulau Sulawesi, ibu negerinya Manado. Wilayahnya meliputi ujung Semenanjung Sulawesi Utara, ditambah dengan pulau dan kepulauan yang bertebaran terutama di kawasan lautan Sulawesi. *Ensiklopedi Indonesia* (1984), 6: 3447.

[196] Masyarakat Portugis adalah kumpulan etnik atau masyarakat asal bagi negara Portugal yang terletak paling ke barat benua Eropah. Ia terletak di Semenanjung Iberia. Lisbon ialah ibu Negara dan Bandar raya Portugal yang terbesar. Bahasa Portugis merupakan bahasa rasmi, bahasa ini sahaja yang banyak digunakan secara meluas. Kebanyakan orang Portugis menganut agama Roman Katolik. Bangsa Portugis ialah daripada populasi selatan Eropah. Asal etnik mereka pula ialah gabungan pra-Rom Celt dan puak-puak Iberia (dipanggil Celtiberian, seperti Lusitanian, Calaicians atau Gallaeci dan Cynetes atau Conii). Kebanyakan orang Portugis tinggal di perkampungan luar Bandar. Penduduk kampung ini cekap dan berani mengharungi perairan Atlantik yang mencabar. Petaninya mengusahakan ladang anggur yang menghasilkan wain yang baik. Ikan dan wain dari Portugal dinikmati oleh ramai penduduk dunia. *Ensiklopedia Dunia* (2005), c. 1. j. 17, *op. cit.*,h. 797.
Sepanyol ialah sebuah negara yang terletak di Semenanjung Iberia di barat daya Eropah. Negara ini bersempadan dengan Portugal, Perancis, Andorra, Gibraltar dan Maghribi.Ibu Negara Madrid, bahasa rasmi bahasa Sepanyol, Catalan, Galicia. Sepanyol merupakan salah sebuah Negara di dunia yang terkenal dalam bidang pelancongan, setiap tahun berjuta-juta pelancongan mengunjungi pantai dan pulau Mediterranean yang cerah, pantai Atlantik yang berbatu-batan, kastil dan gereja di Bandar Sepanyol yang bersejarah. Sepanyol merupakan sebuah negara raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

mereka juga mempunyai tujuan untuk menyebarluaskan agama Katolik Roma di Indonesia[197], bermula dari Kepulauan Maluku pada tahun 1534 Masihi.[198] Pada abad ke-16, Portugis dan Sepanyol mula memperluaskan pengaruh mereka di Manado dan Minahasa,[199] namun tidak bertahan lama sejak VOC Belanda berjaya menghalau Sepanyol dan Portugis dari Sulawesi Utara.

4.1.2 Jumlah Umat Kristian Di Medan Sumatera Utara Indonesia

Jadual 4.2 Penduduk Sumatera Utara Indonesia, Tahun 1971, 1980, 1990, 1995, 2000 dan 2010.

Provinsi	**Penduduk**					
Sumatera Utara	1971	1980	1990	1995	2000	2010
	6,621,831	8,360,894	10,256,027	11,114,667	11,649,655	12,982,204

Sumber: Sensus (Banci) Penduduk 1971,1980, 1990,1995, 2000, 2010 dan Sensus penduduk Antara Sensus (SUPAS) 1995.[200]

Sepanyol menyertai Kesatuan Eropah sejak 1986 M dan merupakan negara maju dengan ekonomi ke-8 terbesar di dunia. *Ensiklopedia Dunia* (2005), ed. 1. 19: 476-478.

[197] Katolik Roma merupakan mazhab Kristian yang terbesar di dunia, terdiri daripada mereka yang mengakui kuasa uskup Rom iaitu Paulus, dalam perkara yang berkaitan dengan ajaran Kristian. Penganut Roman Katolik meyakini bahawa Jesus Christ mengasaskan gereja mereka untuk menyelamatkan semua penduduk di dunia daripada api neraka. Mereka juga yakin bahawa gereja tersebut senantiasa mendapat perlindungan Tuhan untuk mengekalkan semua ajaran yang di bawa oleh Christ. Menurut ajaran Katolik, Roh Kudus yang diutus oleh Christ kepada manusia, turut membimbing gereja. Bagi penganut Katolik, ketaatan kepada agama bererti ketaatan terhadap Tuhan, iaitu melebihi daripada segala-galanya, kepercayaan ini melibatkan beberapa pegangan atau doktrin, antaranya: 1. Doktrin konsep Triniti dan penciptaan. 2. Dosa dan pahala. 3. Sifat gereja. 4. Kehidupan selepas mati. Kesemua doktrin ini pula membentuk asas terhadap nilai akhlak penganut Katolik. Ajaran Katolik Roma mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembangunan kebudayaan masyarakat Eropah dalam pengenalan nilai-nilai kehidupan barat kepada tamadun lain terutama ketika era penjajahan. Pada akhir 1990-an, jumlah penganut mazhab ini mencecah jumlah 1 bilion (lebih kurang 52 peratus penganut Kristian atau 16 peratus penduduk dunia). Kebanyakan penganut mazhab Katolik tinggal di benua Eropah, Amerika Utara dan Selatan. Di Perancis, Republik Ireland, Itali, Sepanyol, dan hampir-hampir semua negara Amerika Latin ialah pengikut agama tersebut. *Ensiklopedia Dunia* (2005), ed. 1. 7: 441.

[198] Kepulauan Maluku merupakan kepulauan di bahagian timur Indonesia, terdiri atas ribuan pulau, kepulauan ini di tengah-tengah perairan Lautan Maluku, Lautan Halmahera, Lautan Banda dan Lautan Arafuru, membentang dari utara ke tenggara, meliputi 3 kelompok besar iaitu Maluku Utara, Maluku Tengah dan Maluku Utara. *Ensiklopedi Indonesia* (1983), 4, 2117.

[199] Manado adalah Bandaraya Provinsi Sulawesi Utara, juga merupakan pelabuhan Samudera terbesar di Sulawesi Utara, terletak di tepi Teluk Manado Lautan Sulawesi, di sebelah timur dan selatan dilindungi rangkaian pergunungan dan dataran tinggi. *Ensiklopedi Indonesia* (1983), 4: 2121.

Minahasa merupakan Kabupaten di ujung utara semenanjung Sulawesi Utara, Indonesia. Minahasa juga nama suku bangsa yang terbesar di provinsi Sulawesi Utara. Ibu negerinya Tondano. Kawasan Minahasa juga meliputi pulau-pulau besar dan kecil yang bertebaran di lautan Sulawesi. *Ensiklopedi Indonesia* (1983), 4: 2250.

[200] Badan Pusat Statistik Republik Indonesia, *http://www.bps.go.id.*

Jadual 4.3 Penduduk Sumatera Utara Menurut Agama Yang Dianuti

Provinsi	**Sumatera Utara**							
Agama	Islam	Kristian Protestan	Kristian Katolik	Hindu	Buddha	Khong Hu Chu	Lain-lain	Jumlah Penduduk Sumatera Utara
Penganut	8.579.830	3.509.700	516.037	14.644	303.548	984	57.461	12.982.204

Sumber: Sensus (Banci) penduduk 2010 provinsi Sumatera Utara.[201]

Jadi dapat disimpulkan bahawa jumlah penduduk Kristian (Protestan dan Katolik) hanya sekitar 9.87% (23.436.386) dari seluruh jumlah penduduk Indonesia 237.641.326 jiwa, berdasarkan hasil Banci Penduduk tahun 2010. Adapun di Medan Sumatera Utara jumlah penduduk yang beragama Kristian Protestan dan Kristian Katolik ialah sekitar 4.025.737 jiwa dari jumlah seluruh penduduk Medan Sumatera Utara 12.982.204 jiwa.

4.1.3 Majoriti Suku Batak Medan Sumatera Utara Beragama Kristian

Suku Batak adalah salah satu suku di Indonesia yang mempertahankan kebudayaan mereka, yang berpegang teguh tradisi dan adat. Pada masa lampau, orang Batak tidak suka terhadap orang luar (Barat) kerana mereka dianggap sebagai penjajah. Selain itu, terdapat fahaman tersendiri bagi mereka bahawa orang yang berada di luar suku mereka ialah musuh kerana pada masa itu sering terjadi peperangan antara suku. Sebelum ajaran Kristian dan Islam masuk ke tanah Batak, suku Batak merupakan suku penyembah berhala. Kebanyakan suku Batak menganut

[201] Sp2010.bps.go.id, sensus penduduk 2010 provinsi Sumatera Utara, *http://www.bps.go.id.*

agama Kristian, sebahagiannya sudah menganut Islam dan jumlah yang kecil masih menganut agama Parmalim. Kehidupan agama mereka bercampur di antara penganut kepercayaan Animisme dan Dinamisme.[202] Namun kini jumlah penganut-penganut agama ini sudah semakin berkurang dengan adanya dakwah Islam di tanah Batak.

Asal nama 'Batak' besar kemungkinannya daripada perkataan 'bataha' nama salah sebuah kampung di Burma.[203] Kampung ini merupakan tempat asal orang Batak sebelum merantau ke Nusantara. Ada beberapa pendapat lain tentang asal usul nama Batak, antaranya:

1. Nama seorang raja iaitu Raja Batak.
2. Perkataan 'debata' yang bererti Tuhan.
3. Perkataan 'batok' yang bererti keras.
4. Perkataan 'beratak-atak' yang bererti rumah yang berbaris-baris lalu berubah menjadi 'batak-batak' dan akhirnya menjadi 'batak'.

---

[202] Animisme adalah kepercayaan yang melibatkan pemujaan roh dan semangat alam semula jadi. Kepercayaan kepada makhluk halus dan roh dipercayai merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula muncul dalam kalangan manusia primitif purba kala. Dalam Animisme terdapat suatu susunan keagamaan dengan rangkaian upacara-upacara dan bentuk-bentuk sembahan yang melukiskan adanya makhluk-makhluk halus, roh-roh yang mempunyai kehendak. Kepercayaan animisme mempercayai bahawa setiap benda di bumi ini, (seperti kawasan tertentu, gua, pokok atau batu besar), mempunyai semangat yang mesti dihormati agar semangat tersebut tidak mengganggu manusia, malah membantu mereka dari semangat dan roh jahat dan juga dalam kehidupan seharian mereka, perkara begini berlaku dalam amalan kepercayaan tradisi dalam kalangan penduduk Asia Tenggara. Diroktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama,* ed. Ke-2. (Jakarta: Proyek IAIN, 1981). 25-27. *Ensiklopedia Dunia (2005),* 1: 621.
Dinamisme merupakan suatu anggapan yang memandang bahawa alam semesta pada hakikatnya terdiri dari kekuatan-kekuatan. Dinamisme juga menjadi unsur penting dalam pandangan hidup kelompok manusia primitif yang menganggap adanya kesaktian dalam segala benda yang dianggapnya keramat seperti keris, pedang, batu tua, gunung, sungai, pohon besar. Sisa-sisa dinamisme dalam kehidupan moden tinggal sebagai khurafat dan tahayul yang menyebabkan sirik.Dinamisme disebut juga *Pre animisme* yang mengajarkan bahawa setiap benda atau makhluk mempunyai kekuatan gaib yang rahsia. *Ensiklopedi Indonesia (*1980), 2: 825. Diroktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama,* ed. Ke-2. 93-99.
Dinamisme merupakan suatu anggapan yang memandang bahawa alam semesta pada hakikatnya terdiri dari kekuatan-kekuatan. Dinamisme juga menjadi unsur penting dalam pandangan hidup kelompok manusia primitif yang menganggap adanya kesaktian dalam segala benda yang dianggapnya keramat seperti keris, pedang, batu tua, gunung, sungai, pohon besar. Sisa-sisa dinamisme dalam kehidupan moden tinggal sebagai khurafat dan tahayul yang menyebabkan sirik.Dinamisme disebut juga *Pre animisme* yang mengajarkan bahawa setiap benda atau makhluk mempunyai kekuatan gaib yang rahsia. *Ensiklopedi Indonesia (*1980), 2: 825. Diroktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama,* ed. Ke-2. 93-99.
[203] Burma Ialah sebuah negara di Asia tenggara. Ia terletak di sepanjang teluk Benggala. Rangoon, ibu negara Burma dan bandar terbesar terletak di delta ini. Penduduk Burma dikenali sebagai orang Burma. Sebahagian besar daripada mereka beragama Buddha, agama lain yang dianuti ialah agama Kristian, Hindu, dan Islam. Manusia tinggal di Burma sejak zaman prasejarah. Beberapa buah kerajaan muncul dan tumbang dari tahun 1000-an Masihi hingga tahun 1800-an Masihi.
Ensiklopedia Dunia (2005), ed. 1. 4: 461.

Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, Batak mempunyai dua erti, yang pertama adalah orang-orang dari sub-etnik yang tinggal di Provinsi Sumatera Utara dan erti yang kedua adalah (sastera) petualang, pengembara, sedang membatak bererti berpetualangan, pergi mengembara.[204]

Keterangan tersebut di atas tidak memastikan yang mana erti nama Batak yang sebenarnya. Jelasnya apabila orang mendengar kata Batak, tanggapannya adalah suatu etnik yang berasal dari Sumatera Utara.

Sebelum penjajahan, daerah Batak dikenal sebagai Toba yang merdeka dan berdaulat. Ibu kota daerah ini ialah Bakkara. Raja yang berkuasa pada masa itu berasal daripada Dinasti Sorimangaraja, yang kemudian diwarisi pula oleh Dinasti Sisimangaraja. Daerah Batak mempunyai satu leluhur iaitu Raja Batak yang mempunyai bahasa dan aksara tersendiri, serta mempunyai adat dan budaya berdasarkan Dalihan Na Tolu.[205] Leluhur ini juga mempunyai bendera iaitu putih-merah, berlambang matahari dan bulan, yang mengapit gajah dompak (gajah pahlawan).[206]

Suku bangsa yang dikategorikan sebagai Batak ada lima iaitu: Batak Karo, Batak Toba, Batak Pak-pak, Batak Simalungun, Batak Angkola Mandailing. Namun sekarang yang biasa disebut dengan nama Batak hanyalah suku Batak Toba. Suku Batak merupakan majoriti masyarakat Kristian di Medan di Sumatera Utara.

---

[204] Departemen Pendidikan Nasional, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, ed. Ke-3. (Jakarta: Balai Pustaka, 2005), 111.

[205] Dalihan Na Tolu iaitu tiga kaki tungku, melambangkan struktur sosial kehidupan masyarakat Batak, yang terdiri daripada kelompok Dongan Sabutuha, Hulahula, dan Boru. Doangsa PL. Situmeang, *Dalihan Na Tolu Sistem Sosial Kemasyarakatan Batak Toba.* (Jakarta: Dian Utama, 2007), 205. Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara (1983), *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*, 153. Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak* (Jakarta: Bumi Aksara,2010), 59-67.

[206] *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Ed. 1. (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 1: 423.

4.1.4 Dakwah Islam Terhadap Suku Batak

Masyarakat suku Batak mula terpengaruh dan menerima ajaran agama Islam, namun pada masa pemerintahan Kolonial Belanda di Indonesia, Belanda menggunakan politik adu domba di antara suku dengan suku yang lain, yang dikenali dengan" *Devide at Impera* (Politik pecah dan perintah atau politik adu domba)*"*. Sehingga terjadi curiga-mencurigai dan caci-maki di antara suku dengan suku bangsa lainnya. Begitu juga Belanda mempropagandakan di dalam dan di luar negara bahawa semua suku Batak adalah beragama Kristian. Akibat daripada propaganda tersebut, timbullah suatu anggapan umum bahawa setiap yang bermarga Batak (silsilah Keturunan Batak) dianggap beragama Kristian. Padahal jika dilihat daripada statistik suku Batak yang masuk agama Islam sungguh besar jumlahnya.

Berkat terbentuknya organisasi Jemaat Batak Muslim Indonesia (JBMI) dan Persatuan Batak Islam (PBI), serta kebanyakan suku batak bersatu dalam organisasi tersebut, maka dakwah Islam semakin pesat dalam kalangan suku Batak dalam usaha menyebarluaskan agama Islam dan memperkukuh keyakinan anggotanya. Gerakan dakwah yang dilancarkan organisasi tersebut kepada anggota-anggotanya adalah melalui pengajian berkala tentang pemahaman ajaran agama Islam, wirid-wirid dari rumah ke rumah sambil belajar mengaji dan sebagainya, sehingga banyak kemajuan yang dicapai dalam mendalami ajaran agama Islam yang dapat menghasilkan sesuatu kebiasaan yang positif, seperti:

1. Semakin erat silaturahmi dalam kalangan keluarga besar orang Batak yang beragama Islam.
2. Bertambah banyak pembuka-pembuka masyarakat Batak Islam yang menaruh perhatian terhadap cita-cita persatuan organisasi ini..

3. Meningkatkan semangat memperingati hari-hari besar Islam serta lahirnya pengajian-pengajian agama yang ditubuhkan oleh organisasi Batak Islam tersebut.

Namun banyak juga halangan dan rintangan yang dialami oleh persatuan ini dalam menjalankan tugas dakwah, antaranya:

1. Pengaruh adat istiadat yang sangat kuat di daerah tanah Batak.
2. Pengaruh penghasilan, daerah tanah Batak khususnya Tapanuli Utara adalah merupakan daerah yang kurang subur, salah satu penghasilan yang paling mudah ialah menternak khinzir, bila mereka memeluk Islam, automatik mereka tidak boleh lagi menternak khinzir, maka mereka menganggap hal ini dapat mengurangkan pendapatan mereka.
3. Kurangnya kemudahan terhadap pendakwah-pendakwah, sehingga menyulitkan perlaksanaan dakwah di daerah tersebut.[207]

Persatuan dan organisasi Batak Islam ini sangat gigih berdakwah kepada orang-orang Batak non Muslim. Pada 15 dan 16 Jun 2008 M, Persatuan Batak Islam telah mengadakan RAKERNAS (Rapat Kerja Nasional) yang telah berlangsung di Asrama Haji Pangkalan Masyhur, Medan. Dalam musyawarah tersebut mereka merumuskan peta dakwah Islam di tanah Batak.

Mengenai proses masuknya Islam di tanah Batak hingga kini belum ada satu kepastian yang dapat di pegang sebagai hasil kajian, namun menurut fakta sejarah, agama Islam masuk ke tanah Batak bermula di daerah Barus sebagai penghasil kapur

[207] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara.* (Medan: Majlis Ulama Daerah Sumatera Utara, 1983), 177-182.

barus dan kemenyan.[208] Melalui para peniaga yang memperdagangkan kedua jenis hasil bumi ini, peniaga tersebut berasal dari Timur Tengah yang kesemuanya beragama Islam.[209] Berdasarkan buku Nuchbatuddar ditulis oleh Addimasqi, beliau mengatakan bahawa Barus merupakan daerah awal masuknya agama Islam di Nusantara sekitar abad ke-7 Masihi, dengan bukti terdapatnya sebuah makam kuno di kompleks pemakaman Mahligai Barus, pada batu nisannya tertulis Syeikh Rukhnuddin wafat tahun 672 Masihi. Ini menyatakan bahawa komuniti Muslim di Barus sudah ada pada masa itu.[210]

Peniaga Islam yang terdiri daripada orang Arab, Aceh dan sebagainya tinggal dan hidup secara sederhana di Barus dan sekitarnya, dengan demikian terjadilah proses awal Islamisasi kepada segelintir orang Batak dan lebih jauh lagi terjadi perkahwinan antara pedagang Arab dengan penduduk setempat.[211] Akhirnya mereka memiliki kehidupan yang baik dan pengaruh yang cukup besar dalam masyarakat mahupun pemerintah (Kerajaan Buddha Sriwijaya). Bahkan ada sebahagian daripada mereka yang ikut berkuasa di beberapa buah bandar. Mereka banyak yang bersahabat dan juga berkeluarga dengan raja, adipati atau pembesar-pembesar kerajaan Sriwijaya. Mereka sering menjadi penasihat raja, adipati atau penguasa setempat, dengan demikian semakin lama semakin banyak pula penduduk setempat yang menjadi penganut Islam. Bahkan raja, adipati serta penguasa setempat yang akhirnya memeluk Islam, tentunya dengan jalan damai tanpa peperangan dan pertumpahan darah.

---

[208] Barus terletak di Tapanuli Tengah, Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Pada zaman Belanda, Barus merupakan kerajaan Melayu yang terletak di Afdeeling Bataklanden (Residensi Tapanuli). Barus juga dikenal sebagai Fansur dalam sumber Arab. Menurut istilah Arab, 'Fansur' ialah kapur barus berkualiti tinggi yang menjadi eksport utama Barus. Sejak abad ke-10, saudagar asing mula mengunjungi Barus. Barus menjadi masyhur pada abad ke-16 dan menjadi negeri kosmopolitan. *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), ed. 1, 1: 421.

[209] Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII.* ed. Ke-3, 9. Wan Ahmad, *Sejarah Islam di Indonesia,* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1989), 4-5.

[210] Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, *Risalah Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia* (Kuala Lumpur: Pustaka Raya & Perpustakaan Universiti Malaya, 1963), 62-63.

[211] Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak,* (Jakarta: Bumi Aksara, 2010), 83.

Sebuah dokumen kuno asal Tiongkok juga menyebutkan bahawa menjelang satu per empat tahun 700 M atau sekitar tahun 625 M, hanya berbeza 15 tahun setelah Rasulullah menerima wahyu pertama atau sembilan setengah tahun setelah Rasulullah berdakwah secara terang-terangan kepada bangsa Arab, rupanya di sebuah pesisir pantai Sumatera sudah ditemukan sebuah perkampungan Arab Muslim yang masih berada dalam kekuasaan wilayah Kerajaan Buddha Sriwijaya.

Orang Arab yang tinggal di perkampungan-perkampungan ini telah melakukan asimilasi dengan penduduk peribumi dengan cara menikahi wanita-wanita tempatan secara damai, sehingga mereka sudah beranak cucu di sana. Tempat-tempat pengajian al-Quran juga mula didirikan di perkampungan-perkembangan tersebut dan pengajaran tentang Islam sebagai asas pembinaan madrasah dan pesantren, umumnya juga merupakan tempat beribadah (masjid).

Hasil penemuan ini diperkukuhkan oleh Prof. Dr. HAMKA yang menyebut bahawa seorang pencatat sejarah Tiongkok yang mengembara pada tahun 674 M telah menemukan satu kelompok bangsa Arab yang mendirikan kampung dan tinggal di pesisir pantai Barat Sumatera.[212] Hal ini menyebabkan HAMKA menulis bahawa penemuan tersebut telah mengubah pandangan orang tentang sejarah masuknya agama Islam ke Tanah Air Indonesia langsung dari Arab, bukan melalui India dan bukan pada abad ke 11 melainkan pada abad pertama hijrah atau 7 Masihi. HAMKA juga mengungkapkan bahawa penemuan ini telah diyakini kebenarannya oleh para pencatat sejarah dunia Islam di Princeton Universiti di Amerika (Princeton

[212] Hamka, *Perbendaharaan lama* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996), 4.

Universisi merupakan institusi pendidikan tinggi keempat yang tertua di Amerika Syarikat, ia terletak di Princeton, New Jersey).[213]

Sehingga kini dakwah terus berjalan di tanah Batak, khususnya bagi lima kaum dari suku bangsa Batak yang masyhur tersebut, iaitu: Batak Karo, Batak Toba, Batak Pak-pak, Batak Simalungun, Batak Angkola Mandailing.

4.1.4 (a) Batak Karo

Batak Karo ialah suku yang tinggal di Dataran Tinggi Karo, Sumatera Utara, Indonesia. Suku ini merupakan salah satu suku terbesar di Sumatera Utara. Nama suku ini dijadikan salah satu nama kabupaten di salah sebuah wilayah yang mereka diami (dataran tinggi Karo) iaitu Kabupaten Tanah Karo.

Kabupaten Karo terletak di dataran tinggi Tanah Karo. Kota yang terkenal di wilayah ini ialah Brastagi dan Kabanjahe. Brastagi merupakan salah satu kota pelancong di Sumatera Utara yang sangat terkenal dengan produk pertaniannya yang unggul. Antaranya ialah buah limau dan produk minuman *Markisa Juice* yang terkenal hingga ke seluruh Nusantara.[214] Majoriti suku Karo bermukim di daerah pergunungan, lebih tepatnya di daerah Gunung Sinabung dan Gunung Sibayak yang sering disebut sebagai "Taneh Karo Simalem". Banyak keunikan yang terdapat pada masyarakat Karo, baik dari segi geografi, alam, mahupun bentuk masakan.

---

[213] Wahyu Ilaihi S.Aj. MA dan Harjani Hefni Lc, MA, *Pengantar Sejarah Dakwah.* ed. 1. (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2007), 153-156.
[214] *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1982), 3: 1673.

Landskap Tanah Karo terdiri daripada bukit-bukit yang berlembah, namun subur untuk penanaman sayur-sayuran dan lain-lain. Sawah padinya tidak terlalu luas. Sungai yang besar ialah sungai Laubiang yang mengalir hingga ke Kabupaten Langkat. Ternakan yang banyak dijumpai di setiap desa ialah khinzir yang menjadi peliharaan utama penduduk. Selain ternakan itu, terdapat juga ternakan yang lain seperti kerbau, lembu dan kambing. Penduduknya berjumlah 350.479 orang.[215] Kebanyakan mereka bekerja sebagai petani dan bercucuk tanam.[216]

Batak Karo memiliki bahasa sendiri yang disebut Bahasa Karo atau Cakap Karo. Pakaian adat suku Karo didominasi dengan warna merah dan hitam serta penuh dengan perhiasan emas. Bahasa Karo merupakan satu bahasa yang digunakan oleh Suku Karo yang tinggal di Dataran Tinggi Karo (Kabupaten Karo), Langkat, Deli Serdang, Dairi, Medan sehingga ke Aceh Tenggara.

Pada awal kemerdekaan Republik Indonesia pada tahun 1945-1950 M, umat Islam di daerah tanah Karo hanya berjumlah kira-kira 5000 orang sahaja, itu pun hanya terdapat di Bandar-Bandar sahaja. Islam belum tersebar ke desa-desa (kampung-kampung), begitu juga hanya beberapa buah masjid dan surau yang dibina sebagai rumah ibadah.

Pada tahun 1953 M, bermulalah para pendakwah yang ada di tanah Karo berdakwah ke desa-desa yang berdekatan dengan Bandar Kabanjahe dan Brastagi, dengan pengetahuan cara berdakwah yang ada pada mereka pada waktu itu. Pada permulaannya kurang mendapat sambutan daripada masyarakat, akan tetapi lama-

[215] Badan Pusat Statistik Kabupaten Karo, *http://karokab.bps.go.id*, Banci Penduduk 2010 Kabupaten Karo.
[216] Sekretariat Dakwah di Kabupaten Karo (t.t.), 208.

kelamaan masyarakat mula sedar akan kepentingan beragama. Seterusnya, ramai pendakwah datang dari beberapa daerah, umpamanya dari Aceh, Medan, Tapanuli Selatan, Deli Serdang yang dihantar oleh organisasi-organisasi Islam seperti *al-Jam'iyatul Washliyah, Muhammadiyah, al-Ittihadiyah* berserta pelajar-pelajar dan mahasiswa-mahasiswi dari organisasi cawangan Himmah, IPM, PII, USU, UISU dan lain-lainnya. Begitulah dakwah Islam bergerak dari sebuah kampung ke kampung yang lain, sehingga pada tahun 1967 M umat Islam telah berjumlah 18,150 orang, meluas di setiap kampung yang masih berdekatan dengan Bandaraya. Akhirnya pada bulan November 1967 M terbentuklah satu Badan Dakwah di Tanah Karo iaitu Badan Koordinasi Dakwah Islam Kabupaten Karo yang disepakati oleh pemimpin serta semua cerdik pandai dan ulama Islam di Kabupaten Karo. Badan dakwah tersebut ditaja oleh H. Baharoeddin Siregar sebagai Datuk Bandar Kabupaten Karo pada masa itu.[217]

Pada akhir tahun 1977 M umat Islam di Tanah Karo telah berjumlah 40,000 orang, yang tersebar ke seluruh pelosok kampung. Kebanyakan mereka belum mendapat bimbingan lengkap tentang ajaran Islam kerana mereka hanya mengucap dua kalimah syahadah sahaja. Namun pada tahun 1978 M, bermulanya kedatangan beberapa orang pendakwah dan guru agama Islam yang dihantar oleh Dewan Dakwah Islamiah Indonesia dan Departemen Agama Islam serta organisasi-organisasi Islam seperti *al-Jam'iyatul Washliyah, Muhammadiyah*[218] sehingga

[217] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara(1983), "*Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara"*, 209.

[218] Muhammadiyah secara etimologi berasal dari kata Muhammad, iaitu nama Rasulullah SAW, dan diberi tambahan *ya nisbah* dan *ta marbutah* yang bererti pengikut nabi Muhammad SAW. Muhammadiyah adalah gerakan Islam dan dakwah amar makruf nahi mungkar yang berakidah Islam dan bersumber pada al-Quran dan Sunah. Muhammadiyah merupakan sebuah organisasi Islam terbesar di Indonesia, ditubuhkan oleh K. H. Ahmad Dahlan pada tanggal 18 November 1912M di Yogyakarta. Organisasi ini dikenali sebagai penggerak pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia dan bergerak di pelbagai bidang kehidupan. Drs. H. Musthafa Kamal Pasha B. Ed dan Drs. H. Ahmad Adaby Darban SU, *Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam.* ed. 1. (Yogyakarta: Citra Karsa Mandiri, 2005), 98-99. *Ensiklopedi Islam* (1999), ed. Ke-5. 3: 275.

sekarang aktiviti dakwah terus berjalan.[219] Pada saat ini umat Islam sudah mencapai 89,495 orang daripada jumlah penduduk 350,960 orang, di samping terbinanya 170 buah masjid dan 51 buah surau.[220]

4.1.4 (b) Batak Toba

Batak Toba merupakan bahagian daripada suku bangsa Batak. Suku Batak Toba meliputi Kabupaten Toba Samosir, sekarang wilayahnya meliputi Balige, Laguboti, Parsoburan dan sekitarnya. Batak Toba termasuk dalam wilayah Kabupaten Toba. Batak Toba merupakan suatu kesatuan kultur, tidak semestinya tinggal di wilayah geografi Toba, namun asal-muasalnya adalah Toba. Sebagaimana suku-suku bangsa yang lain, suku bangsa Batak Toba pun berpindah ke daerah-daerah yang lebih menjanjikan kehidupan yang lebih baik.

Daerah Tapanuli Utara (Batak Toba) terdiri daripada daerah dataran tinggi, pergunungan, bukit barisan dan danau Toba dengan pemandangan indah yang dijadikan sebagai destinasi pelancongan.[221]

Bahasa Batak Toba merupakan satu bahasa daerah yang dipertuturkan di daerah Danau Toba dan sekitarnya, termasuk pulau Samosir, Sumatera Utara. Adat istiadat Batak Toba sukar dipisahkan daripada kepercayaan dan kebudayaan kerana adat dan kebudayaan itu sebahagiannya merupakan kepercayaan, sampai sekarang adat istiadat suku Batak semakin kuat dan sudah mengintegrasikan diri kepada

---

[219] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 211.
[220] Sumber: Pejabat Kementerian Agama Kabupaten Karo 2010.
[221] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 150.

perkembangan zaman kemajuan, terbukti dengan tersusun dan bertatacara yang teratur kegiatannya. Masyarakat Batak hidup dalam suasana kekeluargaan, semangat bergotong-royong dan sentiasa bermusyawarah sebelum melakukan sesuatu perkara penting.[222]

Sesetengah orang berprasangka orang Batak dari daerah Tapanuli Utara tidak beragama Islam, namun prasangka yang demikian adalah salah dan keliru, kerana kenyataannya bukan sedikit orang Batak Toba baik di desa mahupun di bandar besar tampil sebagai seorang pendakwah dan tokoh-tokoh Islam. Melalui organisasi Jemaat Batak Muslim Indonesia (JBMI) dan Persatuan Batak Islam (PBI), orang-orang Batak berhimpun dalam wadah tersebut dengan mengadakan pelbagai aktiviti dakwah Islam. Demikian juga organisasi-organisasi lain turut aktif melaksanakan dakwah di daerah tersebut. Antaranya ialah organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* dan *Muhammadiyah.*

Perkembangan Islam di daerah Porsea, ditaja oleh *al-Jam'iyatul Washliyah*, Zending Islam dan *Muhammadiyah*, namun yang paling berpengaruh ialah *al-Jam'iyatul Washliyah* dan Zending Islam, yang mempunyai pendakwah yang gigih dan aktif seperti Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan Hj. Bahrum Jamil S.H (salah seorang penubuh Universiti Islam Sumatera Utara).[223] Kemudian, aktiviti dakwah di daerah Porsea diteruskan oleh ketua umum Zending Islam Porsea utusan organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* iaitu guru kitab Sibarani.[224] Guru Kitab Sibarani,

---

[222] *Ibid.*, 153.

[223] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara (1983), "*Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara"*, 160.

[224] Guru Kitab Sibarani yang dulunya bernama Salapis Sibarani. Ia lahir tahun 1883 M di Lumban Porsea, sebagai anak tunggal dari Papatun Sibarani, seorang kaya yang menganut kepercayaan pelbegu. Beliau melanjutkan penyiaran Islam di Porsea (Toba) bekerjasama dengan para mubaligh yang ada di sana, setelah ia memeluk agama Islam pada tahun 1931 M. Pada tahun 1934, ia menjadi ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* cawangan Porsea. Sebagai seorang yang pernah menganut kepercayaan asli dan

ialah orang yang sangat berpengaruh dalam masyarakat Porsea, diharap beliau dapat mempercepatkan usaha dakwah, namun *al-Jam'iyatul Washliyah* menyedari bahawa Guru Kitab Sibarani hanya mempunyai pengetahuan Islam yang sedikit dan beliau hanya mengislamkan masyarakat dengan dua kalimah syahadat sahaja. Untuk memastikan masyarakat Batak Toba dapat memahami ajaran Islam dengan lebih luas maka *al-Jam'iyatul Washliyah* mengutus secara bergilir-gilir beberapa mubaligh untuk mengadakan aktiviti dakwah di tanah Batak.[225]

Hingga sekarang dakwah terus berjalan di daerah Tapanuli Utara, melalui pendakwah dari DPPI (Dakwah Pembangunan Persatuan Islam), *al-Jam'iyatul Washliyah*, *Muhammadiyah*, Zending Islam dan organisasi-organisasi lainnya. Kerukunan beragama di Tapanuli Utara telah mantap, dakwah Islam di daerah ini mendapat sokongan daripada pemerintah dan penganut agama lain. Pemerintah memberikan kebebasan melakukan dakwah Islam di daerah Tapanuli Utara, walaupun pendakwah itu datang dari mana-mana organisasi Islam, selagi masih dalam batas-batas berdakwah.[226]

4.1.4 (c) Batak Pak-Pak

Batak Pak-Pak ialah satu suku bangsa yang terdapat di Pulau Sumatera Indonesia dan tersebar di beberapa kabupaten/kota di Sumatera Utara dan Aceh, iaitu di Kabupaten Dairi, Kabupaten Pak-pak, Kabupaten Humbang Hasundutan, Tapanuli Tengah (Sumatera Utara), Kabupaten Aceh Singkil dan Kota Subulussalam (Provinsi

---

kemudian menganut agama Islam, ia berjaya menarik orang Batak non Islam menjadi penganut Islam. Chalidjah Hasanuddin, *Al-Jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur* (1988), 130.

[225] Chalidjah Hasanuddin, *Al-Jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur* (1988), 137-138.

[226] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 163.

Aceh). Namun di kabupaten Dairi dan Pak-pak majoriti penduduknya bersuku Batak Pak-pak.[227]

Bahasa Pak-Pak digunakan oleh penduduk yang bermukim di wilayah Kabupaten Dairi, Pak-pak Barat dan sebahagian dari Wilayah Kabupaten Singkil di Aceh.

Sejak tahun 1917 M, dakwah Islam mula berkembang dengan kedatangan peniaga-peniaga Islam ke Dairi di Bandar Sidi Kalang, di mana peniaga-peniaga tersebut berasal dari Aceh, Barus, Minang dan negeri lainnya. Kemudian, sekitar tahun 1917-1945 M, ramai orang Dairi pergi mengaji dan merantau untuk belajar ilmu agama di Kedah, Malaysia, Sumatetra Timur (Medan dan Tanjung Pura) dan di Sumatera Barat (Padang). Sebahagian besar mereka menjadi pendakwah dan guru agama di desa masing-masing.[228]

Setelah kemerdekaan Indonesia tercapai, para pendakwah seperti Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan kawan-kawan beliau terus berdakwah lebih giat lagi dengan mengadakan kunjungan-kunjungan dakwah dari kampung ke kampung, baik secara perseorangan mahupun melalui organisasi-organisasi Islam dari *al-Jam'iyatul Washliyah* dan Muhammadiyah. Dakwah tersebut ditujukan kepada penduduk yang belum menganut agama Islam. Gerakan dakwah ini berjaya disebabkan ajaran agama Islam benar-benar sesuai dengan tuntutan kemerdekaan dan tuntutan kerohanian manusia.[229]

---

[227] *Ensiklopedi Indonesia* (1980), 2: 737-738.
[228] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 259.
[229] *Ibid.*, 260.

Pada tahun 1950 M hingga sekarang para pendakwah terus giat melaksanakan tugas mereka sebagai pendakwah di daerah-daerah pedalaman Dairi, di mana dengan dakwah tersebut penganut Islam terus bertambah, baik secara perseorangan mahupun secara bersama-sama keluarga mereka. Kemudian, pada tahun 1951 M telah terbinanya Dewan Agama Islam (DA'I) di daerah Tigalinga. Pejabat agama Islam ini dibina untuk menyahut dan menampung hasrat orang Dairi menjadi penganut agama Islam.[230]

4.1.4 (d) Batak Simalungun

Batak Simalungun ialah salah satu suku asli dari provinsi Sumatera Utara Indonesia, yang menetap di Kabupaten Simalungun dan kawasan sekitarnya. Beberapa sumber menyatakan bahawa leluhur suku ini berasal dari daerah India Selatan. Berdasarkan sejarah, suku ini terbahagi kepada beberapa kerajaan. Marga asli penduduk Simalungun ialah Damanik, dan tiga marga pendatang iaitu, Saragih, Sinaga, dan Purba. Kemudian marga (nama keluarga) tersebut menjadi empat marga besar di Simalungun. Apabila dikaji suku Simalungun memiliki pelbagai kepercayaan yang berhubungan dengan penggunaan mantera-mantera dari "Datu" (dukun) disertai oleh persembahan kepada roh-roh nenek moyang yang selalu didahului panggilan kepada Tiga Dewa yang disebut *Naibata*, iaitu *Naibata* di atas (dilambangkan dengan warna putih), *Naibata* di tengah (dilambangkan dengan warna merah), dan *Naibata* di bawah (dilambangkan dengan warna hitam). Tiga warna yang mewakili Dewa-Dewa tersebut (Putih, Merah dan Hitam) mendominasi pelbagai perhiasan suku Batak Simalungun dari pakaian hingga hiasan rumahnya.

[230] *Ibid.*, 261.

Batak Simalungun menggunakan Bahasa Simalungun (*sahap Simalungun*) sebagai bahasa Ibunda, merupakan bahasa asli daerah Simalungun. Sampai kini bahasa Simalungun Raya dianggap sebagai bahasa relatif asli dan kurang mendapat pengaruh dari luar. Namun kuatnya pengaruh daripada suku-suku di sekitarnya mengakibatkan beberapa bahagian Suku Simalungun menggunakan bahasa Melayu, Karo, Batak, dan sebagainya. Penggunaan Bahasa Batak Simalungun sebahagian besar disebabkan penggunaan bahasa ini sebagai bahasa pengantar oleh penginjil RMG (*Rhijuse Mission Geseltschaft)* iaitu jemaah petani-petani Kristian yang menyebarkan agama Kristian terhadap suku Batak Simalungun.[231]

Dakwah Islam di daerah Simalungun telah mendapat sambutan yang baik daripada rakyat Pematang Siantar khususnya dan rakyat Simalungun pada umumnya. Usaha dan kegiatan dakwah di daerah ini mestilah dilaksanakan secara berkesinambungan dari semasa ke semasa, agar Islam tetap kukuh terpateri dalam hati masyarakat Simalungun.

Pada masa kini, pemikiran masyarakat dan pembangunan jauh lebih maju dari masa lampau, oleh sebab itu dakwah Islam di Simalungun haruslah lebih berkualiti dan perlaksanaannya lebih menarik. Dalam kata lain, dakwah Islam haruslah bersesuaian dengan situasi semasa untuk menuju kesejahteraan sosial yang direda'i oleh Allah SWT.[232]

---

[231] *Ensiklopedi Indonesia* (1984), 6: 3176.
[232] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 128-132.

4.1.4 (e) Batak Angkola Mandailing

Batak Angkola Mandailing merupakan nama suku kaum yang tinggal di Kabupaten Mandailing Natal, Kabupaten Padang Lawas, Kabupaten Padang Lawas Utara dan sebahagian Kabupaten Tapanuli Selatan, Sumatera Utara. Suku Batak Angkola Mandailing biasanya dipanggil dengan sebutan Mandailing sahaja, yang didefinisikan sebagai mereka yang bermarga Lubis, Nasution, Batubara, Daulae, Matondang, Rangkuti, Parinduri, Dalimunte, dan Pulungan. Marga yang paling besar ialah marga Lubis dan Nasution.[233] Sebahagian daripada orang Mandailing berasal dari pedalaman pantai barat Sumatera dan Tapanuli Selatan di utara Sumatera Indonesia, yang kebanyakan mereka bermarga Hasibuan, Harahap dan Siregar. Lingkungan hidup mereka meliputi gunung-ganang dengan sistem perairan dan dataran rendah sawah padi. Hasil pendapatan mereka termasuk penanaman getah, kulit kayu manis, kopi dan melombong emas.

Meskipun Mandailing sering dikaitkan dengan suku Batak namun rata-rata orang Mandailing menolak tanggapan ini. Hal ini disebabkan oleh perbezaan agama dalam kalangan suku Batak, kerana rata-rata orang Batak menganut agama Kristian sedangkan orang Mandailing kebanyakannya menganut agama Islam.[234]

Seperti kebanyakan masyarakat di dunia, masyarakat Mandailing adalah patriarki iaitu mengikut nasab atau keturunan sebelah bapa. Hal ini menyebabkan hanya anak lelaki sahaja yang akan menjadi penyambung marga bapanya, yakni akan mewariskan marga tersebut kepada anak-anaknya. Bagi anak

---

[233] *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1998), ed. 1, 3: 1445.

[234] Mandailing berasal dari kata Mande dan Hilang ataupun Mendalai ertinya yang merindui, Suku Mandailing merupakan suku yang telah dikenal sejak zaman Majapahit dalam buku karangan Mpu Prapanca. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sumatera Utara Dalam Lintasan Sejarah,* (Jakarta: Balai Pustaka, 1975), 29.

perempuan pula, mereka kekal dengan marga bapanya walaupun setelah berkahwin. Adat ini berbeza dengan wanita China atau Inggeris yang menggunakan nama keluarga suaminya. Namun wanita Mandailing tidak mewariskan marga tersebut kepada anak-anak mereka.

Bahasa Mandailing adalah salah satu bahasa daripada rumpun bahasa Batak. Majoriti penuturnya tinggal di daerah Mandailing Natal, Padang Lawas dan Padang Lawas Utara. Bahasa Mandailing berbeza daripada bahasa Natal, yang merupakan dialek bahasa Minangkabau.

Menurut Basyral Hamidy Harahap (pengarang buku Greget Tuanku Rao), orang Mandailing yang merantau ke semenanjung Tanah Melayu memiliki sifat-sifat keberanian, berilmu agama, *elmu hadatuon* (ilmu perdukunan) dan memiliki semangat ingin maju. Penghijrahan beramai-ramai dipercayai berlaku selepas Perang Paderi (1816-1833 M).[235] Selain itu keinginan untuk menuntut ilmu agama, berniaga, membawa diri kerana perselisihan faham dalam kalangan ahli keluarga atau menghindarkan penjajahan Belanda juga menjadi faktor kedatangan mereka ke semenanjung Malaysia.

Berkaitan dengan sejarah masuknya Islam ke daerah Mandailing bermula dengan kedatangan tentera Paderi (1803 M) ke Tanah Batak, khususnya ke daerah

[235] Perang Paderi merupakan peperangan yang berlangsung di Sumatera Barat dan sekitarnya, terutama di kawasan kerajaan Pagaruyung. Perang ini pada awalnya berdasarkan faham dan pemurnian agama Islam pada bahagian pertama abad ke-19 di Padang Darat, Minangkabau, yang berpegang teguh pada aturan-aturan fikah (anti adat, judi, arak, penyabungan ayam dan sebagainya). Faham dan gerakan ini bermula dengan kembalinya tiga orang haji dari Tanah Suci (Haji Miskin, Haji Piobang dan Haji Sumanik tahun 1803 M) yang membawa faham wahabi. Kemudian perang ini berubah menjadi peperangan melawan penjajah, ketika kaum adat kerajaan pagaruyung mulai terdesak, meminta bantuan kepada Belanda pada tahun 1821 M, namun keterlibatan Belanda justeru mempersulit keadaan, sehingga pada tahun 1833 M kaum adat berbalik melawan Belanda dan bergabung bersama kaum Paderi, walaupun pada akhirnya peperangan ini dimenangi oleh Belanda. *Ensiklopedi Indonesia* (1984), 5: 2502.

Tapanuli selatan yang disebut "Tanah Batak Selatan", walaupun kedatangan tentera Paderi itu membawa agama Islam tetapi dalam buku" Tuanku Rao" yang ditulis oleh M.O. Parlindungan meriwayatkan tentang sejarah kedatangan tentera Paderi ke Tapanuli bukan semata-mata menerangkan tentang masuknya Islam ke daerah Tapanuli Selatan. Dalam buku tersebut M.O. Parlindungan mengungkapkan bahawa yang mula-mula hendak menulis hikayat tentang masuknya Islam ke Mandailing ialah W. Iskandar dengan bukunya" *De Komst Van De Islam in Mandailing*" kerana pada masa beliau, masih ada lagi beberapa orang Paderi yang hidup, yang dapat dihubungi oleh beliau untuk meminta keterangan tentang peperangan Paderi.[236] Berdasarkan daripada tulisan tokoh-tokoh Islam, mereka mengemukakan bahawa dakwah Islam dikembangkan di daerah Tapanuli bukan dengan kekerasan, peperangan atau agresi, akan tetapi niat kaum Paderi berkunjung ke daerah Tapanuli untuk meninjau hasil-hasil daerah tersebut dan bermaksud untuk berniaga sambil menggunakan kesempatan untuk berdakwah memperkenalkan ajaran Islam. Namun rasa kesukuan penduduk masih kuat, sehingga dengan adanya pendatang dari suku lain membuat mereka merasa tidak senang, yang akhirnya terjadilah ketegangan-ketegangan dan peperangan.[237]

Perkembangan dakwah Islam yang sangat menonjol di daerah Tapanuli Selatan, bermula dengan terbinanya Madrasah Musthafawiyah oleh Syeikh Musthafa Husein,[238] pada tahun 1912 M setelah kepulangan beliau dari *Makkah al-*

---

[236] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), h. 277.
[237] *Ibid.*, 156.
[238] Syeikh Musthafa Husein lahir pada tahun 1883M di Tano Bato, Tapanuli Selatan. Setelah tamat sekolah Gubernemen di Tano Bato pada tahun 1896M, beliau mengaji kepada Syeikh Abdul Hamid di Hutapungut Kotanopan. Pada tahun 1900M beliau berangkat ke Mekah untuk menunaikan ibadah Haji dan melanjutkan pelajaran di sana selama 11 tahun. Antara Masyaikh beliau di Mekah ialah Syeikh Abdul Kadir al-Mandily, Syeikh Ahmad Chatib Minangkabau. Kemudian beliau kembali ke Tanah Air pada tahun 1912 M dan langsung membuka pesantren di Tano Bato. Dalam Kongres *al-Jam'iyatul Washliyah* pertama pada tahun 1936M di Medan, beliau diangkat sebagai penasihat Pengurus Besar *al-Jam'iyatul Washliyah. Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), 413. Miskiah (1991), *Ulama Dan Keterlibatannya Dalam Pendidikan*

Mukarramah, yang pada mulanya merupakan pondok di kampung beliau Tanobato Kayu Laut. Kemudian berlaku banjir di Tanobato pada tahun itu, yang menyebabkan beliau memindahkan pondok pengajian Musthafawiyah ke Purba Baru pada tahun itu juga. Murid-murid dari Madrasah Musthafawiyah banyak tersebar hampir ke seluruh tanah air Indonesia, bahkan sampai ke luar negara, dan banyak dalam kalangan mereka yang bertugas menjadi *da'i* menyebarluaskan agama di pelbagai tempat, ada juga yang bekerja sebagai pegawai-pegawai penting di institusi-institusi negara.[239]

Daerah Tapunuli Selatan banyak menghasilkan ulama-ulama masyhur di Indonesia, khususnya di Medan Sumatera Utara. Bahkan di daerah ini masjid, surau, madrasah dan pondok sentiasa berkumandang suara azan bergema setiap waktu, jemaah solat yang ramai, sekolah-sekolah agama ada dalam pelbagai tahap. Setiap tahun ratusan penduduk pergi melaksanakan ibadah haji ke *Makkah al-Mukarramah*. Dalam tinjauan sehari-hari ditemui bahawa kesan agama Islam di sana tidak kurang hebatnya dari negeri-negeri yang telah dimasuki Islam sejak awal mula masuknya Islam ke Nusantara.[240]

Antara suku-suku Batak yang paling banyak menganut agama Islam ialah Batak Mandailing, kerana mereka lebih awal menerima dakwah Islam daripada peniaga-peniaga Arab yang datang ke Barus (Fansuri) untuk berniaga kapur barus. Majoriti suku Batak Mandailing ini beragama Islam, dan keIslaman mereka jauh lebih kuat dan istiqamah berbanding dengan suku-suku Batak yang lain. Sehingga sebahagian daripada mereka telah menjadi pendakwah yang masyhur dan ikhlas

---

Islam Di Kecamatan Kotanopan (Kasus Syeikh Musthafa Husein Purba Baru),(Tesis Sarjana Muda, Fakulti Tarbiyah IAIN, Padangsidimpuan: IAIN Sumatera Utara, 1991), 26-34.

[239] *Ibid.*, 44-65.

[240] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 275-276.

seperti Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili[241] dan banyak lagi ulama-ulama masyhur di Indonesia, khususnya di Medan Sumatera Utara yang berasal daripada suku Batak Mandailing.

Jadi, jelaslah bahawa dakwah Islam terhadap suku Batak terus berjalan dan para pendakwah terus giat melaksanakan tugas mereka sebagai pendakwah di daerah-daerah pedalaman. Dakwah Islam di pelbagai daerah di Tanah Batak telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat, sehingga dakwah Islam terus berkembang dan perkembangan dakwah Islam yang sangat menonjol di daerah-daerah Batak terutama daerah Tapanuli Selatan, bermula dengan terbinanya Madrasah Musthafawiyah oleh Syeikh Musthafa Husein. Begitu juga dengan perkembangan Islam di daerah Toba dan Porsea, ditaja oleh organisasi Islam umpamanya *al-Jam'iyatul Washliyah*, Zending Islam dan *Muhammadiyah*. Organisasi yang paling berpengaruh ialah *al-Jam'iyatul Washliyah* dan Zending Islam, kerana mempunyai generasi pendakwah yang sangat gigih dan aktif seperti Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan Hj. Bahrum Jamil S.H.

4.1.5 Punca-Punca Non Muslim Dan Suku Batak Menjadi Penganut Islam

Terdapat beberapa suasana yang boleh menarik orang bukan Islam menjadi penganut agama Islam. Yang paling ketara ialah dorongan yang kuat ingin tahu tentang Islam. Dengan membaca, mempelajari tentang Islam, kemudian timbul rasa tertarik untuk mendalami agama Islam untuk mencari kebenaran dan ketenangan

[241] Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Muthalib bin Hassan al-Indonesi al-Mandili, lahir di Tapanuli Selatan, 31 Disember 1910, meninggal di Mekah, 31 Disember 1965 M, pada umur 55 tahun. Beliau seorang ulama Nusantara yang sangat alim, digelar dengan panggilan 'al-Alim al-Fadhil' ,pernah mengajar di Masjidil Haram, namun hubungan beliau dengan dengan alim-ulama dan penuntut ilmu di Alam Melayu sangat akrab. Ramli Awang, *Syeikh Qadir Mandili (1910-1965M) Biografi dan Pendidikan Akhlak* (Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malauysia Skuda'i, 2008).

jiwa, sehingga sampai masanya Allah SWT menunjukkan jalan yang benar dan mereka mendapat hidayah Allah SWT.

Dalam kajian ini, penulis mendapati bahawa yang mendorong seseorang menjadi penganut Islam ialah kerana mempelajari Islam kemudian timbul minat untuk mendalaminya. Selain alasan tersebut, terdapat pelbagai sebab yang dapat menjadikan seseorang mendapat hidayah Allah SWT, antaranya melalui dakwah keluarga, perkahwinan dan pengaruh dari kawan.

Pendapat lain mengatakan bahawa ada tiga sebab yang dapat mendorong seseorang menjadi penganut agama Islam, antaranya:

1. Ia mendapati agama Islam lebih sempurna, kebenaran yang dibawa agama Islam merupakan kebenaran yang hakiki.
2. Disebabkan terdapatnya perselisihan dan penyelewengan dalam agama mereka, baik dalam akidah mahupun dalam pengamalan agama mereka.
3. Simpati terhadap dunia Islam, yang dapat menimbulkan kajian dan sangkaan yang baik terhadap agama Islam, misalnya kenapa agama Islam dan umatnya di musuhi?. Ada apa dengan agama Islam?.

Menurut laporan media masa, bahawa kedudukan kaum Muslim di Eropah dan dialog antara mereka dengan umat Islam sangat baik.[242] Ada beberapa alasan kenapa masyarakat Eropah memeluk agama Islam. Antaranya:

1. Ramai orang Barat membuat kajian tentang agama Islam, tentang apa yang dikatakan al-Quran, kewajipan apa yang harus dilaksanakan sebagai seorang Muslim, dan bagaimana kaum Muslim dituntut melaksanakan urusan dalam

[242] Zuarida Mohyin, Juani Munir Abu Bakar, *"Muslim Perancis semakai ramai",* Utusan Malaysia, 16 Januari 2013, 04.

kehidupannya. Keadaan ini mendorong kepada peningkatan jumlah warga dunia menganuti agama Islam. Demikianlah, anggapan yang umum terdengar selepas peristiwa 11 September 2001, bahawa serangan tersebut akan mengubah alur sejarah dunia.

2. Begitu juga peningkatan ini disebabkan oleh pendatang Muslim yang dipastikan memberi pengaruh nyata dalam pertumbuhan populasi umat Islam.

Sedangkan mengikut tayangan *NTV News* yang ditayangkan pada tanggal 20 Jun 2004 bertajuk" Islam adalah agama yang berkembang paling pesat di Eropah". Dalam laporan tersebut menyatakan bahawa jumlah orang mualaf yang memeluk agama Islam di negara-negara Barat semakin terus bertambah, terutama selepas peristiwa serangan 11 September 2001.

Di sekitar Medan Sumatera Utara, punca yang mendorong seseorang menjadi penganut agama Islam adalah berkisar kepada faktor mempelajari tentang Islam, perkahwinan, keluarga, dan pengaruh kawan. Adapun punca-punca non Muslim suku Batak menganut agama Islam, tertera melalui jadual berikut:

Jadual 4.4 Punca-Punca Non Muslim Suku Batak menjadi penganut Islam

Bil	Sebab-sebab Menjadi Muslim	Jumlah orang	Peratus (%)
1	Berniat dan Belajar Islam	23	23%
2	Keluarga	48	48%
3	Perkahwinan	17	17%
4	Pengaruh Kawan	10	10%
5	Lain-lain	2	2%

Berdasarkan kaji selidik yang dilaksanakan penulis di Persatuan Jemaat Batak Muslim Indonesia (JBMI) di Medan, statistik menunjukkan bahawa sebanyak 48% yang menganuti agama Islam disebabkan kerana faktor pengaruh keluarga, ini kerana sudah menjadi tabiat suku Batak yang sangat berpegang kepada adat istiadat dan marga mereka. Oleh sebab pembesar-pembesar marga mereka menganut agama Islam, akhirnya mereka tertarik dan mengikut kepada agama pemimpin marga mereka. Kemudian peringkat kedua iaitu sebanyak 23% yang menjadi penganut Islam disebabkan oleh ilmu pengetahuan dengan mendalami tentang Islam. Sebanyak 17% mengaku mereka menganut agama Islam disebabkan perkahwinan. Seterusnya 10% yang menjadi penganut agama Islam adalah kerana pengaruh kawan dan 2% yang menjadi penganut agama Islam kerana faktor-faktor yang lainnya.

Menurut pengakuan Ibu Sembiring,[243] dirinya menjadi penganut agama Islam disebabkan familinya, yang sentiasa berdakwah kepada beliau tentang agama Islam.

Sedangkan Ibu Manurung,[244] mengatakan bahawa dirinya menganut agama Islam disebabkan perkahwinannya dengan suaminya, sebelum ia berkahwin, suaminya mengajaknya untuk menjadi penganut agama Islam.

Bapak Drs. Kamidin Situmorang[245] pula mengatakan, bahawa dirinya menganut agama Islam disebabkan ia tertarik dengan agama Islam, ia mula mempelajari agama Islam ketika beliau dibawa berhijrah dari Toba ke Medan, kemudian beliau menetap di Pesantren Al-Washliyah Medan, di pesantren inilah

[243] Ibu Sembiring, 65 tahun (bukan nama sebenar, mualaf yang telah masuk Islam 35 tahun lepas), dalam temubual dengan penulis, 3 Jun 2013, jam 9 pagi.
[244] Ibu Manurung, 54 tahun (bukan nama sebenar, mualaf yang telah masuk Islam 20 tahun lepas), dalam temubual dengan penulis, 3 Jun 2013, jam 10.30 pagi.
[245] Bapak Kamidin Situmorang (Ketua Yayasan Al-jam'iyatul Washliyah Jalan: Ismailiyah Medan, beliau sekarang berumur 79 tahun), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013, jam 11 pagi di Gedung Yayasan Al-jam,i'yatul Washliyah Medan.

beliau mempelajari buku-buku Islam dan mendengar ceramah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis tentang perbandingan agama Islam dan Kristian.

Daripada pengakuan tiga orang Mualaf tadi, menunjukkan bahawa agama Islam begitu diminati oleh orang-orang Batak yang berpendidikan.

Pelbagai alasan di atas menunjukkan bahawa agama Islam cukup mudah untuk berkembang melalui skop dakwah, baik melalui dakwah keluarga, kawan dan dengan penyebaran Ilmu pengetahuan tentang Islam, begitu juga melalui perkahwinan.

Daripada pelbagai punca yang dikaji oleh penulis mengenai sebab kebanyakan orang Kristian menganut agama Islam, terdapat beberapa faktor penting yang dapat dikemukakan sebagai punca non Muslim suku Batak menganut agama Islam iaitu: faktor keluarga, minat dengan agama Islam sehingga mereka mempelajari dan mendengar ceramah tentang agama Islam, begitu juga melalui perkahwinan dan pengaruh daripada kawan-kawan.

Walau bagaimanapun terdapat satu hal yang sangat penting bagi pendakwah terhadap mereka yang bukan Islam, iaitu dari segi akhlak seorang Muslim yang mengikut sunnah Nabi SAW sebagai tarikan yang menjadikan mereka simpati dan berminat dengan ajaran agama Islam.

4.1.6 Tanggapan Non Muslim Suku Batak Terhadap Dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Tanggapan berasal dari kata tanggap yang bererti mencerap, pemerhatian, penilaian dengan apa yang disaksikan oleh pancaindera.[246] Adapun tanggapan yang dimaksudkan di sini ialah bagaimana dakwah yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dapat diterima oleh non Muslim suku Batak.

Dalam membicarakan tanggapan non Muslim suku Batak terhadap dakwah yang dijalankan beliau, telah diadakan pengumpulan data melalui kaedah pengedaran borang soal selidik dan kaedah temubual. Pertanyaan dalam soal selidik dan temubual tersebut lebih tertumpu kepada usaha dakwah beliau dalam menyebarkan Islam kepada suku Batak Medan Sumatera Utara dengan menggunakan pendekatan dialog dan debat antara agama. Ini kerana dialog dan debat antara agama dianggap sebagai metode dakwah yang paling berkesan dalam kalangan suku Batak Kristian.

Mengikut kajian yang telah dijalankan, tanggapan non Muslim suku Batak (yang kini sudah menganut Islam) terhadap dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis melalui dialog dan debat secara terbuka yang dilaksanakan oleh beliau adalah sangat menggalakkan. Di bawah ini penulis menjelaskan beberapa tanggapan non Muslim suku Batak terhadap dakwah syeikh melalui jadual berikut:

[246] *Kamus Dewan,* ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,1996), 1369, entri"Tanggap".

Jadual 4.5 Tanggapan non Muslim suku Batak (kini mualaf) terhadap dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis melalui dialog dan debat terbuka antara agama.

Bil	Tanggapan Mereka	Bil. Orang	Peratus (%)
1	Amat Berkesan	82	82%
2	Berkesan	15	15%
3	Kurang Berkesan	2	2%
4	Tidak Berkesan	1	1%

Berdasarkan soal selidik, statistik di atas menunjukkan bahawa kesan dakwah Syeikh Muhammada Arsyad Thalib Lubis melalui dialog dan debat antara agama yang dilaksanakan beliau adalah sangat memuaskan. Demikianlan responden soal selidik memberikan jawapan bahawa dakwah Syekh melalui dialog dan debat antara agama sangat berkesan dengan jumlahnya sebanyak 97%. Jawapan kurang berkesan 2%. Kemudian jawapan tidak berkesan hanya 1% sahaja.

Sebagai kesimpulannya, bahawa tanggapan non Muslim suku Batak (yang kini telah menganut agama Islam) terhadap dakwah Syeikh melalui dialog dan debat begitu sangat berkesan, walaupun ada tanggapan-tanggapan lain hanyalah terbatas beberapa orang sahaja daripada jumlah yang ditemubual. Untuk lebih memperjelas keterangan ini, akan diperkukuhkan dengan penjelasan mengenai keberkesanan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis.

Keberkesanan berasal dari perkataan ‘kesan’ yang bererti mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran, sikap dan watak seseorang atau suatu kumpulan, seperti mengubah sikap, membangkitkan suatu kecenderungan ataupun perasaan.[247] Keberkesanan sangat penting dalam proses penyampaian dakwah. Dakwah yang berkesan ialah dakwah yang dapat mempengaruhi pemikiran, sikap orang yang mendengar dakwah tersebut agar mereka mengetahui dan berminat untuk menganut dan melaksanakan ajaran Islam.

Keberkesanan yang dimaksudkan di sini ialah sikap perubahan pada seseorang yang diakibatkan oleh adanya dakwah. Dalam kajian ini, untuk mengetahui keberkesanan dakwah yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, telah dijalankan kajian melalui temubual dengan beberapa murid beliau,[248] juga temubual dengan beberapa mualaf yang telah menganut agama Islam.[249]

Dari hasil temubual tersebut dapat disimpulkan bahawa keberkesanan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis memberikan pengaruh yang sangat kuat terhadap minat masyarakat non Muslim suku Batak untuk menganut dan mengamalkan ajaran Islam.

---

[247] Teuku Iskandar, *Kamus Dewan.* Ed. Ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 263-264.

[248] Dr. Abdullah As (murid beliau, graduan PhD Universiti Malaya Malaysia, pensyarah kanan jabatan al-qur’an Hadith, Institut Agama Islam Medan) mengatakan bahawa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis ialah seorang kristolog yang dapat mengubah pemikiran orang-orang Batak Kristian. Dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013, jam 2 petang di IAIN Medan SumateraUtara.

[249] Bapak Ginting (seorang mualaf, bukan nama sebenar) mengatakan bahawa dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis mendapat sambutan yang luar biasa dari kalangan orang Kristian. Dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013 di Medan.

4.2 Usaha Dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berdakwah dalam menyebarluaskan Islam di Medan Sumatera Utara dengan menggunakan metode dakwah yang bersesuaian dengan keadaan setempat, umpamanya dengan menyampaikan ceramah, *mauizah hasanah* dengan menunjukkan contoh tauladan yang baik. Di samping itu, beliau juga menggunakan dialog dengan cara yang terbaik kepada sasaran dakwah.

Berkenaan dengan metode dakwah ini, dalam kaitannya dengan dakwah Islam di Tanah Batak dan Karo, setiap pendakwah perlu mengetahui dan memahami bahasa, sejarah suku sakat, adat resam, dan kebudayaan serta doa jampi yang mereka amalkan, sehingga mudah bagi pendakwah untuk menjalankan aktiviti dakwah dalam kalangan masyarakat non Muslim di sekitar Medan Sumatera Utara khususnya di Tanah Batak dan Karo.

Satu daripada *uslub* dakwah Islamiah yang digariskan oleh Rasulullah SAW, yang diamalkan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis ialah komunikasi kalbu, maksudnya menyampaikan kebenaran dari lubuk hati dan jiwa yang paling dalam, penuh dengan ihsan, jujur dan suci semata-mata kerana Allah SWT, serta melaksanakan kontak komunikasi jiwa dengan jiwa atau hati dengan hati secara langsung.

Di samping itu juga, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis memberikan pengajaran melalui tabligh, ceramah dan pengajian yang bersifat:

a. Memberikan pengertian Islam yang sebaik-baiknya sehingga Islam itu bukan hanya pada nama sahaja.
b. Memberikan pemahaman dalam beragama Islam, jangan terlalu mencintai duniawi (materialisme).
c. Menanamkan rasa keIslaman sebagai *umatan wahidah* (umat yang satu), sehingga minoriti Islam yang terdiri daripada pelbagai suku akan bersatu dalam wadah persatuan umat Islam yang kukuh.

Begitu juga setiap pendakwah khususnya di tanah Batak dan Karo mesti berdakwah dengan menggunakan seni, sesuai dengan jiwa suku Batak yang pada umumnya mempunyai jiwa seni, di mana hal ini perlu digunakan sebagai alat berdakwah, dengan menggunakan seni yang bernuansa dakwah Islam. Seni adalah sesuatu yang abstrak dan boleh menarik perhatian emosi serta mempengaruhi jiwa orang ramai. Oleh sebab itu, senario dakwah mesti juga menggunakan pelbagai aspek kesenian sebagai penarik suatu dakwah. Umpamanya seni ukir, seni tampak, seni lukis, seni berpakaian Muslimah, seni muzik dan sebagainya.[250]

Dakwah Islam tidak hanya dilancarkan dengan cara ceramah dan penerangan sahaja, malahan pendakwah perlu menggandakan sarana teknik pelaksanaan dakwah Islamiah itu sendiri. Misalnya, pembangunan masjid, madrasah, tempat pengajian majlis ilmu agama, tempat-tempat pertemuan, alat-alat kesenian dan alat-alat olahraga.

Antara beberapa aktiviti dakwah yang disebutkan tadi, yang paling berkesan dan berjaya adalah dengan menggunakan pendekatan dakwah dari hati ke hati dan

[250] Ab Aziz Mohd Zin, *Dakwah Islam di Malaysia.* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 105.

jiwa ke jiwa yang murni hanya semata-mata kerana ingin menegakkan kalimah Allah di permukaan bumi ini.[251] Namun, bagaimanapun kegiatan dakwah yang dijalankan, apa yang penting ialah pendakwah perlu menjadi pola ikutan. Sekiranya pendakwah mampu menunjukkan akhlak yang sempurna seperti akhlak Rasulullah SAW, maka dakwah akan berkembang terus dan umat Islam akan bertambah kerana umat Islam menunjukkan akhlak yang baik, yang mana akhlak merupakan tiang berkembangnya dakwah Islam itu sendiri, dan akhlak merupakan alat dakwah. Sebagaimana kata-kata hikmah yang masyhur dalam kalangan pendakwah" *lisanul hal afshahu min lisanil maqal* (akhlak tingkah laku dan perbuatan lebih berbekas dan berkesan daripada sekadar ucapan dan anjuran). Ini kerana akhlak merupakan budi pekerti yang nyata, yang dapat dilihat dan diikuti oleh orang lain sebagai panduan, bukan pada ceramah atau pidato dan bukan juga pada tulisan, melainkan pada budi pekerti yang luhur yang dapat meninggalkan kesan kepada orang lain.[252]

Sebahagian daripada usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang dilaksanakan beliau dalam berdakwah di Medan Sumatera Utara dan kawasan sekitarnya, iaitu:

4.2.1 Berdialog Serta Debat Antara Agama

Menurut etimologi, perkataan dialog (dialogue) berasal daripada gabungan perkataan Greek iaitu *dia* yang bermaksud melalui dan *logos* iaitu perkataan. Sedangkan menurut terminologi perkataan dialog membawa maksud perbincangan

[251] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (1983), 166-167.
[252] Hamka, *Prinsip Dan Kebijaksanaan Da'wah Islam.* (Jakarta: Umminda 1980), 153.

antara dua pihak atau lebih dengan mengadakan pertemuan, komunikasi, persepakatan dan persefahaman secara kolektif.[253]

Adapun setiap dialog antara umat penganut agama, biasanya mengandungi tiga motif, iaitu:

1. Dialog untuk persefahaman

Dialog ini diadakan semata-mata untuk mewujudkan persefahaman antara penganut-penganut agama yang berlainan. Perbincangan dialog ini ditumpukan kepada perkara-perkara asas yang berkaitan dengan isu-isu semasa yang memerlukan penjelasan.

2. Dialog untuk konversi

Dialog seperti ini diadakan dengan tujuan mempengaruhi para peserta dialog melalui hujah-hujah yang diutarakan. Yang akhirnya peserta dialog membuat keputusan dengan melakukan konversi kepada mana-mana agama yang mengutarakan hujah yang dapat meyakinkan mereka.

3. Dialog untuk perdebatan doktrin agama

Dialog ini bertujuan untuk mengetengahkan kebaikan dan kelebihan agama masing-masing, yang diakan secara terbuka dan disaksikan oleh orang ramai.[254]

---

[253] Ahmad Sunawari Long , *Dialog Antara Agama-agama Pra-syarat Persefahaman Antara Agama-agama.* (Bangi: UKM Fakulti Pengajian Islam, 2003), 64.
[254] *Ibid.*

Sesuai dengan keadaan masanya, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga melakukan pelbagai dialog dan perdebatan dengan tokoh-tokoh Kristian di Medan, seperti Pendeta Rivai Burhanuddin (Pendeta Kristian Advent), Van den Hurk (Kepala Gereja Katolik Sumatera Utara) dan Dokter Seri Hardono (tokoh Kristian Katolik).

Perdebatan Syeikh Muhammad Arsyad dengan Dokter Seri Hardono ini terjadi pada bulan april 1967 yang mana pada masa itu Dokter Seri Hardono (dokter kesihatan hospital Pertumbukan Sumatera Utara) menimbulkan keresahan masyarakat dengan ucapan beliau yang menyerang Al-Qur'an dan ajaran-ajaran Islam. Bahkan beliau menentang siapa saja yang boleh membuktikan kepalsuan *Bible* dan kebenaran Al-Qur,an. Syeikh Muhammad Arsyad menerima tentangan tersebut dan bersedia untuk berdebat dengan Dokter Seri Hardono. Perdebatan tersebut berlaku pada hari jumaat malam yang dipimpin oleh Datuk Orang Kaya Hafiz dan dihadiri oleh tetamu dan orang ramai. Perdebatan tersebut bejalan dengan baik, walaupun dipermulaan perdebatan Dokter Seri Hardono menunjukkan sikap keras kepala dan tidak terima ucapan Syeikh Muhammad Arsyad, namun Syeikh tetap menunjukkan kehalusan budi bahasa beliau. Dalam perdebatan tersebut, Syeikh memberikan beberapa kesimpulan antaranya: 1. Telah terjadi penyelewengan dalam isi *Bible*. 2. Injil Matius direka oleh orang yang tidak dikenal. 3. Ayat *Bible* sudah tidak murni lagi kerana banyak ditambah-tambah.[255] Berkat penguasaan beliau akan ilmu pengetahuan yang luas, beliau mudah menguasai lawan debatnya, kemudian hasil debatnya selalu diterbitkan dalam bentuk buku.[256]

---

[255] H. Muhammad Arsyad Thalib Lubis, *Debat Islam dan Kristen Tentang Kitab Suci*, ed.1. (Medan: Dakwah Islam, 1968), 5-13.

[256] Debat Islam-Kristian Tentang Kitab Suci, "*Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristian. Sri Hardono"*, 27.

Menurut Drs. Hj Nizar Syarif, pada saat Syeikh berdebat dengan tokoh Kristian Katolik Dr. Seri Hardono, beliau mengemukakan dalil-dalil yang lengkap berdasarkan apa yang terkandung dalam *Bible* itu sendiri mahupun yang terkandung dalam Al-qur'an, sehingga lawannya tidak dapat menyangkal apa yang disampaikan oleh Syeikh berkaitan dengan kepercyaan Kristian terhadap Tuhan.[257] Perdebatan tersebut dihadiri oleh para tokoh agama Islam dan Kristian serta masyarakat umum, yang mana perdebatan tersebut merupakan suatu usaha dakwah beliau untuk mengajak umat ke dalam agama yang benar. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT :

وَجَٰدِلۡهُم بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُۚ ١٢٥

Al-Nahl 16: 125

Terjemahan: Dan berbahaslah(berdebatlah) Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik.

Melalui debat tersebut, dapat mendidik masyarakat dan khalayak ramai akan betapa pentingnya untuk mewujudkan kesedaran dalam beragama dan tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berdakwah kepada orang Kristian penuh dengan hikmah, pengajaran serta contoh yang baik dan berdebat dengan mereka dengan cara yang terbaik untuk menyatakan kebenaran bukan untuk mengalahkan dan memalukan lawannya. Hal ini sesuai dengan apa yang di perintahkan oleh Allah SWT:

[257] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

۞ وَلَا تُجَٰدِلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡۖ
وَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡنَا وَأُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمۡ وَٰحِدٞ وَنَحۡنُ
لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ٤٦

Al-Ankabuut 29: 46

Terjemahan: Dan janganlah kamu berbahas Dengan ahli Kitab melainkan Dengan cara Yang lebih baik, kecuali orang-orang Yang berlaku zalim di antara mereka; dan Katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) Yang diturunkan kepada Kami dan kepada (Taurat dan Injil) Yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah satu; dan kepadaNyalah, Kami patuh Dengan berserah diri."

Ketika berbahas, beliau lebih mengutamakan untuk menyatakan kebenaran kepada orang Kristian dengan mengadakan dialog dan debat secara terbuka dengan mereka yang disaksikan oleh khalayak ramai dan paderi-paderi Kristian. Oleh yang demikian ramai yang sedar akan kebenaran Islam dan menganut kebenaran tersebut sehingga ribuan di antara mereka menganut agama Islam dengan hidayah daripada Allah Yang Maha Kuasa.

4.2.2 Mengarang Buku tentang Keunggulan Islam dan Kelemahan Ajaran Kristian

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis juga berusaha dengan gigih untuk membendung derasnya arus Kristianisasi di Sumatera Utara khususnya di kawasan perkampungan tanah Batak dan Karo. Beliau telah memperlihatkan keunggulan-keunggulan ajaran Islam dan memaparkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam ajaran Kristian, seperti tidak sucinya Injil yang ada sekarang dan adanya penambahan dan pengurangan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin gereja. Begitu juga ayat-ayat dalam Injil tersebut bertentangan antara satu sama lain,

terutama yang berkaitan dengan konsep ketuhanan, sebagaimana yang didedahkan oleh beliau dalam kitabnya yang bertajuk "Perbandingan Agama Kristen dan Islam". Kemudian, beliau memberikan kesimpulan, apabila kita mengkaji dan menyelidiki kitab Injil yang dianggap sebagai kitab yang suci, maka kita dapati banyak penyelewengan dan penyimpangan yang menyebabkan Injil tersebut tidak lagi suci sebagaimana asalnya yang diturunkan kepada Nabi Isa AS yang penuh dengan kebenaran dan ditulis dengan tuntutan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT.[258]

Kepakaran beliau dalam bidang Kristologi terutama penguasaan beliau terhadap sejarah dan doktrin agama-agama khususnya Yahudi dan Kristian, beliau jadikan ia sebagai alat untuk berdakwah secara efektif dengan menulis buku yang berkaitan dengan kitab umat Kristian yang bertajuk" Rahasia Bibel". Buku ini menjadi rujukan penting bagi juru dakwah organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam menyebarluaskan agama Islam di Porsea Tapanuli Utara.[259] Selain itu, beliau juga menulis beberapa karya yang berkaitan dengan Kristian, seperti Keesaan Tuhan Menurut Kristen dan Islam, Berdialog dengan Kristen Advent dan Perbandingan Agama Kristen dan Islam. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menjelaskan melalui karyanya ini tentang hakikat agama Kristian dan doktrin-doktrinnya.

Banyak ilmuwan di Indonesia dan Malaysia mengakui keunggulan karya beliau tentang Perbandingan Agama Kristen dan Islam (Medan 1969 M). Buku setebal 478 muka surat ini diterbitkan kembali oleh penerbit Firma Islamiah (Medan 1983 M). Cetakan terakhir buku ini di Malaysia pada tahun 1982 M. Berdasarkan pandangan pakar perbandingan agama dari universiti Islam Antarabangsa Malaysia

---

[258] Syeikh M. Arsyad Thalib Lubis, *Perbandingan Agama Kristian dan Islam* (Kuala Lumpur: Melayu Baru, 1982), 375.
[259] Hasballah Thaib (Profesor. Dr. Rektor di yayasan al-Manar Medan Sumatera Utara, beliau ialah murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis di Universiti al-Washliyah Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

Dr. Kamariah Kamaruzzaman, beliau memuji kualiti karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis. Dalam buku ini terdapat perbandingan beberapa ajaran penting yang ada dalam agama Islam dan Kristian, seperti asas ajaran Islam dan Kristian, dosa warisan, penebusan dosa, ketuhanan Jesus, mengenai kitab-kitab suci Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran serta kenabian Nabi Muhammad dalam *Bible*.

4.2.3 Menubuhkan Zending Islam Untuk Menyaingi Zending Kristian dan Misi Kristianisasi

Zending juga disebut sebagai *zendeling* (dalam bahasa Belanda yang ertinya pengutusan), yang bertujuan untuk menyebarkan misi agama Kristian Protestan melalui khabar tentang keselamatan.[260]

Kemasukan dan berkembangnya Zending Kristian[261] ke Sumatera Utara untuk menyebarkan Injil dalam kalangan masyarakat Batak, merupakan motivasi daripada Sir Thomas Stamford Raffles iaitu wakil kerajaan Inggeris di Sumatera.[262] Raffles cuba memisahkan Suku Batak daripada masyarakat Aceh yang majoriti beragama Islam yang berada di utara dan memisahkan Suku Batak daripada masyarakat Minangkabau yang juga menganut Agama Islam yang berada di selatan dengan menjalankan politik *Devide and Rule"* (pecah dan perintah).

Kemudian, pada tahun 1840 M, seorang pakar antropologi, Franz W. Junghum (1804-1864 M) seorang warga Jerman diutus oleh pemerintah Belanda

---

[260] *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. 1. (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003), 532, 534.

[261] Zending Kristian (Misionaris Kristian) ialah misi dan usaha penyebaran agama Kristian kepada umat Islam dan orang yang belum beragama Islam. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, ed. 1. (2003), 3046.

[262] Thomas Stamford Raffles (1781-1826 M) dilahirkan di Jamaika, 6 Julai 1781 – meninggal di London, Inggeris, 5 Julai 1826M, pada umur 44 tahun. Beliau seorang Gabenor Jenderal Hindia Belanda yang terbesar. Ia berwarganegara Inggeris. Pederson Paul, *Jiwa Batak dan Darah Protestant*, terj. Maria Sijabat, WB sijabat (Jakarta: Balai Pustaka Gunung Mulia), 45-46.

untuk membuat kajian dan penyelidikan di tanah Batak. Penyelidikan tersebut bertajuk" *Beschreibung der Battalander*" (Keadaan Tanah Batak). Hasil karya tersebut menarik minat misionaris Van Der Tuuk untuk mengkristiankan orang Batak pada tahun 1848 M. Melalui pelbagai usaha yang dilakukan oleh para misionaris yang juga disokong oleh kekuasaan Kolonial Penjajah, maka berkembanglah misi Kristianisasi di Sumatera Utara, yang mana puncak kegemilangan gerakan tersebut di tanah Batak dengan hadirnya Paderi Ludwig I Nomensen.[263] Sejak itu misi Kristianisasi di Sumatera Utara, terutamanya di tanah Batak dan Karo semakin tumbuh dan berkembang, serta pembaptisan dan pembinaan sekolah Kristian bertambah banyak. Terbukti pada tahun 1918 M gereja telah membaptis lebih daripada 180,000 orang Batak, dan terbinanya sekolah-sekolah Kristian sebanyak 510 buah sekolah yang mempunyai 32,700 orang murid. Gereja pada masa itu dipimpin oleh 34 Paderi Batak serta dibantu oleh 788 orang guru Injil dan 2200 orang Sintua (ketua gereja kampung) serta terus bertambah sehingga mencapai 50,000 orang pada tahun 1934 M.

Setelah mengetahui realiti kehidupan yang sebenar di tanah Batak, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis mengambil pengajaran daripada sejarah Kristianisasi tersebut. Beliau sedar betapa besarnya pengaruh gerakan Kristianisasi yang dilaksanakan oleh misionaris Kristian khususnya di Sumatera Utara, maka timbullah hasrat Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan kawan-kawan beliau dari organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* untuk berusaha mendirikan suatu badan

[263] Nommensen, Ludwig Ingwer (Nordstrand, Slesswijk, 6 Feb 1834M – Sigumpar, Sumatera Utara, 23 Mei 1918M). Misionaris Jerman, perintis dakwah Kristian dengan nama tambahan "rasul orang Batak". Pada tahun 1862M dikirim oleh Rheinische Mission sgesellschaft ke daerah Batak di Sumatera Utara. Karya dakwahnya berjaya kerana tindakannya yang berani dalam keadaan-keadaan tersulit, kemampuannya menyesuaikan diri dan keteguhan semangatnya, sehingga saat ini sebahagian besar orang Batak di daerah Toba masih menjadi orang Kristian. Pada tahun 1904M ia memperoleh doktor honoris kausa dari Universiti Bonn. *Ensiklopedi Indonesia* (1983), 4: 2399.

persatuan khusus dalam bidang dakwah agar dapat menyaingi gerakan Kristianisasi yang tersebar luas di Sumatera Utara.[264]

Badan persatuan dakwah tersebut dinamakan dengan Zending Islam Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1933 M, dilantiklah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sebagai ketuanya.[265] Pada tahun 1937 dan 1938 M ditubuhkan pula Zending Islam di tanah Karo dan Batak. Pentadbiran Zending Islam untuk daerah Batak Toba dipegang oleh Hj. Guru Kitab Sibarani, seorang mualaf saudara baru yang menjadi tokoh dan ulama *al-Jam'iyatul Washliyah* di Tanah Batak. Kemudian beliau dilantik menjadi ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* dan Zending Islam cawangan Toba dan Porsea. Guru Kitab Sibarani aktif berdakwah di tanah Batak Toba, walaupun banyak menghadapi hambatan dan tentangan daripada ketua adat dan pemerintah Belanda.[266]

Antara tugas utama badan persatuan dakwah tersebut adalah menyampaikan dakwah Islamiah kepada orang yang belum beragama Islam terutamanya kepada masyarakat Batak. Hal ini sesuai dengan prinsip dasar *al-Jam'iyatul Washliyah* pasal 4 ayat c yang menyatakan: "Menyampaikan seruan Islam kepada orang yang belum beragama Islam".[267]

Dalam perkembangan Zending Islam ini, mereka mendirikan satu yayasan atau institusi pengajian yang diberi nama" Pendidikan Zending Islam" yang terletak di tengah-tengah Bandaraya Medan Sumatera Utara. Murid-murid yang akan

---

[264] Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1 (Bandung: Pustaka, 1988), 140.
[265] Zending Islam ialah misi agama Islam untuk menyebarluaskan Islam kepada orang-orang yang belum beragama Islam. *Peringatan Djamijatul Washlijah 1/4 abad* (1955), 317.
[266] Chalidjah Hasanuddin, "*al-Jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timu"r"*, 150.
[267] *Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga al-Jam'iyatul Washliyah* (Medan: Pengurus Besar al-Jam'iyatul Washliyah, 1955), 1.

menjadi pendakwah lepasan yayasan ini akan dihantar ke daerah-daerah Tanah Batak dan Karo. Jadi, pengajian ini diutamakan kepada putera puteri yang lebih layak menjadi pendakwah ke daerah-daerah tersebut, terutama anak-anak yang berasal daripada pelbagai kampung di Tanah Batak dan Karo. Selepas menamatkan pengajian, mereka yang telah menjadi kader dakwah akan kembali ke kampung halaman mereka untuk melancarkan gerakan dakwah Islamiah kepada keluarga, kerabat, sanak saudara serta kepada masyarakat di kampung mereka pada umumnya.[268]

Tindakan penubuhan yayasan dan institusi dakwah ini sebagai tindakan susulan dan penerusan kepada gerakan-gerakan dakwah yang telah dilaksanakan oleh juru-juru dakwah yang terdahulu, untuk menyebarluaskan pengaruh Islam di Tanah Batak dan Karo, begitu juga untuk menangkis kemurtadan dan mencegah misi Kristianisasi di Tanah Batak dan Karo.

Badan persatuan dakwah Zending Islam, dalam perkembangannya sering mengadakan aktiviti-aktiviti dakwah di pelbagai daerah di Sumatera Utara khususnya di kawasan Tanah Batak dan Karo. Mereka senantiasa menjalankan aktiviti sosial dengan masyarakat setempat, sehingga terbinanya cawangan-cawangan Zending Islam di sana, yang ditubuhkan oleh penganut-penganut Islam baru (saudara baru) di Tanah Batak dan Karo. Oleh yang demikian terjadilah persaingan yang hebat di antara Zending Islam dan Zending Kristian di kawasan tersebut yang lebih memberikan motivasi umat Islam khususnya Zending Islam untuk lebih maju lagi dalam usaha menyebarluaskan dakwah Islam.

---

[268] *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad*. Ed. 1 (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955), 322.

Yayasan Zending Islam ini merupakan amanah yang diberikan kepada generasi-generasi penyambung *al-Jam'iyatul Washliyah,* demi untuk menyebarluaskan Islam khususnya di Medan Sumatera Utara dan umumnya di Indonesia. Berkat kesungguhan Yayasan Zending Islam dalam berdakwah menyebarluaskan Islam, yayasan ini pernah mendapat lawatan kehormatan daripada tetamu luar negara, antaranya Syeikh Azhar, Abdurrahman Taj berserta rombongannya dari Mesir. Syeikh Abdurrahman Taj berkenan memberikan ceramah untuk membangkitkan semangat dalam berdakwah memperjuangkan agama Islam, sehingga dapat memberikan galakan kepada kaum Muslimin tempatan khususnya generasi-generasi pendakwah dari Yayasan Zending Islam Medan untuk terus berdakwah.[269]

4.2.4 Bersikap Toleransi dan Mengajak Pemimpin Kristian Berbincang Tentang Kebenaran Agama

Perkataan "toleransi" dalam bahasa Melayu merujuk kepada sikap sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza daripada pendirian sendiri.[270] Perkataan ini dalam bahasa Arab dinamakan *tasamuh.* Ia berasal dari *tasamaha, yatasamahu, tasamuhan.* Ungkapan: *at-tasamuh al-Dini* bermaksud: *ihtiram aqaid al-akharin,* yang bererti menghormati pegangan orang lain.[271]

Dari konsep ini lahir pelbagai sifat, sikap positif dan kebaikan. Antaranya persaudaraan, sikap saling menghargai, kedamaian, keselamatan dan kemaslahatan. Secara tidak langsung, ia boleh menghindari sikap negatif, pertentangan,

---

[269] *Ibid.*, 322-323.
[270] *Kamus Dewan,* ed. Ke-3. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1463.
[271] *Al-Munjid fī al-Luqhah wa al-Adab wa al-Ulūm,* ed. Ke-17. (Bairut: Matba'ah al-Katolikiah, 1956), 349.

pertengkaran, rasa dendam, dengki dan kebencian. Selaras dengan itu, dapat disimpulkan bahawa toleransi ialah sikap bertolak ansur dan berlapang dada dalam menerima realiti kemajmukan etnik, budaya dan agama sebagai *sunnatullah.* Islam mengiktiraf konsep ini, membenarkan, menghormati, serta menjamin sepenuhnya hak-hak asasi manusia berdasarkan tuntutan dan batasan yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah.[272]

Antara metode dan usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebarkan agama Islam di tanah Batak ialah mengutamakan sikap toleransi antara umat beragama dan mengajak pemimpin-pemimpin agama Kristian untuk berbincang tentang kebenaran agama yang mereka yakini.[273] Perkara ini telah disampaikan oleh beliau dalam ceramahnya sempena sambutan ulang tahun *al-Jam'iyatul Washliyah* di Bandar Medan. Beliau menyebutkan: "Hendaklah kita memperbaiki dan memperkuat hubungan persaudaraan umat Islam (*ukhuwah Islamiah*) dalam dan luar negara, berbuat baik dan berlaku adil terhadap sesama manusia dan menyampaikan seruan Islam kepada orang yang belum beragama Islam".

Berdasarkan ungkapan beliau, dapat difahami bahawasanya beliau mempunyai toleransi yang tinggi antara sesama umat beragama, sebagaimana yang disampaikan oleh beliau dalam menyebarluaskan agama Islam tidak ditujukan kepada orang yang sudah beragama. Dalam kata lain, dapat difahami bahawa tidak ada keharusan bagi umat Islam untuk memaksa suatu agama kepada orang lain,

---

[272] Wan Suhaimi Wan Abdullah, Mohd Fauzi Hamat, *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama* (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM, 2007), 116.

[273] Hasballah Thaib (Profesor. Dr. Rektor di yayasan al-Manar Medan Sumatera Utara, beliau ialah murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis di Universiti al-Washliyah Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud tidak ada paksaan dalam beragama.

Umat Islam juga dituntut untuk saling menghormati keyakinan yang dipercayai penganut agama lain, Islam juga tidak melarang para penganutnya untuk senantiasa berbuat baik kepada orang lain terutamanya terhadap orang yang tidak seakidah dengan agama Islam, sebagai dakwah umat Islam kepada non Muslim sehingga mereka dapat merasakan keadilan dan kedamaian Islam.

4.2.5 Safari Dakwah (Rehlah Dakwah)

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis merupakan salah seorang *da'i* yang aktif berdakwah di tanah Batak dan Karo, beliau langsung turun padang mendatangi medan dakwah, sehingga sejak tahun 1967 banyak dari suku Batak dan Karo memeluk Islam dengan usaha beliau dan kawan-kawan seperjuangannya dalam dakwah.

Kemudian pada tahun 1971 M, berdirilah Yayasan Muslimin Indonesia (YMI), yang mana beliau diangkat sebagai ketua. Organisasi ini bergerak dalam bidang dakwah yang mempunyai misi untuk meneruskan usaha dakwah khusus bagi mualaf yang baru masuk Islam agar mereka lebih mendalami pengetahuan tentang agama Islam. Dengan demikian bermulalah penerbitan buku-buku islam dalam bahasa Batak dan Karo, terutama buku mengenai akidah dan asas fardu ain. Begitu

juga yayasan ini mulai menggalakkan anggota-anggotanya untuk mengadakan kembara dakwah (rehlah dakwah).[274]

Rehlah dakwah merupakan satu aktiviti rutin bagi para *da'i al-Jam'iyatul Washliyah,* di mana mereka bermusafir ke tempat-tempat tertentu untuk meneruskan usaha dakwah, khususnya tempat-tempat yang memerlukan *da'i* untuk menghidupkan pengamalan ajaran agama Islam di kawasan tersebut. Antaranya adalah seperti di kawasan Batak Karo yang bersempadan dengan Bandar Medan. Dakwah senantiasa berjalan terus di daerah Karo, melalui program-program dakwah oleh para *da'i* dari beberapa organisasi Islam terutama DDII (Dewan Dakwah Islam Indonesia), Majlis Ulama Indonesia (MUI) Karo, MUI Medan dan organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* dan Muhammadiyah, begitu juga di kawasan suku Batak yang lain, umpamanya Batak Toba, Batak Simalungun, Batak Pak-Pak, dakwah juga dilaksanakan oleh Dewan Dakwah Islamiah Indonesia, Majlis Ulama Indonesia dan organisasi-organisasi Islam seperti *al-Jam'iyatul Washliyah* dan Muhammadiyah. Namun Suku Batak juga berdakwah melalui satu wadah persatuan mereka sendiri seperti Persatuan Batak Islam (PBI) di kawasan Toba dan sekitarnya.

Organisasi-organisasi Islam seperti DDII (Dewan Dakwah Islam Indonesia), MUI (Majlis Ulama Indonesia), *al-Jam'iyatul Washliyah, Muhammadiyah* juga menghantar wakil dakwah mereka dari kalangan belia dan para pelajar agama Islam, terutama pada bulan Ramadan, yang dikenali sebagai safari Ramadan,[275] yang mana

---

[274] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), Zia Ul Haq MA (Pensyarah Ilmu Tasawuf fakulti Dakwah, Institut Agama Islam Negeri Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

[275] Safari Ramadan ialah pengutusan para *da'i* dalam kalangan guru-guru dan pelajar *al-Jam'iyatul Washliyah* untuk senantiasa melaksanakan usaha dakwah dalam menyebarkan agama Islam dalam kalangan umat Islam sendiri mahupun dalam kalangan umat yang belum beragama Islam, melalui program menghidupkan bulan Ramadan dengan ibadah dan amal-amal kebajikan bersama penduduk setempat. Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara (1983), *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*," 195.

mereka membuat program-program dakwah yang berkaitan dengan bulan Ramadan untuk menghidupkan ajaran Islam, khususnya pada bulan Ramadan. Selain itu ada juga pendakwah yang ditugaskan dan diberikan dana oleh organisasi-organisasi dakwah lainnya, seperti Yaddika (Yayasan dana dakwah Islam Karo), Papirka, PHI. Di samping itu, ada juga rihlah dakwah dalam rangka KKN (Kuliah Kerja Nyata) utusan dari IAIN (Institut Agama Islam Negeri) Medan Sumatera Utara, yang giat mengadakan dakwah ke tanah Batak dan Karo.[276]

Sebelum Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis meninggal dunia, beliau berwasiat kepada murid-muridnya dengan berkata: "Teruskanlah dakwah". Pada tahun 1972 M, satu kata putus telah dibuat untuk mengirimkan *da'i al-Jam'iyatul Washliyah* sebanyak 3 orang setiap 3 bulan ke pelbagai tempat di daerah Batak dan Karo. Hingga sekarang usaha dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis diteruskan oleh murid-murid beliau terutama murid kesayangan beliau Drs. Nizar Syarif yang sentiasa ke Karo untuk berdakwah setiap minggu di akhir bulan.[277] Kegiatan dakwah juga diteruskan di tanah Batak dengan menghantar wakil-wakil *da'i* dari dewan dakwah *al-Jam'iyatul Washliyah* dan dari organisasi-organisasi Islam yang lain. Antara aktiviti dan usaha dakwah mereka adalah mendirikan rumah-rumah ibadah, madrasah-madrasah Islamiah dan meneruskan aktiviti amal ibadah pada bulan Ramadan, dengan menghantar para da'i ke setiap kawasan di tanah Batak mahupun di kawasan-kawasan terpencil di Sumatera Utara.[278]

---

[276] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara (1983),"*Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara,"* 195-197.

[277] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

[278] Edi Zuhrawardi Pane, SH (salah seorang murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sekarang masih mengajar di madrasah al-Jam'iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan), Dr. H. Sulaiman Amir (Pensyarah Ulumul Hadith fakulti Usuluddin, Institut Agama Islam Negeri Medan). dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

4.2.6 Mendirikan Rumah Ibadah, Madrasah dan Tempat Majlis-Majlis Ta'lim

Seperti lazimnya, untuk meneruskan usaha dakwah yang telah dilaksanakan, para *da'i* dan umat Islam mestilah bersama-sama pemerintah mendirikan rumah ibadah dan kemudahan pendidikan Islam, demi meneruskan dakwah dan pendidikan Islam di kawasan tersebut. Dengan usaha tersebut, umat Islam semakin lama semakin bertambah banyak jumlahnya, sehingga dalam beberapa tahun sahaja terbinalah beberapa buah masjid di tengah-tengah tanah Batak tersebut.[279] Selain itu telah dirasmikan beberapa buah sekolah dan madrasah (sekolah agama Islam) oleh *al-Jam'iyatul Washliyah* di pelbagai kampung.[280] Hal ini dapat dilihat seperti di Karo telah terbina 43 buah masjid, 38 buah langgar (surau) dan 24 buah madrasah agama Islam pada tahun 1982 M. Pada tahun 2010 M jumlah masjid dan surau telah bertambah kepada 170 buah dan surau berjumlah 51 buah[281]. Begitu juga telah terbinanya masjid besar di Porsea, Lumbun Lobu, Lumbang Gurning, Balige, Tambunan, Tarutung, Panonburan dan daerah-daerah tanah Batak lainnya. Di setiap masjid ada Majlis *ta'lim* dan pengajian ilmu agama yang diadakan oleh pihak masjid yang berkenaan. Pembangunan rumah-rumah ibadah pada mulanya dilaksanakan oleh orang perorangan, organisasi masyarakat seperti Zending Islam, *al-Jam'iyatul Washliyah,* Muhammadiyah, begitu juga dari swadaya (tajaan) masyarakat yang dibantu oleh pemerintah pusat dan daerah.[282]

---

[279] Drs. Usman Batu Bara (tenaga pengajar dan pegawai di pejabat Dewan Pimpinan Wilayah al-Jam'iyatul Washliyah Medan Sumatera Utara), H. Muhammad Rozali MA (Program PhD UIN SU Medan and PhD Australian National University Canberra in proses, Pensyarah Sejarah Peradaban Islam fakulti Tarbiyah UIN SU Medan), dalam temubual dengan penulis, 10 Jun 2012.
[280] *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad (1955)*, 321.
[281] Sumber: Badan koordinasi Islam Kabupaten Karo, perkembangan umat Islam dan rumah ibadat di Karo dari tahun 1966-2010 M.
[282] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara (1983), "*Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*," 211.

Pembangunan rumah ibadah yang dimaksudkan adalah dalam bentuk masjid dan langgar (surau) yang digunakan untuk melaksanakan ibadah. Berbeza dengan pembangunan madrasah yang dikhususkan untuk pendidikan agama Islam bagi anak-anak orang Islam yang ada di sana,[283] madrasah ini dibina oleh pendakwah dari organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah* bersama masyarakat setempat. Sesi pembelajaran dilaksanakan pada waktu petang selepas mereka pulang dari sekolah kerajaan. Subjek yang diajar adalah yang berkaitan dengan agama Islam sahaja seperti al-Qira'ah (belajar membaca al-Quran), ibadah, al-tauhid, al-akhlak, ilmu fikah, al-hadith, al-tajwid, al-tarikh, al-khath (belajar cara menulis huruf Arab), al-mufradat, al-imlak, membaca dan menulis Latin, pengiraan dengan bahasa Arab, serta subjek tambahan iaitu belajar bahasa Indonesia.[284]

Selain itu, Majlis *Ta'lim*[285] juga diadakan khusus untuk orang tua-tua dan dewasa yang mahu mempelajari dan mendalami ilmu agama, yang mana proses pembelajaran adalah melalui ceramah, membaca kitab, diskusi ilmu dan sebagainya.

Melalui pelbagai usaha dakwah yang beliau laksanakan terutama di tanah Batak, penulis dapat menyimpulkan bahawa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis memiliki kesedaran yang cukup tinggi dalam menyebarluaskan dakwah Islam. Hal ini dibuktikan dengan aktif dan produktifnya beliau mengadakan dialog antara agama, menulis buku serta karya ilmiah yang berkaitan dengan Islam dan Kristian.

---

[283] Madrasah ialah nama atau sebutan bagi sekolah agama Islam, merupakan tempat proses belajar mengajar ajaran Islam secara formal yang mempunyai kelas (dengan sarana antara lain meja, kursi dan papan tulis) dan kurikulum dalam bentuk klasikal. Padanan kata madrasah dalam bahasa Indonesia adalah sekolah. *Ensiklopedi Islam* (1999), ed. Ke-5. 3: 105.

[284] Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad, *Lembaga Pelajaran al-Jam'iyatul Washliyah*. (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955), 6.

[285] Majlis Ta'lim ialah lembaga pendidikan non formal yang menyelenggarakan pengajian Islam. Secara etimologi Majlis ta'lim dapat diertikan sebagai tempat untuk melaksanakan pengajaran atau pengajian agama Islam. Dalam perkembangannya, Majlis Taklim tidak lagi terbatas sebagai tempat pengajaran sahaja, tetapi telah menjadi lembaga atau institusi pendidikan non formal Islam yang memiliki kurikulum tersendiri, diselenggarakan secara berkala dan teratur, dan diikuti oleh jemaah yang relatif banyak dan bertujuan untuk membina dan membangun hubungan yang santun dan serasi antara manusia dengan Allah SWT, manusia dengan sesamanya, manusia dengan lingkungannya, dalam rangka membina masyarakat yang bertakwa kepada Allah SWT. *Ensiklopedi Islam* (1999), ed. Ke-5. 3: 120.

Melalui huraian usaha dakwah yang dilakukan beliau menunjukkan dengan jelas bahawa beliau sangat berkeinginan untuk membela dan membersihkan akidah suku Batak serta akidah rakyat Indonesia yang penuh dengan kepelbagaian agama dan kemajmukan suku kaumnya.

4.3 Implikasi Dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis Terhadap Perkembangan Islam Di Medan Sumatera Utara

Sebelum membincangkan tentang implikasi dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis terhadap perkembangan Islam di Medan Sumatera Utara, penulis ingin mendedahkan beberapa rintangan dan halangan yang dihadapi beliau semasa berdakwah di tanah Batak Medan Sumatera Utara.

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis selama melaksanakan tugas dakwah Islam di bawah misi organisasi al-Jam'iyatul Washliyah, beliau banyak menghadapi pelbagai rintangan dan halangan. Rintangan tersebut penulis bahagikan kedalam dua bentuk:

A. Politik

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis ialah sosok politisi yang tidak kenal menyerah, bersama sahabat-sahabat seperjuangannya bergabung dalam lasykar hizbullah melawan penjajah Belanda dan Jepun. Beliau tidak kunjung ragu dan putus asa, beliau juga mengumpulkan infaq umat yang diperuntukkan membeli senjata untuk mengusir penjajahan Belanda dan Jepun daripada tanah air Indonesia.

Semasa berjuang dan berdakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis bersama sahabat-sahabat beliau juga terus menuntut dan menyalurkan ilmu pengetahuan mereka, sejak usia 18 tahun beliau dan sahabat-sahabat beliau mula mengajar, menulis dan berdakwah serta berdiskusi tentang pelajaran dan masalah umat, hingga pada 30 hari bulan November 1930 rasmilah tertubuhnya sebuah organisasi Islam yang diberi nama Al-Jam'iyatul Washliyah dengan misi perjuangan, pendidikan, dakwah dan amal sosial.

Pada saat bergejolaknya pergerakan perjuangan yang kompetitif di Indonesia, beliau memberi nasihat kepada generasi muda Al-Jam'iyatul Washliyah: anak-anakku semua ingat pesan saya jangan kalian berhenti sejenakpun, jadikan *Al-Jam'iyatul Washliyah* alat mengembangkan ajaran Islam, peliharalah dengan baik, terus cerdaskan umat lewat pendidikan, jangan berhenti mencerahkan semangat umat dengan berdakwah terus menerus, bahkan beliau mengungkapkan: aku mengajar, aku menulis, aku berorganisasi dan aku berjuang.

Adapun rintangan politik dimulai dari masa penjajahan Belanda. Pada abad ke 17 M, bangsa Belanda dan Inggeris datang ke Indonesia, kedatangan mereka disertai dengan Zending Kristian yang membawa aliran Protestan. Masuknya Zending Kristian ke Sumatera Utara dan penyebaran Injil dalam kalangan masyarakat Batak, merupakan motivasi dari Thomas Stamford Raffles (wakil kerajaan Inggeris di Sumatera). Kemudian penyebaran Injil selanjutnya diambil alih oleh lembaga Zending Belanda, *Nederland Zandeling Genootsehap* (NZG) dengan membawa para missionaris dari Jerman. Terjadilah perpindahan usaha pengkristian masyarakat Batak dari pihak Belanda kepada missionaris Jerman. Dengan demikian

bermula zaman kegemilangan Kristian di tanah Batak dengan hadirnya Pendeta Ludwid I Nommensen kelahiran Jerman Barat. Jelaslah dengan kehadiran penjajah ke tanah air Indonesia mengakibatkan bangsa Indonesia khususnya umat Islam mengalami kemunduran dan ketinggalan dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan politik.[286]

Dengan keteguhan sikap Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang tidak kenal menyerah itu pula, beliau mengungkapkan penjajahan harus disingkirkan dari bumi pertiwi tanah air Indonesia, beliau turut memberikan andil yang sangat besar untuk membangkitkan semangat umat melawan penjajahan melalui jihad fisabilillah. Akibat perjuangannya beliau sempat ditangkap oleh pemerintahan Negara Sumatera Timur (NST) yang bertindak sebagai perpanjangan tangan pemerintah Hindia Belanda, kemudian beliau ditahan sebagai tawanan politik di penjara Sukamulia Medan Sumatera Utara pada 23 hari bulan Disember 1949 M selama dua tahun. Semasa di penjara isteri tercinta beliau wafat, beliau hanya diperkenankan menziarahi isterinya sebentar sahaja dalam keadaan tangan di gari.[287] Akhirnya Belanda tersingkir, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis bebas, beliau masuk ke kanca politik berkhidmat bersama parti politik Islam Masyumi, melalui parti masyumi mengantarkan beliau pada pemilihan umum pertama di Indonesia tahun 1955 M, beliau menjadi anggota konstituante atau DPR RI.

Kemudian pada masa penjajahan Jepun, kebijakan politik Jepun dihalatujukan kepada kalangan ulama, pergerakan ulama terbatas dan diawasi oleh askar-askar Jepun. Orang Jepun sedar bahawa pengaruh ulama sangat besar dalam

---

[286] *Ensiklopedia Indonesia* (1983), 4: 2399.

[287] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua MUI dan *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

kalangan rakyat majoriti Muslim, oleh itu mereka menjarakkan ulama dari konsep politik Islam. Kemudian mereka membuat peraturan bahawa semua parti politik, organisasi dan perhimpunan mesti dibubarkan, hanya perhimpunan yang bersifat sosial dan pendidikan sahaja yang dibenarkan. Meskipun organisasi al-Jam'iyatul Washliyah tidak dibubarkan, namun pergerakan para pemimpinnya, termasuk karya dan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dipantau dan diawasi, hinggakan beliau tidak dapat berbuat banyak dalam bidang dakwah pada masa penjajahan Jepun. Aktiviti beliau pada masa itu lebih terarah kepada bidang pendidikan dan pengajaran.

Begitu juga pada zaman kemerdekaan, terutama dalam menghadapi gerakan Nasakom (Nasional Komunis) pada masa presiden Soekarno, yang mana Komunis menjalin kerjasama dengan Parti Nasional Indonesia (PNI)[288], kerana adanya persamaan kepentingan dan beberapa tokoh PNI ingin mendapatkan dukungan Komunis untuk mengukuhkan kedudukan politiknya. Secara terang-terangan Parti Komunis menentang parti-parti agama dan ulamanya terutama Parti Masyumi Sumatera Timur yang dipimpin oleh Muhammad Arsyad Thalib Lubis.[289] Oleh sebab itu Soekarno mengeluarkan dekrit presiden untuk membubarkan konstituante, dalam masa yang sama untuk memaksa pembubaran Parti Masyumi. Setelah Parti Masyumi dibubarkan, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis memilih berhenti berpolitik dan beliau menekuni dalam berkhidmat di bidang mengajar, menulis, berdakwah dan

---

[288] Perserikatan Nasional Indonesia kemudian menjadi Parti Nasional Indonesia (PNI) merupakan parti politik yang tertua di Indonesia, ditubuhkan di Bandung pada 4 julai 1927 M oleh tokoh-tokoh nasional seperti Dr. Tjipto Mangunkusumo, Mr. Sartono, Mr Iskaq Tjokrohadithuryo dan Mr. Sunaryo.Parti ini bertujuan mempertahankan dan menegakkan kedaulatan negara kesatuan Republik Indonesia. PNI dianggap merbahaya bagi Pemerintahan Belanda kerana menyebarkan ajaran-ajaran pergerakan kemerdekaan sehingga Pemerintahan Belanda menangkap beberapa tokoh-tokoh PNI, seperti Soekarno. *Ensiklopedi Indonesia* (1984), 4: 2728-2729.

[289] Parti Masyumi (Majlis Syuro Muslimin Indonesia) ialah parti politik di Indonesia yang ditubuhkan pada 7 November 1943M di Yogyakarta, yang bertujuan menegakkan kedaulatan negara dan agama Islam serta melaksanakan cita-cita Islam dalam urusan kenegaraan. Pada tahun 1960M parti Masyumi dibubarkan oleh Presiden Soekarno kerana tokoh-tokohnya dicurigai terlibat dalam gerakan pemberontakan Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia (PRRI). *Ensiklopedi Indonesia* (1984), 4: 2166.

berorganisasi membesarkan *al-Jam'iyatul Washliyah* serta mencintai organisasi-organisasi Islam lainnya.[290]

B. Sosial Budaya

Sejak abad ke 19 M, Medan telah menjadi pusat ekonomi dan perniagaan untuk bahagian barat Indonesia. Banyak pendatang dari pelbagai daerah dan pelbagai suku bangsa datang ke Medan untuk berniaga dan menetap. Percampuran pelbagai suku bangsa dan agama, menyebabkan terjadinya pertembungan sosial budaya masyarakat Islam di Sumatera Timur, sehingga munculnya beberapa fahaman yang menyimpang dari ajaran Islam, antaranya gerakan Ahmadiyah Qadian dan fahaman yang menganggap Syeikh Makmun Yahya sebagai penganti Imam Mahdi.[291]

Menurut Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, Syeikh Makmun Yahya termasuk dalam kelompok *kahanah* (tukang tenun atau sihir) yang sangat dilarang dalam Islam, kerana Makmun mengatakan Imam Mahdi mahu datang dan selagi belum datang, Makmun lah sebagai penggantinya. [292]

Adapun rintangan dakwah berdasarkan situasi kehidupan masyarakat pada masa itu sebagai berikut:

---

[290] M. Yusuf Perdamean Nasution, *H. M. Arsyad Thalib Lubis: Ulama, Intelektual, Organisatoris, Politisi, Idealis dan Pejuang Nasional, Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental.* Ed. 1. (Medan: Perdana Publishing, 2012), 161.

[291] Ahmadiyah Qadian merupakan aliran dan gerakan penganut Mirza Ghulam Ahmad yang ditubuhkan oleh beliau pada tahun 1889M di Qadian bandar kecil di Punjab, India. Pengikutnya banyak terdapat di Panjab, Bombay dan daerah-daerah lain di benua India serta di negeri-negeri Islam lain, seperti Afghanistan, Parsi, Arab, Afrika Utara dan Indonesia. Beliau mengaku sebagai Mujaddid, al-Masih dan al-Mahdi. Pada tahun 2008 Pemerintah Indonesia melarang aliran sesat ini. *Ensiklopedi Indonesia* (1980), 1: 118.

[292] M. Hasballah Thaib, *Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental.* Ed. 1. (Medan: Perdana Publishing, 2012), 53-54.

Rintangan pertama: Pengaruh adat istiadat dan struktur kemasyarakatan yang sangat kuat dalam kalangan masyarakat Batak terutama yang beragama Kristian. Adat istiadat mereka sukar dipisahkan daripada kepercayaan mereka, kerana adat dan kebudayaan mereka merupakan sebahagian daripada kepercayaan mereka. Akibat keadaan tersebut, adat istiadat mereka tidak merundung, bahkan semakin kuat dengan mengintegrasikan adat mereka kepada perkembangan zaman kemajuan. Hal ini terbukti melalui tata cara mereka yang tersusun dalam menjalankan ibadah mingguan mereka dan melaksanakan program adat mereka. Masyarakat Batak mempunyai susunan kemasyarakatan yang kukuh. Hubungan kekeluargaan amat erat dan silsilah (tarombo Batak) sangat dipelihara, kerana silsilah itu memupuk perpaduan. Ikatan kekeluargaan yang lebih kukuh lagi disebabkan persamaan susunan masyarakat adat yang merupakan falsafah yang tidak akan luput bagi orang Batak yakni yang disebut "Dalihan Na Tolu" (dibina oleh Singa Mangaraja I yang merupakan pola kepimpinan dalam menjaga keselamatan masyarakat dengan membuat marga-marga). Doktrin marga ini merupakan salah satu penghambat berkembangnya umat Islam dalam kalangan orang Batak.[293]

Rintangan Kedua: Masalah Bahasa. Bahasa merupakan alat komunikasi antara satu sama lain, termasuk dalam menyampaikan misi dakwah, bahasa menjadi alat penghubung yang sangat diperlukan. Salah satu yang menjadi cabaran bagi para pendakwah ke tanah Batak ialah daripada segi bahasa pertuturan. Sehingga para pendakwah yang dihantar ke tanah Batak, yang bukan dari warga tempatan, mereka memerlukan masa dalam penyesuaian bahasa untuk memudahkan mereka dalam

[293] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara (1983)," *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara,*" 151-154.

menjalankan misi dakwah terhadap masyarakat Batak. Menurut Hj Mukhtar Amin[294] bahawa Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis pakar dalam bahasa Batak, sehingga beliau mampu mengarang buku pelajaran agama Islam dalam bahasa Batak, terutama dalam bahasa Batak Karo. Beliau juga suka dengan cara mengajar Syeikh, kerana apa ayang diajarkan Syeikh tersebut begitu jelas dan mempunyai daya tarikan tersendiri yang sangat berbeza dengan mubaligh-mubaligh yang lain.[295]

Rintangan Ketiga: Masalah kemiskinan. Sebahagian daripada daerah tanah Batak adalah tandus. Oleh sebab itu salah satu mata pencarian yang paling mudah ialah menternak babi, cepat berkembang, pemeliharaan yang mudah dan memberi pulangan yang lumayan. Kemudian, tradisi adat mereka dengan memotong seekor babi untuk tetamu adalah suatu penghormatan yang tinggi bagi mereka. Jadi apabila mereka menganut Islam automatik tidak boleh menternak babi lagi. Oleh sebab itu, mereka tidak menerima Islam kerana takut mata pencarian mereka berkurang disebabkan haram menternak babi.[296]

Rintangan Keempat: Keadaan geografi dan iklim yang berbeza. Sebahagian besar daerah tanah Batak berbukit-bukit, bergunung-ganang dan beriklim sejuk. Apabila musim sejuk tiba agak sulit untuk mereka menjalankan aktiviti dakwah, kerana mesti menghadapi rintangan yang besar. Begitu juga kedudukan suatu desa dengan desa lain berjauhan hingga berpuluh-puluh kilometer, menyebabkan dalam

---

[294] Hj Mukhtar Amin (murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, staf pengajar dan tata usaha di madrasah al-Jam'iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan), dalam temu bual dengan penulis, 3 Jun 2013, jam 5 petang di madrasah al-Jam'iyatul Washliyah jalan: Ismailiyah Medan.

[295] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara (1983), *"Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara,"* 197.

[296] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara (1983)," *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara,"* 182.

pelaksanaan dakwah para *da'i* berhadapan dengan kesulitan yang ditimbulkan oleh keadaan alam setempat.[297]

Rintangan Kelima: Keadaan pengangkutan awam yang belum memadai. Pendakwah terpaksa berjalan kaki menjangkau puluhan kilometer turun naik bukit dan gunung-ganang untuk sampai ke rumah penduduk, untuk berdakwah kepada mereka. Apatah lagi pada musim hujan sangat sulit menjalani jalan kerana licin bahkan boleh terjadi tanah runtuh.[298]

Rintangan Keenam: Masalah ekonomi dan kurangnya dana kewangan untuk berdakwah.[299] Kekurangan dana dalam menjalankan misi dakwah dapat menyebabkan kesulitan dalam usaha dakwah, begitu juga dalam membantu mualaf (saudara baru). Dengan kekurangan dana akan mengakibatkan:

1. Terbantutnya pembinaan surau, Masjid dan Madrasah.
2. Tidak terurusnya para mualaf kerana belum adanya organisasi sosial Islam yang mengurus hal-hal yang diperlukan mereka dalam kelanjutan pendidikan Islam.[300]

Dari semua rintangan dan halangan tersebut, menunjukkan bahawa perjuangan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam mengembangkan syiar Islam tidaklah semudah membalikkan telapak tangan, beliau menghadapi halangan dan rintangan yang begitu sukar pada zamannya, baik daripada pihak luar dan dalam serta situasi keadaan kehidupan masyarakat pada masa itu.

---

[297] *Ibid.*, 197-198.
[298] Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara (1983), "*Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* ," 181.
[299]Ibid., 168.
[300] M. Hasballah Thaib, "*Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental,"* 54-55.

Kemudian penulis akan menjelaskan mengenai implikasi dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis terhadap perkembangan Islam di Medan Sumatera Utara.

Implikasi berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *implication*, yang bererti kesan atau hubungan keterlibatan.[301] Adapun implikasi yang dimaksudkan di sini ialah sejauh mana kesan perkembangan dakwah yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis di Medan Sumatera Utara. Dalam membicarakan implikasi terhadap dakwah yang dijalankan beliau, penulis akan membahagikannya kepada implikasi yang bersifat positif dan yang bersifat negatif.

A. Implikasi Positif

Sumatera Utara adalah salah satu daerah di Indonesia yang merupakan daerah dakwah, kerana Sumatera Utara majoriti penduduknya bersuku Batak, ini bererti sebelum masuknya pengaruh agama Islam dan agama Kristian kebanyakan suku Batak berfahaman animisme, ketika itu mereka menyembah roh-roh nenek moyang mereka, pokok-pokok serta benda-benda gaib lainnya, namun setelah masuk negara penjajah ke Indonesia khususnya Belanda yang membawa misi ajaran agama mereka, akhirnya majoriti suku Batak menganut agama Kristian (Protestan mahupun Katolik), ditandai dengan banyak berdirinya gereja-gereja Kristian di tanah Batak seperti gereja Advent, HKBP dan lainnya. Oleh sebab itu tumpuan dakwah daripada organisasi Dewan Dakwah Islam Indonesia (DDII) tertumpu di kawasan tanah Batak dan Karo Medan Sumatera Utara.

[301] *Kamus Dewan*, ed. Ke-3 (1996), 486, entri"Implikasi".

Hal ini dapat dibuktikan ketika Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI) pada tahun 1941 M, menetapkan markas Zending Islam Indonesia berpusat di Medan Sumatera Utara, yang dipelopori oleh Pengurus Besar Al-Washliyah, sebagai salah satu anggota MIAI yang banyak berjasa menjalankan usaha-usaha dakwah di Sumatera Utara khususnya di tanah Karo dan Toba.[302]

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis ialah seorang ulama yang sangat mencintai dakwah, setiap acara peng-Islaman (convert saudara baru) sekalipun di desa yang jauh seperti sungai buaya Deli Serdang, Nari Gunung di tanah Karo, beliau selalu hadir dan mengajak murid-murid beliau seperti Drs. H. M. Nizar Syarif bekas ketua Majlis Ulama Indonesia di Sumatera Utara, beliau duduk bersimpuh bersama masyarakat desa dan beliau memakan juadah apa yang disediakan panitia. Begitu juga ketika mahasiswa al-Jam'iyatul Washliyah (HIMMAH) berdakwah ke daerah Tiga Binanga (Karo), memasuki daerah perkampungan yang harus melewati jalan setapak di celah-celah pokok kemiri, beliau ikut barjalan kaki bersama mereka, walaupun mahasiswa melarang beliau.

Drs. H. M. Nizar Syarif berkata: Sejak tahun 1986 M sampai sekarang saya terus membantu perjuangan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis melalui Yayasan Baitul Makmur (YBM) yang beliau tubuhkan, dengan izin Allah saya juga terus berdakwah ke tanah Karo pada setiap minggu kedua di akhir bulan untuk membina para da'i YBM, BAZDA dan al-Jam'iyatul Washliyah.[303]

---

[302] Seminar dakwah Islam se-Sumatera Utara, ucapan ketua umum pimpinan Majlis Ulama Sumatera Utara, Drs. H. Abd. Djalil Muhammad. Medan, 19 Mac 1981. *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad (1955),* 324.

[303] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua MUI dan *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), dalam temubual dengan penulis di rumah beliau, 11 Disember 2013.

Menurut Chairul Azhar timbalan ketua DDII propinsi Sumatera Utara bahawa dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, melalui Kristologi sangat terasa hasilnya. Selain untuk pengembangan ilmu, para ulama menulis buku-buku tentang Kristologi sebagai media dakwah untuk membentengi akidah umat serta menguatkan keyakinan terhadap ajaran agama Islam, begitu juga tidak sedikit pakar Kristologi daripada kalangan Muslim yang fanatik terhadap agamanya, menggunakan pengetahuannya tentang agama Kristian sebagai alas fikir untuk berdialog. Ahmad Deedad, Abu Jamin Rohan, Prof. Rafii Yunus di Sulawesi, H. Abdullah Sinaga dan H. M. Arsyad Thalib Lubis di Sumatera Utara, yang tidak hanya menulis pelbagai buku tentang Kristologi, tetapi juga aktif berdialog dengan pakar agama Kristian. Umpamanya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, argumentasi yang dikemukakan oleh beliau sangat kuat sehingga tidak sedikit yang menganut agama Islam daripada suku Batak disebabkan oleh dakwah yang dilakukan beliau di tanah Batak dan Karo.[304] Kehadiran beliau sangat disenangi masyarakat Batak (Porsea) dan tanah Karo. Karyanya "Pedoman Gndek" (Pedoman Singkat) yang diterjemahkan oleh Terang Ginting dan "Pokok-Pokok Ajaran Islam" merupakan karya beliau yang tersebar di tengah-tengah masyarakat. Akhirnya masyarakat yang masih menganut animisme seperti di Kecamatan Tiga Binanga dan Kutalimbaru banyak yang menganut agama Islam. Hingga saat ini Islam di Tiga Binanga dan daerah lainnya seperti Tiga Beringin, Pancur Jawi terkenal sangat kuat dan solid keislaman mereka.

Berkat usaha serta kegigihan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan kawan-kawan beliau dari *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam mengembangkan ajaran Islam di tanah air khususnya di tanah Batak, sangat memberikan kemajuan

[304] Ramli Abdul Wahid, *Kristologi dan Dakwah di Indonesia* (dalam Jurnal Usuluddin, Medan, 2007, h.2.

terhadap perkembangan Islam di Sumatera Utara khususnya di Indonesia umumnya, sehingga kini Islam terus berkembang di Sumatera Utara khususnya di tanah Batak.

Hasil kerja serta usaha dakwah beliau, kawan-kawan dan murid-murid beliau di daerah Karo dan Toba, sebagai cawangan yang memberikan implikasi positif dengan memperkenalkan beliau dan organisasi al-Jam'iyatul Washliyah ke seluruh Indonesia. Mula-mula ia bergerak secara perlahan, seperti' api dalam sekam". Demikianlah hangatnya hasil kerja tersebut sehingga terasa juga keluar daerah Karo dan Toba yang memberikan sumbangan yang sangat bererti dalam perkembangan Islam di Indonesia.[305]

Sememangnya generasi organisasi ini patut berasa bangga atas keberhasilan beliau dan kejayaan *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam mengembangkan ajaran Islam. Kebanggaan ini rupanya bukan sahaja dirasakan oleh dirinya sendiri bahkan juga dirasakan oleh masyarakat Muslim Sumatera Timur. Begitu juga rakan-rakan beliau yang turut menyuarakan Islam melalui majalahnya di Sumatera Timur, seperti Pedoman Masyarakat (majalah yang diasuh oleh simpatisan Muhammadiyah), pimpinan redaksinya HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah).[306]

Kejayaan pendakwah-pendakwah *al-Jam'iyatul Washliyah* dalam menyampaikan dakwah Islamiah di tanah Karo, terbukti di mana sebahagian penduduk di daerah tersebut sudah beragama Islam sebanyak 45%, beragama

[305] Chalidjah Hasanuddin(1988), "*al-Jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur"*, 147.
[306] *Ibid.*

Kristian Protestan dan Katolik sebanyak 45 %, sedangkan bakinya 10 % tidak memiliki agama.[307]

Selain itu, kejayaan tersebut juga dapat dilihat dari aspek terbinanya masjid-masjid dan tempat-tempat pendidikan Islam, begitu juga madrasah-madrasah dan sekretariat persatuan dakwah Islam di tanah Batak, khususnya di tanah Karo dan Toba Sumatera Utara Indonesia.

B. Implikasi Negatif

Dalam mengembangkan dakwah kepada kalangan pembesar-pembesar non Muslim Kristian, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis biasanya mengajak mereka untuk bincang tentang kebenaran agama melalui debat atau dialog antara agama bersama paderi-paderi Kristian, pendekatan melalui perdebatan ini sangat menarik antara kedua pemeluk agama Islam dan Kristian, kerana mereka boleh mengetahui bukti kebenaran agama mereka, namun kadangkala perdebatan ini dapat menimbulkan implikasi negatif dengan timbulnya sentimen agama yang bersifat negatif yang boleh membawa kepada permusuhan antara umat beragama yang sukar untuk dielakkan. Oleh sebab itu, sebahagian perdebatan beliau dengan pembesar-pembesar agama Kristian pada masa itu tidak mendapat persetujuan dan lesen dari pihak polis dan pemerintahan Medan Sumatera Utara demi untuk mejaga keamanan negara dan keselamatan masyarakat, kerana ditakutkan akan terjadi kerusuhan yang bermotifkan (SARA) Suku Agama Ras Antargolongan terutama pada kawasan-kawasan tertentu yang mana pengikut-pengikut agama tertentu memiliki fanatisme

[307] Syamsuddin Ali Nasution," *Al-Jam'iyatul Al-Washliyah Dan Peranannya Dalam Dakwah Islamiyah Indonesia*," (Tesis Ph.D. Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: UM Publisher, 1999), 171.

yang berlebihan terhadap agama mereka.[308] Seperti yang pernah terjadi pada saat diadakan acara ceramah umum di Dataran Merdeka Medan Sumatera Utara yang dihadiri oleh ribuan pemuda dan mahasiswa, dengan isi ceramah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis yang menunjukkan anti Komunisme dan berani berkata benar biar apapun resikonya, dapat membakar semangat para pemuda Islam, sehingga dengan spontan sahaja para pemuda Islam pada saat itu terpancing semangat mereka untuk melawan kezaliman dan keganasan parti Komunis, kemarahan mereka direalisasikan dengan pembakaran kereta-kereta para pendukung Parti Komunis Indonesia (PKI) termasuklah kereta salah seorang tokoh PKI Zakir sobo. Begitu juga sewaktu Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menulis sebuah buku yang bertajuk "Penuntun Perang Salib" mendapat hambatan dan larangan daripada Jenderal Haris Nasution (Pembesar Batak Mandailing), kerana beliau takut akan terjadi kerusuhan yang bermotifkan agama, sehingga penerbitan dan peredaran buku tersebut diberhentikan (di stop).[309]

Walaupun demikian, semasa hidup Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, beliau tetap bersedia berdebat menghadapi paderi-paderi Kristian dan membuka pintu selebar-lebarnya untuk menyampaikan kebenaran melalui dialog dan perdebatan dengan mereka. Ada beberapa dialog yang pernah beliau lakukan, antaranya berdebat dengan Dokter Seri Hardono dan berdialog dengan Propagandis Kristian Adventis.

---

[308] Edi Zuhrawardi Pane, SH (salah seorang murid Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sekarang masih mengajar di madrasah al-Jam'iyatul Washliyah jalan Ismailiyah Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

[309] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua MUI dan *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

Semangat dakwah beliau tidak pernah pudar terutama dalam menyampaikan dakwah terhadap masyarakat Kristian, sehingga beliau sampai ke usia senja, namun beliau terus berdakwah ke tanah Karo setiap sebulan sekali, yang mana jejak dakwah beliau terus diikuti oleh muridnya ustaz Nizar Syarif hingga sekarang ini. Begitu juga semasa hidupnya, beliau terus mendidik murid-muridnya bagaimana cara menambat hati non Muslim dengan dialog dan perdebatan. Namun sayang sekali, belum ada di antara murid-muridnya yang boleh menggantikan beliau atau yang mempunyai pengetahuan tentang Kristian seperti beliau hingga sekarang ini di Medan Sumatera Utara.[310]

Daripada huraian diatas penulis dapat menyimpulkan bahawa prestasi perjuangan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sangat gemilang, walaupun ada sebahagian perjalanan dakwah beliau menghadapi pelbagai rintangan di zamannya yang dapat memberikan kesan yang kurang baik terhadap hubungan dan toleransi antara umat beragama di Medan Sumatera Utara, namun dapat diawasi oleh pemerintah dengan baik, sehingga tercatat dalam perjalanan sejarah dakwah Islam di Sumatera Utara betapa besarnya pengaruh dakwah beliau di tengah-tengah kalangan suku Batak dan organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* serta masyarakat Bandar Medan Sumatera Utara khususnya.

[310] Drs. Hj Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, sebagai mantan Ketua *al-Jam'iyatul Washliyah* Sumatera Utara, Medan), dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2013.

BAB V
PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Berdasarkan data dan analisa dari huraian dalam bab-bab terdahulu, dapat ditarik beberapa kesimpulan bahawa:

1. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis ialah seorang ulama, mubaligh, pejuang agama dan bangsa yang masyhur di Medan Sumatera Utara, beliau dilahirkan pada bulan Ramadan 1326 H bersamaan Oktober 1908 M di Stabat Kabupaten Langkat, Sumatera Utara. Beliau putera kelima daripada lapan bersaudara, anak daripada pasangan Lebai Thalib bin Haji Ibrahim Lubis dengan Markoyom binti Abdullah Nasution. Lahir dan dibesarkan di zaman penjajahan yang menjadikan Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis bangkit dan peduli terhadap bangsanya. Mendapat pendidikan agama daripada ayahnya yang alim dan gurunya yang masyhur Syeikh Hasan Maksum (mufti di kerajaan Deli Medan Sumatera Utara, beliau pakar dalam berdebat mengenai agama Kristian), merupakan langkah awal menjadikan beliau sebagai seorang Kristolog. Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menyelesaikan pendidikannya di Madrasah Islam Tapanuli (MIT), kemudian melanjutkan pendidikannya di madrasah *Al-Hasaniah* Medan, berguru dan mendapatkan syahadah (sijil) daripada Syeikh Hasan Maksum. Sebagai seorang pelopor dan kader organisasi *al-Jam'iyatul Washliyah* yang aktif dalam kegiatan dakwah, membentuk dirinya menjadi seorang ulama, pendidik, penulis, pendakwah dan pejuang agama. Ketika *al-Jam'iyatul*

Washliyah mulai bergerak dalam penyebaran dakwah dan pencegahan misi Kristianisasi di tanah Batak Medan Sumatera Utara, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta sahabat-sahabat beliau menubuhkan Zending Islam Indonesia untuk melawan gerakan pemurtadan yang dijalankan oleh Zending Kristian. Bersama-sama organisasi Islam lainnya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menjalankan dakwah untuk membentengi masyarakat dari pengaruh gerakan misi Kristianisasi. Setelah sekian lama menjalankan misi dakwah, Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis menghadap Allah SWT pada hari Khamis, 6 Julai 1972 Masihi bersamaan dengan 23 Jamadil Awal 1392 Hijriah.

2. Gerakan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam menyebaluaskan agama Islam di tanah Batak dan Karo tidak terlepas daripada tentangan semasa, terutama daripada pihak penjajah yang hendak memperluaskan misi Kristianisasi mereka. Oleh sebab itu beliau berusaha dengan gigih melalui: (a) Dialog serta debat antara agama (b) Menulis buku perbandingan agama untuk menguatkan akidah umat Islam dan menunjukkan kelemahan ajaran Kristian (c) Menubuhkan zending Islam untuk menyaingi misi Kristianisasi (d) Bersikap toleransi dan mengajak pemimpin Kristian bincang tentang kebenaran agama dan usaha-usaha lainnya. Semua usaha-usaha tersebut dengan tujuan untuk membendung misi misionaris Kristian dalam penyebaran agama mereka. Dengan usaha dan kepakaran beliau tentang agama Kristian beliau dikenali sebagai Kristolog yang berjaya menarik non Muslim untuk menerima kebenaran Islam dengan pendekatan teologi yang bertoleransi serta berdialog antara agama untuk membuktikan kebenaran. Karya-karya Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis serta jasa-

jasa beliau dalam menyebarluaskan Islam hingga sekarang ini masih dikenang dalam kalangan masyarakat Sumatera Utara khususnya suku Batak dan Karo, yang mana dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis berjaya menarik lebih daripada 20,000 orang suku Batak dan Karo untuk memeluk agama Islam. Upaya beliau ini menjadi sebab tersebarnya agama Islam dalam kalangan suku Batak yang majoriti penduduknya animisme serta beragama Kristian.

3. Pengaruh gerakan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis sangat berkesan terhadap umat dan para pendakwah, khususnya bagi para pendakwah daripada organisasi Islam *al-Jam'iyatul Washliyah* yang senantiasa berdakwah mengunakan bahasa, adat istiadat tempatan yang difahami penduduknya sebagai pendekatan untuk menarik minat suku Batak kepada ajaran Islam. Begitu juga para pendakwah, mereka mesti menguasai *basic* tentang kitab Injil dan ilmu mengenai Kristologi sebagai bekal berdakwah terhadap suku Batak dan Karo yang bukan beragama Islam. Sehingga perjuangan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis membawa implikasi terhadap kemerdekaan bangsa Indonesia dari penjajahan negara asing begitu juga memberikan pengaruh yang sangat besar terhadap perkembangan umat Islam di Indonesia khususnya di tanah Batak dan Karo Sumatera Utara. Implikasi gerakan dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam perkembangan Islam di tanah Batak dan Karo di Medan Sumatera Utara dapat dibuktikan melalui Majlis Islam A'la Indonesia (MIAI) pada tahun 1941 M, yang menetapkan markas Zending Islam Indonesia berpusat di Medan Sumatera Utara, yang dipelopori oleh Pengurus Besar *Al-*

Jam'iyatul Washliyah, sebagai salah satu anggota MIAI yang banyak berjasa menjalankan usaha-usaha dakwah di Sumatera Utara khususnya di tanah Batak dan Karo. Selain itu, pengaruh beliau juga dapat dilihat dari aspek terbinanya masjid-masjid dan tempat-tempat pendidikan Islam, begitu juga madrasah-madrasah dan sekretariat persatuan dakwah Islam di tanah Batak, khususnya di tanah Karo dan Toba Sumatera Utara Indonesia.

5.2 SARANAN

Penulis mengharapkan agar usaha dakwah lebih berkesan dan lebih bermakna lagi bagi umat Islam dalam menyebarluaskan agama Allah SWT. Oleh itu, segala saranan yang diberikan bukan untuk melemahkan semangat dakwah, akan tetapi untuk menjadi suatu inspirasi dalam memaksimakan usaha dakwah terhadap orang Islam dan yang bukan Islam. Berdasarkan maklumat di atas, penulis ingin memberikan beberapa saranan, antaranya:

A. Berdakwah itu wajib, setiap diri orang Islam mestialah menjadi pendakwah bagi keluarga dan masyarakatnya, oleh itu sedapat mungkin untuk membekali dirinya dengan ilmu akidah, begitu juga ilmu mengenai agama Kristian, demi untuk mempertahankan dirinya daripada pemurtadan dengan akidah yang benar.

B. Para *da'i* masa kini mesti mempelajari dan menguasai tentang Kristologi serta mengetahui asas-asas ilmu Mukaranatul adyan (ilmu perbandingan agama) sebagai bekal dakwah untuk berdialog dengan orang bukan Islam.

C. Setiap *da'i* yang berdakwah kepada orang bukan Islam, hendaklah berdakwah dengan penuh hikmah, memberikan contoh tauladan yang baik, berdialog dengan kasih sayang kerana agama tidak boleh dipaksakan kepada orang lain, namun bagi seorang Muslim mestilah menyampaikan kebenaran kepada mereka. Dakwah tersebut boleh dilakukan melalui perkataan, perbuatan dan perilaku yang Islamik sebagaimana yang dituntut Allah SWT.

D. Usaha dakwah umat Islam mestilah diteruskan, terutama kepada para *da'i al-Jam'iyatul Washliyah*, Muhammadiyah, PBI, JBMI dan organisasi Islam

lainnya, hendaklah bersatu dalam meneruskan usaha dakwah khususnya di tanah Batak dan Karo demi untuk menyebarluaskan agama Islam serta menghambat perkembangan misi Kristianisasi di Medan Sumatera Utara Indonesia.

E. Bagi keluarga besar Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis diharap dapat menjaga, melestarikan dan mengembangkan karya-karya beliau dalam semua unsur, baik dalam dunia dakwah, organisasi dan pendidikan, supaya tetap dikenang sebagai suatu sejarah dakwah dan pembangkit semangat untuk berdakwah kepada generasi-generasi Islam seterusnya.

5. 3 PENUTUP

Jelaslah, bahawa dakwah merupakan tugas yang mesti dan wajib bagi seorang Muslim di mana sahaja dan bila-bila masa, demi menegakkan dan meninggikan kalimat Allah. Oleh itu, hendaklah setiap Muslim memikul tanggung jawab ini, menyampaikan dakwah walaupun satu ayat (perkataan), berdasarkan tunjuk ajar Rasulullah SAW serta berpandukan kepada firman Allah SWT yang membimbing umat Islam untuk berdakwah dengan penuh hikmah, bijaksana dan dengan cara yang terbaik sehingga agama Islam boleh diterima dalam kalangan umat manusia.

Dengan usaha-usaha dakwah yang penuh dengan kegigihan, kesabaran, keikhlasan serta dengan menggunakan cara yang bersesuaian sebagaimana yang diupayakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dalam berdakwah di tanah Batak dan Karo, melalui pendekatan Kristologi terutama dalam dakwah terhadap orang bukan Islam, ianya akan membuka wawasan pemikiran mereka akan kebenaran yang hakiki, dengan demikian semoga mereka mencari hidayah dan hidayah itu hak Allah SWT namun Allah tetap membuka pintu hidayah bagi umatnya yang mencari hidayah tersebut.

Oleh sebab demikian, agama Islam terus berkembang dan diamalkan di tanah Batak dan Karo di Medan Sumatera Utara Indonesia dan akan tersebar juga di seluruh alam, sebagaimana tersebarnya siang dan malam di bumi Allah SWT ini, dengan demikian Islam akan mulia dan tinggi, tiada yang lebih mulia dan lebih tinggi selain agama Islam. *Wallāhu A'lam.*

BIBLIOGRAFI

‘Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Akhlaq Para Penda’wah.* Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988.

A. Hasymy, *Dustur Da’wah Menurut Al-qur’an.* Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1974.

Ab. Aziz bin Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997.

_____. “*Metodologi Dakwah.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya”, 2001.

_____. “*Dakwah Islam di Malaysia”.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.

Abbas Pulungan dkk, *Sejarah Dan Dinamika Organisasi Islam Di Sumatera Utara,* Medan: Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 2005.

Ābū ‘Īṣā Mūḥāmmāḍ Ībn Īṣā Ībn Ṣūrāḥ, *āl-Jāmī’ āl-Ṣāḥīḥ Ṣūnān Ṭīrmīḍḥī.* Eḍ. Ke-2. Kāḥerāḥ: Mākṭābāḥ Mūṣṭāfā āl-Bāb āl-Ḥālābī, 1975.

Abū Yaḥyā Zakaria al-Anṣārī al-Maṣrī, *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al_Bukhārī,* Taḥqīq: Sulaiman Ibn Wari’ al-Azī. Ed. 1. Riyad: Maktabah al-Rasyd, 2005.

Ābūl Ā’lā Āl-Māūḍūḍī, *Petunjuk Juru Dakwah,* terj. H. M. Asywadie Syukur, Singapura , Pustaka Nasional PTE LTD, 1982.

‘Āfīf Ābḍūl Fāṭṭāḥ Ṭābbārāḥ (t.t), *Rūḥ al-Ṣalāh fī al-Islām*. Terj. Hasan Barakwan Semarang: PT. Salam Setiabudi.

Ahmad Sunawari Long, *Dialog Antara Agama-agama Pra-syarat Persefahaman Antara Agama-agama.* Bangi: UKM Fakulti Pengajian Islam, 2003.

Āḥmāḍ Ṣyālāby, *Mūqārānāḥ al-Āḍyān.* Ed. Ke-6. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1984.

Ālī Māḥfūẓ, al-Ṣyeīkḥ (t.t.), *Ḥīḍāyāṭ al-Mūrṣyīḍīn Īlā Ṭūrūq āl-Wā’āẓ āl-Kḥīṭābāḥ.* ed. Ke-9. Beīrūṭ: Ḍār āl-Ī’ṭīṣām.

Anggaran Dasar Dan Anggaran Rumah Tangga Al-Jam’iyatul Wasliyah. Jakarta: Pengurus Besar al-Jam’iyatul Wasliyah, 1997.

Ānwār Āl-Jūnḍī, *Pengaruh Barat, Cabaran Paling Merbahaya Kepada Umat Islam,* terj. Ishak Mohd Rejab, Kuala Lumpur: yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Penerbit Adabi, 1983.

_____. (1917), "*Kejatuhan Ideologi Materialisme dan Agenda Pengisian Islam",* terj. Rosli Alias. Ed. Ke-1. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2001.

Ariffin Omar, *Sedekah jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah,* Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd, 2006.

Asep Syamsul M. Romli, (S. IP), *Demonologi Islam, Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam,* Jakarta: Gema Insani, 2000.

Asmuni Syukir, *Dasar-Dasar Strategi Dakwah Islam,* Surabaya: al-Ikhlas, 1983.

Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII.* Ed. Ke-3. Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2004.

Badan Pusat Statistik Republik Indonesia, *www.bps.go.id*.

Bahrum Jamil, *Batu Demi Batu Di Bawah Panas Yang Terik UISU Kami Dirikan*. Medan: Maktabah Ma'had Muallimin Al-Washliyah, 1991.

Bāṣīm Kḥāfājī (tt), *Barat Memusuhi Islam,* terj. Mohd Darus Sanawi Ali. Ed. Ke-1. Pulau Pinang: Kembara Ilmu Publication, 2001.

Āl-Būkḥārī, Mūḥāmmāḍ bīn Īṣmāīl Ābū Ābḍ Allāh al-Bukhārī, *Minḥah al-Bārī Bisarḥi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Riyad: Maktabah al-Rasyd, 2005.

C. R Boxer, *The Dutch Serbone Empire 1606-1800.* London: London Polican Book, 1965.

Chalidjah Hasanuddin, *Al-jam'iyatul Washliyah Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Ed. 1. Bandung: Pustaka, 1988.

Danial Zainal Abidin, *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden,* Pahang: PTS Publications And Distributor, 2002.

Debat Islam-Kristen Tentang Kitab Suci, *Perdebatan Antara al-Ustadz H. M. Arsyad Thalib Lubis Dengan Pemuka Kristen dr. Sri Hardono.*Ed. ke-2. Medan: Majlis Dakwah Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Washliyah, 2002.

Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, *Sumatera Utara Dalam Lintasan Sejarah*, Jakarta: Balai Pustaka, 1975.

Departemen Pendidikan Nasional, *http://pusatbahasa.diknas.go.id/kbbi/index.php. 4 februari 2008*.

Departemen Pendidikan Nasional, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Ed. ke-3. Jakarta: Balai Pustaka, 2005.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *http://sbmb.dbp.gov. nb/cariankatamy/k /dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx. 28* januari 2010.

Diroktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama.* Ed. ke-2. Jakarta: Proyek IAIN, 1981.

Doangsa PL. Situmeang, *Dalihan Na Tolu Sistem Sosial Kemasyarakatan Batak Toba.* Jakarta: Dian Utama, 2007.

Dudung Abdurrahman, *Metode Penelitian Sejarah.* Jakarta: Logos, 2000.

Ensaiklopedia Kebangsaan, Kuala Lumpur: Titiwangsa Sdn. Bhd.

Ensiklopedi Indonesia. Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1984.

Ensiklopedi Islam. Ed. Ke-5, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 1999.

Ensiklopedia Dunia. Ed. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

Ensiklopedia Malaysiana. Kuala Lumpur: Anzagain SDN. BHD, 1995.

Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu. Ed. 1. Jilid ke-3, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot, *Dakwah dan Perubahan Sosial.* Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd, 2000.

Fāṭḥī Yākān, *Strategi Hidup Secara Islam, Mengajak Umat Ke Jalan Allah,* terj. Haji Megat Ahmad Supian, Kuala Lumpur: Darul Iman, 1999.

Āl-Gḥāẓālī Ābū Ḥāmīḍ Mūḥāmmāḍ bīn Mūḥāmmāḍ āl-Gḥāẓālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn,* jilid 1. terj. Singapura: Pustaka Nasional, 1981.

_____. *Tahāfut al-Falāsifah,* Kamariah Mohd. Ali, terj. Ed. 1. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.*

Hamka, *Prinsip Dan Kebijaksanaan Da'wah Islam.* Jakarta: Umminda, 1980.

_____. " *Falsafah Hidup.* Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1980.

_____. "*Perbendaharaan lama.* Ed. Ke-3. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996.

Hamka, *Prinsip Dan Kebijaksanaan Da'wah Islam.* Jakarta: Umminda, 1980.

Hasan Hamzah, *Kamus Ensiklopedia*. Ed. 1. Jilid ke-2. Selangor: Anzagain Sdn. Bhd, 1997.

Hasanuddin, *Hukum Dakwah.* Ed. 1. Jakarta, Pedoman Ilmu Jaya, 1996.

Ḥāṣṣān āl-Bānnā, *Tiga Bingkisan Risalah Dakwah,* terj. Abu Saif, Selanggor: Dewan Pustaka Fajar, 1983.

Ībnū Ḥājār, Āḥmāḍ Ībn ‘Ali, *al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*, Bab Awal al-Bab. Jilid.1. (t.t.).

Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak.* Jakarta: Bumi Aksara, 2010.

Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*. Shah Alam: API, UM dan Intel Multi Media and Publication, 2001.

Īmām Āḥmāḍ, Ābū Ābḍūllāḥ āl-Ṣḥāībānī Āḥmāḍ Ībn Ḥāmbāl, *Mūṣnāḍ Āḥmāḍ Ībn Ḥāmbāl,* Bāb Ṭāmīm āl-Ḍārī, Kāḥerāḥ: Mūāṣṣāṣāḥ Qārḍobā, (t.t).

Imam Barnabib, *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan,* Yogyakarta: Penerbit FIP-IKIP, 1982.

J. Vredenbregt, *Metode dan Teknik Penelitian Masyarakat.* Jakarta: Gramedia, 1978.

Juhaya A. Praja, *Filsafat dan Metodologi Ilmu Dalam Islam.* Jakarta: Toraja, 2002.

Jūm’āḥ Āmīn Ābḍūl Āẓīẓ, *āl- Ḍā’wāḥ: Qāwāīḍ wā Ūṣūl.* Īṣkānḍārīyāḥ: Ḍār Ḍākwāḥ, 1989.

Kamar Oniah Kamaruzzaman, *Responding to Humanitarian Crisis Through Interfaith Dialouge.* Kertas kerja yang dibentangkan pada 13-14 Jun. Kuala Lumpur: Universiti Utara Malaysia. 2006.

Kamus Bahasa Melayu Nusantara. Ed. 1. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003.

Khursid Ahmad, Ismail R.Al-Faruqi, Muhammad Rasyidi, *Da’wah Islam dan Missin Kristen*. Bandung: Penerbit Risalah, 1984.

Koentjoroningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat,* Jakarta: Gramedia, 1997.

Louis Gottschalk, *Understanding History: A Primer of Historical Method*, terj. Nugroho Notosusanto, Jakarta: Universiti Indonesia Press, 1986.

M. Ābḍūllāḥ Ṣyārqāwy, Yesus Dalam Pandangan Al-Ghazali, terj. Drs. Hasan Abrori MA. Rīyāḍḥ: Pustaka Da’i, 1994.

M. Arsyad Thalib Lubis (tt), *Pembelaan Islam Terhadap Tantangan Atheisme Komunisme.* Medan: Firma Islamiyah.

_____, “*Debat Islam dan Kristen Tentang Kitab Suci*, ed.1. (Medan: Dakwah Islam, 1968).

_____. “*Perbandingan Agama Kristen dan Islam”,* Kuala Lmpur: Melayu Baru, 1982.

M. Hasballah Thaib MA, *Universitas Al-Washliyah Medan, Lembaga Pengkaderan Ulama Di Sumatera Utasra*. Medan: Universitas Al-Washliyah, 1993.

_____, "*Manusia Dalam Pandangan H. M. Arsyad Thalib Lubis*. Medan: Fakultas Tarbiyah Universitas Al-Washliyah, 1997.

_____. "*Syeikh H. M. Arsyad Thalib Lubis, Pemikiran Dan Karya Monumental ".* Ed. 1. Medan: Perdana Publishing, 2012.

M. Isa Anshary, *Mudjahid Da'wah,* Bandung: CV. Diponegoro, 1994.

M. Natsir, *Fiqhud Da'wah.* Ed. 2. Djakarta: Madjalah Islam Kiblat, 1969.

_____. "*Fiqhud-Da'wah",* Ed.1. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1980.

_____. "*Fiqhud Da'wah".* Jakarta: Media Dakwah, 1983.

Mahmud Junus, *Sedjarah Pendidikan Islam***.** Jakarta: Pustaka Mahmudiah, 1960.

Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara.* Medan: Majlis Ulama Daerah Sumatera Utara, 1983.

Majlis Ulama Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-Ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1982.

Masyur Amin, *Dakwah Islam dan Pesan Moral*. Yogyakarta: Al- Amin Press, Kompleks IAIN E-5, 1997.

Miskiah, *Ulama Dan Keterlibatannya Dalam Pendidikan Islam Di Kecamatan Kotanopan (Kasus Syeikh Musthafa Husein Purba Baru* ,Tesis Sarjana Muda Fakulti Tarbiyah IAIN, Padangsidimpuan: IAIN Sumatera Utara, 1991.

Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Roslizawati Ramli, Marina Munira Abdul Mutalib, *Intelektualisme dan Da'wah Masa Kini.* Kuala Lumpur: Fakulti Kepimpinan dan Penggurusan, KUIM, 2003.

Mūḥāmmāḍ Ābū Ẓāīḍ, *Āṣṭār Ẓūrūf āl-Nāfṣīyāḥ wā āl-Īj̱ṭīmā'īyyāḥ fī ṣūlūk āl-Ḍā'īyāḥ.* Meṣīr: Ālmānṣūrāḥ Ṣy,m,m, Mākṭābāḥ āl-Wāfāq, 1992.

Āl-Mūnjīḍ fī āl-Lūqḥāḥ wā āl-Āḍāb wā āl-'Ūlūm, eḍ. Ke-17. (Bāīrūṭ: Māṭbā'āḥ āl-Kāṭolīkīāḥ, 1956).

Mūṣlīm bīn Āl-Ḥājjāj Ābū āl-Ḥūṣāyn āl-Nāyṣābūrī, *Ṣāḥīḥ Mūṣlīm bī Ṣḥārḥ āl-Nāwāwī.* Kāḥerāḥ: Ḍār Ībnū Jāūẓī, 2001.

Mustafa bin Haji Daud, *Pengantar Masyarakat Islam.* Ed. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990.

Mūṣṭāfā Māṣyūr, *Jalan Da'wah Antara Keaslian Dan Penyelewengan,* terj. Mohd. Yusuf Ismail. Ed. 1. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 1986.

Musthafa Kamal Pasha B. Ed dan Ahmad Adaby Darban SU, *Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam.* Ed. 1. Yogyakarta: Citra Karsa Mandiri, 2005.

Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Ketiga, 2000.

Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, *Risalah Seminar* Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia. Kuala Lumpur: Pustaka Raya & Perpustakaan Universiti Malaya, 1963.

Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat I Sumatera Utara, *Sejarah Perkembangan Pemerintahan Daerah Tingkat I Sumatera Utara.* Medan: Pemda Sumatera Utara, 1994.

Pendidikan dan Kebudayaan, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, 1995.

Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 abad, Ed. 1. Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955.

Al-Qur'an dan Terjemahannya, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an.* Ed. 13. (Malaysia: Dar Al-Kitab, 2002).

Raevas Simon, Philip Mattar, Richar W. Bulliet, *Encyclopedia of The Modern Middle East*, Jilid. 3. New York: Macmillan Reference USA, 1996.

Ramli Awang, *Syeikh Qadir Mandili (1910-1965M) biografi dan pendidikan Akhlak* (Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia Skuda'i, 2008.

Ramli Abdul Wahid, *Kristologi dan Dakwah di Indonesia* (dalam Jurnal Usuluddin, Medan, 2007.

Rosyidin, *Pokok-Pokok Ke Al-Washliyah.* Cetakan Kedua. Medan: Institut Keguruan Dan Ilmu Pendidikan Al-Washliyah, 1986.

Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah.* Ed. 1. Selangor: Polygraphic Press Sdn. Bhd, 1990.

Ruzain Syukur Mansor, *Dakwah dan Teknologi Maklumat.* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011.

Ṣā'īḍ Ḥāwwā, *Pengenalan Dakwah Ikhwan Muslimin,* terj. Mohd. Darus Senawi. Ed. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1985.

Ṣāyyīḍ Qūṭb, *Ṭāfṣīr Fī Ẓīlāl āl-Qūr'ān, Jīlīḍ ĪV.* eḍ. Ke-10. Bāīrūṭ: Ḍār āl-Ṣḥūrūq, 1982.

Al-Shaikh ‘Abdul Muhsin, *Syari’ah Islamiah Dan Orang-Orang Muslim*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1987.

Sheikh Abdul Halim Al-Kinani, *Dakwah Fardiyyah, Teori dan Praktikal.* Terj. MD. Nor Hamzah. Ed. Ke-2. Selanggor: Jundi Resources, 2001.

Slamet Muhaemin Abda, *Prinsip-Prinsip Metodologi Dakwah.* Ed. 1. Surabaya: Usaha Nasional, 1990.

Syahrin Harahap, *Penuntun Penulisan Karya Ilmiah Studi Tokoh Dalam Bidang Pemikiran Islam,* Medan : IAIN Press, 1995.

_____. “*Metodologi Studi Tokoh Pemikiran Islam”.* Medan: Istiqomah Media Press, 2006.

Syahrul AR-EL Hadidhy dkk, *Pendidikan Ke Al-Washliyahan,* Medan: Majlis Pendidikan dan Kebudayaan Al-Jam’iyatul Washliyah, 2005.

Syed Arabi Idid, *Kaedah penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial.* Kuala Lumpur: DBP, 2002.

Ṭīrmīḍḥī, Mūḥāmmāḍ bīn ‘Īṣā āl-Ṭīrmīḍḥī Ābū ‘Īṣā, *Ṭūḥfāḥ āl-Āḥwāḍḥī bī Ṣḥārḥ āl-Ṭīrmīḍḥī.* Kāḥerāḥ: Mākṭābāḥ Mūṣṭāfā āl-Bāb āl-Ḥālābī, 2001.

Teuku Iskandar, *Kamus Dewan.* Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Toha Yahya Omar, *Ilmu Dakwah*. Ed. Ke-5. Jakarta: Pustaka Wijaya, 1992.

Umar Hasyim, *Toleransi Dan Kemerdekaan Beragama Dalam Islam Sebagai Dasar Menuju Dialog Dan Kerukunan Antar Agama.* Surabaya: Bina Ilmu, 1979.

Wan Ahmad, *Sejarah Islam di Indonesia,* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1989).

Wan Suhaimi Wan Abdullah, Mohd Fauzi Hamat, *Konsep Asas Islam Dan Hubungan Antara Agama.* Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM, 2007.

www.bps.go.id. Sp2010.bps.go.id, Sensus Penduduk 2010 Provinsi Sumatera Utara.

Yūṣūf Āl-qārḍḥāwī, *Tazkirah Para Pendakwah,* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2000.

Ẓāīḍān Ābḍ āl-Kārīm, *Ūṣūl āl-Ḍā’wāḥ,* terj. H.M. Asywadi Syukur. Ed. 1. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1982.

Zaidatun Tasir & Salleh Abu, Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows. Kuala Lumpur: Venton Publishing Sdn. Bhd, 2003.

LAMPIRAN A: **Surat-surat**

LAMPIRAN B: **Gambar-gambar**



Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis

Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan anggota pengurusan Al-Jam'iyatul Washliyah dengan Presiden pertama Indonesia

Gedung Pimpinan Wilayah Al-Jam'iyatul Washliyah

Gedung Pimpinan Wilayah JBMI (Jemaat Batak Muslim Indonesia) Medan Sumatera Utara

Gedung PBI (Persatuan Batak Islam) Medan Sumatera Utara

Gedung Sekretariat JBMI Medan Sumatera Utara

Senarai Pimpinan JBMI Medan Sumatera Utara

Temubual dengan Prof. Dr. H. M. Hasballah Thaib (salah seoarang murid Syeikh)

Temubual dengan Dr. H. Abdullah AS (salah seoarang murid Syeikh)

Temubual dengan Ust Nizar Syarif (murid kesayangan Syeikh, beliau mantan ketua Al-Jam'iyatul Washliyah Sumatera Utara)

Temubual dengan Bapak Kamidin Situmorang (Ketua Yayasan Al-Jam'iyatul Washliyah Ismailiyah Medan, yang asalnya bukan Muslim kemudian memeluk Islam serta belajar dengan Syeikh)

LAMPIRAN C: Borang Soal Selidik

Borang soal selidik ini mengandungi dua bahagian.
Bahagian A berisi tentang maklumat yang berkaitan dengan responden.
Bahagian B berisi maklumat tentang respons dan tanggapan mereka terhadap dakwah yang disampaikan oleh Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis.

BAHAGIAN A:

1. Apa yang menyebabkan anda menjadi penganut Islam?
(a) Sebab belajar Islam (b) Keturunan (c) Perkahwinan (d) Pengaruh kawan
2. Sudah berapa lama anda menganut agama Islam?
(a) Kurang dari 5 tahun (b) Lebih dari 5 tahun (c) Kurang dari 10 tahun (d) Lebih dari 10 tahun.
3. Siapakah yang mendorong anda memeluk agama Islam?
(a) Diri anda sendiri (b) Keluarga (c) Tetangga (d) Kawan-kawan
4. Apakah anda sebelumnya mempunyai keinginan untuk menganut agama Islam? (a) Ya (b) Tidak (c) Was-was (d) Tidak pasti
5. Apakah anda dalam keadaan sedar, ketika menerima agama Islam?
(a) Sedar (b) Tidak sedar (c) Terpaksa (d) Ikut-ikutan

BAHAGIAN B:

1. Bagaimana tanggapan anda tentang dakwah Syeikh Muhammad Arsyad Thalib Lubis?
(a) Amat berkesan (b) Berkesan (c) Kurang Berkesan (d) Tidak Berkesan.

2. Apakah anda senang mendengar perbincangan Syeikh tentang dialog dan debat antara agama yang beliau laksanakan?
(a) Amat senang (b) Senang (c) Kurang Senang (d) Tidak Senang.

3. Apakah anda tertarik dengan perbincangan Syeikh ?
(a) Amat tertarik (b) Tertarik (c) Kurang tertarik (d) Tidak tertarik

4. Apakah anda suka dengan metode dakwah syeikh melalui debat antara agama
(a) Amat suka (b) Suka (c) Kurang suka (d) Tidak suka

5. Apakah anda dalam keadaan sedar tanpa paksaan ketika mendengar penjelasan Syeikh tentang Islam?
(a) Amat sedar (b) Sedar (c) Kurang sedar (d) Tidak sedar

LAMPIRAN D: Borang Panduan Temubual

A. PANDUAN TEMUBUAL DENGAN SAHABAT DAN MURID-MURID SYEIKH MUHAMMAD ARSYSD THALIB LUBIS

1. Sejak bila Syeikh mula berdakwah kepada non Muslim suku Batak?

   .....

   .....

2. Mengapa Syeikh memilih daerah Batak di sekitar Medan Sumatera Utara sebagai tempat untuk berdakwah?.....

   .....

3. Dalam berdakwah kepada golongan non Muslim terutama umat Kristian, metode apa yang sering digunakan beliau?
   .....

   .....

4. Dalam dialog antara agama yang beliau adakan, biasanya apa sahaja materi yang beliau sampaikan?.....

   .....

5. Apa sahaja rintangan dan halangan yang dihadapi beliau selama berdakwah terhadap penganut agama Kristian, khususnya yang bersuku Batak?.....

   .....

B. LAMPIRAN INTERVIEW DENGAN NON MUSLIM SUKU BATAK YANG SUDAH MEMELUK AGAMA ISLAM (MUALAF)

1. Nama : .....

2. Umur : .....

3. Alamat : .....

   .....

4. Sudah berapa tahun anda menganut agama Islam?.....

.....

5. Selama anda menganut Kristian, Apakah anda pernah menghadiri ceramah Syeikh?.....

.....

6. Berapa kali anda menghadiri ceramah beliau?.....

.....

7. Mengapa anda menghadiri ceramah itu?.....

.....

8. Apa yang paling menarik daripada isi kandungan ceramah yang disampaikan oleh Syeikh? .....

.....

9. Apakah cara yang paling anda sukai dalam dakwah beliau?.....

.....

10. Setelah banyak menghadiri program dakwah beliau, apakah yang anda rasakan?.....

.....

11. Apakah anda merasa berminat terhadap agama Islam, selepas anda mendengar penjelasan Syeikh tentang Islam?.....

.....

12. Menurut pandangan anda, apakah ada manfaat menghadiri ceramah yang disampaikan oleh Syeikh?.....

.....